DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA
KHAMIS, JUMAAT, SABTU, AHAD, SELASA, RABU DAN KHAMIS,
23, 24, 25, 26, 28, 29, DAN 30 REJAB 1443 BERSAMAAN
24, 25, 26, 27, FEBRUARI DAN 1, 2 DAN 3 MAC 2022

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dewan Majlis BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

Cetakan Pertama 2022

1. LAPORAN PENUH (HANSARD) MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA 1443 / 2022

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)

BRUNEI Darussalam. Majlis Mesyuarat Negara.
Laporan penuh (Hansard) : mesyuarat pertama dari musim permesyuaratan kelapan belas Majlis Mesyuarat Negara 1443/2022.
-- Bandar Seri Begawan : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, 2022.
425 pages : 25 cm.
ISBN 978-99917-987-6-9 (paperback)
1. Legislative Counclis 2. Legislative bodies -- Brunei Darussalam -- Congresses 3. Brunei Darussalam -- Politics and Government -- Congresses I. Title

328.595504 BRU (DDC 23)

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis

Dayang Siti Ajeerah binti Najib
Pegawai Perhubungan Awam

Yang Mulia Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd. Yassin
Pegawai Tugas-Tugas Khas

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH
(HANSARD)

Penyusun
Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim
Awang Norhakimin bin Nordin
Dayang Susilawati binti Saie

Penyemak
Awang Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail
Dayangku Aqilah Nursyahidah binti Pg Roslan
Awang Haji Omar bin Tunjang

Pemberita Sambilan

Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin
Dayang Fatimah binti Bungsu
Awang Azmy bin Untong
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail
Dayang Nuraliza binti Haji Jamaluddin
Awang Azmy bin Untong
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit
Pengiran Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar
Dayang Malini binti Jamali
Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim
Dayang Salamah binti Haji Saidil
Dayang Siti Nurulidayah binti Haji Jafri
Dayang Nor Hafizah binti Rahim
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar

Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail,
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman
Dayang Sarinah binti Haji Ali
Dayang Hajah Jaranah binti Haji Kula
Dayang Norledyana binti Haji Badar
Awang Ismail bin Bahrin

Catatan harian (Logbook)

Awang Judin bin Haji Mohiddin
Dayang Syazatul Asyiqin binti A. Rahman

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 23 Rejab 1443 / 24 Februari 2022	
1.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	**PERKARA I** – Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	4
4.	**PERKARA II –**Mengesahkan Minit	5
5.	**PERKARA III**– Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibniAl-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	5
6.	Doa Selamat	8
	Hari Jumaat, 24 Rejab 1443 / 25 Februari 2022	
7.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	9
8.	Doa Selamat	12
9.	**PERKARA IV – KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO.1 TAHUN 2022 – SENARAI PERINTAH – PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2021 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	13
10.	**PERKARA IV –KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO.2 TAHUN 2022 – ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN, 2022/2023**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	14
11.	**PERKARA V – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**	
	Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	14
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	17
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	18

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	21
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	23
	Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	25
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	28
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	29
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad	31
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	33
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari	36
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	38
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	41
	Yang Berhormat Awg Hj Emran bin Haji Sabtu	42
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	45
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	48
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	51
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	52
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	54
	Hari Sabtu, 25 Rejab 1443 / 26 Februari 2022	
12.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	58
13.	Doa Selamat	61
14.	**PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2022) PERBEKALAN, 2022/2023**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	62

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	89
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	89
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	90
	Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	91
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	93
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	94
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	96
	Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	97
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	98
	Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	99
15.	**Bab 2, Ceraian (1) dan (2)**	
16.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI Tajuk SC01A**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	101
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	106
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	107
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	107
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	108
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	109
17.	**JABATAN PERDANA MENTERI Tajuk SA01A hingga Tajuk SA26A**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	110

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	117
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	118
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	120
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	120
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	121
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	122
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	122
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	124
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	124
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	125
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	125
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	126
	Hari Ahad, 26 Rejab 1443 / 27 Februari 2022	
18.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	128
19.	Doa Selamat	131
20.	**SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2022) PERBEKALAN, 2022/2023**	
21.	**KEMENTERIAN PERTAHANAN** **Tajuk SB01A dan Tajuk SB04A**	
	Yang Berhormat Menteri Pertahanan II	132

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT

22.	**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI** **Tajuk SD01A hingga Tajuk SA09A**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	140
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	142
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	143
	Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	145
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	146
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	148
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	148
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad	149
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	150
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	150
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	151
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	152
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	152
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad	154
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	154
23.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI** **Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	155

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	161
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	161
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	162
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	163
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	163
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	164
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	165
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	166
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	167
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	167
24.	**KEMENTERIAN PENDIDIKAN** **Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A**	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	169
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	177
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	178
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	179
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	180
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	181
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	182
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	183
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	183
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	184

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	185
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	186
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	186
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	187
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	187
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	188
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	189
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	190
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	191
25.	**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Tajuk SH01A hingga Tajuk SH04A**	
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	192
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	199
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	199
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	200
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	201
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	201
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	201
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	202
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	203
26.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Tajuk SJ01A**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	204

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Selasa, 28 Rejab 1443 / 1 Mac 2022	
27.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	208
28.	Doa Selamat	211
29.	**SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2022) PERBEKALAN, 2022/2023**	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A	
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	212
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	212
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	213
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	214
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	215
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	215
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	217
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	218
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	221
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	221
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	221
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	221
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	222
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	223
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	224
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	225
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	227
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	227
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	228

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	228
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	229
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	230
30.	**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN** **Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A**	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	231
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	243
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	244
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari	244
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	245
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun	245
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	246
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.	247
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	247
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	247
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	248
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	249
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	249
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	251
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	251
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	252
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	254
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	256
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	256

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
31.	**KEMENTERIAN KESIHATAN** **Tajuk SM01A**	
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	258
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	270
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	271
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	272
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	272
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	273
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	274
	Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	274
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	275
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	275
32.	**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** **Tajuk SL01A hingga SL06A**	
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	276
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	288
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	288
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	290
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	291
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	292
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	293
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	294
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	296

KANDUNGAN	MUKA SURAT

BIL. Hari Rabu, 29 Rejab 1443 / 2 Mac 2022

Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 300

Doa Selamat 303

33. **SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2022) PERBEKALAN, 2022/2023**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI SN01A hingga Tajuk SN09A

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 304

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad 312

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 313

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari 314

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 314

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput 315

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 316

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin 316

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 317

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu 319

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 318

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman 320

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 321

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii. 322

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 323

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II 324

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
34.	**KEMENTERIAN TENAGA** **Tajuk SQ01A dan Tajuk SQ02A**	
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	327
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	333
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	333
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	334
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	334
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	335
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	335
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	336
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	337
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	338
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	338
35.	**Tajuk SP01A - KEMAJUAN**	
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.	340
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	340
	Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	340
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	342
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	342
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	344

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 30 Rejab 1443 / 3 Mac 2022	
36.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	346
37.	Doa Selamat	349
38.	**PERKARA VII– KETETAPAN**	
39.	**SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2022/2023 DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU (Bacaan Kali Ketiga)**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	350
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	351
40.	**KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	351
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	352
41.	**KETETAPAN DI BAWAH BAB 4 CERAIAN 2 DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGGAL 136)**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	353
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	354
42.	**PERKARA VIII – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	354
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.	359
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	361
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	365
	Yang Berhormat Menteri Pertahanan II	367

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.	370
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad	371
	Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.	374
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	376
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari	377
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	379
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.	381
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	384
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	386
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	388
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput	390
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	392
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	395
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	398
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	400
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.	401

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 23 Rejab 1443 / 24 Februari 2022

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **Tidak Hadir (Arahan kuarantin)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam. **Tidak Hadir (Arahan kuarantin)**

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.
Tidak Hadir (Arahan kuarantin)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.
Tidak Hadir (Arahan kuarantin)

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.
Tidak Hadir (Arahan kuarantin)

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ marilah kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan mengambil kira situasi wabak *COVID-19* yang masih kita hadapi pada masa ini, kita akan terus mengekalkan dan mematuhi peraturan serta garis panduan yang disediakan dan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan. Ke arah itu, Mesyuarat

Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara perlu segera menyelesaikan perkara-perkara di hadapan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara II - Meneliti dan Mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 11 hari bermula 1 hingga 11 Syaaban 1442 bersamaan 15 hingga 25 Mac 2021 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat di hadapan kita Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun dikelilingkan lebih awal kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat berkesempatan untuk meneliti sepenuhnya minit mesyuarat tersebut. Maka, saya ingin memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua jika ada yang ingin memberikan pendapat atau pindaan terhadap minit berkenaan. Saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat kenyataan. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat sebarang kenyataan atau pindaan. Maka, saya membuat kesimpulan isi kandungan Minit Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas yang telah bersidang selama 11 hari itu betul dan saya luluskan. Sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Maka bagi membolehkan majlis ini menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke majlis ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dulu. Sekian, وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI KHAMIS, 23 REJAB 1443 BERSAMAAN 24 FEBRUARI 2022 BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَبَعْدُ.

Kita bersyukur kerana dapat berkumpul pada pagi ini untuk menghadiri Majlis Pembukaan Persidangan Bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis Mesyuarat Negara sebagaimana pernah Beta titahkan merupakan adalah wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara.

Persidangan Majlis pada kali ini akan membincangkan Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023. Rang ini telah pun ditunduki bersama-sama dengan kementerian-kementerian berkenaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara. Oleh itu, semua projek yang disenaraikan sudah tentu mendukung perancangan strategik setiap kementerian dan jabatan yang berkenaan.

Beta ingin mengingatkan bahawa kewangan negara hendaklah dikendalikan dengan berhemah dan berdisiplin. Setiap Pegawai Pengawal yang dilantik hendaklah memahami perkara ini bahawa mereka diminta untuk mematuhi peraturan - peraturan kewangan yang ada, tidak menggunakan kuasa berbelanja secara sewenang-wenang. Luruskanlah tadbir urus masing-masing mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

Mengenai Peraturan Kewangan, beta telah pun memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan) 2022 dan Peraturan-Peraturan Kewangan 2022 yang akan mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

Sedikit mengenai isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Beta mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023. Dalam pada itu, beta sukacita menekankan bahawa segala persiapan sebelum pelaksanaannya hendaklah dilaksana-kan dengan teratur, antaranya pindaan kepada akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan termasuk pemberigaan. Apa yang penting bagi mereka yang dalam skim ini ialah, untuk memahami berkenaan dengan skim persaraan baharu yang dimaksudkan.

Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN-11) akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022/2023. Ini bererti Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) akan bermula pada bulan April 2023, di mana pada masa ini

Sekretariat Rancangan Kemajuan Negara di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang giat menyediakan peta jalan bagi projek-projek yang akan dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) nanti. Peta jalan ini menerapkan kaedah *Whole of Government* yang melibatkan semua kementerian, sebagai usaha untuk memastikan Wawasan Negara 2035 tercapai.

Sejak gelombang kedua wabak koronavirus melanda negara ini, Kerajaan Beta telah menghulurkan bantuan kepada Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana, dengan tujuan mengurangkan pekerja-pekerja diberhentikan. Manakala bagi golongan pekerja sektor swasta yang terkesan pula, bantuan kewangan juga dihulurkan untuk kelangsungan hidup seharian mereka.

Antara perkara yang menjadi pengajaran berikutan penularan wabak ini ialah mengenai jaminan makanan *(food security).* Berikutan dengan beberapa sekatan perjalanan yang masih dilaksanakan oleh sebahagian negara, maka langkah ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kemasukan barang-barang makanan dan sekali gus menjadikan harga barangan dan kadar inflasi tinggi.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari menerima kesan yang sama. Namun أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ beta difahamkan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang aktif melaksanakan tindakan pemantauan harga, sebagai langkah memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan pada paras yang tidak dibenarkan.

Semua orang tahu bahawa pendapatan negara masih bergantung pada hasil minyak dan gas. Namun usaha-usaha mengembangkan ekonomi bagi mengurangkan kebergantungan ini telah pun mula menampakkan hasilnya, berupa jumlah *export Refined Fuel* melalui projek Pelaburan Langsung Asing dari bulan Januari 2021 hingga November 2021 bernilai USD 4.9 bilion. Di samping itu juga, projek *Brunei Fertilizer Industry* telah pun mengeksport 6,200 tan metrik baja urea pada 3 haribulan Februari 2022.

Dengan kemasukan Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, sudah setentunya akan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada orang-orang dan syarikat-syarikat tempatan. Ini semua memberi faedah signifikan kepada negara, termasuk menambahkan hasil pendapatan.

Sementara itu, usaha meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian agrimakanan, perikanan dan ternakan sedang diaktifkan. Beta mengambil maklum bahawa perkara ini sedang dilaksanakan oleh kementerian berkenaan dengan meningkatkan keluaran dari sektor pertanian dan perikanan. Pengeluaran beras tempatan pada khususnya juga sudah mula menampakkan hasilnya

dengan produktiviti peningkatan kapasiti *rice milling.* إِنْ شَاءَ ٱللهُ dengan terlaksananya projek ini nanti akan membantu para petani untuk lebih fokus kepada penanaman padi masing-masing.

Akhirnya, Beta berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersedia memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dan walang demi kebaikan semata-mata. Adapun negara memang sentiasa menunggu idea bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Beta mahu supaya digunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki. Inilah 'moto' persidangan kali ini, Beta ucapkan selamat bersidang.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Ahli Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. Ahli-Ahli Yang Berhormat, lebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah dan keizinan daripada-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah berkenan mengurniakan titah.

Maka bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat untuk bergambar ramai bersama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya untuk meninggalkan bangunan ini. Maka, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Jumaat, 24 Rejab 1443 bersamaan dengan 25 Februari 2022, pada pukul 2.30 petang. Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Jumaat, 24 Rejab 1443 / 25 Februari 2022

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(**Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang)**

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيِم Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kedua, 24 Rejab 1443 bersamaan 25 Februari 2022, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: أَلْحَمْدُ لِلهِ, kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul hadir pada petang ini untuk bersidang dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم , kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan rahmat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua, pada sebelah pagi semalam, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat

selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis ini sepenuhnya ingin menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya dan menjunjung tinggi atas keberangkatan baginda bercemar duli dan atas titah yang dikurniakan oleh baginda itu. Antara lain, baginda telah menyentuh mengenai berbagai-bagai usaha dan inisiatif kerajaan baginda dalam memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, seperti halnya dengan pelaksanaan Skim Persaraan Baharu pada tahun 2023, Pelaburan Langsung Asing yang telah dapat membukakan peluang-peluang pekerjaan dan menambah hasil pendapatan negara serta usaha-usaha untuk meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan.

Keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga jelas dilihat dari segi bantuan yang dihulurkan kepada individu dan sektor yang terkesan akibat wabak *COVID-19* .

Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan dapat memberikan ulasan dan pandangan serta meneliti sepenuhnya kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, dalam membahaskan Usul-Usul Yang Diberi Notis dalam Perkara V.

Saya telah difahamkan bahawa ada beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga akan menghadiri mesyuarat pada petang ini secara dalam talian atau secara *virtual* oleh sebab keadaan yang dihadapi oleh mereka masing-masing. Ahli-Ahli Yang Berhormat tentu mengetahui dan merasakan bahawa kita masih lagi ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dengan seberapa segera yang boleh. Maka saya kira kita berpindah kepada perkara yang lain.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara IV, Kertas-kertas yang dibentangkan di atas meja. Kertas No. 1 Tahun 2022 oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2022 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2021 menurut Fasal 83 dari

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2022 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola dengan segala hormatnya memohon izin kepada Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2, Tahun 2022 iaitu Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam Tahun 2021 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Oleh yang demikian, saya memberikan izin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk membawa dan membentangkan kertas-kertas yang dimaksudkan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara V. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ أَلْحَمْدُ لِلهِ Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم , sahabat dan kerabat Baginda serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya jua kita dapat hadir pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini أَلْحَمْدُ لِلهِ telah selamat disempurnakan kelmarin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu di Dewan yang mulia ini saya sukacita mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 haribulan Rejab 1443 Hijrah bersamaan dengan 24 haribulan Februari 2022 Masihi".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagaimana yang kita telah saksikan kelmarin titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah bernas serta mengandungi banyak pedoman untuk kita jadikan panduan dan rujukan. Ia jelas mencerminkan kebijaksanaan, pandangan jauh dan keprihatinan baginda yang amat mendalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sepertimana kita sedia maklum, antara agenda utama persidangan ini pada setiap tahun adalah meluluskan Rang Belanjawan Negara selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia setiap kementerian dan jabatan khususnya pegawai-pegawai pengawal bertanggungjawab untuk memastikan segala perbelanjaan dilaksanakan secara berhemah dan mengikut peraturan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Salah satu perkara yang terus mendapat perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah jaminan keselamatan sosial khususnya semasa zaman persaraan. Dalam hubungan tersebut, satu kajian berkaitan dengan Skim Tabung Amanah Pekerja telah selesai dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan mula dilaksanakan pada tahun 2023. Dalam masa yang sama usaha-usaha untuk mempromosikan program-program pengurusan kewangan peribadi dan budaya menabung hendaklah diteruskan.

Dalam usaha ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, pelbagai inisiatif dan projek telah dan sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan. Kejayaannya memerlukan sokongan dan komitmen padu daripada semua pihak termasuk sektor awam, swasta dan orang ramai. Ia juga memerlukan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* agar segala projek, dasar dan pembaharuan yang dilaksanakan itu memenuhi keperluan semua pihak. Salah satu strategi ke arah mencapai wawasan tersebut ialah dengan memperkembangkan

ekonomi negara melalui kepelbagaian hasil. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ projek-projek Pelaburan Asing *(FDI)* yang dilaksanakan beberapa tahun yang lalu sudah mula menampakkan hasil dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ akan terus berkembang.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam syarikat-syarikat dan para pencari kerja tempatan terutama lepasan sekolah diseru untuk merebut peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang terjana dari projek-projek tersebut dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kemunculan wabak *COVID-19* telah menimbulkan pelbagai cabaran baharu dan sekali gus mengubah cara kita berinteraksi, bekerja, berniaga, belajar dan sebagainya. Meskipun sedemikian salah satu yang diperolehi daripadanya ialah kepesatan transformasi digital yang membolehkan kita terus melakukan aktiviti-aktiviti tersebut dalam keadaan norma baharu.

Dalam membantu pihak-pihak yang terkesan, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pelbagai inisiatif dan bantuan telah dihulurkan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Ini termasuk bantuan kepada Perusahaan-Mikrokecil dan Sederhana, bantuan kewangan bagi pekerja-pekerja swasta dan bantuan berupa peralatan pembelajaran seperti komputer untuk para pelajar.

Dalam hubungan ini, perkhidmatan *internet* yang pantas dan *reliable* adalah penting bagi memastikan tidak ada pihak yang ketinggalan. Kita juga telah melihat bagaimana penularan wabak *COVID-19* ini telah menjejaskan bekalan makanan di merata dunia termasuklah negara kita sendiri.

Isu keselamatan bekalan makanan *(food security)* adalah salah satu isu yang perlu terus diberikan perhatian dan keutamaan kerana ia merupakan keperluan asasi bagi kelangsungan hidup. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ usaha-usaha untuk meningkatkan penghasilan dan pengeluaran makanan khususnya dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan ke arah mencapai tahap sara diri *(self-efficiency)* dilaksanakan dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ akan mendatangkan hasil yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya sukacita menyeru kepada seluruh rakyat dan penduduk khususnya warga perkhidmatan awam dan sektor swasta untuk melipatgandakan usaha masing-masing dalam mendukung kepimpinan dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Marilah kita berdoa ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja baginda dan seluruh rakyat dan penduduk Negara

Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan sihat walafiat, aman damai dan sejahtera serta dalam rahmat dan perlindungan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Kita telah mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Sebelum perkara ini kita bukakan untuk dijelaskan saya meminta supaya ada Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan sebentar tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah membentangkan satu Usul bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara iaitu pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Kenyataan Usul itu telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Usul itu begitu jelas sekali dibentangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya kira adalah sesuai sekarang Usul ini dibukakan untuk dibahas oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada beberapa orang ahli yang suka untuk turut serta membahaskan Usul tersebut. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan harapan supaya kita dapat menyelesaikan perkara ini secepat-cepatnya. Maka, biarlah kenyataan-kenyataan itu tepat dan tidak memakan masa yang panjang.

Maka dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari untuk memulakan perbincangan ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّد،

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini dengan hormat dan penuh takzim menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan pengurniakan titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022. Daripada beberapa banyak kurnia titah baginda yang sangat signifikan sehinggakan memberikan semangat yang tinggi bagi kaola memetik beberapa titah baginda dalam Usul Menjunjung Kasih dalam permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pertama kaola mengambil petikan titah yang berbunyi:

"…Majlis Mesyuarat Negara, sebagaimana pernah beta titahkan, adalah merupakan wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara…."

Dari petikan titah ini kaola mengusulkan Negara Brunei Darussalam melaksanakan pemerkasaan ekonomi belia melalui latihan kemahiran jaminan pekerjaan. Salah satunya dengan bekerja sendiri menjalankan perusahaan adalah suatu pekerjaan, maka supaya belia muda ini diberikan kemudahan modal perniagaan awal (*start-up business*) mikro sekurang-kurangnya $30,000.00 hingga ke $50,000.00. Kemudahan kewangan mikro dengan jaminan kemahiran yang diperolehi melalui latihan yang diperolehi di pusat-pusat latihan seperti *IBTE*, Pusat Pembangunan Belia dan lain-lain. Maka dengan memperkasa belia selaku aset negara adalah suatu langkah masa depan negara, mereka tidak boleh cacat atau susut nilai. Jika aset cacat atau susut nilai, maka itu, bukan lagi bernama aset.

Kaola juga ingin membahaskan perkara kedai runcit yang dikuasai oleh warga asing yang sudah dibangkitkan pada perjumpaan bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada tahun 2021 dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pun bersetuju dan mengatakan perkara ini adalah masalah nasional. Persoalannya sejauh mana pihak tertentu membuat perancangan bagi mengatasi perkara ini dan bila ia akan dilaksanakan dan bila

sepatutnya *target* pelaksanaan ini berjaya.

Dan seterusnya kaola memetik titah:

"…Dengan kemasukan Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, sudah setentunya akan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada orang-orang dan syarikat-syarikat tempatan. Ini semua memberi faedah signifikan kepada negara, termasuk menambahkan hasil pendapatan…"

Kaola menyokong penuh titah berkenaan bagi negara menerima baik pelaburan-pelaburan asing yang mendatangkan faedah dan manfaat sepertimana kurnia titah di atas. Melalui *FDI* kita perlu memperkasa perniagaan tempatan yang dikelolakan dan dijalankan oleh pengusaha Brunei.

Kaola ingin mengusulkan supaya pendaftaran syarikat kecil sendirian berhad yang tidak mencapai Akta Cukai Pendapatan Korporat di*review* semula. Maka kaola mengusulkan supaya sosioekonomi rakyat diutamakan dengan membuat reformasi syarikat sendirian berhad yang tidak mencapai ke tahap Akta Cukai Pendapatan Korporat supaya di*review* semula supaya tidak direbuti oleh warga asing yang menjadikan bangsa kita terpinggir.

Seterusnya kaola memetik titah yang berbunyi:

"…sementara itu, usaha meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan sedang diaktifkan. Beta mengambil maklum bahawa perkara ini sedang dilaksanakan oleh kementerian berkenaan dengan meningkatkan keluaran dari sektor pertanian dan perikanan. Pengeluaran beras tempatan pada khususnya, juga sudah mula menampakkan hasilnya dengan produktiviti peningkatan kapasiti *rice milling*. إِنْ شَاءَ ٱللهُ dengan terlaksananya projek ini nanti akan membantu para petani untuk lebih fokus kepada penanaman padi masing-masing...".

Kaola mengambil kesempatan, penubuhan Persatuan Peladang Pertanian Brunei (PPPB) juga suatu usaha memperkasa agribisnis, maka diusulkan kemudahan pinjaman kewangan modal awal (*start - up business*) dipermudahkan khusus bagi pengusaha agribisnes, kerana bidang agribisnes adalah suatu usaha yang dianggap oleh agensi kewangan sebagai *high-risk business*. Makanya usaha memajukan dalam bidang sangat memerlukan sokongan dari agensi-agensi kewangan yang ada.

Petikan titah seterusnya berbunyi,

"Akhirnya, beta berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersedia memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dan walang demi kebaikan semata-mata. Adapun negara, memang sentiasa menunggu idea bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat."

Kita sama-sama menjunjung harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti petikan titah di atas, maka kita jangan mengambil "resmi daun keladi, ambil resmi padi berat menunduk penuh bertunas". Cipta 'calak' Brunei. Peneraju agensi kewangan harus 'calak' Brunei yang benar-benar tahu dan memahami keperluan rakyat ke arah memperkasa ekonomi bangsa.

Kita berkawan bukan berlawan, wujudkan solusi berpandukan titah, laksanakan *succession planning* dalam syarikat *GLC,* supaya peluang anak Brunei lebih luas mendapatkan pekerjaan.

Titah seterusnya:

"…beta mahu, supaya digunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki. Inilah 'moto' persidangan kali ini. Beta ucapkan selamat bersidang…".

Mengambil sukut kurnia titah di atas kaola suka mengusulkan supaya rakyat Negara Brunei Darussalam dikurniakan satu anugerah bagi yang menyumbang dalam bidang ekonomi, sedangkan warga asing yang menyumbang ekonomi diberikan status Penduduk Tetap yang tidak bertempoh.

Juga kaola mengambil kesempatan ini mengusulkan supaya Negara Brunei Darusssalam mempunyai akses kemudahan pembayaran langsung (*direct payment)* bagi belia yang ingin berkecimpung sebagai *YouTubers*. Di negara kita diketahui banyak *YouTubers* asing yang mendapat faedah dari aktiviti ini. Peluang pasaran adalah luas kerana dunia maya tiada sempadan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka mengambil berkat sempena pada bulan sambutan perayaan Hari Kebangsaan ini, memetik kurnia titah Pemasyhuran Kemerdekaan pada 1 Januari 1984 dan mengambil beberapa perkara signifikan daripada kurnia titah 38 tahun yang lalu. Walaupun titah ini sudah berpuluh tahun tidak akan lapuk dek zaman yang berbunyi:

"…dan bahawasanya Negara Brunei Darussalam adalah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubungan-perhubungan perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah dipersetujui bahawa perhubungan-perhubungan luar negeri menjadi tanggungjawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland…".

Dari titah ini, menunjukkan kepimpinan terdahulu awal-awal lagi memikirkan kebajikan dan kepentingan rakyat dan generasi penerus bangsa dan dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan usaha berkebajikan ini.

Dan titah seterusnya berbunyi:

"…dan bahawasanya satu perlembagaan yang digelar Perlembagaan Negara Brunei 1959, telah dimasyhurkan oleh Sultan sebelum beta, iaitu Maulana Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-28 dan menurutnyalah kerajaan negara ini disusun dan ia adalah menjadi undang-undang yang tertinggi bagi kerajaan negara ini…".

Perlembagaan 1959 adalah hadiah terbesar kepada bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang patut sentiasa kita teliti dan dijadikan panduan dalam usaha memajukan negara dan bangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sebelum mengundur diri, kaola sekali lagi menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan merafakkan sembah dan doa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ supaya baginda dan ahli kerabat baginda dan rakyat Negara Brunei Darusssalam sentiasa dalam rahmat الله yang membawa kepada kebahagiaan فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Khabarnya Yang Berhormat akan membuat kenyataannya secara *virtual*.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kaola untuk menyampaikan sembah menjunjung kasih walaupun tidak dapat bersama secara fizikal pada waktu ini.

Lebih dahulu sukacita kaola dengan penuh hormat dan takzim menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan bercemar duli dan pengurniaan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Titah baginda sangat jelas memberi ingatan kepada kita semua bahawa persediaan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 yang hanya tinggal kira-kira 13 tahun saja lagi, perlu dirancang dengan rapi dan seawalnya untuk memastikan segala apa jua rancangan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berjalan lancar.

Penyediaan dan pelaksanaan infrastruktur di negara ini adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan yang telah pun banyak dilaksanakan di bawah projek yang dirancang dalam Rancangan Kemajuan Negara. Ini membuktikan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited ke arah pembangunan infrastruktur di negara ini. Ia telah memberi impak yang besar bukan sahaja dalam menaik taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini malahan juga sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Semua ini untuk memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa berterusan dan terjamin. Penyediaan peta jalan *(roadmap)* bagi projek-projek yang perlu dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 seperti yang disentuh di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu kaedah *Whole Of Nation Approach* dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai.

Kementerian Pembangunan akan sentiasa bersedia berkhidmat dalam mendukung pelaksanaan strategik setiap kementerian dan jabatan yang berkenaan dalam penyediaan pembangunan infrastruktur dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan sentiasa memastikan ianya dilaksanakan mengikut keutamaan, keperluan dan pemantauan yang rapi mengikut jadual yang ditetapkan.

Di samping itu juga, Kementerian Pembangunan menjunjung tinggi titah baginda mengenai penekanan baginda dalam perbelanjaan kewangan negara hendaklah dibuat secara berhemah dan berdisiplin dengan mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang ada dan tidak menggunakan kuasa untuk berbelanja sewenang-wenangnya serta mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

Titah baginda ini akan sentiasa menjadi panduan dan ingatan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam melaksanakan apa jua projek di bawah kementerian ini. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, pihak Kementerian Pembangunan akan terus berusaha bagi memastikan peruntukan yang diberikan adalah mengikut keutamaan kementerian dan selaras dengan Pelan

Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023. Pihak kementerian juga akan sentiasa me*review* dan meneliti semula mana-mana perkhidmatan yang perlu penambahbaikan agar ianya bertepatan dengan keperluan dan espektasi orang ramai. Pada hakikatnya, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur ini, tidak semua yang dapat dilaksanakan mengikut apa yang dirancang kerana banyak halangan dan cabaran yang perlu dihadapi. Tetapi melalui pengalaman serta mengambil pengajaran dari projek-projek yang telah dilaksanakan, ianya tidak akan menghalang bagi kita untuk meneruskan apa-apa jua rancangan pelaksanaan projek-projek yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Inilah masanya untuk kita mengemaskan apa yang belum kemas dan menambah baik apa yang perlu diperbaiki seperti yang disentuh dalam titah baginda semalam. Kementerian Pembangunan sentiasa mempunyai minda yang terbuka dan menerima apa jua cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan jua daripada orang ramai.

Akhir sekali, kaola ingin menyembahkan sekali lagi menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala apa jua usaha yang kita rancang dan laksanakan akan sentiasa mendapat rahmat dan pertolongan dari أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya akan Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya Usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Titah baginda penuh dengan sifat kasihkan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam, berpandangan jauh serta berwibawa dan didoakan jua semoga baginda serta kerabat diraja sentiasa di bawah rahmat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلهِ marilah kita semua di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas berkat doa kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerajaan baginda, kitani rakyat Negara Brunei Darussalam terus menikmati penjagaan serta kehidupan yang aman damai walaupun wabak *COVID-19* terus menduga kitani dengan pelbagai cabaran.

إِنْ شَاءَ ٱللهُ dengan berkat doa dan usaha kitani, bersama-sama kita menghadapi cabaran-cabaran ini dengan sebaik-baiknya. أَلْحَمْدُ لِلهِ, antara inti-pati titah baginda ialah mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP). Kita sebagai rakyat haruslah bersyukur mempunyai raja yang memeduli rakyatnya dan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana baginda ingin melihat pelaksanaannya dibuat secara teratur termasuk dengan Pindaan Akta Sistem Teknologi Maklumat serta pemberigaannya.

Menurut Brunei Darussalam *Key Indicators* pada tahun 2020, ahli-ahli aktif dalam Tabung Amanah Pekerja ialah sejumlah 98,450 orang, iaitu dalam 60% dari sektor swasta dan 40% dari sektor kerajaan. Baginda membangkitkan perkara yang sama Tabung Amanah Pekerja ini pada tahun lepas kerana ia menjadi persoalan umum untuk menjamin ahli-ahlinya yang begitu ramai menghadapi hari persaraan. Perbahasan kita mengenai Perkara TAP dan SCP ini yang dibawakan pada tahun 2018 إِنْ شَاءَ ٱللهُ pada tahun hadapan kita akan melihat perubahan yang setentunya dinanti-nantikan oleh semua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu mengenai Jaminan Makanan atau *Food Security* serta peningkatan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan juga telah diberi perhatian khusus oleh baginda. Saya mengambil maklum mengenai usaha dalam bidang pendidikan mengenai perkara ini seperti program Agroteknologi di Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) malah di UNISSA juga saya difahami mempunyai sebuah Fakulti Pertanian.

Saya berpendapat usaha-usaha ini bolehlah ditingkatkan lagi pada suatu masa yang sesuai untuk kitani menubuhkan sebuah Universiti

Agroteknologi. Ini akan dapat lagi mendukung hasil kitani di dalam jaminan makanan di samping mendukung salah satu *prority sector* iaitu makanan seperti disebut dalam *Brunei Economic Blue Print* yang baru dilancarkan. Malah dapat juga mendukung *Digital Economy Master Plan* negara dalam mengadaptasi *Internet Of Thing* (*IOT*) dan *Smart Farming.*

Dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berjumlah $197.8 juta Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan ini perlulah diberi perhatian khusus sebagai penyumbang besar kepada ekonomi negara dan ia memerlukan dukungan pakar dan akademik yang bakal dilahirkan dari Universiti Agroteknologi ini. Teknologi dan pendekatan baharu seperti *Circular Food System*, *Degenerative Agriculture*, *Agroarcheology,* fasiliti penyimpan dan logistik yang lebih efisien. Pengunaan *drone* dalam Agroteknologi, *Smart Agriculture* dan bermacam-macam lagi. Perkara ini memerlukan dukungan akademi dan profesional. Revolusi Ekonomi Ke-4 tengah merubah dunia dan kitani harus mengaplikasikannya ke dalam jaminan makanan kitani serta sumber-sumber utama yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Terakhir sekali, kitani tidak mahu ekosistem hutan kitani dimusnahkan dan tanah ditukar kepada kegunaan pertanian yang tidak sistematik dan terkawal dan pengeluaran makanan yang dipengaruhi oleh perubahan iklim akan menghasilkan pengeluaran tidak menentu. إِنْ شَاءَ ٱللهُ dengan penubuhan Universiti Agroteknologi ini nanti akan mampu memberi panduan kepada jaminan makanan kitani.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada

hari Khamis 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Sebelum menyampaikan Usul, hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin merafak sembah ucapan tahniah yang setinggi-tingginya atas kejayaan Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerajaan Kebawah Duli dalam mempengerusikan *ASEAN 2021* dengan cemerlang dan melimpahkan sokongan yang tidak lekang bukan sahaja kepada rakyat dan negara malahan kepada seluruh Komuniti *ASEAN.*

Sokongan ini sangat dihargai, dikagumi dan tidak ternilai dalam memperkukuhkan kesiapsiagaan *ASEAN*. Ampun beribu ampun, dengan segala hormat dan takzimnya bagi mewakili pihak *ASEAN Business Advisory Council Brunei* dan sektor swasta temasuk *MSME's* tempatan, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sangat ingin menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Tuan Patik atas sokongan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap sektor swasta selama ini. Semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kaum kerabat sentiasa dalam perlindungan dan rahmat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dilanjutkan usia dan dalam keadaan sihat walafiat آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Petua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kerana sepanjang lima tahun kebelakangan ini banyak kemajuan dan peningkatan positif terlihat dalam berbagai usaha dari sektor awam, sektor swasta mahupun sokongan berterusan dari masyarakat yang telah menyumbangkan dan memastikan pembangunan negara selaras dengan hala tuju Wawasan Brunei 2035 kita.

Walaupun kita masih terkesan dengan pandemik *COVID-19* ia tidaklah menyekat perancangan pembangunan ekonomi semua pihak untuk mencapai fiskal negara yang berdaya tahan. Ini dapat dilihat melalui pelancaran dan pemberigaan pelan strategik, rangka kerja dan polisi terkini oleh kementerian-kementerian dalam merangka perancang demi perubahan negara yang lebih baik yang ingin dicapai berdasarkan hala tuju Wawasan Brunei 2035.

Kaola ingin merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu baginda telah menyatakan bahawa Rancangan Kemajuan Negara ke-11 akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022-2023. Ini bererti Rancangan Kemajuan Negara ke-12 yang akan bermula pada bulan April 2023 akan ada mempunyai peta jalan yang menerapkan kaedah *Whole of Government* bagi projek-projek dalam RKN-12 sebagai usaha untuk memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai.

Jelaslah bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan sepenuh kepercayaan dan harapan yang tinggi kepada semua kementerian untuk

bersatu dan bekerjasama dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara untuk mencapai hasil yang optimum bagi semua pihak dengan pendekatan *Whole of Government Approach.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin mengutarakan saranan yang kaola rasa mustahak untuk dibincangkan dan diteliti melalui persidangan dalam Dewan yang mulia ini, mengenai projek-projek Rancangan Kemajuan Negara ianya seharusnya telah pun dilaksanakan dengan *Whole of Government* dan *Whole of Nation Approach* untuk negara mencapai Wawasan Negara 2035 dengan lancar dan efisien seiring dengan jangka masa RKN tesebut.

Sehubungan itu, kaola ingin merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Awal Tahun Masihi 2022 mengenai bangunan kepunyaan kerajaan yang terbiar dan tidak digunakan lagi perlu ditangani secara holistik oleh pihak berkepentingan supaya aset-aset berkenaan dapat dimanfaatkan dan sekali gus untuk mengelak pembaziran. Baginda mengatakan semua kementerian digalakkan untuk melaksanakan kaedah *shared-facilities* agar perbelanjaan dapat difokuskan kepada mencapai Wawasan Brunei 2035. Ini jelas menggambarkan bahawa pihak kerajaan perlu bekerjasama dengan mengintegrasikan atau berkongsi kemudahan dan aset-aset mereka.

Setakat Januari 2021 terdapat 389 bangunan kosong dan terbiar yang dimiliki oleh pihak kerajaan. Ada juga tanah-tanah yang telah digazet tetapi belum ada sebarang perkembangan walaupun telah lama diberikan. Ini sangat menyedihkan kerana aset-aset dan tanah ini seharusnya telah pun dikembangkan dan boleh memberikan manfaat dan hasil bukan sahaja kepada masyarakat awam bahkan kepada pihak kerajaan sendiri.

Kaola ingin mengusulkan untuk aset-aset yang kosong yang terbiar ini diberikan perhatian khusus dan diperiksa semula tujuan-tujuannya ia dibina, untuk mengelakkan pembaziran aset-aset yang sangat berharga. Salah satu langkah yang boleh dilakukan ialah bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 untuk menggunakan semula bangunan - bangunan tersebut (*repurposing)* dan digunakan sebagai *shared facilities*. Ini akan menjimatkan perbelanjaan kerajaan di dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 dengan infrastruktur-infrastruktur dan perkhidmatan yang sedia ada seperti air, elektrik, jalan raya boleh menggunakannya bagi mengurangkan perbelanjaan daripada mengunakan tanah kosong yang belum diusahakan dan belum mempunyai apa-apa infrastruktur dan perkhidmatan.

Aset-aset ini boleh dibukakan secara *lease* atau *PPP* kepada pihak yang juga berpotensi di sektor swasta. Ia juga menjana hasil yang sangat baik kepada pihak kerajaan dan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Yang paling penting dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah projek-projek tersebut hendaklah melibatkan *Whole of Government Approach*. Satu projek melibatkan beberapa kementerian dan bukanlah hanya satu kementerian sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terdapat isu-isu yang saya bangkitkan di Dewan mulia ini yang telah melahirkan buah fikiran atau cadangan yang telah dipertimbangkan oleh beberapa kementerian bermula dari penjimatan perbelanjaan negara seperti menjimatkan perbelanjaan kerajaan dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan dengan cekap untuk mengelak lebih banyak permohonan Perbelanjaan Tambahan*(Supplementary Supply).* Pertama sekali, kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas penerapan *fiscal consolidation* yang nampak berkesan. Walau bagaimanapun, kaola percaya kita sentiasa ada ruang untuk penambahbaikan.

Wawasan Brunei 2035 hanya tinggal 13 tahun sahaja lagi, iaitu 2 RKN sahaja yang merangkumi RKN-12 dan RKN-13. Walau kita melihat beberapa projek bergerak progresif tetapi projek-projek ini masih kekurangan pemantauan dan pelaksanaan yang berkesan.

Terakhir sekali kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat berharap bahawa apa yang bakal dibincangkan dan buah fikiran yang disumbangkan di dewan ini akan lebih bernas, bermanfaat dan memberikan hasil positif kepada semua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berdiri di dewan yang mulia ini bagi menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara semalam 24 Februari 2022.

Kaola menyokong penuh sembah menjunjung kasih Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dengan sepenuhnya.

Sesungguhnya titah baginda itu amat ditunggu-tunggu oleh rakyat dan penduduk negara. Dalam kesempatan yang keemasan ini kaola sukacita memetik salah satu inti pati titah baginda, iaitu yang antaranya akan kaola sebut di bawah ini kerana yang lain-lain telah pun dan akan disebutkan oleh rakan-rakan kaola yang lain. Baginda telah menitahkan bahawa ekonomi negara masih saja bergantung pada sektor gas dan minyak sambil baginda mengambil maklum mengenai perkembangan positif usaha-usaha yang berterusan agensi-agensi yang berkaitan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Di sektor minyak dan gas negara kita mengambil maklum bahawa telah ada perancangan yang konkrit dalam proses pembruneian bagi menerajui tadbir urus di sektor tersebut. Perkara ini abiskaola dapati dari sesi muzakarah bersama kementerian yang berkenaan, dan abiskaola amat gembira mendengar proses tersebut masih berjalan dan akan dilaksanakan mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan. Kita berdoa semoga proses tersebut akan terus berjaya آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ.

Sebelum kaola mengakhiri Usul Sembah Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kaola dengan segala kerendahan hati merafakkan doa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga baginda dan seluruh ahli kerabat baginda, kerajaan baginda, rakyat baginda akan dikurniakan kesihatan dan kemakmuran serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan taufik dan hidayah أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua. آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ

Akhirnya kaola ingin merakamkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana sebelum datang permesyuaratan ini, kaola telah pun diletakkan dalam kod *purple* tetapi أَلْحَمْدُ لِلهِ apabila kaola diminta semak semula Kementerian Kesihatan dalam masa setengah jam mereka telah berusaha sepenuhnya dan menukar kad kaola menjadi *green,* syukur أَلْحَمْدُ لِلهِ terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Yang Berhomat Menteri Kesihatan dan orang-orangnya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola lebih dahulu ingin menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini sangat bernas dan jelas dan perlu kita junjung, teliti, kaji serta dijadikan sebagai landasan dalam bermuzakarah. Ia jelas mempamerkan bahawa baginda sentiasa peduli terhadap kesejahteraan serta kebajikan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan perhatian oleh pihak kerajaan dan sektor swasta dalam mendepani kadar inflasi yang disebabkan oleh beberapa sekatan perjalanan yang masih dilaksanakan oleh sebahagian negara.

Dalam menangani hal ini kaola mencadangkan akan adanya badan-badan yang menyelia dasar kecukupan dan keselamatan makanan bukan sekadar memastikan kecukupan bekalan tetapi juga memastikan harga makanan selari dengan kuasa beli penduduk di negara ini terutama sekali barangan mentah.

Kaola juga percaya dengan mengimplikasikan konsep *edible garden* di kediaman penduduk boleh mengurangkan kes sara hidup seharian dan memudahkan akses kepada bekalan segar tanpa penyebaran wabak *COVID-19* di pasar-pasar dan pusat membeli-belah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola seterusnya menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan usaha meningkatkan sara diri dalam sektor pertanian, agrimakanan perikanan dan ternakan yang sedang diaktifkan yang boleh menyumbang kepada kedayatahanan fiskal negara.

Dalam hal ini, kaola percaya peluang-peluang pekerjaan dalam kalangan belia dan graduan akan dapat diperluas dan dapat menurunkan kebergantungan pada tenaga kerja asing. Kaola percaya keterlibatan rakyat dan peniaga tempatan nanti akan dapat menyumbang kepada kemajuan perindustrian dan seterusnya ia menjadi

penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Kaola juga percaya dengan mengembangkan lagi sektor-sektor ini, bidang keusahawanan juga dapat diperluaskan sebagai memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang ekonomi.

Untuk mencapai hasrat ini kaola percaya beberapa strategi akan dirangka untuk mewujudkan suasana yang membolehkan sektor awam, sektor swasta, profesional berkolaborasi dengan lebih aktif. Melalui sektor ini juga diharap usaha akan dapat dipergiat untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui pelbagai inisiatif termasuk peningkatan produktiviti dengan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan terutama latihan semula dan peningkatan kemahiran dalam bidang, agrimakanan, pertanian, ternakan, perikanan terhadap warga belia. Di samping itu kaola percaya dengan menambah baik kurikulum pendidikan *tertiary* dan mengkaji program industri semula boleh meningkatkan kebolehanpasaran graduan. Manakala dengan pengeluaran beras tempatan yang semakin meningkat, kaola percaya dengan adanya penggunaan teknologi yang berinovasi tinggi serta pelaksanaan sistem yang holistik akan membantu meningkatkan industri padi dan beras tanpa meminggirkan kesejahteraan dan kebajikan pesawah sebagai tambahan bagi keselamatan makanan, kualiti penuaian padi, proses pengedaran dan beras yang diimport perlulah menerusi juruukur kualiti tanpa menjejaskan kestabilan harga beras di negara ini .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola percaya titah baginda ini merupakan harapan baginda dalam menggukuhkan lagi kesejahteraan dan kebajikan penduduk negara ini terus terpelihara secara berterusan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Selawat dan salam kepada Rasul Junjungan Nabi محمد صلى الله عليه وسلم suri tauladan sepanjang zaman**.**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola saya hormati sekalian.

Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan Yang Berhomat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ titah baginda sungguhnya sangat relevan untuk kitani semua junjung dan fikirkan kerana ia amat bermanfaat kepada seluruh rakyat dan negara yang mengandungi elemen nasihat dan panduan untuk menuju hasrat Wawasan Brunei 2035.

Kaola menyembahkan menjujung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majilis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sultan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua menyentuh kepada RKN-12 satu aspek yang penting dalam pembangunan negara adalah soal perancangan. Lebih-lebih lagi melibatkan pembangunan fizikal negara yang harus dilihat secara strategik dan holistik dari segenap sudut dan melibatkan peranan aktif dari pelbagai pihak untuk memastikan negara mampu menjadi sebuah negara makmur dan berdaya tahan dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial demi menjamin kesejahteraan negara keseluruhannya.

Antara ciri yang penting ialah untuk mengadakan satu instrumen utama bagi menarik pelaburan dengan menjadikan persekitaran yang menjurus kepada *investor-friendly* yang secara langsung akan dapat membuka peluang pekerjaan kepada graduan-graduan yang sudah menamatkan pengajian mereka.

Dari sudut yang lain juga akan merancakkan lagi pertumbuhan peniaga-peniaga tempatan iaitu *Local Business Development*. Oleh yang demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan) 2022 yang akan dikuatkuasakan pada 1 April 2022 akan dapat membantu merealisasikan pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Menyentuh sedikit mengenai merealisasikan dengan pelaksanaan hasil kajian Tabung Amanah Pekerja (TAP). Kaola sukacita ingin mencadangkan bahawa adalah diharapkan ia akan menjadi satu penyelesaian yang terbaik yang akan dapat memberikan *social security* kepada penerima apabila mereka bersara nanti. Sama-sama pentingnya menyusun strategi untuk mendapat kefahaman skim persaraan baharu yang dimaksudkan. Ia juga dapat memberi gambaran bahawa skim persaraan ini dapat memberikan nafas baharu yang lebih komprehensif, inklusif, mampan dan lengkap agar dapat mencapai matlamat yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *Food-Security* merupakan antara agenda negara yang diberi perhatian. Ia bertujuan mendayaupayakan semula

ekonomi negara di sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan. Ini termasuk melihat pendekatan fasa pandemik supaya pembukaan semula aktiviti ekonomi akan berjalan dengan selamat dan pengalaman norma baharu diberi keutamaan.

Kita dapat mencapai pelbagai nikmat dan rahmat hasil daripada perancangan dan pembangunan yang teliti. Ini adalah hasil kerja keras pihak perancang dan profesional di negara ini yang menjadi titik permulaan semula semua pengguna fiskal negara yang merangkumi secara menyeluruh dalam semua peringkat kerajaan.

Dalam kesempatan ini kaola ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua perancang dan profesional sama ada dalam perkhidmatan awam mahupun swasta, bagi yang masih berkhidmat atau yang sudah bersara abiskita semua adalah tulang belakang kepada perancangan negara yang dapat dinikmati kita semua pada hari ini.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memajukan negara yang kita cintai ini demi kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas rahmat dan segala nikmat yang limpahkan ke atas kita dan juga negara kita Brunei Darussalam yang aman damai hingga ke hari ini.

Kaola mewakili Zon 3 Daerah Brunei dan Muara ikut serta dalam Dewan yang mulia ini menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari khamis, 24 Februari 2022, dan atas kurnia titah baginda dalam istiadat perasmian tersebut.

Dengan penuh kesyukuran kaola amat tersentuh hati mendengar titah baginda yang antara lain menyentuh bahawa Majlis Mesyuarat Negara merupakan wadah strategik untuk membahas perkara-perkara berkebajikan di samping berperanan untuk memikir, membahas serta membuat cadangan dan sokongan serta tempat menyampaikan dan menyuarakan idea dan pendapat mengenai perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara serta seterusnya menambah baik mana-mana yang perlu diperbaiki melalui Majlis Mesyuarat Negara ini. Ini bermakna bahawa baginda amat prihatin dan memberi perhatian berat terhadap kebajikan, kesejahteraan dan keharmonian seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, baginda juga mengingatkan dan mengambil peduli supaya kerajaan baginda perlu berhemah dan berdisiplin dalam mengendalikan dan membelanjakan kewangan negara terutama dalam perbelanjaan bagi melaksanakan projek-projek kerajaan bagi kepentingan rakyat dan mempertingkatkan kemajuan negara yang menjurus kepada perbelanjaan hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Kewangan yang ada sehingga baginda juga memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan Prosedur Kewangan (Pindaan 2022) dan Peraturan Kewangan 2022 yang akan bermula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

Amatlah dihargai dan perlu dipatuhi oleh setiap pegawai yang diberikan amanah. Keprihatinan dan sikap baginda ini perlu dicontohi oleh semua rakyat di negara ini dalam mengawal dan mentadbir kawangan sendiri dalam kehidupan seharian.

Dalam titah baginda juga dengan jelas baginda sentiasa prihatin memikirkan dan mengutamakan kebajikan dan kebahagiaan serta keselamatan rakyatnya dalam apa jua keadaan pun. Terutama, soal kewangan rakyat apabila menjalani kehidupan dalam persaraan melalui Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kerajaan baginda melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja telah selesai dan sempurna membuat kajian rapi dan hasilnya akan dilaksanakan pada tahun 2023.

Kaola mewakili rakyat amat bersyukur dan menyambut baik serta menanti-nantikan perubahan ini serta berharap semoga perubahan ini akan menggembirakan dan juga semoga isu TAP ini tidak lagi berbangkit dan dipersoalkan berlarutan.

Berhubung dengan pembangunan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan baginda melalui RKN-11 yang akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022/2023 amatlah disyukuri bahawa beberapa pembangunan dan kemudahan telah dinikmati oleh rakyat negara ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ.

Dalam hubungan ini, kaola juga melihat dan mendengar Jawatankuasa Tertinggi

RKN-11 mempunyai komitmen yang tinggi dan mengadakan beberapa lawatan dari masa ke semasa ke tapak-tapak projek RKN bagi memastikan kelancaran dan perkembangan projek-projek berkenaan serta sentiasa memperkemaskan dan memantau sasaran hasil khusus yang hendak dicapai.

Kaola juga menyambut baik akan RKN-12 yang akan bermula pada bulan April 2023 dan berdoa semoga RKN-12 akan tercapai dan menepati kehendak Wawasan Brunei 2035. Maka, dalam hubungan ini kita sebagai rakyat yang bernaung di bawah pimpinan baginda hendaklah bersyukur kerana dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan-kemudahan yang telah dan akan disediakan oleh kerajaan baginda melalui RKN-12 nanti.

Berhubung dengan perkembangan Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana juga merupakan salah satu sektor penting yang mendapat perhatian khusus dan mendalam oleh baginda. Kerajaan baginda melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadapnya telah mengungkayahkan beberapa inisiatif yang bersesuaian bagi membantu memperkasa Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana termasuk pekerja-pekerjanya supaya terus berfungsi untuk berkembang maju dan bertahan dalam waktu negara dilanda *coronavirus*.

Bantuan kerajaan baginda ini juga amatlah dihargai dan disyukuri oleh mereka yang terlibat dan juga yang berkenaan. Rakyat juga amat bersyukur di atas tindakan dan langkah tegas baginda terhadap kerajaan baginda dalam melaksanakan kemasukan barang-barang keperluan asasi harian di waktu Negara dilanda wabak *COVID-19* yang sedikit sebanyak memberikan impak kehidupan dan keperluan rakyat di negara ini yang didapati ada sesetengah peniaga telah mengambil kesempatan dalam kesempitan dengan menaikkan harga barang keperluan.

Dalam hubungan ini dipohonkan kepada pihak yang berkenaan hendaklah membuat pemantauan yang kerap kali secara menyeluruh ke seluruh premis dalam negara ini bagi memastikan kawalan harga dipatuhi dan bukan hanya secara berkala seperti waktu menjelang bulan Ramadhan dan Hari Raya atau hari-hari kebesaran yang lain.

Akibat wabak *COVID-19* juga kegawatan ekonomi negara sedikit sebanyak terjejas. Walau bagaimanapun, negara masih berupaya dengan hasil pendapatan dari hasil minyak dan gas. Beberapa hasil daripada perkembangan hasil sara diri agrimakanan dan pertanian dan juga perikanan serta ternakan yang semakin bertambah maju dan aktif sehingga meningkatkan hasil pengeluaran.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli kerabat dan rakyat Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Gelombang kedua dan ketiga wabak *COVID-19* telah membawa pelbagai cabaran kepada masyarakat termasuklah syarikat-syarikat yang perlu 'menggulung tikar', mereka yang hilang pekerjaan, harga barangan yang meningkat termasuklah masalah fizikal dan juga mental, ketinggalan pelajaran dan lain-lain lagi.

Pada masa yang sama, juga mempercepatkan transformasi digital, membolehkan perkhidmatan kerajaan dan swasta untuk dibuat secara *online.* Namun ia juga datang dengan cabaran tersendiri apabila jurang kemiskinan semakin ketara bahawa golongan masyarakat yang kurang berkemampuan, mempunyai kesusahan mendapatkan akses peranti dan Internet. Kitani melihat perubahan dari segi program-program yang biasanya dibuat segala fizikal dapat dibuat secara atas talian. Apa yang dapat dipelajari melalui pengalaman ini ialah kitani sudah boleh meneliti kesesuaian sistem pekerjaan yang progresif iaitu *remote working* atau *flexible hours* bolehlah diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan yang baharu di dalam pekerjaan walaupun wabak ini tidak lagi menjadi satu faktor.

Dalam kesempatan ini, kaola / saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pertimbangan dan pelaksanan cadangan dan juga tindak balas terhadap isu yang kaola/ saya bangkitkan dalam lima tahun kebelakangan, ia termasuklah *mental health line*, *review* dasar belian negara, isu perubahan iklim, isu gangguan seksual di tempat kerja, penggunaan tenaga solar, isu kesedaran bagi kesihatan mental, geran projek bagi belia dan banyak lagi.

Dalam membuat persiapan bagi Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga telah mengadakan beberapa sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian dan sewaktu sesi-sesilah dibangkitkan isu-isu lama yang masih belum selesai ataupun belum ada jalan

penyelesaiannya. Namun, seperti yang disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas untuk menggunakan peluang ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah mana-mana yang masih perlu diperbaiki.

Sememangnya masih terdapat beberapa isu yang sering dibangkitkan oleh orang ramai yang belum mendapat jalan penyelesaian yang sesuai. Salah satunya ialah mengenai *payment gateway* iaitu bagi membolehkan orang ramai untuk menerima pembayaran secara *online* dari luar negara. Ini boleh menggalakkan sektor perniagaan atas talian yang semakin menjadi minat terutama sekali para belia. Diharap perkara ini akan mendapat perhatian yang serius dari kementerian-kementerian yang terlibat memandangkan ia mampu untuk membuka pasaran bisnes yang lebih luas bagi syarikat-syarikat kitani.

Penyertaan dan penglibatan belia yang terhad disebabkan oleh faktor sosioekonomi juga masih juga menjadi satu cabaran. Mereka berisiko dari segi pencapaian akademik, pembangunan minda, masalah sosial, pekerjaan dan terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Isu pengganguran dan juga *under employment* juga satu isu yang besar apatah lagi bagi para graduan yang masih di bawah ikatan biasiswa yang telah menerima pelaburan yang besar dari pihak kerajaan.

Kaola / saya menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepimpinan dan keprihatinan baginda. Titah baginda menyentuh tentang kepentingan skim persaraan yang baharu bagi membantu keluarga merancang masa depan kewangan mereka dan juga projek-projek pelaburan asing yang telah dilaksanakan untuk terus berkembang dan meningkatkan ekonomi negara ini agar membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

Baginda juga menekankan tentang isu salah guna kuasa dan tidak amanah dan ini adalah satu penyakit yang boleh menular dan merosakkan mana-mana penguruskan pentadbiran apatah lagi mengurangkan kepercayaan orang ramai.

Kaola / saya ingin menekankan lagi sekali kepentingan ketelusan dalam tadbir urus kerajaan dan menghapuskan apa pun jenis penganiayaan. Kaola/saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada para kakitangan kerajaan, pihak swasta dan juga para sukarelawan yang

telah bertungkus-lumus menyumbang tenaga dalam usaha mengurangkan penularan penyakit *Covid-19* di negara ini. Setentunya kitani tidak pernah mengalami cabaran seperti ini namun dengan berkat doa, usaha dan juga kerjasama dari semua pihak kita akan dapat melaluinya.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih atas keizinan yang diberikan kepada kaola.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola wakil Zon 1 dari Daerah Belait bersama Yang Berhormat wakil Zon 2 Daerah Belait amat bersyukur dengan ketulusan dan keikhlasan hati juga merafakkan sembah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola dan masyarakat Zon 1 dan Zon 2 Daerah Belait menjunjung kasih setinggi-tingginya dan menghadapkan sokongan serta taat setia yang tidak berbelah bagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berdua juga sukacita menyatakan sokongan sepenuhnya atas Usul dan ucapan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas Usul menjunjung kasih yang setinggi-tinggi Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022 serta dengan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis

Mesyuarat Negara dan seterusnya kaola menyembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjunjung kasih setinggi-tingginya dengan sepenuh-sepenuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita bersyukur kerana dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua hamba dan rakan sejawatan kaola dapat menyertai Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2022 setelah penangguhan yang lalu. Dalam persidangan pada tahun ini juga kita masih berada dalam suasana wabak *Covid-19* yang melanda kita dan dunia namun negara kita, Negara Brunei Darussalam dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebagai Negara Zikir, negara berpegang erat dengan ajaran Islam dengan kesungguhan berusaha dengan tidak jemu-jemu berikhtiar semaksimumnya dan bermunajat serta bertawakal kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ di samping berbekalkan berkat daulat Raja yang dikasihi walaupun penularan *Covid-19* masih membimbangkan tetapi atas sikap kerjasama semua pihak dalam menitikberatkan rasa tanggungjawab yang jitu bersungguh-sungguh serta tidak diambil ringan kaola percaya ia dapat terkawal dengan izin إِنْ شَاءَ ٱللهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022-2023 dan mengenai Peraturan Kewangan yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan (Pindaan) 2022 yang akan bermula berkuat kuasa pada 1 April 2022 adalah kaola sokong sepenuhnya.

Namun sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam agar pihak-pihak berkenaan akan akur dan bersikap prihatin, berhemah dan berdisiplin dalam pengendalian kewangan negara dengan pelaksanaan yang teratur dan bersikap tidak salah menggunakan kuasa berbelanja. Semoga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dapat dimanfaatkan sebagai satu peringatan yang murni.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dari Zon 1 bersama rakan sejawatan kaola dari Zon 2 Daerah Belait amat bersyukur kepada الله kerana negara kita sekarang menuju ke arah usaha-usaha mempelbagai sumber ekonomi negara mula menampakkan hasil dengan jayanya di samping hasil yang utama negara, iaitu minyak dan gas. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang jumlah eksport *refine fuel* melalui projek Pelaburan Langsung

Asing dari Januari 2021 hingga November 2021 bernilai USD 4.9 bilion dan juga kejayaan *Brunei Fertilizer Industry* yang terletak di Mukim Liang telah mula mengeksport sebanyak 6,200 tan metrik baja urea pada 3 Februari 2022.

Dalam bidang sumber-sumber utama seperti pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan menuju peningkatan pengeluaran dan ke arah meningkatkan hasil sara diri. Di samping itu, menjadi harapan para petani yang bersawah padi di kampung-kampung terutama Daerah Belait agar sawah-sawah padi akan mendapat bantuan kemudahan asas dari kementerian berkewajiban dan terus tidak jemu-jemu menjenguk para petani dan seterusnya memeduli bagi menaikkan lagi taraf sawah-sawah padi di kampung-kampung seperti pemeliharaan saliran air dan longkang menuju ke anak-anak sungai bagi mengatasi banjir yang menenggelami sawah-sawah padi khususnya di ladang-ladang padi di Daerah Belait seperti yang pernah berlaku yang sebelum ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dan rakan sejawatan kaola dari Daerah Belait sukacita mengongsikan beberapa sedutan perutusan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-38 tahun 2022 bahawa walaupun negara banyak menghadapi berbagai-bagai cabaran telah dialami namun begitu أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus berkongsi dengan jentera pembangunan yang menghasilkan perkembangan dan kemajuan berbagai-bagai bidang.

Salah satu projek yang terus berjalan ialah Projek Perumahan Negara yang bertujuan demi kesejahteraan rakyat. Apatah lagi yang benar-benar memerlukan. Abis kaola dari Daerah Belait dan seisi penduduknya merafakkan sembah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menjunjung kasih yang setinggi-setingginya. Kepada kementerian dan jabatan yang berkenaan di bawahnya tidak akan menyia-yiakan harapan penduduk Daerah Belait agar Rancangan Perumahan Negara di daerah berkenaan akan terlaksana lagi pembangunannya kerana dalam 8 ke 9 tahun yang lalu ini belum lagi ada dibuat pembangunan selanjutnya. Semoga jabatan yang berkenaan akan menunduki sebaik mungkin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, melalui titah perutusan jua yang dapat kaola petik:

" أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dengan siapnya jambatan penghubung Daerah Temburong ia melahirkan banyak manfaat dengan tertubuhnya Autoriti Kemajuan Daerah Temburong dengan merancang

berbagai-bagai pembangunan dan kemajuan yang bakal dikecapi seperti bidang pertanian, pembangunan ekonomi, pelancongan, ekopelancongan dan lain-lain. Dalam pandangan kaola, langkah-langkah penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah adalah langkah yang tepat yang boleh satu masa nanti dilaratkan Autoriti Kemajuan ini ke daerah-daerah seterusnya supaya setiap daerah mempunyai pembangunan kemajuan yang selaras. Kaola percaya ia tidak mustahil demi kemajuan semua daerah. Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi mengakhiri ucapan kaola dan rakan sejawatan kaola dari Daerah Belait dalam Usul menjunjung kasih ini, kaola mengambil kesempatan sekali lagi merafakkan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi dan ucapan setinggi menjunjung kasih serta sokongan sepenuhnya kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua sekian sahaja ucapan daripada kaola dan tidak lupa mengucapkan terima kasih. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola juga menyokong sepenuhnya atas Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah.

Baginda dalam titah menyentuh tentang Pelaburan Langsung Asing iaitu *FDI* dan أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, hasil usaha setakat ini telah membagi impak kepada peningkatan aktiviti perekonomian negara dengan mengutamakan penglibatan pengusaha tempatan dan peluang perniagaan dan pekerjaan. Sejak pelaksanaan *fiscal consolidation* dan tema ekonomi Melabur Untuk Masa Depan (*Investing For Our Future),* kaola mengucapkan syabas dan tahniah ke atas semua usaha dan kerjasama jentera kerajaan, sektor swasta dan masyarakat yang terlibat dalam membina ekonomi yang mampan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga menyokong segala ucapan yang disampaikan oleh rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang ini dan

bersyukur atas sumbangan sektor swasta tempatan dalam usaha meningkatkan keselamatan makanan (*Food Security*) dan menyumbang KDNK negara serta menyokong perjuangan mengatasi pandemik *COVID-19*. Jika ada perkara yang sepatutnya kitani mengambil pelajaran dari wabak ini adalah keperluan kesepaduan dan kerjasama. Merendah diri seharusnya menjadi pendekatan penggerak untuk menghasilkan dasar.

Kesepaduan, kesepakatan dalam pembangunan negara adalah peringatan daripada titah baginda semasa memperingati Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-38. Marilah kita menggunakan resep pandemik untuk meletakkan negara kita sebagai ekonomi inklusif dengan tujuan sosial untuk generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Cadangan kaola adalah untuk membolehkan industri pekerja kita dibaik pulih sepenuhnya bagi membolehkan keadilan, perlindungan dan kemampanan industri pekerja bukan mengira pekerja tempatan atau pekerja asing, pekerja tetap atau tidak formal tetapi untuk membolehkan keadilan dalam pasaran industri pekerja untuk kedua-dua majikan dan pekerja boleh ditentukan oleh berbagai-bagai sektor utama. Kesesuaian dengan perubahan dan pasaran pekerja dan ekonomi keluar dari endemik, penambahbaikan dalam perundangan industri pekerja yang meliputi semua kerja bergaji tidak kira negara asal. Pastikan latihan minimum atau pembelajaran sepanjang hayat dibina dalam rangka kerja industri pekerja, meningkat proses pentadbiran digital yang *end to end* dan menguatkuasakan sistem *arbitration* yang adil antara kedua-dua majikan dan pekerja sekiranya berlaku masalah dalam perundingan. Kaola menyeru kepada jentera kerajaan untuk pertingkatkan kemaskinian polisi yang *outdated* dan mengubah suai kepada keadaan semasa dengan memberi kesedaran kaedah perusahaan dan sumber tenaga dari segi profesional dan pekerja.

Untuk mengakhiri saya imbas petikan dari Syair Perlembagaan Negara Brunei:

Ilmu itu pelita hati,
Dapat mengira untung dan rugi
Senang menduga saudara sebati,
Panduan memilih elok dan keji.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awg Hj Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola merafakkan kesyukuran ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya kita dapat menghadirkan diri dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Seterusnya kaola dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah. Seterusnya kaola menyokong sama atas Usul menjunjung kasih yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas keberangkatan baginda dalam Istiadat Perasmian dan berkenan mengurniakan titah semalam.

Sesungguhnya, kurnia titah baginda tersebut telah menggariskan tujuh perkara utama yang antara lain ialah menyentuh mengenai amanah kewangan negara, Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) Rancangan Kemajuan Negara ke-12, keselamatan makanan, impak penularan wabak, harga barangan, kadar inflasi dan usaha negara meningkatkan lagi Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* dan meningkatkan sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan.

Semua itu kaola penuh percaya dan yakin bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai kepakaran, amalan-amalan yang baik, memikirkan dengan sebaik mungkin dan setulus hati dan kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaola juga penuh percaya baginda sentiasa terbuka untuk meneroka lebih dahulu yang baik dan kurangnya cadangan dari pelbagai pihak yang memiliki kepentingan yang sama yang boleh membawa manfaat dan memelihara kepentingan negara justeru akan dapat terus mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Pertumbuhan dan kelangsungan ekonomi negara juga bergantung pada kadar inflasi yang memberi kesan kepada perbelanjaan segenap lapisan masyarakat untuk menjamin kelangsungan hidup dapat diteruskan di samping menjamin akses kepada penjagaan kesihatan diri yang mencukupi serta memastikan agar kelangsungan pendidikan berjalan dengan cukup berkesan sesuai dengan nada dan rentak

kemampuan masyarakat. Semua ini merupakan tulang belakang kepada penggerak Wawasan Brunei 2035 yang memerlukan rakyat supaya sihat sejahtera mental, rohani dan jasmani, berpendidikan dan berkemahiran menyumbang kepada ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Ahli yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini kaola berharap rakyat dan penduduk di negara ini akan terus bersatu dan terus berupaya dan diupayakan untuk meneruskan amalan saling membantu yang telah dikukuhkan dengan penularan wabak *COVID-19* yang telah berusia lebih dua tahun ini. Dalam kesempatan ini kaola sukacita menyampaikan syabas dan terima kasih yang setinggi tingginya kepada semua lapisan barisan hadapan sama ada dari sektor keselamatan, pasukan beruniform, perubatan dan kesihatan dan kesukarelawanan seluruh warga perkhidmatan awam, pihak swasta dan yang lainnya yang telah berusaha segigih harapan melalui penat lelah dan pengorbanan yang tinggi dalam sama-sama membantu pihak kerajaan dan negara. Semoga segala usaha yang diberikan itu akan mendapat balasan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan setimpal.

Mengenai teknologi, kegigihan pihak-pihak berwajib mengetengahkan kemudahan teknologi digital dan alam maya ke arah matlamat *Brunei Digital Economy* di samping memastikan integriti keselamatan maklumat dan layanan menggunakannya pihak-pihak berwajib hendaklah sentiasa peka akan keperluan dan jurang yang perlu dirapatkan agar pengguna sasaran dalam perbagai peringkat umur tercapai. Apa yang penting ialah meneroka inisiatif untuk mewujudkan pembantu digital yang akan memberi khidmat sokongan kepada penggunaan sesebuah perkhidmatan dan kemudahan dalam talian.

Menyentuh mengenai perubahan Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang akan dilaksanakan dalam tahun 2023, أَلْحَمْدُ لِلهِ, kita bersyukur ke hadrat أَللهِ atas kurnia baginda itu dan menjunjung kasih setinggi-tingginya. Ia merupakan kurnia yang selama ini ditunggu dan sudah sewajarnya nikmat yang diberikan itu disyukuri agar nikmat أَللهِ ini akan sentiasa berkekalan sesuai dengan firman أَللهِ dalam surah Ibrahim ayat tujuh yang tafsirnya: "Dan ingatlah ketika Tuhan mu memberitahu dengan sejelas- jelasnya demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmatmu. Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku adalah amat pedih".

Marilah kita berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga negara kita dijauhkan daripada wabak penyakit dan bala bencana sebaliknya dilimpahi dengan berkat dan kemakmuran yang berpanjangan. Kita berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja sentiasa beroleh kesejahteraan, rahmat, petunjuk serta pelindungan daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dalam kesempatan ini kaola menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ikut serta merafakkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya jua saat ini berkesempatan hadir berada di dalam Dewan yang mulia pada tahun ini. Untuk menunaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sepertimana terkandung dalam titah baginda di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas yang menyentuh baginda berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersedia memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dan walang demi kebaikan bersama. Oleh itu, kaola sebagai pemimpin akar umbi mewakili Zon 2, Daerah Brunei dan Muara akan berusaha sedaya upaya bagi melakukan dan tindakan yang terbaik bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Majlis Mesyuarat Negara tidak syak lagi berperanan besar dalam memacu pembangunan negara, membincangkan perkara-perkara untuk rakyat dan negara serta wadah strategik membahaskan dan menyelesaikan mana-mana isu yang belum selesai dan

memperbaiki apa jua keperluan yang perlu diperbaiki.

Marilah kita sama-sama fokus kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang dalam titah baginda untuk persidangan majlis kali ini, yang akan membincangkan tentang Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023 yang sudah ditunduki bersama dengan kementerian-kementerian berkenaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara, bahawa baginda ada mengingatkan bahawa pentingnya melaksanakan secara berhemah dan berdisiplin terutamanya dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah.

Jika dipraktikkan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan yang mampu untuk menabung lebihan pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan yang lebih bermanfaat. Tanggungjawab bagi pihak yang berkenaan mestilah bijak dalam mengatur kewangan mengikut prosedur yang telah ditetapkan serta perlu jua mempunyai sikap jujur, amanah dan bertimbang rasa serta adil di dalam menetapkan sesuatu keputusan.

Titah baginda juga memfokuskan kepada isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan baginda telah mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi pelaksanaan penuh yang akan bermula pada tahun 2023.

Tentang pindaan akta sistem teknologi maklumat dan termasuk pemberigaan dengan pelaksanaan yang disusun teratur itu akan dapat memberikan kefahaman kepada mereka yang terlibat dalam skim khususnya skim persaraan ini. Pelaksanaan ini merupakan komitmen tinggi kerajaan baginda akan kebaikannya demi masa depan rakyat baginda.

Baginda juga menimbulkan beberapa perkara bagi menarik perhatian majlis supaya tetap fokus kepada perkara-perkara yang besar serta mencabar dan bukannya membawa kita leka dan lupa iaitu seperti kita maklumi RKN-11 akan berakhir pada tahun 2022/2023. Setentunya RKN-12 akan mula menyusul pada April 2023 bahawa pada masa ini Sekretariat RKN di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang giat menyediakan peta jalan bagi beberapa projek untuk dilaksanakan dalam RKN 12 nanti yang melibatkan kesemuaa kementerian dalam mencapai usaha sama ke Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menghulurkan bantuan kepada Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana yang bertujuan

mengurangkan pekerja-pekerja diberhentikan dari bekerja ketika gelombang wabak *COVID-19* melanda negara. Titah baginda menekankan tentang bidang pekerjaan ini, bahawa perlulah mana-mana pihak yang berkenaan mengambil perhatian untuk menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisikan peluang yang ada. Jangan biarkan mereka kehilangan pekerjaan walau saat pandemik khususnya golongan pekerja di sektor swasta yang terkesan. Memastikan mereka dapat menerima bantuan kewangan yang dihulurkan untuk kehidupan seharian mereka. Kita mesti mengkaji dengan teliti dan peka untuk memikirkan anak-anak tempatan kita, supaya hidup mereka terjamin pada masa depan. Ini semua tidak patut dipandang dengan sebelah mata sahaja tetapi perlu di pantau lebih dekat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Turut memerlukan perhatian majlis daripada titah baginda bahawa satu lagi perkara yang penting untuk diberikan perhatian ialah kemasukan pelabur asing ke negara ini. Ia akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan peluang perniagaan kepada para usahawan kita untuk menambah hasil pendapatan termasuklah memberikan banyak faedah kepada negara kita sendiri. Apa yang penting mengenainya, haruslah diceburi secara terbuka, bukan hanya segelintir pihak tertentu sahaja yang dapat merebut peluang tetapi biarlah ramai kerana ramai itu menampakkan adanya kemajuan.

Para usahawan mestilah bergerak mengembangkan perniagaan dan industri masing-masing tanpa terhenti, tidak separuh jalan tetapi perlu menghadapi pelbagai cabaran perniagaan sehingga sampai ke puncak atau sukses. Perlu banyak galakan yang tidak putus-putus dari pihak berkenaan kepada usaha sektor pertanian, agrimakanan, perikanan dan ternakan. Perkara tersebut mestilah sentiasa terlaksana kerana ini adalah satu keperluan negara.

Kaola ingin mengusulkan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini serta semua pihak di dalam Dewan ini supaya lebih fokus memeduli semua permasalahan rakyat serta penduduk. Kita hendaklah mengambil prespektif yang benar-benar diyakini dan dapat menolong memajukan kehidupan mereka. Apa pun isu atau permasalahan kita tangani ia dengan baik melalui perundingan serta persetujuan bersama. Apa yang penting dari sekarang adalah fokus kepada persidangan. Kalau hari ini kitani merancang sesuatu, hari ini juga kita berkata sesuatu dan menjanjikan kepada rakyat tentang sesuatu tetapi hari inilah kita menjanjikan tetapi hari inilah kita didengar oleh seluruh rakyat yang menantikan sesuatu yang terbaik dari kita semua dalam persidangan ini. Maka dari itu, tunaikan apa yang diperkatakan.

Isu kenaikan harga barang turut disentuh yang mendapat perhatian baginda. Begitu juga aduan dari pelbagai pihak, pemedulian baginda

akan kenaikan harga barang oleh peniaga sewenang-wenangnya, supaya pihak berkenaan akan dapat memantau tentang kebenaran yang diberikan. Berlakunya kenaikan harga barang keperluan harian akan menambah kesulitan ke atas mereka yang berpendapatan rendah. Apatah lagi bagi mereka yang bekerja sendiri yang kadangkala ada yang tiada menerima pendapatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga menyentuh moto Majlis Mesyuarat Negara ini iaitu mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang perlu pembaikan, merupakan kunci utama ke atas rancangan, komitmen, tindakan dan *outcome* oleh semua pihak dalam melaksanakan urus tadbir yang efisien dan efektif yang menjadi tanggungjawab kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Akhirnya kaola ingin sama-sama menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang amat jelas dan menunjukkan pemedulian kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran semua lapisan rakyat.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sebelum saya menjemput 3 orang ahli lagi untuk memberikan pandangannya mengenai Usul ini, saya ingin mengingatkan bahawa suhu dalam Dewan ini semakin rendah dan kita telah pun berada dalam Dewan ini lebih kurang 2 jam setengah. Jadi, saya minta kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang 3 orang itu akan dapat memendekkan ucapan masing-masing supaya kita akan dapat menyelesaikan Usul ini dengan sempurnanya petang ini juga. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera dan selamat petang.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, dalam Usul menjunjung kasih ini, kaola mewakili dari Zon 1 dan 2 Daerah Tutong, menyokong penuh Usul daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam ruang masa yang diberikan ini, kaola dan rakan wakil Daerah Tutong menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dan rakan wakil Zon 1 dan 2, Daerah Tutong, turut serta merafakkan sembah syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya juga, dalam suasana dunia masih dilanda *coronavirus* tidak terkecuali negara kita juga menghadapi gelombang ketiga wabak *COVID-19*, yang kini semakin tinggi kes jumlah jangkitannya. Namun negara kita menghadapi dengan penuh tanggungjawab yang jitu dan bersatu padu, memerangi virus ini atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi beberapa kementerian terutama Kementerian Kesihatan. Kini semua rakyat dan penduduk menerima 95%, 2 dos vaksinasi dan 50%, 3 dos vaksinasi secara percuma. Mudah-mudahan dos ketiga secepatnya sampai kepada sasarannya 90% ke atas.

Selain itu, sangat dijunjung tinggi ialah kerajaan baginda telah menghulurkan bantuan kewangan kepada Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana dan juga pekerja sektor swasta untuk mengurangkan pemberhentian pekerja atau terjejas kelangsungan hidup seharian. Dalam kesempatan ini, tidak lupa kaola dan rakan wakil Daerah Tutong menyampaikan ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada para pegawai, para doktor, kakitangan dan *frontliners* dan siapa juga yang terlibat menangani gejala wabak *COVID-19* ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam titah baginda ada menyentuh mengenai Rang Undang-Undang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023, supaya setiap perancangan strategik kementerian dan jabatan diharap dikendalikan dengan penuh berhemah dan berdisiplin mengikut keutamaan dan keperluan.

Dalam perkara ini, kaola dan rakan wakil Daerah Tutong menjunjung tinggi dengan sepenuhnya kerana ada beberapa perancangan kemajuan perlu diutamakan umpamanya mencari kawasan padi di Daerah Tutong supaya selari untuk sara hidup negara bagi menyokong Projek Padi Kandol Daerah Belait, dan begitu juga keutamaan terhadap sebahagian jalan utama di Daerah Tutong demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk,

umpamanya pengguna jalan raya Bakuru dan Jalan Keranching Mukim Rambai yang sejak sekian lama sering dilanda banjir berulang-ulang belum dapat diselesaikan. Begitu juga pembinaan Sekolah Vokasional Daerah Tutong dan pembinaan penghadang tebing susur di pantai supaya diambil perhatian akan keutamaannya.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, atas keprihatinan dan pemedulian baginda yang tidak kendur-kendur, kerajaan baginda telah melaksanakan projek pencegahan banjir di beberapa kawasan Daerah Tutong kini menampakkan hasilnya. Sebahagian dari kawasan yang dulunya sering dilanda banjir, kini sudah jarang berlaku. Apabila siapnya beberapa benteng penghadang banjir dan dua *culvert* tinggi laluan air banjir digunakan di Mukim Tanjung Maya. Kalau banjir pun tidak memakan masa yang lama. Kini ada dua jambatan baharu sedang dalam proses pembinaan di Kampung Bukit Udal dan Kampung Sungai Damit dan penduduk Daerah Tutong yang menggunakan jalan utama sebagai perjalanan harian bersyukur kerana jalan lama dari Kampung Keriam hingga ke Kampung Kupang sudah sebahagiannya dinaik taraf dan juga dibaik pulih secara berperingkat-peringkat.

Kaola dan rakan wakil Zon 1 dan 2 Daerah Tutong mengharapkan dalam RKN-12 ini, segala apa juga projek kemajuan yang belum selesai atau perancangan kemajuan yang baharu di Daerah Tutong dapat dilaksanakan dan diperbincangkan bersama dengan kaola akan prosesnya.

Seterusnya baginda mengharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya memberikan buah fikiran dan pendapat masing-masing tanpa ragu-ragu dengan memberikan idea yang bernas. Sehubungan titah baginda ini, kaola dan rakan wakil Daerah Tutong akan sedaya upaya menunaikan hasrat baginda dengan rasa penuh dedikasi dan tanggungjawab memberikan pandangan, pemikiran serta kerjasama dengan mana-mana jua kementerian demi kemajuan negara dan kesejahteraan penduduk. Tambahan lagi, kaola dan rakan sebagai pemimpin akar umbi yang berdamping dengan anak-anak buah mukim dan kampung sering menerima berbagai-bagai pemikiran dan aduan. Akhirnya, abiskaola berdoa, semoga negara kita sentiasa dalam aman makmur dan bebas daripada cengkaman wabak *COVID-19* serta sentiasa dalam perlindungan أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Walau bagaimanapun, kehadiran wabak *COVID-19* adalah sebagai suatu dugaan atau ujian untuk kita bagaimana mengatur tadbir urus hidup secara norma baharu. Kini rakyat negara ini harus membiasakan diri iaitu kelangsungan hidup dengan fasa endemik agar aktiviti bidang pendidikan, keagamaan, ekonomi dan pentadbiran negara tidak terjejas akibat wabak *COVID-19*. Kesimpulannya, semua perkara yang terkandung dalam titah baginda menunjukkan pemedulian,

kepimpinan dan kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini. Didoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan kerabat diraja sentiasa sihat sejahtera serta sentiasa dalam perlindungan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ .

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Pehin Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama sekali dalam soal mentadbir urus kewangan negara secara berhemah dan berdisiplin. Dalam masa yang sama, memberi penekanan di dalam menggerakkan pembangunan negara agar lebih teratur serta memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Ini termasuklah dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat yang terkesan disebabkan wabak *COVID-19*.

Sehubungan dengan itu, kaola berharap di dalam rancangan peta jalan RKN Ke-12 yang akan bermula pada tahun 2023, usaha-usaha ke arah memperkasa ekonomi masyarakat melalui skim bantuan Perniagaan Mikrokecil Dan Sederhana (PMKS) dapat dilaksanakan di peringkat nasional. Ini termasuklah memperluaskan skop perniagaan norma baharu yang memberikan manfaat kepada semua golongan termasuklah memperkenalkan inisiatif-inisiatif seperti mempelbagaikan bentuk bantuan pinjaman perniagaan tanpa faedah kepada perusahaan bumiputera baharu dan juga yang lama. Menyediakan ekosistem perniagaan yang lebih menarik serta lengkap dan terkini sama ada di kawasan bandar mahupun di kawasan kampung. Menggerakkan agenda pembangunan negara dengan

idea yang baharu bagi mewujudkan peluang perniagaan yang lebih menarik, memberi keutamaan kepada produk-produk keluaran tempatan sebagai pilihan dan dalam masa yang sama memperkenalkan sistem perniagaan berkonsepkan Islam sebagai asas mewujudkan ekonomi yang lebih dinamik dan penuh keberkatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga tertarik dengan titah baginda berkenaan dengan jaminan makanan negara semasa wabak *COVID-19* banyak memberikan kesan terutama sekali kepada sumber makanan di Negara Brunei Darussalam. Dalam perkara ini sudah tiba masanya usaha padu ke arah meningkatkan hasil keluaran produk-produk makanan tempatan terus dilaksanakan, ini termasuklah mengemaskinikan sebagai permohonan tapak seperti tanah tumpang sementara *(TOL)* kepada bumiputera untuk tujuan pertanian atau tapak untuk memulakan perniagaan.

Mewujudkan skim kemudahan perniagaan yang berkonsepkan perkongsian bagi mengurangkan kos operasi serta memberi kemudahan dan bantuan kepada peniaga bumiputera meningkatkan hasil produk seperti memudahkan skim taruh kongsi, mesin kongsi dan sebagainya.

Memperluaskan program-program dan projek-projek khususnya dalam memperkenalkan teknologi baharu bagi menghasilkan produk-produk makanan, memproses dan sistem pemasaran yang lebih luas seperti menghasilkan produk-produk makanan sajian beku yang kekal dan bermutu tinggi.

Dengan ini, hasrat ke arah untuk meningkatkan hasil sara diri negara akan tercapai sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan produk-produk yang diimport di luar negara seperti yang ada pada masa sekarang ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang kita persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم
اَلْحَمْدُلِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dengan memanjatkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan atas limpah dan kurnia-Nya jua, maka kaola dapat bersama-sama dalam sidang yang mulia bagi menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi

menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli seterusnya mengurniakan titah ketika Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola amat menyanjung tinggi akan nasihat, mandat dan amanat yang telah dititahkan oleh baginda dalam memikir dan merancang perkara-perkara strategik yang memberi tumpuan kepada aspek pengurusan kewangan negara, Rancangan Kemajuan Negara dan mengembangmajukan ekonomi negara.

Kaola yakin dan penuh percaya usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bersama agensi-agensi yang berkepentingan telah menampakkan hasilnya. Kesemua ini adalah demi menjamin kestabilan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Justeru, kaola menyambut baik seperti apa yang telah dititahkan oleh baginda mengenai pengkajian semula Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun 2023. Apa yang diharapkan nanti ialah suatu perubahan yang positif yang boleh memberikan harapan baharu kepada jaminan hidup yang lebih baik bagi bakal pesara yang rata-rata bergantung harap pada TAP dan Elaun Pencen Tua.

Dalam pada itu juga, kaola rasakan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan peribadi adalah penting demi menjana kestabilan dan kesejahteraan hidup. Maka, atas asas ini pihak kerajaan telah pun memperkenalkan kursus pengurusan kewangan peribadi bagi bakal pesara agar bakal pesara bijak dalam mengurus dan mengawal kewangan mereka. Adalah dicadangkan agar kursus kewangan peribadi ini dilaksanakan secara mandatori kepada pegawai-pegawai kerajaan yang baru berkhidmat bagi memberi kemahiran dan kesedaran akan kepentingan dengan pengurusan kewangan peribadi. Bahkan kursus ini boleh saja diperkenalkan dalam program sivik bagi graduan-graduan yang tamat pengajian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai Rancangan Kemajuan Negara ke-12 yang akan bermula pada bulan April 2023, kaola berharap rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan dalam lima tahun ke hadapan ini bukan hanya sekadar bisnes (*as usual*) bahkan menerapkan satu belanjawan menyeluruh sebagai sebuah negara yang maju ke hadapan dalam pasca *COVID-19* ini termasuk menjelajahi ekonomi baharu merangkumi ekonomi digital, ekonomi

industri 4.0 bahkan pendigitalan ekonomi negara boleh dilaratkan kepada sistem kewangan Islam yang mampu memainkan peranan besar dan sebagai satu instrumen bagi menyeimbangi ekonomi negara, sebagai contoh, sedekah wajib seperti zakat memainkan peranan dalam membantu ekonomi negara di bawah Strategi Jaminan Sosial yang setiap tahun hampir belasan juta telah diagihkan kepada Golongan Asnaf Fakir dan Miskin. Harapan kaola adalah supaya diberi penekanan terhadap sedekah voluntari yakni secara sukarela yang memang dituntut dalam Islam seperti wakaf dan sedekah jariah. Seperti juga instrumen kewangan Islam iaitu harta-harta baitulmal dan berunsur amanah, khairat seperti fidyah dan kifarat sewajarnya diuar-uarkan.

Kaola berharap perkara ini dapat diambil serius yang jika instrumen kewangan Islam tersebut dilaksanakan secara teratur menerusi ekonomi digital akan memberikan kesan positif dalam ekonomi negara sebagai usaha memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat tercapai. Semoga apa yang kaola sampaikan ini dapat difikirkan dan diterima baik sebagai satu cadangan penambahbaikan. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Usul yang telah dibentangkan. Saya persilakan pula Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتهُ kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih banyak-banyak atas kesempatan yang diberikan ke atas kaola untuk berucap secara ringkas sebagai menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan bercemar duli dan mengurniakan titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sesungguhnya amat berwawasan dan penuh hikmah mengandungi nasihat dan pengamatan tajam serta

pandangan jauh baginda sebagai payung negara.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga tersirat peringatan yang mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dipelihara dan terjamin terutama dalam negara menghadapi dan menangani cabaran masa kini khususnya musibah penularan wabak *COVID-19* dengan hakikat kehidupan dengan cara yang baharu.

Jadi, sukacita kaola menekankan tiga perkara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Baginda menekankan pentingnya pelaksanaan program dan projek jabatan dan kementerian itu akan menjurus kepada memastikan sumbangan substantif kepada pembangunan ekonomi termasuk penarikan *Foreign Direct Investment (FDI), Joint Venture* dan sebagainya. Peningkatan hasil pendapatan termasuk *food security* sama ada secara *off shore* mahupun *local* atau membuka peluang-peluang pekerjaan berkualiti kepada anak-anak tempatan, memastikan keselamatan dan keharmonian negara serta merangsang peningkatan kemahiran dan produktiviti dan mengutamakan aspek pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan yang berjalan dalam memastikan perbelanjaan negara dikendalikan dengan penuh integriti, berhemah dan berdisiplin.;

2. Baginda juga bertitah mengenai kajian ke atas Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang telah selesai dijalankan dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan mula dilaksanakan pada tahun 2023. Ini jelas mencerminkan pemedulian dan pemerhatian baginda agar rakyat dan penduduk negara akan dapat menikmati kesejahteraan dan kehidupan yang mampan setelah bersara nanti.;

3. Baginda bertitah mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang akan berakhir pada Tahun Kewangan 2022/2023. Sehubungan itu, peta jalan bagi projek-projek sedang giat disediakan untuk dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 dengan menerapkan kaedah *Whole of Government* dalam usaha bagi mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perdana Menteri akan senantiasa mengukuhkan lagi tadbir urus atau *Good Governance* di semua peringkat dan sektor bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah

terbaik, efisien, efektif dan yang penting ialah mesra rakyat. Ini termasuklah penggunaan teknologi maklumat yang luas dalam perkhidmatan awam dalam memastikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama semasa negara menghadapi wabak *COVID-19* ianya masih saja dapat disalurkan.

Ekonomi negara tidak terkecuali daripada terkesan dengan ketidaktentuan pasaran dunia berikutan penularan wabak *COVID-19.* Perkara ini akan terus memberikan kepada hasil dan peruntukan Belanjawan Negara setentunya ia akan mencabar perancangan kita untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan atau *sustainability* dan imbangan fiskal. Untuk itu, kita semua terpanggil untuk menjadikan sektor awam agar lebih cekap dan berkesan selain pengemaskinian dasar dan peraturan inisiatif lain yang sedang dilaksanakan oleh sebuah agensi kerajaan. Dalam jangka pendek ini kita perlu mengawal imbangan fiskal negara di samping memastikan ekonomi akan dapat tumbuh secara kukuh dan konsisten. Justeru, kita perlu kepada pendekatan bersepadu *(Whole of Nation)* dan *Whole of Government Approach* yang baginda titahkan. Usaha-usaha ke arah ini hendaklah digembleng bersama oleh sektor kerajaan dan swasta serta seluruh rakyat dan penduduk. Kitani semua memainkan peranan yang sama mustahak untuk mengayuh sama-sama mengharungi lautan yang bergelora untuk mencapai matlamat yang sama.

Dalam kata lain sektor kerajaan dan swasta serta masyarakat negara ini penting untuk berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan yang ampuh dan padu agar bangsa serta negara dapat memanfaatkan cabaran-cabaran semasa sebagai peluang ke arah perubahan yang berkesan dan positif. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Wawasan Brunei 2035 akan berganding bahu dengan semua *stakeholders* bagi memastikan segala perancangan dan projek yang dilaksanakan mendukung wawasan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di dalam Dewan yang mulia ini marilah kita sama-sama bermusyawarah dengan membuat perundingan secara baik mengemukakan cadangan-cadangan, saranan-saranan, syor-syor untuk dikaji dan diambil penyelesaiannya atau cara mengatasinya sepertimana jua yang dianjurkan oleh agama Islam dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Pandangan, syor dan saranan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari sebentar tadi adalah satu contoh yang baik dan perlu difikirkan langkahnya begitu juga saranan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain selepasnya tadi. Inilah yang dimaksudkan oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menekankan bahawa dalam persidangan ini kita hendaknya mampu mengetengahkan perkara-perkara strategik yang mengukuhkan pencapaian negara demi

menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk. Pada akhir titah baginda memberikan penekanan supaya persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang strategik dan penambahbaikan apa yang perlu ditambah baik. Titah baginda tersebut kita junjung setinggi-tingginya dengan menekankan di Dewan yang mulia ini. Isu-isu kepentingan negara dan keharmonian serta kemaslahatan masyarakat hendaklah sentiasa dijaga dan diutamakan.

Akhir sekali, kaola ingin menyembahkan sekali lagi menjunjung kasih yang setinggi - tinggi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan sumbangan ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini merupakan secara automatiknya menggulung perbincangan yang telah dibuat oleh Ahli-Ahli Dewan ini berhubung dengan satu Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dengan itu saya sekarang ingin bertanya kepada semua Ahli Yang Berhormat sama ada Usul ini kita luluskan atau sebaliknya. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua ahli bersetuju maka Usul ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu Sabtu 26 Februari 2022 mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 25 Rejab 1443 /26 Februari 2022

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir pada sebelah petang)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP. **(Tidak hadir pada sebelah pagi dan hadir secara *virtual* pada sebelah petang)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis : بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang ketiga, Sabtu, 25 Rejab 1443H bersamaan 26 Februari 2022 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلهِ kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang pada hari yang ketiga dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam, persidangan telah selesai meluluskan Usul-Usul Yang Diberi Notis dan pada pagi ini kita akan segera berpindah ke perkara-perkara yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VI - Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah kepada Perkara VI - Rang Undang-Undang. Satu Rang

Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat untuk mengemukakan Rang Undang-Undang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan segala hormatnya kaola memohon izin untuk mengemukakan satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, untuk bacaan kali pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II baru sebentar tadi telah mencadangkan bagi Rang Undang-Undang tersebut untuk dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar: "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud tertentu".**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin bagi memaklumkan kepada majlis ini untuk mengemukakan cadangan bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga bagi Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, pada persidangan hari ini juga. Sesuai dengan Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, kaola bercadang untuk mengemukakan cadangan Rang Undang-Undang ini untuk dibacakan kali yang kedua dan ketiga pada hari ini juga. Maka kaola memohon izin kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara bagi membolehkan membuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini jua. Permohon ini semata-mata bagi membolehkan majlis ini memudahkan tugas-tugasnya dengan lebih lancar dan teratur lagi. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar alasan dan keterangan serta sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya izinkan supaya

Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantungkan bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu** untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48 (3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya atas keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola membacakan Rang Undang-Undang: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan peruntukan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

...رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي.
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي. يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah **untuk membenarkan pengeluaran sejumlah $5.7 bilion Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan memperuntukkan-nya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.** Dalam berbuat demikian kaola memohon izin untuk menerangkan secara ringkas mengenai sokongan Anggaran Belanjawan Negara berdasar kepada analisis dan penilaian seperti kemampuan kewangan kerajaan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan sebagai asas dalam menyediakan Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023. Ini termasuklah Prospek Ekonomi Global dan Negara Brunei Darussalam.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ syukur kita panjatkan ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua serta berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati keamanan

dan kesejahteraan di sebalik berbagai-bagai cabaran yang dihadapi pada masa ini.

Dalam kesempatan ini juga, kaola bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih khususnya kepada para barisan hadapan, termasuk sukarelawan dan agensi-agensi keselamatan baik di sektor awam mahupun sektor swasta atas khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dihulurkan demi memastikan negara dan semua lapisan masyarakat terselamat dan terpelihara dari kesan penularan wabak *COVID*-19 ini.

Pandemik *COVID-19* telah mengubah lanskap sesebuah ekonomi termasuk Negara Brunei Darussalam dan kesannya telah menjejaskan aktiviti-aktiviti sosial dan perekonomian disebabkan oleh sekatan pergerakan yang dilaksanakan sejak gelombang pertama dan kedua dalam usaha untuk membendung penularan wabak berkenaan.

Di samping kesan yang kita hadapi dalam negara, rantaian bekalan global juga turut terkesan disebabkan oleh sekatan pergerakan yang telah menjejaskan pengeluaran negara-negara pembekal, dan permintaan pengguna tidak dapat dipenuhi khususnya sektor-sektor ekonomi yang bergantung pada sumber dari luar negara.

Untuk menangani penularan wabak di negara ini, kerajaan telah mempertingkatkan lagi Program Vaksinasi Kebangsaan yang telah bermula pada 3 April 2021. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ setakat ini lebih dari 94% rakyat dan penduduk di negara ini telah menerima suntikan, sekali gus membolehkan negara mengisytiharkan tahap endemik pada 15 Disember 2021. Dengan fasa endemik ini, orang ramai dapat menjalani semula aktiviti-aktiviti harian seperti biasa dengan mengamalkan *Standard Operating Procedure (SOP)* dan Garis Panduan Fasa Awal Endemik yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Untuk mencapai program tersebut beberapa tindakan telah diambil seperti yang berikut:

1. Perkhidmatan Klinik Vaksinasi Bergerak, khusus bagi penduduk-penduduk luar bandar dan mereka yang kurang upaya.;

2. Program Vaksinasi Remaja iaitu bagi remaja yang berumur 12 hingga 17 tahun yang telah bermula pada 8 November 2021.; dan

3. Pemberian dos penggalak (*booster dose*) kepada orang ramai berusia 18 tahun ke atas dan telah melengkapkan 2 dos vaksinasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lanskap ekonomi dunia adalah masih tidak menentu disebabkan oleh penularan *COVID-19*. Hala tuju

pemulihan ekonomi masih tidak dapat dijangkakan walaupun dengan adanya vaksin dan program vaksinasi yang dilaksanakan oleh seluruh negara di dunia. Namun kebimbangan dengan munculnya varian-varian baharu telah menjejaskan pergerakan perjalanan. Sekali gus menjejaskan pemulihan ekonomi bagi sesebuah negara. Ekonomi dunia telah merudum pada awal penularan wabak *COVID-19* iaitu pada tahun 2020 akibat dari pelaksanaan *"the great lockdown",* sebagai langkah pembendungan penularan wabak *COVID-19*. Pertumbuhan ekonomi dunia telah mencatatkan penurunan sebanyak negatif 3.1%, berikutan penutupan beberapa sektor ekonomi dalam usaha untuk membendung penularan wabak berkenaan dan ini diikuti oleh peningkatan pengganggguran yang membawa kesan negatif terutama sekali kepada sektor-sektor penerbangan dan hospitaliti. Pada masa yang sama, negara pengeksport minyak juga berhadapan dengan beberapa cabaran seperti kejatuhan harga minyak global dan kemerosotan permintaan dalam pasaran terhadap bahan api fosil.

Di samping itu, ini telah mendorong komitmen beberapa negara kepada *decarbonisation* atau *green recovery* dan perubahan teknologi hijau yang meluas secara beransur-ansur telah menjadikan *renewable energies* sebagai tenaga pilihan.

Kemunculan *Variant Delta* pada tahun 2021 telah menjejaskan momentum pemulihan ekonomi global. Walau bagaimanapun, penyesuaian kepada norma baharu dan sokongan *stimulus* berterusan dalam ekonomi besar telah membolehkan ekonomi global kembali pulih ataupun *rebound* dan dalam laporan *World Economic Outlook (WEO)* keluaran bulan Oktober 2021 pihak *International Monetary Fund (IMF)* telah meramalkan pertumbuhan ekonomi global akan meningkat sebanyak 4.9 % bagi tahun 2022.

Walau bagaimanapun, berikutan kemunculan varian baharu *Omicron* serta gangguan rantaian bekalan global yang berlanjutan, pihak *IMF* dalam laporan *WEO* keluaran bulan Januari 2022 telah menurunkan unjuran pertubuhan ekonomi global bagi tahun 2022 kepada kadar 4.4 %. Dalam pada itu, pertubuhan ekonomi di rantau Asia pula khusunya *Emerging and Developing Asia, (China, India & ASEAN-5)* bagi tahun 2022 adalah diunjurkan 5.9% dalam laporan *WEO IMF* keluaran bulan Januari 2022, berbanding 6.3% dalam laporan *WEO IMF* keluaran bulan Oktober 2021. Pihak *IMF* juga meramalkan bahawa jumlah perdagangan global *(global trade volume)* akan berkembang pada kadar 6% pada tahun 2022 berbanding dengan 9.3 % pada tahun 2021.

Pihak agensi *Energy Information Administration (EIA)* melalui laporan bulan Januari 2022 telah meramalkan bahawa harga minyak *Brent* akan meningkat purata dari US$71 setong pada tahun 2021 kepada US$75 setong pada tahun 2022. Kenaikan harga minyak ini didorong oleh kadar

pengeluaran minyak yang tidak dapat memenuhi permintaan dan peningkatan penggunaan petroleum dan bahan api cecair global secara purata sebanyak 3.6 juta tong sehari daripada 96.9 juta tong sehari pada tahun 2021, 100.5 juta tong sehari bagi tahun 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan prestasi ekonomi negara. Pada tahun 2020, sektor minyak dan gas negara telah turut terkesan berikutan penurunan permintaan minyak global. Walaupun demikian, ekonomi negara secara keseluruhannya telah merekodkan pertubuhan positif dalam tahun 2020 iaitu pada kadar 1.1% berikutan pertumbuhan yang kukuh dari sektor bukan minyak dan gas. Pertumbuhan ini disebabkan oleh meningkatnya aktiviti hiliran sektor pengeluaran produk petroleum dan kimia dan sektor perikanan.

Bagi suku ketiga pada tahun 2021 Keluaran Dalam Negara Kasar Negara Brunei Darussalam telah menurun sebanyak 2.2% berbanding suku ketiga tahun 2020. Ini disebabkan penurunan pengeluaran minyak mentah kepada 97.1 ribu tong sehari pada suku ketiga tahun 2021 berbanding dengan 100.6 ribu tong sehari pada suku ketiga tahun 2020 dan pengeluaran gas asli sebanyak 750.9 ribu *MMBtu* sehari pada suku ketiga tahun 2021 berbanding 834.5 ribu *MMBtu* sehari pada suku ketiga tahun 2020 yang disebabkan oleh sekatan pergerakan yang sebahagiannya menyebabkan terjejasnya aktiviti-aktiviti penyelanggaran telaga-telaga minyak termasuk *well, reservoir and facilities management*.

Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh perkembangan yang positif dari sektor bukan minyak dan gas sebanyak 1.0 % pada suku ketiga tahun 2021 berbanding suku ketiga tahun 2020. Perkembangan positif ini didorong oleh meningkatnya pengeluaran dari sektor pertanian, perhutanan dan perikanan pada kadar 27.9% disebabkan oleh peningkatan dari subsektor sayur-sayuran, buah-buah dan lain-lain, hasil pertanian, subsektor perikanan dan subsektor makanan ternakan. Di samping itu, terdapat juga subsektor lain yang turut menyumbang kepada perkembangan yang positif seperti subsektor pengangkutan udara, subsektor kewangan, subsektor perhubungan dan subsektor perkhidmatan kesihatan.

Pihak *International Monetary Fund (IMF), ASEAN Plus 3 Macroeconomic Research Office (AMRO)* dan *Asian Development Bank (ADB)* pula telah mengunjurkan pertubuhan ekonomi yang positif bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022 masing-masing pada kadar 2.6 %, 3.5% dan 3.3%. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ini adalah dengan mengambil kira usaha-usaha pemulihan dan pengukuhan ekonomi yang dilaksanakan khususnya pengeluaran produk industri pengeluaran hiliran minyak dan gas serta aktiviti-aktiviti berkaitan dari *Syarikat Hengyi*

Industries Sdn. Bhd. dan kilang *Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI).*

Namun demikian, perkembangan positif ini berkemungkinan dilembabkan oleh situasi inflasi global yang semakin meningkat berpunca daripada rantaian barangan global *(global supply chain)* yang telah terjejas akibat *COVID-19*. Kadar inflasi negara pada tahun 2020 adalah 1.9 % dan pada kadar 1.7% setakat bulan November tahun 2021. Situasi ini amat berbeza sebelum pandemik *COVID-19* melanda dunia, iaitu kadar inflasi negara ini adalah pada tahap minimum.

Kadar inflasi global yang meningkat telah menjejaskan bukan sahaja pengguna negara ini, tetapi jua syarikat pengeluar, memandangkan negara amat bergantung pada produk-produk import termasuk barangan pengguna *(consumer goods)* dan barangan perantaraan *(intermediate goods)* yang digunakan sebagai *input* kepada pengeluaran produk tempatan. Penyebab utama kadar inflasi global adalah kos logistik dan penggangkutan yang melonjak naik, dan kos bahan mentah yang turut meningkat. Menurut *Freightos Baltic Index Global Container Frieght Index*, kos pengangkutan bagi kontena global telah meningkat secara mendadak dari bulan Julai 2019 yang berjumlah US$1,342 bagi kontena berukuran 40 kaki padu kepada US$9,806 pada bulan Januari 2022. Iaitu sekurang-kurangnya 6 kali ganda kenaikan. Ini ditambah lagi dengan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan utama dunia yang menyebabkan kelambatan dalam penghantaran barangan.

Kadar inflasi tinggi yang dialami di seluruh dunia ini adalah satu perkara yang di luar kawalan negara ini. Ia bukan sahaja menjejaskan sektor-sektor perindustrian di seluruh dunia tetapi juga kualiti kehidupan dengan meningkatnya kos kehidupan seharian. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa memantau dan meneliti impak inflasi global ini kepada ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2020/2021. Kutipan hasil pendapatan kerajaan adalah menurun sebanyak 57.7% kepada $ 2.05 bilion berbanding dengan Tahun Kewangan 2019/2020 ($4.85 bilion). Manakala, perbelanjaan sebenar kerajaan adalah menurun sebanyak 9.9% kepada $5.29 bilion berbanding Tahun Kewangan 2019/2020 ($5.87 bilion). Oleh Yang demikian, kerajaan telah merekodkan defisit berjumlah $3.24 bilion bagi Tahun Kewangan 2020/2021. Ini merupakan defisit yang tertinggi sejak negara mengalami defisit pada Tahun Kewangan 2014/2015. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh harga minyak dunia yang berada pada paras yang rendah sehingga ada ketikanya berada pada kadar US$20 setong ,dan secara

purata adalah kadar US$42 setong pada tahun 2020. Dalam masa yang sama, pengeluaran minyak mentah dan *LNG* domestik juga menurun berikutan penanggguhan dan kerja-kerja pemulihan yang tidak dirancang (*unschedule deferments and maintenance)* ke atas telaga-telaga minyak.

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan fiskal kerajaan yang dikemas kini pada tahun 2021/2022. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, berikutan dengan kenaikan harga minyak dunia yang mencecah melebihi US$90 setong, unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 adalah dikemas kini kepada $4.15 bilion berbanding $2.05 bilion dalam Tahun Kewangan 2020/2021.

Manakala perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 diunjurkan meningkat kepada $5.67 bilion berbanding $5.29 bilion dalam Tahun Kewangan 2020/2021. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan komitmen kerajaan dari bulan Ogos 2021 berikutan gelombang kedua wabak *COVID-19*, dan setakat 24 Februari 2022 kerajaan membelanjakan sejumlah $138.5 juta untuk mebiayai perkara-perkara yang berikut:

1. Untuk meningkatkan kapasiti ujian maklmal *SARS COV*-2 kepada 8,000 ujian sehari, Brunei Covid 19 AirLab telah mula beroperasi sejak 19 Ogos 2021.;

2. Pemberian Elaun Khas kepada barisan hadapan termasuk doktor, jururawat, paramedik, pemandu ambulans, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan semua yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin serta pusat-pusat vaksinasi.;

3. Pembelian Vaksin termasuk wabak *COVID-19 Global Vaccine Access Facility* ataupun *COVAX*.;

4. Perbelanjaan bagi menambah Pusat Pengasingan Kebangsaan sementara bagi kes-kes kritikal di Bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong, Kampus Mahad Islam Brunei dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Daerah Tutong, Batalion Ketiga Kem Lumut dan Pusat Tingkatan Enam PTE di Daerah Belait.;

5. Perbelanjaan untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Vaksin dan Fasa Ke-3 Sistem Aplikasi *Bruhealth* dan untuk menambah kapisiti sistem *BruHealth* dan pelaksanaan *BruHealth Disaster Recovery Site.;*

6. Perbelanjaan untuk membeli makanan (*ration)* kepada individu yang menjalani pengasingan diri di pusat-pusat pengasingan dan tempat kediaman.; dan

7. Perbelanjaan untuk membeli *Antigen Rapid Test* khusus untuk kegunaan kementerian - kementerian dan jabtan-jabatan kerajaan termasuk sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Oleh yang demikian, berasaskan kepada anggaran kutipan hasil dan perbelanjaan hasil yang koala kongsikan sebentar tadi, kerajaan dijangka akan merekodkan defisit belanjawan sebanyak $1.52 bilion dalam Tahun Kewangan 2021/2022 berbanding dengan $3.24 bilion dalam Tahun Kewangan 2020/2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, kaola sukacita mengongsikan Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 yang diunjurkan berjumlah $3.17 bilion iaitu $2.25 bilion adalah dari hasil sektor minyak dan gas; $923 juta adalah bukan hasil dari sektor minyak dan gas . Pecahan hasil-hasil tersebut antaranya seperti yang berikut:

1. Kutipan hasil cukai-cukai yang keseluruhannya berjumlah $314.60 juta.;

2. Hasil dari yuran caj dan sewa yang keseluruhannya berjumlah $311.36 juta.;

3. Hasil pulangan pelaburan dan simpanan sebanyak $236.28 juta.; dan

4. Hasil yang berlebihan dari badan-badan berkanun sebanyak $40.49 juta.

Dari segi perbelanjaan sejumlah $5.7 bilion adalah dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan seperti yang berikut:

i. Sejumlah $2.15 bilion untuk membiayai gaji kakitangan termasuk gaji, elaun-elaun dan pembayaran caruman;

ii. Sejumlah $2.14 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-Ulang;

iii. Sejumlah $350 juta adalah untuk membiayai projek-projek Rancangan Kemajuan Negara; dan

iv. Selebihnya adalah untuk membiayai perbelanjaan di bawah Tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Oleh itu, berdasarkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan yang kaola nyatakan tadi, maka kerajaan akan mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira $2.53 bilion. Unjuran defisit ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat dan hasil pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan beralih kepada tema belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Tema yang dipilih ialah **"Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien".** Tema ini akan memfokuskan kepada empat keutamaan iaitu:

1. Memelihara Kesejahteraan Awam.;
2. Menjamin Sekuriti Makanan (*Food Security).;*
3. Mendukung dan Membantu Sektor Swasta agar Berdaya Tahan dan Berkembang.; dan
4. Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah '*Work and Future Ready'.*

Tema ini dirangka bagi memastikan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk diteruskan dan dilipatgandakan dalam usaha mengukuhkan lagi kedayatahanan sosioekonomi negara agar ia mampan dan inklusif dengan memanfaatkan *competitive advantage* yang sedia ada dan teknologi yang inovatif. Ini adalah termasuk meningkatkan produktiviti Pengusaha Mikrokecil dan Sederhana ataupun PMKS dan sekali gus menjana peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola akan menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu per satu termasuk perkembangan dan pencapaiannya:

1. Memelihara Kesejahteraan Awam. Kerajaan akan terus mendukung ke arah pemulihan ekonomi negara yang terkesan daripada pandemik *COVID-19*. Ini termasuklah memberikan keutamaan terhadap penjagaan kesihatan awam yang menyeluruh dan komprehensif. Ke arah ini, peruntukan-peruntukan adalah disediakan seperti yang berikut:

   i. Sejumlah $124.52 juta untuk menangani penularan wabak *COVID-19* termasuk menambah bekalan vaksin-vaksin *COVID-19,* menambah baik kapasiti Sistem Aplikasi *BruHealth,* pembelian peralatan perubatan serta barang guna habis termasuk *Antigen Rapid Test,* keperluan di pusat-pusat pengasingan dan ujian makmal-makmal *COVID-19,* meneruskan pemberian Elaun Khas kepada para barisan hadapan dan sebagainya.;

   ii. Sejumlah $55 juta untuk membeli ubat-ubatan dan sejumlah $41.5 juta bagi Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan.;

   iii. Sejumlah $1.9 juta dengan Harga Rancangan $5.6 juta di bawah RKN-11 seperti projek-projek pembinaan blok baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong dan pembinaan

bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.; dan

iv. Sejumlah $30 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk membayar perkhidmatan perubatan rawatan di *JPMC,* Pusat Kanser Brunei dan *Brunei NeuroScience Stroke and Rehabilitation Centre*.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pindaan ke atas Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) 2021 dan Perintah Orang Kurang Upaya (OKU) 2021 yang memberi kesaksamaan hak asasi dan peluang penyertaan penuh dalam masyarakat bagi golongan yang berkelainan upaya dan mengukuhkan penjagaan dan pemedulian golongan OKU termasuk pemberian elaun kepada yang benar-benar layak.

Bagi menyejajarkan proses pemberian bantuan-bantuan oleh agensi-agensi berkenaan dan memastikan tidak ada ketirisan kepada golongan yang berhak menerima bantuan, kerajaan telah memperluaskan kapasiti Sistem Kebajikan Negara (SKN) bagi membolehkan pemohon-pemohon dari sektor swasta dan individu yang bekerja sendiri (*self-employed/freelance)* yang telah terkesan oleh pandemik *COVID-19* untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diperlukan.

Untuk meningkatkan keselesaan dan keselamatan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan sejumlah $200 ribu dengan Harga Rancangan $1.8 juta di bawah RKN-11 disediakan untuk membina bangunan baharu Unit Perlindungan, Kompleks Rumah Kebajikan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan golongan yang kurang berkemampuan, Program Pembinaan Rumah Bantuan bagi golongan daif, fakir dan miskin akan diteruskan melalui Peruntukan Kumpulan Wang Zakat, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Bantuan perumahan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Untuk memelihara kebajikan rakyat melalui pemilikan rumah *(home ownership)* peruntukan sejumlah $38.8 juta dengan Harga Rancangan $250 juta di bawah RKN-11 adalah bagi Projek Pembinaan Rumah Kediaman di bawah Rancangan Perumahan Negara di Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu.

Untuk meningkatkan kualiti bekalan air di negara ini, peruntukan sejumlah $26.1 juta dengan Harga Rancangan $216.0 juta di bawah RKN-11 khususnya bagi Kementerian Pembangunan melaksanakan kerja-kerja pembinaan, penaiktarafan dan penggantian aset-aset perbekalan air.

Untuk memastikan perkhidmatan elektrik yang *reliable* dan berkualiti, sejumlah $44 juta dengan Harga Rancangan $315.7 juta di bawah RKN-11 membiayai kerja-kerja penaiktarafan dan penyelenggaran infrastruktur elektrik.

Untuk meningkatkan *connectivity* dan membuka peluang perkembangan aktiviti sosioekonomi sejumlah $20.2 juta dengan Harga Rancangan $169.5 juta disediakan di bawah RKN-11 adalah khusus untuk meneruskan kerja-kerja penambahbaikan, pemeliharaan dan peningkatan rangkaian jalan raya.

Ke arah usaha untuk menangani impak perubahan iklim sejumlah $15 juta disediakan bagi pengurusan bencana alam seperti kejadian banjir, tanah susur dan sebagainya dan sejumlah $5.5 juta dengan Harga Rancangan $60.3 juta di bawah RKN-11 disediakan untuk melaksanakan beberapa projek mitigasi banjir.

Untuk memelihara kesejahteraan dan kebajikan penjawat awam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi kakitangan dalam perkhidmatan *Open Vote* dan gaji hari dalam Bahagian IV dan V yang memenuhi syarat untuk diserapkan ke dalam Perkhidmatan Tetap dan akan menerima semua kemudahan-kemudahan di bawah Perkhidmatan Tetap berkenaan. Mulai Tahun Kewangan 2022/2023 peruntukan untuk pekerja *Open Vote* dan bergaji hari telah disediakan sejumlah $107.63 juta di bawah Gaji Kakitangan.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada 24 Februari 2022 iaitu berkaitan dengan Skim Tabung Amanah Pekerja iaitu kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023. Dalam pada itu, baginda juga menekankan bahawa segala persiapan sebelum pelaksanaan penuh dibuat hendaklah dilaksanakan dengan teratur antaranya pindaan kepada akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan termasuklah pemberigaan. Apa yang penting, mereka yang terlibat dalam skim ini nanti akan memahami berkenaan Skim Persaraan yang baharu yang dimaksudkan.

Untuk membantu tenaga-tenaga pengajar dan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan yang menerima Skim Miftaahun Najaah (SMN) di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa melaksanakaan inisiatif-inisiatif sesi pengajian dalam talian (*online teaching*) dan sesi pembelajaran dari rumah

(*Home-based Learning)* kerajaan telah menghulurkan bantuan-bantuan seperti yang berikut:

i. Dari bulan Oktober dan November 2021, bantuan berbentuk *monetory* sejumlah $20.00 sebulan bagi setiap tenaga pengajar. Manakala bagi pelajar pula *data donation* yang dikumpulan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi telah digunakan untuk membantu pembelajaran sebanyak 10 *gigabyte* setiap bulan manakala pihak kerajaan akan membayar *top-up* jika diperlukan tertakluk kepada tuntutan dari syarikat-syarikat telekomunikasi yang disahkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.;

ii. Bagi penggal persekolahan tahun 2022, kerajaan telah menyewa peranti dari syarikat-syarikat telekomunikasi untuk digunakan oleh tenaga-tenaga pengajar dan pelajar-pelajar di bawah SPN.; dan

iii. Ke arah itu, sejumlah $8.4 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi disediakan untuk membiayai projek pembekalan komputer riba dan *Internet Data* bagi tenaga pengajar dan penuntut di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama khas untuk penuntut-penuntut di bawah Skim SPN.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Menjamin Sekuriti Makanan Atau *Food Security*. Kerajaan akan terus memastikan bahawa bekalan makanan di negara ini sentiasa terjamin termasuk hasrat untuk mencapai sara diri dan mengurangkan kebergantungan pada import semata-mata. Pada masa yang sama negara juga berdepan dengan cabaran inflasi global yang semakin meningkat iaitu termasuk inflasi bagi makanan.

Pada masa yang sama, *food and agriculture organisation (FAO*), *Global Food Price Index* telah mencatatkan bahawa kadar inflasi makanan global pada bulan Januari 2022 adalah pada kadar 19.5% tahun ke tahun berbanding dengan 3.2% pada tahun 2020. Antara penyebab utama kenaikan harga makanan di dunia ini disebabkan oleh permintaan yang mendadak berikutan krisis di peringkat serantau dan global akibat bekalan yang terjejas di negara-negara pembekal, peningkatkan kos logistik dan pengangkutan berlipat ganda, kenaikan kos bahan mentah seperti benih dan baja, penutupan kilang-kilang pengeluaran makanan disebabkan oleh pandemik dan keadaan cuaca ekstrim seperti musim kemarau atau hujan berterusan yang menjejaskan hasil penuaian di negara pembekal dan seterusnya mengurangkan kuantiti import.

Peningkatan kadar inflasi makanan global yang di luar kawalan negara ini tidak dapat dielakkan dan seterusnya

memberi impak bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga kepada pengusaha negara ini.

Justeru, dengan mengambil kira kadar import makanan negara yang tinggi iaitu sebanyak 74% kadar inflasi yang tinggi dari pembekal-pembekal luar negara *(imported inflation)* telah menyumbang kepada kenaikan harga barang di negara ini. Kadar inflasi makanan di negara ini bagi tahun 2021 adalah sebanyak 2.4%. Oleh yang demikian, mustahak bagi negara ini untuk terus memastikan bekalan makanan yang mencukupi dengan meningkatkan hasil keluaran makanan dalam negara ke arah meningkatkan kadar sara diri (*self sufficiency)* dan mengurangkan kebergantungan pada *import.*

Oleh itu bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa terjamin termasuk untuk mencapai *self sufficiency* beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam meningkatkan pengeluaran dari sektor pertanian, perikanan dan ternakan. *Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd.* dengan projek penanaman padi Kandol telah berjaya mengembangkan keluasan ladang padi dari 8.23 hektar pada tahun 2019 kepada 48 hektar pada bulan November 2021 dan akan diperluaskan seterusnya sehingga 173 hektar pada penghujung tahun ini.

Ke arah itu, sejumlah $10 juta dengan Harga Rancangan $46 juta terus disediakan bagi Projek Penanaman Padi Fasa Kedua di Kandol Daerah Belait yang dijangka siap pada tahun 2026 dengan keluasan 500 hektar yang berpotensi untuk menyumbang sebanyak 11% hingga 15% tahap sara diri, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .

Di samping itu, sejumlah $9 juta juga disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi termasuk bagi pembelian benih-benih padi *hybrid* bagi kegunaan peladang-peladang.

Ke arah mendukung usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran industri akuakultur sejumlah $1.9 juta dengan Harga Rancangan $3.8 juta disediakan di bawah RKN-11 iaitu bagi memajukan dan membuka tapak-tapak industri akuakultur, melaksanakan Program Perkembangan Genetik dan Pembiakan Selektif Ikan bagi Meningkatkan Produktiviti Industri Akuakultur, Industri Ternakan Udang Fasa IV dan Program Meningkatkan Pengeluaran Industri Akuakultur.

Bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti di sektor perikanan, beberapa syarikat usaha sama telah ditubuhkan antara lainnya seperti yang berikut:-

i. *Syarikat Blue Ocean Tech Sendirian Berhad* yang mengendalikan projek penetasan dan pembiakan udang biru rostris di Pusat Perkembangan Induk Serasa.;

ii. *Syarikat Jets Sendirian Berhad*, yang mengendalikan projek ladang penternakan udang biru rostris di Sungai Paku, Telisai Tutong dan Tapak Ternakan Laut di Tapak Akuakultur Pelumpong.;

iii. *Syarikat Lianfeng Investment Sendirian Berhad* yang mengendalikan pemprosesan udang biru rostris dan makanan laut di Kompleks Pendaratan Ikan Muara.;

iv. *Syarikat Barramundi Asia (B) Sendirian Berhad*, telah mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021 di sebuah tapak penternakan anak-anak ikan (*fingerlings)* di darat yang menggunakan teknologi *Recirculating Aquaculture System* di *Broodstock Development Centre*, Serasa dan sebuah tapak ternakan ikan *juveniles* laut di Tapak Akuakultur di Pelumpong. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ syarikat ini berpotensi untuk menghasilkan ikan barramundi dengan kapasiti tahunan sebanyak 3,000 tan selepas tahun 2026.; dan

v. *Syarikat Golden Corporation Sendirian Berhad* telah membuat pengeluaran berjumlah 4,200 tan udang putih spesis *vanamie* dari penuaian yang dibuat pada tahun 2021. Ini merupakan kenaikan sebanyak 150% dari tahun 2020. Setakat ini sejumlah 156 kontena udang putih telah dibekalkan bagi pasaran eksport.

Untuk mendukung peningkatan keluaran sayur-sayuran dengan menggunakan teknologi, teknik moden dan untuk membantu meningkatkan produktiviti sejumlah $5 juta dengan Harga Rancangan $30 juta telah disediakan.

Manakala di bawah Sektor Ternakan sejumlah $3 juta dengan Harga Rancangan sejumlah $26 juta di bawah RKN–11 disediakan untuk membiayai Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran.

Berikutan daripada impak pandemik *COVID-19*, *Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad* telah pun bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memastikan jaminan makanan (*food security)* khususnya bekalan daging di negara ini mencukupi dan stabil mengikut permintaan pasaran tempatan. Sepanjang tahun 2021, *Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd.* telah mengimport sebanyak 13,885 ekor lembu dan 5,681 ekor kambing yang sedia untuk disembelih bagi menampung kekurangan bekalan daging di negara ini.

Ke arah memastikan keselamatan dan kualiti makanan di negara ini, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Autoriti Makanan Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam *Food Authority (BDFA)* telah ditubuhkan pada 1 haribulan Januari

2021 sebagai *competent authority* yang bertujuan mendukung fungsi dan peranan *BDFA* seperti Perintah Daging Segar (2011) (Pindaan) 2020 dan Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182 (Pindaan) 2020 dan beberapa perundangan dan peraturan baharu juga sedang diubah untuk mengukuhkan lagi isu keselamatan dan kualiti makanan di negara ini. Di peringkat operasi, *BDFA* menjalankan aktiviti rutin untuk memastikan makanan yang diimport ke Negara Brunei Darussalam memenuhi keperluan keselamatan makanan, antaranya seperti ujian mikrobiologi dan kimia bagi konsainan daging yang diimport sebelum diberikan kebenaran untuk dijual serta pengesahan keselamatan bagi makanan proses yang diimport. *BDFA* juga membantu memudah cara perkembangan industri makanan tempatan ke arah memenuhi keperluan pasaran eksport melalui pemeriksaan premis pemprosesan dan pengeluaran pensijilan yang diperlukan seperti Sijil Kesihatan Eksport, Sijil Penjualan Bebas bagi barangan makanan berproses serta Pengisytiharan Bebas Dari Lemak Haiwan mulai pada 1 Oktober 2021.

Bagi menangani isu inflasi makanan di negara ini, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik atau JPES sedang giat melaksanakan pemantauan dan pengkuatkuasaan harga barangan tertentu. Beberapa pindaan juga telah dibuat ke atas *Price Control Act (Amendment) Order* 2021 Penggal 142, *Price Control (Maximum Prices and Charges) (Amendment) Order, 2021* dan *Price Control (Minimum Price and Charges) (Repeal) Order, 2021.* Pindaan ini antara lainnya, bertujuan untuk membolehkan maklumat-maklumat relevan diperolehi daripada pihak peniaga bagi kerja pemantauan harga barangan asasi tertentu sebagai kegunaan *input* dasar dan penguatkuasaan kawalan harga. Selain dari pengawalan harga secara berterusan bagi beberapa jenis makanan, JPES juga setiap minggu memuat naik harga pasaran bagi lebih 100 produk makanan dan bukan makanan diaplikasi Pengguna Bijak bagi membolehkan orang ramai membuat perbandingan harga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

3. Mendukung dan Membantu Sektor Swasta Agar Berdaya Tahan dan Berkembang. Berikutan dari tercetusnya gelombang kedua wabak *COVID-19,* kerajaan akan terus memberi sokongan dan perhatian yang sewajarnya kepada premis-premis perniagaan dan pekerja-pekerja sektor swasta yang terkesan dengan langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

i. Penangguhan pembayaran (atau *deferment)* ke atas caruman TAP dan SCP bagi pekerja-pekerja tempatan yang berpendapatan $1,500 sebulan dan ke bawah

di sektor-sektor yang terjejas dalam kategori Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) iaitu dengan jumlah pekerja yang tidak melebihi daripada seratus orang mulai 1 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2021.;

ii. Pemberian subsidi pembayaran gaji sebanyak 25% kepada pekerja tempatan di bawah Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai pekerja yang tidak melebihi daripada 100 orang mulai 1 Ogos hingga 31 Disember 2021.;

iii. Pembiayaan caruman SCP kepada golongan yang bekerja sendiri mulai Ogos 2021 hingga Disember 2021 bagi membantu mereka yang bekerja sendiri yang terkesan dari wabak ini serta memastikan mereka akan mempunyai perlindungan *Survivorship Fund* yang berterusan.;

iv. Bantuan berupa kewangan bermula 1 September 2021 bagi tempoh tiga bulan telah diberikan kepada tiga golongan pekerja di sektor swasta yang terkesan disebabkan oleh wabak *COVID-19* iaitu mereka yang kehilangan pekerjaan, mereka yang dicutikan tanpa gaji melebihi tujuh hari dan mereka yang bekerja sendiri (*self employed* atau *freelance).;*

v. Memberikan diskaun sekurang-kurangnya 30% ke atas kadar sewa bangunan kerajaan kepada PMKS mengikut perusahaan yang terjejas. Ini untuk membantu mengurangkan kos operasi kepada pengusaha-pengusaha yang dimaksudkan.;

vi. Memberikan *tax discount* sebanyak 50% ke atas cukai pendapatan korporat bagi tahun taksiran 2022 kepada sektor yang terjejas.;

vii. Memberikan 20% diskaun untuk bil-bil air dan elektrik ke atas syarikat yang terjejas.;

viii. Pengecualian sementara *duty custom* dan *duty excise* bagi produk-produk *Personal Hygiene* sehingga 31 haribulan Disember 2021.;

ix. Pemberian pengurangan Cukai Bangunan semasa dan tahunan maksimum sebanyak 50% bagi tempoh 5 bulan bermula 1 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021 kepada pemilik bangunan yang mengurangkan sewa bulanan kepada penyewa, di bawah kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Lembaga Bandaran Tutong.

Untuk membantu mengembangkan Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti yang berikut:

i. Program *Industry Business Academy*, *Accelerate* dan *Micro Bootcamp* yang dianjurkan oleh *Darussalam Enterprise* akan

diteruskan dengan memberikan latihan keusahawanan kepada lebih 10 ribu peserta. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ program ini telah berjaya menjana sekitar 241 *startups* dan 956 pekerjaan berbanding 609 kerja kosong pada tahun 2020. Melalui program tersebut, *angel investors* tempatan dan serantau juga telah melabur secara kolektif sebanyak 2.2 juta kepada 23 buah *startups.* Seterusnya, *Darussalam Enterprise* juga membantu sebanyak 31 buah syarikat untuk mendapatkan pensijilan piawaian antarabangsa dan 7 buah syarikat untuk mengeksport produk perkhidmatan masing-masing ke pasaran luar negara. Sebanyak 199 buah syarikat telah menjalani latihan berkaitan S*tandards.;*

ii. Program Keusahawanan Runcit yang dilancarkan pada 6 April 2021 oleh *Syarikat Ghanim International Corporation Sendirian Berhad* iaitu sebuah syarikat dalam *Darussalam Assets Sendirian Berhad* merupakan inisiatif kerajaan untuk mendorong penyertaan tempatan dalam industri runcit dan memberi laluan bagi produk-produk Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) mencapai sasaran. *Syarikat Ghanim International Corporation Sendirian Berhad* juga bertindak sebagai fasilitator untuk mempromosikan usahawan muda tempatan sebagai pengurus dalam menjalankan *franchise 'The Junction'.* Program tersebut beroperasi di kawasan Perumahan *Armada Tungku Estate* di bangunan *BIBD Connect* Kampung Perpindahan Lambak Kanan dan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri dan setakat ini, seramai 3 usahawan muda tempatan telah layak mengikuti program tersebut.;

iii. Menyentuh mengenai Program *i-Usahawan* yang telah diperkenalkan pada 1 Ogos 2018 lalu sebanyak 39 kontrak dalam sektor tenaga telah dikenal pasti, iaitu 22 kontrak daripadanya telah pun dianugerahkan kepada 34 pengusaha-pengusaha belia dengan anggaran nilai kontrak berjumlah $30 juta. Pengusaha-pengusaha belia berkenaan juga telah berjaya menjana 317 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.; dan

iv. Souq Al Qudwah adalah inisiatf Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan mualaf dan asnaf yang berdaftar di bawah Pusat Da'wah Islamiah. Program ini bertujuan mewujudkan kesedaran, mempromosikan produk, menjana pendapatan agar dapat berdikari dan bebas daripada segi kewangan untuk memberhentikan kitaran kemiskinan dan mengurangkan pergantungan pada bantuan zakat. Ekspo ini telah disertai oleh 23 buah

vendor dan melibatkan penyertaan kira-kira seramai 100 orang.

Ke arah menggalakkan pertubuhan sektor swasta atau industri-industri untuk menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi, beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

i. Sektor Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian Negara, sejumlah $3.8 juta dengan Harga Rancangan 20 Juta disediakan di bawah RKN ke-11 bagi Projek Pembinaan Jejambat di Persimpangan Lebuh raya Muara-Tutong dan penempatan Tapak Industri Tanjong Kajar.; dan

ii. Ke arah meningkatkan pembangunan sektor swasta sejumlah $1 juta dengan Harga Rancangan $5.4 juta di bawah rancangan RKN ke-11 disediakan untuk menambah baik dan menaik taraf utiliti asas di kawasan tapak-tapak perindustrian dan komersial.

Darussalam Enterprises juga memainkan peranan dalam memperkembangkan PMKS di samping membantu menyediakan infrastruktur asas di tapak-tapak industri di bawah pihak berkenaan. Ke arah itu, pihak *Darussalam Enterprise* telah memperuntukkan sebanyak $23 juta bagi projek penambahbaikan dan menaik taraf infrastruktur-infrastruktur di tapak-tapak industri yang dikenal pasti dan dijangka bermula pada Mac 2022 untuk tempoh dua tahun.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pandemik *COVID-19* telah mempercepatkan proses tranformasi digital dengan menekankan kepentingan kepada industri-industri termasuk masyarakat untuk dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dengan peralihan dalam era ekonomi digital. Oleh itu, antara usaha-usaha untuk mendukung keutamaan ini termasuklah:

i. Pelancaran Sistem Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri telah diintegrasikan dengan Sistem *e-Payroll* kerajaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.;

ii. Pelaksanaan Sistem *Exit* dan *Entry System (EES)*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah berjaya mengutip sebanyak $945,000.00 bermula Oktober 2020 hingga Januari 2022.;

iii. *One Common Billing System (OCBS)* Jabatan Perbendaharaan yang mula digunakan pada bulan Januari 2020 dan telah dilaratkan penggunaannya di beberapa jabatan kerajaan. Pengunaan *OCBS* juga telah dilaratkan secara *partial* bagi Jabatan Kehakiman Negara, Bahagian Harta

Intelektual Brunei Darussalam (BruIPO) di bawah Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Kesihatan bagi pembayaran wabak *COVID-19 swab test* dan caj klinik melalui applikasi *BruHealth* dan jabatan berkenaan hanya menggunakan kaedah pembayaran atas talian melalui kad kredit atau debit.;

iv. Projek Sistem *e-Census*, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik telah mendukung pengendalian Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 secara atas talian dan hasil Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Negara Brunei Darussalam juga telah digunakan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan bagi Program Vaksinasi Kebangsaan dalam menangani penularan wabak *COVID-19 .*; dan

v. *Coding.bn* di bawah inisiatif *Authority for Infocommunications Technology Industry (AITI)* yang disokong oleh *Manpower Industry Steering Committee Working Group* untuk sektor *ICT* untuk melatih calon belia tempatan dalam program *coding* mengikut piawaian industri global.

Ke arah mendukung keutamaan di bawah *Digital Economy Master Plan 2025*, pihak *UNN* telah memperluaskan Program Rangkaian *Single Radio Access Network (S-RAN)* dengan pelaksanaan sebanyak 80% liputan seluruh negara ini. Ini bermakna infrastruktur rangkaian adalah *"5G ready"* dan bersedia untuk pelaksanaan 5G pada masa hadapan nanti.

Negara Brunei Darussalam juga telah memperbaiki kelajuan rangkaian *mobile* dan mencapai kedudukan pertama antara negara *ASEAN* dan kedudukan ke-17 di seluruh dunia berdasarkan *Speed Test Global Index*. Di samping itu, berikutan pertubuhan pusat *Defense Cyber* pada bulan Ogos 2020, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ *UNN* juga telah berjaya melancarkan perkhidmatan *Data Center Co-Location* bertaraf *Tier 3* dan perkhidmatan *Cloud Hosting* pada akhir tahun 2021 selaras dengan inisiatif digital bagi menyokong Wawasan Brunei 2035.

Ke arah mendukung matlamat ini, khususnya dalam memantapkan keberkesanan perkhidmatan kerajaan dalam mendukung keperluan sektor swasta untuk mewujudkan persekitaran peniaga yang lebih kondusif dan berkesan, beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

i. Sejumlah $13.2 juta dengan Harga Rancangan $75.9 juta di bawah sektor Teknologi Maklumat dan Infokomunikasi di bawah RKN-11 akan terus disediakan antaranya termasuk Projek Sistem Pensijilan Halal, platform perkhidmatan

perniagaan nasional dan cukai bangunan elektronik.; dan

ii. Sejumlah $87.4 juta bagi Peruntukan Teknologi Maklumat di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang kementerian-kementerian secara keseluruhan bagi *IT Central Procurement* dan lesen-lesen *software* semua kementerian dan jabatan.

Mengambil kira akan kepentingan untuk mempelbagaikan ekonomi negara, kerajaan juga akan terus menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* di samping menjana *spin-off* aktiviti perekonomian dari pelbagai aspek termasuk *knowledge and technology transfer*, peluang perniagaan kepada PMKS dan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Setakat ini terdapat beberapa buah projek *FDI* baharu dalam fasa pelaksanaan yang dijangka mula beroperasi antara tahun 2022 hingga tahun 2026.

Kerajaan juga akan terus mendukung usaha-usaha dalam meningkatkan kerjasama ekonomi dengan rakan-rakan perdagangan antarabangsa dengan tujuan meningkatkan peluang akses pasaran dan membuka lebih banyak rangkaian pasaran eksport bagi membantu perniagaan tempatan mengeksport ke pasaran luar negara. Antara usaha yang telah dilaksanakan melalui penandatanganan perjanjian yang dimeterai termasuk:

i. Meratikfikasi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* iaitu *Free Trade Agreement* yang terbesar di dunia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022. Ia dihasrat untuk dimanfaatkan dengan memperluaskan dan mengeratkan hubungan ekonomi antara rakan-rakan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (*RCEP)*. Di samping memberi peluang baharu untuk pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Negara Brunei Darussalam terutamanya dari segi akses pasaran dan peluang-peluang pelaburan. Bagi meningkatkan kefahaman mengenai peluang-peluang dan kaedah yang boleh diraih dan juga kapasiti-kapasiti syarikat-syarikat tempatan dalam penggunaan perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* (*RCEP)* ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, إِنْ شَاءَ ٱللهُ akan mengadakan sesi-sesi pemberigaan dengan pihak swasta dalam masa yang terdekat ini.;

ii. Perjanjian Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan iaitu *Agreement For The Avoidance Of Double Taxation And The Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes On Income* bersama Republik Filipina. Melalui perjanjian ini, kedua - dua negara akan

dapat meningkatkan lagi kerjasama ekonomi, pelaburan dan perdagangan termasuk memudahkan pertukaran maklumat bagi isu-isu percukaian.;

iii. Dalam pada itu, kaola menyeru agar perusaha-perusaha tempatan dapat merebut peluang-peluang perniagaan dan pelaburan dengan terbukanya akses pasaran yang lebih besar ini melalui penandatanganan perjanjian-perjanjian ini.

Seterusnya tumpuan juga akan terus diberikan dalam meningkatkan keupayaan perkhidmatan logistik dan pengangkutan bagi mendukung rantaian bekalan barangan penting dan kritikal dapat diterima oleh pengguna dalam tempoh masa yang diperlukan dan dalam keadaan yang sempurna. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mendukung usaha-usaha di bawah keutamaan ini termasuklah:

i. Penandatanganan antara *Brunei International Air Cargo Centre Sdn. Bhd. (BIACC)* bersama pihak berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) bagi Perjanjian Penyewaan, Pengurusan Operasi dan Penyelenggaraan Depot Kontena Darat *(ICD)* di Sungai Tujuh dan Kuala Lurah. Melalui penandatanganan tersebut, pelbagai perkhidmatan dan kemudahan pengendalian akan ditawarkan, yang akan memberi faedah kepada pengendali dalam logistik juga rantaian pengangkutan kedua-dua belah sempadan.; dan

ii. Projek pengembangan Pelabuhan Muara yang matlamatnya untuk menambah kapasiti terminal kontena yang sedia ada daripada 220 ribu *TEUs* setahun kepada 500 ribu *TEUs* setahun menjelang tahun 2025. Kerja-kerja pembinaan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan bermula pada suku tahun pertama tahun 2023. Projek ini adalah inisiatif dan komitmen pihak *Muara Port Company Sendirian Berhad (MPC)* untuk menjadikan Pelabuhan Muara sebagai *Hub* Antarabangsa yang bertaraf dunia bagi memudahkan pertumbuhan industri pembuatan dan logistik di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

4. Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah *Work and Future Ready*. Tumpuan adalah diberikan untuk memastikan sistem pendidikan negara adalah sentiasa relevan agar generasi sekarang dan akan datang akan terus memiliki kemahiran tinggi, fleksibel, inovatif*, future ready, creative* dan boleh disesuaikan *(adaptable)* sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang dalam pasaran pekerjaan tempatan khususnya dalam era Revolusi Industri Ke-4.

Sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi pertubuhan ekonomi negara, melalui perkembangan *PMKS* tempatan dan menarik lebih banyak *FDI,* kerajaan akan terus menyediakan kursus dan juga latihan melalui pelbagai agensi seperti *Darussalam Enterprise, Manpower Planning and Employment Council* dan Kementerian Pendidikan, termasuk latihan sambil bekerja seperti program *i-Ready* bagi pekerja-pekerja tempatan untuk meningkatkan kapasiti diri dan memanfaatkan peluang-peluang pekerjaan baharu.

Selain itu, *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* melalui sekretariat *MPEC* telah melaksanakan kajian berkenaan dengan *manpower forecasting* untuk memastikan program-program dan kursus-kursus yang dijalankan dan disediakan selaras dengan keperluan industri khusus bagi syarikat Pelaburan Langsung Asing.

Pada masa yang sama *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* juga telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk mendukung visi *MPEC* dalam penyejajaran perancangan tenaga manusia dengan kebolehpasaran anak tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang *sustainable* dan *gainful. MISC* akan menyelaras antara industri, institusi pendidikan dan institusi latihan ke arah memenuhi permintaan industri serta memastikan bekalan sumber manusia yang mencukupi pada waktu yang tepat.

Lima sektor yang sedang diteliti oleh *MISC* pada masa ini ialah sektor *Energy, Construction*, *Hospitality* dan *Tourism*, *ICT* dan *Transportation and Logistics. MISC* bersama Sekretariat *MPEC* telah mengumpulkan dan meneliti peluang pekerjaan (*critical occupation)* termasuk jenis dan jumlah pekerjaan yang sedia ada dan unjuran tenaga kerja 5 tahun ke hadapan dalam sektor masing-masing. *Critical occupation* merupakan jenis-jenis jawatan yang banyak diperlukan oleh pihak industri dan ia juga dikenal pasti sebagai jawatan-jawatan yang sesuai boleh diisikan oleh anak-anak tempatan. Di samping itu, *competency standards* ataupun *framework* serta kurikulum latihan bagi *critical occupation* yang telah dikenal pasti di sektor berkenaan akan dibentuk berdasarkan keperluan dan kehendak dari industri serta menghasilkan beberapa program kemahiran baharu untuk dilaksanakan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti Program *Dual Technical and Vocational Education and Training (TVET)* dan *Architect Mechanical and Electrical Civil and Structural (ARMECS) Bridging Programme* untuk memberikan latihan kemahiran selaras dengan keperluan industri sektor pembinaan.

Selain itu juga, kerjasama yang berterusan dengan pihak Kementerian

Pendidikan akan terus dijalankan. Ini adalah untuk memastikan pendidikan serta latihan kemahiran akan dapat dikemaskinikan dan disediakan sama ada oleh pihak institusi pengajian kerajaan mahupun institusi pengajian swasta.

Berkenaan dengan maklumat unjuran tenaga kerja serta kompetensi yang diperlukan, pihak Sekretariat *MPEC* akan juga terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk membolehkan penyediaan dan pengemaskinian kurikulum yang bersesuaian dalam memastikan latihan yang dijalankan membolehkan anak-anak tempatan mengisikan jawatan-jawatan yang telah dikenal pasti melalui unjuran berkenaan.

Sebagai tambahan bagi *upskilling* dan *reskilling programme* seperti *SkillsPlus*, ia diharap akan dapat membantu anak tempatan dalam sedikit sebanyak mengurangkan jurang yang diperlukan dalam melaksanakan sesebuah pekerjaan.

Sukacita kaola mengongsikan beberapa inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi mendukung usaha-usaha tersebut seperti yang berikut:

i. Pertubuhan Fakulti Pertanian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), dengan peruntukan sejumlah $9 juta akan disediakan di bawah Perkhidmatan Rampaian untuk membiayai penambahbaikan dan penaiktarafan bangunan kampus UNISSA di Kampung Sinaut, Daerah Tutong.;

ii. Program Agroteknologi yang di tawarkan oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) adalah untuk menyediakan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang argobisnes dan dan teknologi tradisional serta pertanian moden.; dan

iii. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ beberapa pencapaian signifikan telah dicapai oleh institusi-institusi pengajian tinggi antaranya:

   a. UTB dianugerahkan *5-plus star* bagi kecemerlangan oleh *QS*.;

   b. UBD berada di kedudukan ke-69 di Asia mengikut kedudukan universiti *QS Asia* 2022 dan ke-250 pada kedudukan universiti dunia *QS* 2022.; dan

   c. UNNISA dianugerahi *Global Islamic Finance Awards (GIFA)* untuk kali ketiga berturut-turut.

Untuk meningkatkan peluang graduan-graduan mendapatkan pekerjaan sejurus selepas menamatkan pengajian, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti:

i. Penandatanganan perjanjian persefahaman antara *Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN)* dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE)* bagi Program Perantisan *UNN.* Sejak

tahun 2020, *UNN* telah mengambil seramai 25 orang pelajar daripada *IBTE* dan Politeknik Brunei untuk menjalani program perantisan. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kesemua mereka telah menamatkan program perantisan pada tahun 2021. Kohort baru akan bermula, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ pada tahun 2023 selama setahun.; dan

ii. *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* juga telah menawarkan skim-skim biasiswa dan latihan-latihan dalam perkhidmatan bagi kakitangan tempatan, antaranya, seperti yang berikut:

a. Seramai 138 orang penuntut dari UBD telah dianugerahkan biasiswa iaitu peningkatan sebanyak 35 orang penuntut dalam bidang Kejuruteraan Proses dan Kimia bersama UBD dan Universiti Zhejiang, yang program ini juga merangkumi latihan industri di kilang petrokimia *Zhejiang Hengyi Petrochemical Company Limited* di Republik Rakyat China selama 6 bulan.;

b. Seramai 241 orang penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE)* telah dianugerahi biasiswa dalam bidang Kejuruteraan Kimia dengan kerjasama *Lanzhou Petrochemical Polytechnic College (LPP),* Republik Rakyat China.;

c. Seramai 242 orang penuntut dari Politeknik Brunei sedang mengikuti *Level 5 Diploma* di *Lanzhou Petrochemical Polytechnic College* (LPP), Republik Rakyat China, seperti *Laboratory Technology, Chemical Engineering, Chemical Equipment Technology, Power Plant and Power System, Storage and Transportation Technology, Thermal Power Plant Technology* dan *Water Treatment Technology*. Penuntut-penuntut ini nanti akan ditawarkan pekerjaan dengan *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* sebaik sahaja berjaya menamatkan pengajian mereka. Setakat ini, seramai 111 orang graduan dari UBD dan *IBTE* telah mula bertugas dengan Syarikat Hengyi *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd*. Di samping itu, seramai 551 orang anak tempatan juga pada masa ini berkhidmat di *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* dalam pelbagai peringkat jawatan.

Seterusnya, inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

i. Program *Study in Professional Institution (SPIN) in Accountancy* di bawah *MPEC* adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan *Brunei Darussalam Institute of Chartered Public Accountants (BICPA)* yang

bertujuan mengembangkan dan meningkatkan kumpulan profesional yang khusus dalam sektor berkenaan. Pada masa ini, seramai 104 peserta telah dianugerahkan pembiayaan di bawah program ini yang akan dibimbing oleh seramai 25 mentor profesional; dan

ii. Program Biasiswa Anak Yatim yang diungkayahkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Program BIBD ALAF akan bermula pada tahun persekolahan 2022. Program tersebut dihasratkan untuk menyokong inisiatif pendidikan sebagai satu cara utama untuk membasmi kitaran kemiskinan.

Oleh itu, untuk mempertingkatkan lagi usaha ke arah mendukung hasrat di bawah keutamaan ini, beberapa peruntukan telah disediakan untuk memperkasa kualiti dan pencapaian mutu pendidikan negara. Beberapa peruntukan akan terus disediakan seperti berikut:

i. Peruntukan Biasiswa disediakan sejumlah $40.1 juta secara keseluruhannya di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi teratas di dunia.;

ii. Peruntukan Program Bantuan sejumlah $1.5 juta akan terus disediakan bagi mengendalikan Skim Miftaahun Najaah untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan untuk membeli keperluan persekolahan pelajar-pelajar.;

iii. Peruntukan Perkhidmatan Pendidikan disediakan sebanyak $47 juta bagi membiayai pengambilan pakar dan tenaga-tenaga pengajar termasuk *CFbT* bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar-pelajar di seluruh negara.;

iv. Di bawah RKN Ke-11, peruntukan secara keseluruhannya berjumlah $38 juta dengan Harga Rancangan $235 juta akan terus disediakan bagi menyediakan infrastruktur sekolah - sekolah rendah, menengah dan agama serta institusi pengajian tinggi.; dan

v. Untuk membangun keupayaan dan kapasiti perkhidmatan awam, peruntukan sejumlah $37.5 juta disediakan di bawah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti di kementerian-kementerian.

Dalam usaha untuk meningkatkan perkembangan modal insan, di samping memastikan kesediaan dan kesiapsiagaan ke arah transformasi digital dan inovasi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan iaitu sempena Hari Keputeraan

baginda ke-75 tahun pada 15 Julai 2021 bagi penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (*Council for Research and The Advancement of Technology and Sciences – CREATES)* di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebagai platform baharu untuk mempromosikan aktiviti yang berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi sekali gus menyokong keseluruhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini.

Selaras dengan usaha dalam memajukan kegiatan penyelidikan di negara ini, beberapa peruntukan telah disediakan, antaranya sejumlah $1.9 juta untuk membiayai projek-projek penyelidikan yang akan dilaksanakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan. Selain daripada itu, sejumlah $10.7 juta dengan Harga Rancangan $66 juta juga disediakan di bawah Sektor Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi, RKN ke-11.

Di samping peruntukan-peruntukan yang disediakan di atas, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah $27.5 juta di bawah Projek Fokus khusus untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan negara dan sejumlah kira-kira $108.7 juta di bawah Projek Rampaian khusus bagi menampung pembiayaan atau pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang masih dalam proses pemulihan dari wabak *COVID-19*, kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif dan menyediakan perancangan pembangunan negara yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan menjamin kebajikan, kesejahteraan serta keselamatan rakyat dan penduduk negara ini, sepertimana sebahagiannya yang telah kaola bentangkan sebentar tadi.

Dalam hubungan ini, Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan atau *Government-Linked Companies (GLC's)* juga memainkan peranan penting dalam mendukung fokus belanjawan khususnya dalam memperkukuhkan sektor swasta bagi menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, beberapa inisiatif kerajaan telah dilaksanakan melalui penglibatan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLCs*) dan usaha sama dengan Pelaburan Langsung Asing *(FDI).* Melalui *Darussalam Assets, GLC* dipastikan dan dipantau mempunyai kod pelaksanaan tadbir urus korporat ataupun *corporate code of governance* yang sesuai, memastikan model komersial yang berdaya maju, *financial reporting* yang tepat dan *risk management* yang berkesan. Melalui *Strategic Development Capital* (*SDC*), usaha sama dengan *FDI* juga adalah penting kerana *FDI* bertindak sebagai rakan kongsi teknikal, menyediakan teknologi dan akses pasaran antarabangsa dan serantau bagi produk dan perkhidmatan. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk menyediakan

negara dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur kepada negara dan rakyat serta memberikan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Kaola juga menyeru agar sektor awam dan sektor swasta untuk terus berganding bahu dalam meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi, meningkatkan lagi pelaksanaan projek melalui *Public Private Partnership* dan meningkatkan lagi usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing, agar dapat meningkatkan produktiviti negara dan membukakan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Usaha-usaha ini adalah penting bagi mengurangkan kebergantungan pada kerajaan demi kedayatahanan fiskal negara agar kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini akan berterusan dan dapat dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju, aman dan makmur di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua akan sentiasa menjadi sebuah Negara Zikir dengan penuh keberkatan di bawah perlindungan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua. آمِيْنْ.

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu "Undang-Undang Perbekalan Negara Yang Dikeluarkan Dari Peruntukan Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun Kewangan 2022/2023".

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Rang Undang-Undang dan kenyataan yang telah diberikan secara komprehensif dan penuh teratur mengenai perancangan-perancangan dan hala tuju peruntukan kewangan negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Adakah seorang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyokong Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang telah dibentangkan tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022 / 2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023, untuk memperuntukkan wang tersebut bagi maksud-maksud tertentu"** telah selesai dibentangkan dengan panjang lebar dengan penuh teratur dan komprehensif oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Rang Undang-Undang ini telah dibentangkan dengan cukup jelas dan dengan sebab-sebab serta hala tujunya sekali oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira tibalah masanya bagi kita memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya atau pun membahaskan Rang Undang-Undang ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa perbahasan ini hendaklah ditumpukan kepada asas dan kelayakannya saja. Biarlah perbincangan, kenyataan-kenyataan itu ringkas dan jelas dan tepat kepada sasarannya.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَللَّـهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola membawakan di bawah Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan. Kaola memetik kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Kebangsaan Yang Ke-38 Tahun 2022, yang berbunyi:

"…dengan menyambut Hari Kebangsaan kita dapat mengenang dan menghargai nilai kemerdekaan termasuk pengorbanan mereka yang bekerja keras untuk kemerdekaan. Seyogia kemerdekaan itu wajar dipelihara oleh sekalian rakyat dan penduduk dengan semangat patriotik yang tinggi, selaku warisan berharga yang berhak dinikmati oleh generasi demi generasi…".

Kaola suka mencadangkan supaya usaha ke arah tahap patriotisme kebangsaan yang lebih proaktif dan komprehensif.

Seterusnya di bawah Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam. Seyogia kalau tidak menjadi kesalahan tatacara kenaikan pangkat di sektor awam, dicadangkan Jabatan Perkhidmatan Awam menggalakkan ketua jabatan dan

ketua bahagian untuk membuat sokongan kenaikan pangkat kepada pegawai yang sudah berkhidmat 15 tahun yang menunjukkan pencapaian yang baik dan juga menyokong kakitangan dalam Divisyen V kepada Divisyen IV.

Contohnya kakitangan Divisyen V ada yang berkhidmat 20 tahun kerana tidak mempunyai pendidikan cukup tidak dinaikkan ke Divisyen IV, padahal sangat mahir dalam bidang profesi yang dibuatnya. Maka harus juga dilihat kemahiran dan pengalaman di samping semata-mata pendidikan.

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi.

Saya cuma ingin menyentuh mengenai satu perkara yang mungkin tidak diberi perhatian khusus iaitu perkembangan sukan. Negara telah terbukti dapat menganjurkan sukan bukan saja peringkat nasional seperti renang, bola jaring, bola keranjang dan bola sepak, malah di peringkat serantau seperti *Sukan SEA, Hassanal Bolkiah Trophpy* dan lain-lain lagi, malah sukan non-konvensional juga turut dianjurkan. Penglibatan sukan ini terbukti dapat membantu untuk mengurangkan kebergantungan kitani pada perbelanjaan kesihatan untuk menangani *non communicable diseases* dan kesihatan mental contohnya.

Sukan sebagai Program Pembangunan Sosial membantu golongan masyarakat yang memerlukan seperti kanak-kanak di luar kawalan, warga emas dan masyarakat di kawasan peringkat akar umbi. Terakhir sekali sukan dapat menyatupadukan masyarakat kitani sepertimana negara kitani bersatu padu menjayakan *Sea Games 1999*.

Pada Tahun Kewangan 2021/2022 yang dikongsikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa permuzakarahan beberapa hari yang lalu. Kebanyakan peruntukan adalah untuk penaiktarafan serta pemeliharaan infrastruktur sukan di samping gaji para kakitangan.

Pada kesimpulannya saya berpendapat sudah perlunya kitani memberikan fokus perbelanjaan yang bersesuaian untuk membina ekosistem negara yang lebih dan impaknya jelas dapat dilihat secara positif bukan saja dilihat dari segi infrastruktur akan tetapi keperluan untuk meningkatkan program pembangunan atlet dan peringkat di bawah umur 12 tahun ke peringkat *senior*.

Pembangunan Sekolah Sukan serta sukan di institusi-institusi pendidikan seperti inisiatif satu sukan satu pelajar, biasiswa sukan dan dukungan akademik di peringkat pengajian tinggi juga termasuk industri sukan sebagai kerjaya bagi semua pihak. Penjagaan atlet serta bekas-bekas atlet, penganjuran sukan *(sports hosting)* dan pelancongan sukan sebagai aktiviti menjana pendapatan negara dan lain-lain lagi perkara yang berkaitan.

Sekian sebagai tambahan nilai kepada perkara yang dibahaskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dipersilakan.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyokong juga sepenuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memelihara keperluan rakyat terutama sekali kepada negara sedang mengalami kesan yang sangat ketara semasa *first wave, second wave* dan juga sekarang fasa ketiga.

Kita sedang bergelut dengan cabaran pandemik yang semakin hebat yang ditangani, walaupun negara kita mengalami defisit pihak kerajaan masih bertungkus-lumus memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terjaga sehingga kini dengan menyediakan Peruntukan Khas sebanyak $124.52 juta pada tahun ini berbanding pada $20 juta pada tahun lepas.

Tahniah juga kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas sumbangan ketara dari sektor-sektor di bawah kawalan pihak kementerian dan pendekatan KDNK negara pada tahun 2022, iaitu sebanyak 1.4 melalui sektor pertanian, perhutanan dan juga perikanan. Walaupun negara masih berhadapan dengan cabaran ekonomi akibat kesan pandemik pada masa ini, kita masih mampu untuk bertahan dan meningkatkan usaha bagi memastikan KDNK dalam keadaan yang memuaskan.

Mengenai perkembangan Rancangan Kemajuan Negara, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, seperti yang dikongsikan melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai peta jalan RKN yang dikongsikan sebelum ini, akan tetapi saya ingin menarik perhatian pihak Dewan yang mulia ini mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, iaitu pelaksanaannya tidak seperti yang

diharapkan, bermula pada tahun 2018 hinggalah 2020 perbelanjaan RKN hanya digunakan sebanyak 29% sahaja. Nampaknya perkembangan RKN-11 sangat perlahan berbanding dengan sasaran yang ingin kita capai pada tahun terakhir RKN-11 nanti. Sepertimana yang telah dikongsikan pada Tahun Kewangan 2021/2022, terdapat 189 projek RKN dan 20 nya sudah pun siap, 13 projek ini ditunda dari RKN-10. Adakah sejumlah nanti projek-projek di RKN Ke-11 ini akan dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan bersama Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 nanti?

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya *mid term review* boleh dilakukan ke atas projek-projek Rancangan Kemajuan Negara untuk memantau dan memastikan pada setiap tahun projek-projek RKN akan mencapai sasarannya.

Sekian sahaja dari saya, semoga perkara ini akan dapat diberikan perhatian dengan lebih mendalam lagi dan menjadi salah satu nilai tambah dalam perbincangan kita. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan kenyataan-kenyataan yang telah pun dibuat tadi dalam membentangkan Rang Undang-Undang yang berkenaan nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat ada yang sudah sedikit *out of steam*.

Dengan itu saya bercadang ada baiknya kalau kita tangguhkan mesyuarat kita ini dulu dan barangkali kita dapat *digest* lebih mendalam lagi apa yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Dengan itu, saya tangguhkan mesyuarat ini dan kita akan balik bermesyuarat lagi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pada petang ini pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada sebelah pagi tadi kita telah mendengar pembentangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berhubung dengan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".**

Maka kita telah pun membuka perbahasan mengenai Rang Undang-Undang ini dengan beberapa orang ahli telah memberikan pandangan mereka dan sekarang kita sambung semula perbincangan yang awal itu dengan mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, silakan.

Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh Anggaran Belanjawan Rang Undang-Undang P00erbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penerangan yang telah diberikan yang penuh komprehensif dan menyeluruh. Sesungguhnya apa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II utarakan dan paparkan kepada kita semua, sangat-sangatlah jitu dan padu serta menepati apa yang kitani hasratkan untuk menjayakan aspirasi negara khususnya menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Tema yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan berbunyi:

"Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien". Ia dipilih tentulah dengan fokus-fokus tertentu dan dari penerangan Yang Berhormat Menteri tersebut, kita melihat satu jangka masa hadapan yang sangat-sangat mengembirakan kerana banyak peruntukan yang bakal disediakan itu akan dapat menangani masalah-masalah ekonomi dan sektor lain-lain di negara kitani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sangat tertarik dengan beberapa projek yang akan diberi keutamaan terutamanya dalam projek pertanian seperti industri akuakultur, penanaman padi di Kandol, projek ternakan dan juga projek-projek lain yang pelaksanaannya akan membawa limpahan rahmat dan rezeki kepada rakyat negara ini. Mudah-mudahan perancangan yang telah pun dirancangkan itu akan berjaya diusahakan dengan penuh komitmen dan juga penuh kerjasama dari semua agensi kerajaan secara *Whole of Government* dan berjaya menukar landskap ekonomi negara ke arah yang lebih maju lagi. Inisiatif-inisiatif baharu untuk menanai penjanaan ekonomi negara mudah-mudahan akan dapat diteruskan dengan penyediaan rang perbelanjaan ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penjanaan ekonomi ini akan terus berfaedah untuk rakyat dan negara ini terutamanya FDI yang akan diusaha sama dengan *DARe* ataupun *Darussalam Enterprise*, semata-mata untuk meningkatkan ekonomi negara.

Akhirnya, koala doakan semoga Negara Brunei Darussalam akan terus maju di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan izin dan rahmat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua. Akhirnya kaola ucapkan terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Penularan wabak *COVID-19* telah memberikan kesan kepada keseluruhan aktiviti ekonomi di seluruh negara termasuk sektor penternakan dan ini termasuklah industri ayam. Pelaksanaan beberapa sekatan telah menyebabkan ternakan terpaksa mengehadkan pengoperasian. Hal ini telah menyebabkan penurunan permintaan dan penggunaan telur, sebilangan ahli perniagaan dan pengusaha makanan tempatan.

1. Diminta pihak yang berkenaan menyatakan sejauh manakah penularan wabak *COVID-19* di negara ini memberikan kesan pada sektor penternakan telur ayam bagi memastikan bekalan makanan terutamanya bekalan telur domestik sentiasa mencukupi dan terjamin.;

2. Kaola minta pihak kementerian menjelaskan mengenai perancangan pembelian ubat *antiviral* oleh kerajaan. Apakah langkah-langkah yang diambil pihak kerajaan dalam memastikan bekalan ubat *antiviral* ini akan sentiasa mencukupi.;

3. Kaola minta pihak kementerian menjelaskan mengenai status pembekalan *Art Test Kits* yang amat diperlukan seiring dengan meningkatnya kes wabak *COVID-19* saban hari bagi memastikan kesejahteraan rakyat akan terus terjamin.;

4. Diminta pihak yang berkenaan menyatakan sekiranya ada pihak kerajaan telah melantik ejen bagi membekalkan barangan keperluan asas ke kawasan pedalaman bagi mengelakkan harga barang yang dijual ini tinggi oleh orang tengah.;

5. Kaola minta pihak yang berkenaan bagi menyatakan bilangan pasar tani dan peserta mengikut daerah dan apakah hasil pengeluaran pertanian tempatan dapat menampung keperluan penduduk setakat ini? Apakah langkah-langkah yang diambil pihak kerajaan dalam merancakkan lagi kecukupan bekalan tempatan di semua peringkat daerah?;

6. Kaola minta pihak kementerian yang berwajib menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dan seterusnya menjamin keselamatan makanan terutamanya pada masa-masa kecemasan.;

7. Kaola ingin penjelasan dari pihak kementerian bagi menyatakan apakah ada perancangan kementerian dalam menambah baik sistem pembelajaran talian *Internet* pelajar-pelajar terutamanya yang berada di kawasan pedalaman yang mana menunjukkan terdapatnya isu pencapaian Internet yang boleh menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran melalui talian yang menggunakan *Internet.* Isu pencapaian Internet ini juga dialami oleh segelintir penduduk yang tinggal di kawasan bandar yang isu *Internet lagging* terjadi oleh kerana pemakaian ramai orang dalam satu masa di satu tempat.;

8. Kaola minta penjelasan dari pihak kementerian yang berwajib untuk menyatakan adakah perancangan untuk tujuan penghasilan vaksin wabak *COVID-19* bagi memastikan keselamatan negara dan juga sebagai persediaan sekiranya berlaku varian baharu. Dengan ini juga mengurangkan pengeluaran pendapatan negara ke luar negeri.;

9. Kaola minta pihak kementerian yang berkenaan menjelaskan berhubung nasib golongan Orang Kurang Upaya selepas habis tempoh tamat pengajian. Adakah peruntukan untuk membina program yang menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan dalam usaha meningkatkan kredibiliti negara untuk menempuh pengalaman pekerjaan sebenar pada masa akan datang dan dengan pengalaman itu diharapkan boleh meningkatkan kebolehpasaran

golongan Orang Kurang Upaya di negara ini.; dan

10. Kaola mencadangkan agar syarikat-syarikat swasta dapat melibatkan diri dalam menyediakan komputer riba atau Internet kepada pelajar yang kurang berkemampuan atau dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah untuk menjalankan tanggungjawab sosial dalam membantu keperluan murid-murid dan para siswazah dengan melihat kepada aspek sesebuah syarikat itu.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ الله وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola merakamkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 untuk membenarkan pengeluaran sejumlah $5.7 bilion dari Kumpulan Wang Yang Disatukan yang sangat jelas dan komprehensif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Memandangkan situasi minyak dunia masih pada tahap yang tidak menentu tambahan kesan wabak *COVID-19*, maka sebagai negara pengeluaran minyak mempengaruhi ekonomi negara ini kerana kejatuhan harga minyak dunia dan penurunan pengeluaran minyak. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dari sektor bukan minyak dan gas, ada peningkatan kadar 1%. Walau bagaimanapun, kini fiskal negara masih menghadapi cabaran defisit sejumlah $2.5 bilion iaitu meningkat dari tahun lepas.

Maka kawalan perbelanjaan yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi kelihatannya masih diteruskan. Bagi menghadapi peningkatan defisit sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022 yang mengingatkan bahawa:

"…kewangan negara hendaklah dikendalikan dengan berhemah dan berdisiplin serta berdasarkan keutamaan…".

Sesungguhnya kaola menyokong penuh Rang Undang-Undang (2022)

Perbekalan, ini kerana ia usaha untuk mengurangkan unjuran defisit belanjawan negara, iaitu bertujuan mewujudkan *fiscal space* yang cukup agar perbelanjaan kerajaan akan dapat disalurkan kepada projek-projek utama dan perlu sahaja bagi mencapai keseimbangan belanjawan dan memastikan kestabilan fiskal negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam pembentangan tadi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan beberapa inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan sebagai cara negara ini berbelanja secara berhemah dan dirancang iaitu bertemakan: "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien" mengikut keutamaan dan keperluan serta berwaspada agar ada ruang yang luas untuk memberi pekerjaan kepada anak-anak tempatan menerusi projek perusahaan dan pelaburan yang mampu menyediakan kepelbagaian ekonomi terutama dalam sektor swasta dan menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang sudah pasti membantu perkembangan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Rakyat harus bersyukur kerana perbelanjaan masih mengutamakan keperluan kebajikan dan kesejahteraan awam yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, keagamaan, kebeliaan, kemudahan-kemudahan awam dan membantu golongan Orang yang kurang mampu dan Orang Kurang Upaya serta bantuan kepada pengusaha-pengusaha sektor swasta dan pekerja sendiri yang turut terkesan dengan *Covid 19.*

Kesimpulan tadi pembentangan cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II adalah jelas rakyat dan penduduk negara ini masih dapat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memeduli rakyat di samping tidak menepikan keperluan dan matlamat penting kerajaan agar penduduk dan negara menikmati segala kemudahan dan inisiatif kerajaan secara berterusan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kaola menyentuh mengenai satu perkara, iaitu

perbekalan semasa secara *ad hoc*. Sejak gelombang kedua wabak *COVID*-19 melanda negara kita pada 9 Ogos 2021 kesemua kementerian telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah berjaga-jaga untuk melindungi kakitangannya dan menyediakan *PPE kit* ujian, sanitasi dan sebagainya. Dengan tiadanya penghujung wabak, pembelian berkenaan akan berterusan. Memandangkan juga peruntukan perbelanjaan ini adalah secara *ad hoc* tidak dirancangkan dalam bajet setiap kementerian, saya ingin mencadangkan agar setiap kementerian membuat bajet untuk perbelanjaan berkaitan dengan wabak *COVID-19* dengan membuat perancangan bajet jumlah keseluruhan perbelanjaan kementerian akan membantu Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam merancang secara strategik untuk belanjawan tahun berikutnya. Sekian, Terima Kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menggabungkan diri menyokong Rang Undang-Undang (2022), Perbekalan, 2022/2023 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kitani bersyukur dengan bajet bagi Tahun Kewangan 2022/2023 sebanyak $5.7 bilion walaupun ia kurang dari bajet Tahun Kewangan 2021/2022 tapi kaola yakin ia satu langkah penjimatan di samping usaha-usaha lain yang menjana kepada pendapatan negara melalui projek-projek berasaskan *value for money.* Dalam hal ini kaola ingin mengetahui projek-projek manakah yang terlaksanakan dalam tempoh-tempoh yang lalu dan mendatangkan hasil *value for money* yang ditekankan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu. Kaola berpendapat projek-projek berkenaan perlu diambil contoh dan kaedah dan pendekatannya untuk digunakan oleh jabatan dan kementerian berkenaan dalam membelanjakan bajet tahun ini. Kaola percaya hasil pendapatan dari projek-projek sebelumnya dan projek yang akan diungkayahkan bolehlah kitani nilai dari segi kegunaannya untuk masyarakat yang memerlukan serta dan untuk menjana projek kebajikan bagi kesenangan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga menyentuh dengan Peruntukan Rampaian yang yang berjumlah $790 juta. Kaola difahamkan jabatan-jabatan berkenaan diperlukan untuk memohon bagi mengunakan peruntukan ini. Usulan kaola supaya kalau dapat cadangan-cadangan yang dihadapkan akan dapat ditunduki dengan berkesan dan cepat dan bukan saja fokus kepada pemintaan projek – projek tertentu dan berskala besar, juga berbentuk projek *value for money* dan ia menguntungkan negara dan komuniti dan terutama kepada

program-program atau projek yang menjana kepada *incubation product,* produk-produk ciptaan orang Brunei demi membantu dalam proses pengkomersialan untuk jualan pasaraan domestik dan antarabangsa.

Produk yang kaola maksudkan adalah sebagai contoh produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME),* 1P1K dan yang berbentuk penyelidikan dari pusat-pusat pengajian tinggi dan produk-produk dan pertandingan CIPTA dan sebagainya. Kaola percaya dengan bantuan kewangan itu nanti, produk-produk ciptaan itu bukan sahaja akan menjadi kebanggaan negara akan tetapi juga akan membantu perkembangan ekonomi negara dan rakyat. Sekian, Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon sekali lagi untuk mengemukakan soalan bagi tambahan kepada soalan kaola pada sebelah petang tadi. Konsentrasi kaola sedikit terganggu pagi tadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua mungkin sebab pembentangan yang sangat komprehensif dan bernas. Kita mengetahui negara telah mula mengalami defisit yang substantif sekian lama setiap tahun bermula tahun 2015 hinggalah 2022 seperti yang dianggarkan kecuali pada tahun 2018.

Saya memahami bahawa beberapa strategi sedang dilaksanakan dan usaha-usaha negara yang tidak putus-putus dalam melaksanakan strategi-strategi tersebut. Namun, melihat kepada keperluan dan kepentingan negara untuk bertindak dan mencapai kemampanan atau *sustainability,* apakah pilihan lain yang kita ada dan bagaimanakah negara hendak mengatasi isu defisit jangka panjang ini. Negara juga telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak yang boleh tetapi kita juga tidak seharusnya menggunakan simpanan negara (*reserved fund*) kita secara berterusan. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah juga dibincangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sekarang tibalah masa bagi kita untuk mengundi sama ada Rang Undang-Undang ini kita luluskan atau sebaliknya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan Rang Undang-Undang ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat terdahulu daripada ini tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah memberikan notis untuk membuat beberapa kenyataan berhubungan beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat untuk membuat sedemikian apabila tiba masanya nanti.

Sekarang kita teruskan mesyuarat kita. Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 akan kita teliti pula satu per satu maka bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 satu per satu yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2, Ceraian (1) dan (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Bab 2, Ceraian (1) dan (2). Sekiranya ada Ahli-Ahli yang ingin untuk membahaskan, jika tidak ada maka saya ingin bertanya sekarang bagi Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Bab 2, Ceraian (1) dan (2) kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2, Ceraian (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah memohon dan berhasrat supaya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan dapat lebih dahulu dibincangkan. Dengan yang demikian, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II untuk menyampaikan penerangannya atau mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan kementerian Yang Berhormat itu, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang bagi kaola menyampaikan mukadimah di Dewan yang mulia pada hari ini. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kelapan Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada 24 Februari 2022 yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyokong peruntukan sejumlah $127,524,90 bagi Tahun Kewangan 2022/2023 untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang disenaraikan seperti yang berikut:

1. Sebanyak $43,75,680.00 untuk Gaji Pegawai-Pegawai dan Kakitangan di dalam dan di luar negeri;

2. Sejumlah $69,516,570.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang.; dan

3. Sejumlah $14,931,840.00 diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Negara Brunei Darussalam telah berjaya melaksanakan tanggunjawabnya sebagai Pengerusi *ASEAN* pada tahun lepas dengan tema: "*We Care, We Prepare, We Prosper".* Keutamaan telah diberikan dalam keselamatan dan kesejahteraan rakyat *ASEAN* lebih-lebih lagi apabila dunia sedang berhadapan dengan cabaran serantau global yang tidak menentu.

Semasa menjadi Pengerusi *ASEAN,* Negara Brunei Darussalam telah menghadapi pelbagai cabaran. Salah satu yang paling mencabar adalah penularan wabak *COVID-19* termasuk Varian *Delta* semasa gelombang kedua melanda negara kita pada bulan Ogos tahun lepas. Memandang impak wabak *COVID-19* meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti kesihatan, ekonomi, kesejahteraan dan sebagainya, adalah patut bagi *ASEAN* untuk mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha pemulihan daripada pandemik tersebut. Negara Brunei Darussalam telah mengambil keputusan sewajarnya dalam

menangani wabak *COVID-19* dengan melaksanakan sekatan perjalanan yang ketat sambil berusaha untuk meningkatkan peratus vaksinasi di negara ini.

Dalam hal ini, negara kita tidak bersendirian dalam menghadapi wabak *COVID-19.* Ini terbukti dengan bantuan dan kerjasama yang diterima dari beberapa negara termasuklah Australia, China, Jepun, Malaysia dan Singapura yang telah menyumbangkan vaksin kepada Negara Brunei Darussalam. Ada juga rakan-rakan lain yang memberi bantuan dalam memudahkan proses untuk mendapatkan vaksin serta memberi sumbangan barang peralatan perubatan dan usaha membantu negara ini menangani penularan wabak *COVID-19*.

Kaola dalam kesempatan ini, ingin mengucapkan terima kasih kepada semua negara rakan yang telah membantu. Semoga kerjasama baik ini terus terjalin dengan erat pada masa akan datang. Bantuan seperti ini adalah satu manifestasi hubungan yang akrab dan kerjasama dua hala yang aktif antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara serantau berasaskan nilai "berat sama dipikul ringan sama dijinjing".

Selain itu, *deliverables* Negara Brunei Darusalam juga telah mengambil kira keutamaan-keutamaan negara ini khususnya usaha-usaha ke arah pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 seperti pembangunan ekonomi yang mampan, persediaan untuk mengatasi cabaran masa hadapan serta membina keupayaan golongan belia supaya sebagai penganti dan ketua pada masa hadapan.

Dalam masa yang sama di peringkat *ASEAN*, Negara Brunei Darusalam telah mengetengahkan pelbagai usaha bagi proses pemulihan dari wabak *COVID-19* terutama dalam meningkatkan pembangunan komuniti *ASEAN* antaranya ialah mendapatkan persetujuan negara *ASEAN* untuk menggunakan dana sejumlah US$10.5 juta daripada wabak *COVID-19 ASEAN Response Fund* bagi mendapatkan vaksin wabak *COVID-19* untuk setiap negara *ASEAN* termasuk Brunei melalui kerjasama dengan *United Nations Children Fund (UNICEF*).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam juga telah mengetengahkan satu inisiatif yang dinamakan *Bandar Seri Begawan Declaration on the Strategic and Holistic Initiative To Link ASEAN Responses To Emergency And Disaster* (*ASEAN SHIELD*). Inisiatif seperti ini bertujuan memperkukuhkan penyelarasan antara badan-badan sektor *ASEAN* di peringkat serantau dan badan-badan agensi kerajaan di peringkat kebangsaan. Sehubungan dengan itu, *ASEAN SHIELD* diharapkan akan meningkatkan tindak balas yang cepat dan berkesan dalam menangani pelbagai situasi kecemasan dan menjana pada

masa akan datang. Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil inisiatif untuk memajukan kepentingan kerjasama dalam menangani pelbagai isu antaranya ialah isu kesihatan mental yang semakin menjadi-jadi di merata tempat lanjutan *lockdown* berkali-kali, *quarantine order* dan dengan pengasingan diri akibat wabak *COVID-19*.

Dengan terhasilnya *EAS Leaders' Statement On Mental Health Cooperation* yang diluluskan semasa Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-16 pada tahun lepas, Negara Brunei Darussalam telah mengajur *EAS Workshop On Mental Health cooperation in the COVID-19 Recovery* bersama Australia. *Workshop* tersebut telah mengongsikan pengalaman dan amalan terbaik mengenai penggubalan dan pelaksanaan dasar berkaitan dengan kesihatan mental yang masih mendapat kurang perhatian di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran setiap negara pada masa jangka panjang persediaan mesti bermula pada peringkat awal untuk melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing dan mempunyai pengetahuan dan relevan serta berani dan bersedia menghadapi cabaran isu-isu semasa pada masa yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan satu inisiatif yang dinamakan *ASEAN Junior Fellowship Programme*, yang mana program ini akan menyumbangkan kepada peningkatan kapasiti dan pengetahuan secara menyeluruh bagi pegawai-pegawai baharu dari setiap negara *ASEAN* melalui penempatan di Sekretariat *ASEAN* di Jakarta, Indonesia. Bagi menunjukkan komitmen ke arah memajukan pembangunan Komuniti *ASEAN*, Negara Brunei Darussalam akan menyumbang dana sejumlah $100,000.00 setiap tahun untuk 10 tahun akan datang.

Apabila kita melabur dalam golongan belia melalui program-program seperti ini, mereka akan menghargai kepentingan setia kawan dan persefahaman ke arah menjamin keamanan di rantau ini pada masa akan datang. Ini adalah salah satu pengajaran yang harus diterapkan dengan mendalam pada generasi zaman muda sekarang kerana dengan pemahaman ini kita dapat menjaga keharmonian dan keamanan pada masa akan datang. Selain itu, rakyat Negara Brunei Darussalam boleh memanfaatkan biasiswa-biasiswa yang ditawarkan menerusi kerjasama *ASEAN* seperti Australia *for ASEAN Scholarship* bermula pada tahun lepas dalam lingkungan 10 s*cholarship* telah ditawarkan dalam jurusan maritim, ekonomi, *connectivity* dan kerjasama pembangunan.

Ini adalah salah satu hasil daripada usaha Negara Brunei Darussalam dalam

mengeratkan hubungan *ASEAN* dengan Australia khususnya di bawah *Comprehensive Strategic Partnership*. Dari segi pembangunan kapasiti negara pula, Negara Brunei Darussalam boleh memanfaatkan kepakaran-kepakaran China dalam pelbagai bidang teknikal iaitu melalui persetujuan kerjasama teknikal antara *ASEAN* dan China untuk meningkatkan kapasiti tempatan dan memenuhi keperluan sumber tenaga manusia. Ini juga merupakan hasil daripada usaha Negara Brunei Darussalam dalam mengeratkan hubungan *ASEAN-China* sehingga terjalinnya *Comperhensive Strategic Partnership* pada tahun lepas. Selain itu, *ASEAN* juga telah mengalu-alukan United Kingdom sebagai rakan dialog baharu yang pertama dalam tempoh dua dekad. Status rakan dialog ini akan merintis ke arah kerjasama yang lebih erat antara negara *ASEAN* dan United Kingdom.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom juga pada tahun lepas telah menubuhkan dialog strategik. Ini sudah pasti akan mengeratkan hubungan baik terutamanya dalam bidang-bidang yang United Kingdom mempunyai kepakaran dan sumber-sumber yang boleh dimanfaatkan oleh Negara Brunei Darussalam seperti pendidikan tinggi, pelancongan, teknologi dan sains.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari sudut ekonomi Negara Brunei Darussalam boleh mengambil peluang untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan melalui perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* yang telah mula berkuatkuasa 01 Januari lepas. Sebagai kesepakatan perdagangan terbesar di dunia, *RCEP* ini membawa potensi yang amat besar bagi perdagangan serantau termasuk menggalakkan kemudahan perdagangan dan pelaburan *global*. Kaola juga sukacita memaklumkan bahawa *ASEAN* bersetuju bagi *ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework* yang akan memudahkan perjalanan antara negara *ASEAN, t*erutamanya dalam fasa pemulihan fasa *COVID-19*. Selain itu, pelbagai usaha lain juga telah diluluskan antaranya ialah *ASEAN Leaders' Declaration On Upholding Multilateralism dan ASEAN Leaders' Declaration On Blue Economy.* Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk menyumbangkan kepada menegakkan sistem antarabangsa berasaskan peraturan dan dalam menggalakkan keamanan, kestabilan dan kemampanan antarabangsa sepertimana termaktub dalam piagam *United Nation*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Awalnya "pohon yang besar bermula dari sebiji benih", ini adalah satu kata utama. Begitu juga dengan asas dasar luar Negara Brunei Darussalam yang berawal dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lainnya menitahkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan bekerjasama dengan semua rakan untuk mencapai keamanan kemajuan ekonomi dan persahabatan dengan negara-negara lain. Atas dasar kesaksamaan saling menghormati kedaulatan dan integriti wilayah dan atas prinsip-prinsip tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara lain.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan dasar luar negara yang berpandukan kepada prinsip berbaik-baik saling memahami dan tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara lain. Bagi memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus dihormati dan terpelihara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga akan terus berusaha menjaga kepentingan keselamatan negara menerusi dasar-dasar ini di samping meningkatkan dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama dengan negara-negara luar untuk mencapai manfaat bersama serta menaikkan imej negara dalam arena antarabangsa.

Usaha ini diharap akan terus menyumbang keselamatan kesejahteraan dan pembangunan negara yang berterusan. Keutamaan juga diberikan kepada dialog perundingan rapat dengan negara lain dalam menyelesaikan isu serta memupuk pemuafakatan dalam kalangan semua pihak yang berkenaan.

Pendekatan Negara Brunei Darussalam adalah untuk melibatkan negara-negara lain secara aman dan *constructive* dengan matlamat untuk mempromosikan muhibah dan mendapatkan kaedah-kaedah bersama. Kaola percaya semua komitmen ini selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Salah satu peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah menjadi *focal point* antara agensi-agensi kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan pejabat-pejabat perwakilan luar negeri di Bandar Seri Begawan ataupun sebaliknya. Sebagai *focal point* ini, membolehkan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dengan negara-negara yang lain, ia juga memberi Kementerian ini gambaran keseluruhan strategik yang membolehkan kementerian ini untuk memberi pandangan yang *constructive* kepada kementerian-kementerian yang lainnya. Ini selaras dengan *Whole Of Nation Approach* yang tanggungjawab kementerian ini untuk menjalankan hubungan dengan negara-negara lain termasuk perkara yang berkaitan dengan hubungan politik, hal ehwal ekonomi, hal keselamatan dan mempromosikan hubungan sosio dan budaya.

Melalui pejabat-pejabat perwakilan di luar negara, Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri akan bertindak terhadap situasi kecemasan yang boleh membahayakan keselamatan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negara seperti bencana alam, kekacauan orang awam ataupun perang dan penularan pandemik *COVID-19* seperti yang kita alami sekarang.

Seperti kaola pernah terangkan pada tahun-tahun lepas, kaola ingin menyatakan bahawa bagi semua rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di luar negara atau bagi mereka yang ingin ke luar negara untuk mendaftarkan diri dalam sistem *e-Register* di laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ataupun dengan pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara. Sistem ini akan memudahkan pihak-pihak pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam untuk berhubung dengan mereka semasa keadaan kecemasan di mana mereka berada. Dengan adanya maklumat berkenaan, pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam akan dapat menghubungi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi memastikan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan mereka.

Maklumat tersebut juga akan membantu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam menghubungi ahli keluarga yang berkenaan yang berada di Negara Brunei Darussalam jika diperlukan.

Maka akhirnya kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua duta besar dan pesuruhjaya tinggi serta kedutaan, suruhanjaya tinggi Negara Brunei Darussalam di setiap pejabat perwakilan di luar negara atas khidmat bakti mereka sebagai barisan hadapan negara ini di luar negara.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi kita telah pun mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Ada tiga orang ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyuarakan cadangan mengenai dengan tajuk ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Yang Berhormat Pengerusi, saya menarik diri dari menyuarakan kerana sudah pun diterangkan dengan baik oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, yang pertama tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri atas peruntukan yang telah diperuntukkan sebanyak $127,524,090 dan juga mempengerusikan anggota-anggota negara-negara *ASEAN* pada tahun lepas dengan jayanya, tahniah. Yang Berhormat Pengerusi, kaola terus sahaja kepada satu soalan. Kita juga ada mengikuti perkembangan berita luar negara, yang kita telah sedia maklum mengenai adanya negara-negara luar, yang sudah mengumumkan terhadap penarikan balik dan kelonggaran beberapa langkah kawalan pandemik di negara masing-masing yang setentunya bertujuan menggalakkan dan membukakan perjalanan dan pergerakan orang ramai dan menghidupkan ekonomi mereka.

Negara Brunei Darussalam sejak Januari 2022 sedang melalui fasa awal endemik, dan apabila sampai waktunya jua nanti, Negara Brunei Darussalam إِنْ شَاءَ ٱللهُ juga akan mempertimbangkan perjalanan keluar masuk dengan lebih meluas ke arah menjalani norma-norma kehidupan yang baharu.

Kaola ingin mengetahui sejauhmana perancangan pihak Kementerian Luar Negeri dalam memantau *Standard Operating Procedure (SOP)*

di perwakilan-perwakilan kitani di luar negeri bagi memantau dan memastikan kesejahteraan warganegara Brunei Darussalam semasa keberadaan mereka di luar negeri sekiranya mengalami antaranya rawatan akibat jangkitan teruk serta menangani situasi-situasi yang melibatkan نَعُوْذُبِاللهِ مِنْ ذَالِكَ kematian warganegara Brunei Darussalam yang disebabkan oleh jangkitan wabak *COVID-19* dan menghendaki proses pemulangan jenazah ke tanah air menurut garis panduan negara tuan rumah berkenaan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat mengenai hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan setiap kakitangan di kedutaan ataupun suruhanjaya kitani di luar negeri. Adalah menjadi keutamaan yang penting *(top priority)* kerana sepertimana kaola/peramba nyatakan tadi, mereka ini adalah *frontliner* tetapi di luar negeri. Kalau mengikut ceritanya, pada tahun lepas, keutamaan arahan yang pertama diberikan kepada *mission* ialah untuk mendapatkan *vaccination* kerana mereka

mendapatkan vaksin lebih awal daripada kitani. Seawal-awal bulan April tahun lepas.

Jadi semua *mission* telah diarahkan untuk mengambil mana-mana vaksin yang ditawarkan oleh negara-negara yang mereka duduki. Kedua, selain itu mereka juga diarahkan untuk memakai dan melaksanakan *SOP* sepertimana kita laksanakan di negara ini menurut *SOP* Kementerian Kesihatan, seperti penjarakan, memakai sungkup muka dan menjauhi dari kawasan keramaian orang. Di samping itu juga, dilaksanakan *Business Continuity Plan* semasa sebelum mereka mendapatkan vaksinasi yang penuh dan pada masa ini memandangkan semua kakitangan di suruhanjaya dan kedutaan di luar negeri sudah mendapatkan vaksinasi mereka yang kedua, dan seterusnya ada yang mendapat *booster,* maka tatacara kerja dipermudahkan sedikit, tetapi masih dengan *SOP* seperti sungkup muka dan penjarakan sosial.

Sekiranya ada kes-kes yang teruk dan yang mengakibatkan kehilangan nyawa, maka kementerian menerusi usaha-usahanya akan memandikan jenazah secara laju dan awal tertakluk kepada permintaan daripada pihak keluarga. Ini pernah berlaku pada tahun lepas, seperti kembalinya ke rahmatullah Duta Besar di Mesir. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ semuanya selesai dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Dalam Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu di bawah Tajuk SC01A dengan jumlah peruntukan $112,592,250 iaitu khusus untuk Akaun 1114-002 - Pengubahsuaian Pejabat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Bubungan Dua Belas, yang mempunyai Anggaran Belanjawan 2022/2023 berjumlah $951,840.00 sahaja dengan Harga Rancangan RKN-11, $4 juta. Kaola ingin tahu akan perancangan dasar khususnya Bubungan Dua Belas sahaja, iaitu mengenai pengisian dan kepentingan untuk perkongsian dengan orang awam, mungkin juga maklumat sejarah atau ada perkara lain yang boleh menarik minat orang ramai berkunjung ke Bangunan Bubungan Dua Belas ini kerana dari segi nama bangunan sahaja ia sangat unik. Jadi diharap ada pemberigaan dalam dan luar negara mengenai keunikan bangunan ini. Sekian sahaja terima kasih.

Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Behormat atas pertanyaan yang diajukan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bubungan Dua Belas memanglah merupakan salah satu *landmark* ataupun tempat bersejarah dan pihak kementerian memang dari awal sudah mengetahui dan mengambil maklum mengenai perkara ini. Jadinya, pada masa ini kerja-kerja membaik pulih telah selesai dilaksanakan dan pihak kementerian sedang berunding dengan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk memajukan tapak tersebut dari segi komersial tertakluk kepada tawaran-tawaran yang dapat diterima ataupun *interest* dari pihak-pihak swasta yang bila diterima setelah ia dibuka dengan cara-cara yang disediakan. Pada masa ini syarat-syarat tersebut sedang di*develop* supaya ia lebih tulus untuk menarik pelabur-pelabur dari pihak swasta. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II atas jawapan yang telah diberikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya kira sudah sampai masanya bagi kita untuk mengundi. Ahli-Ahli bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA01A hingga Tajuk SA10A Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang akan membincangkan Jadual bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum saya membukakan tajuk ini dibahaskan dan dibincangkan, ada terdapat 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah kategori jabatan-jabatan yang dikatakan tertutup, iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara, isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara-perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka maka tidak perlu dibincangkan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya membukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri, ini kemudian saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk membuat kenyataan tentang penyediaan Belanjawan serta hala tuju Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum jawatankuasa ini membincangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara am tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Ia bertujuan memandu perbincangan supaya lebih fokus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal belanjawan yang akan dibincangkan. Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dirangka bagi mendukung tema Belanjawan 2022/2023 iaitu: "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien" serta empat keutamaannya iaitu: Memelihara Kesejahteraan Awam, Menjamin Sekuriti Makanan, Mendukung dan Membantu Sektor Swasta Agar Berdaya Tahan dan Berkembang dan Meningkatkan Kompetasi Sumber Manusia Ke Arah *Work And Future Ready.*

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti juga Rang Belanjawan 2022/2023 yang dibentangkan oleh kaola sendiri pada sebelah pagi tadi secara umumnya rang tersebut adalah pada menjunjung tinggi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda dalam mengukuhkan kemajuan dan kedayatahan sosioekonomi negara demi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk dan keamanan Negara Brunei Darussalam dalam jangka masa panjang. Ke arah itu berdasarkan tema dan empat fokus utama Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023, Jabatan Perdana Menteri menyejajarkan sasaran keberhasilan strategik yang menumpukan kepada lima matlamat strategik Jabatan Perdana Menteri seperti yang berikut:

1. Urus Tadbir yang Berdaya Maju.
   Jabatan Perdana Menteri mempunyai peranan utama dalam memastikan urus tadbir kerajaan yang mantap dan berkesan melalui pengukuhan koordinasi dan kerjasama dalam penggubalan dasar selaras dengan pendekatan *Whole of Government.*

   Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan dalam mengukuhkan mekanisme urus tadbir dalam kerajaan antaranya termasuk memantapkan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja Wawasan Brunei 2035 dan melaksanakan penyelarasan antara *Manpower Blueprint, Social Blueprint* dan *Economic Blueprint* dalam meneliti dan memantau perkembangan Wawasan Negara Brunei Darussalam.

Sesi perbincangan dan pendekatan bersama setiap kementerian, agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan terus diadakan dan dipertingkatkan melalui pelan komunikasi. Usaha diteruskan bagi memperkesankan pemberigaan wawasan bagi memastikan kefahaman dan penghayatan yang mendalam dalam setiap lapisan masyarakat termasuk ketua-ketua kampung dan penuntut-penuntut bagi sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, kaedah komunikasi yang lebih berkesan sentiasa dipertingkatkan dan diterokai selaras dengan kemajuan era digital masa ini dengan mengambil kira pandangan orang awam dan pihak-pihak berkepentingan termasuk *Ngo's,* pihak swasta dan golongan belia.

Memperbaiki aliran proses kerja pengurusan sumber tenaga manusia, perkhidmatan awam dengan pengenalan sistem Sumber Manusia (SSM). Projek ini dikendalikan bersama oleh Pusat Kebangsaan e-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Sistem yang diintigerasi dengan Sistem *Tafis 2.0* akan dapat menambah baik pengalaman pengguna atau *user experience* kepada pengguna dari awal lantikan hingga tamat perkhidmatan. SSM juga mengelakkan duplikasi proses serta memudahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan seperti elaun-elaun dan perkhidmatan kewangan yang lain.

Pemantauan jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam giat diusahakan dengan mengadakan sesi perjumpaan *bilateral* bersama Setiausaha-Setiausaha Tetap setiap kementerian untuk mengenal pasti *common issue* dalam proses pengisian jawatan kosong. Inisiatif ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat menangani isu-isu pengisian jawatan yang setentunya akan menyumbang kepada produktiviti dan pembangunan kapasiti perkhidmatan awam.

Setakat 19 Februari 2022 daripada sejumlah 454 jawatan Divisyen 1 yang kosong dan di bawah pemantauan sebanyak 140 jumlah jawatan kosong dalam Divisyen 1 telah diisikan melalui sokongan ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

Manakala 26 jawatan diisikan melalui sokongan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Secara keseluruhan bagi semua division jawatan pula sebanyak 2,380 jawatan telah selesai diisikan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2022.

Dalam usaha meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus, agensi-agensi kerajaan, Jabatan Audit berterusan melaksanakan inisiatif-inisiatif antaranya sesi perkongsian

dan dialog mengenai penemuan-penemuan audit bersama pihak kementerian dan jabatan serta pengendalian kursus audit.

Dalam pada itu, Jabatan Perdana Menteri bersama Jabatan Audit juga sedang mengemas kini Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai penubuhan Unit Audit Dalaman di kementerian dan jabatan kerajaan dalam hasrat untuk memperkukuh-kan lagi makanisme dan sistem pemantauan, kawalan-kawalan dalaman serta *check and balance* di setiap kementerian dan jabatan kerajaan.

Di samping pelaksanaan pengukuhan urus tadbir, perkhidmatan-perkhidmatan awam terus diberi tumpuan terutamanya dalam melancarkan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam pada waktu langkah-langkah kawalan penggerakan diadakan berikutan pandemik *COVID-19*. Antara contoh termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meneruskan pengendalian ujian dan temu duga bagi jawatan-jawatan kosong secara dalam talian.

Penggubalan Undang-Undang Mahkamah Sivil telah membolehkan perbicaraan diadakan secara maya. Institut Perkhidmatan Awam terus menawarkan kursus-kursus latihan pembangunan bagi warga perkhidmatan awam secara dalam talian.

Beberapa kursus celik undang-undang juga telah dikendalikan oleh Bahagian Keselamatan Pengkuatkuasaan dan Undang-Undang bersama Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Negara.;

2. Keselamatan dan Kestabilan Negara. Di bawah matlamat ini Jabatan Perdana Menteri menumpukan kepada menyediakan persekitaran kondusif bagi pembangunan sosial ekonomi dengan mengukuhkan keselamatan dan kestabilan negara melalui penguatkuasaan yang cekap, undang-undang yang sentiasa relevan dan sistem keadilan yang berkesan.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara tahun 2021/2023 yang memfokuskan mempertingkat-kan pengurusan sumber tenaga manusia dan mempercepatkan penerimaan pakai teknologi undang-undang bagi mempertingkatkan tahap perkhidmatan perundangan yang efisien, inovatif dan tegas.

Kualiti penghakiman di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah turut diberi perhatian bagi memastikan sistem keadilan yang kukuh dan berintegriti. Dalam perkara ini Mahkamah Sivil telah menubuhkan unit *In House Judicial Training*, manakala Mahkamah Syariah mengendalikan program-program *Human Capacity Building* bagi

Pegawai-Pegawai Kehakiman dan warga Mahkamah Syariah.

Latihan-latihan kompetensi secara berterusan kepada pegawai dan kakitangan kehakiman dan mahkamah seperti ini akan dapat memelihara kualiti pemberian perkhidmatan dalam undang-undang dan kehakiman yang sentiasa pada tahap yang tinggi.

Dari aspek kesiapsiagaan agensi-agensi keselamatan, kapasiti dan keupayaan tenaga kerja keselamatan dan penguatkuasaan khususnya Pasukan Polis Diraja Brunei telah dipertingkatkan seperti pengambilan Pegawai Kadet, Inspektor Percubaan *squad* dan Rekrut Polis Tambahan *(APO)*.

Di samping itu, ke arah pengukuhan keupayaan dan kapasiti serta khidmat Pasukan Polis Diraja Brunei, beberapa projek sedang dikendalikan atau dalam perancangan seperti pembinaan Balai Polis Temburong, penubuhan Akademi Pasukan Polis Diraja Brunei, pembinaan Kem Pangkalan di sempadan negara dan pembinaan Jeti Polis Marin Pasukan Polis Diraja Brunei.

Dalam pada itu agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik akan terus berganding bahu dan bekerjasama rapat dalam meningkatkan usaha-usaha mereka ke arah melindungi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dari ancaman-ancaman keselamatan dan trend-trend jenayah seperti kegiatan subversif, penyeludupan dan pengedaran dadah.

Dalam hal ini penglibatan orang ramai juga memainkan peranan yang penting sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dalam kerjasama untuk mencegah dan membanteras kegiatan jenayah khususnya di peringkat masyarakat.;

3. Kesiapsiagaan Kerajaan.
Jabatan Perdana Menteri juga memberi kepentingan kepada jalinan dan hubungan kerjasama yang kukuh antara agensi-agensi kerajaan serta pengupayaan dan pengurusan tenaga kerja dan aset-aset kerajaan.

Penekanan dan usaha yang dilaksanakan termasuk dalam memastikan kesinambungan fungsi-fungsi utama kerajaan khususnya dalam menghadapi situasi pandemik *COVID-19*. Jabatan Perdana Menteri telah memainkan peranan pentng dalam menyelaras dasar-dasar kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Kebangsaan wabak *COVID-19.*

Perkara ini merupakan usaha secara W*hole Of Nation Approach and Whole Of Government Approach* dengan penglibatan setiap

kementerian di peringkat jawatankuasa pandu dan juga 8 buah *taskforce* yang ditubuhkan untuk meneliti pemulihan perniagaan atau *Business Recovery*, Strategi kesihatan, hal-ehwal kesejahteraan dan kebajikan penguatkuasaan, hal-ehwal rentas sempadan, hal-ehwal pendidikan, jaminan keselamatan makanan dan strategi media dan perhubungan awam.

Dalam menerapkan budaya kesiapsiagaan dalam kalangan perkhidmatan awam bagi memastikan ketersediaan masa hadapan atau *future readiness.* Pengukayahaan Anugerah Inovasi Perdana *AIP* adalah sebagai *platform* untuk meningkatkan inovasi dan usaha-usaha pemodenan dalam perkhidmatan Awam ke arah mengkukukan kerajaan sebagi sebuah kerajaan yang *future ready* bukan sahaja untuk menghadapi cabaran masa hadapan tetapi juga siap siaga dalam meraih peluang-peluang pembangunan negara.;

4. Keberhasilan yang Memfokuskan Kepentingan Negara dan Masyarakat.;
   Kesejahteraan rakyat dan penduduk sentiasa menjadi tumpuan lebih-lebih lagi pada waktu yang sangat mencabar ini dalam situasi pandemik *COVID-19* yang telah menjejaskan pembangunan sosioekonomi negara.

Usaha-usaha dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk berterusan dipelihara antara lainnya termasuk pemedulian orang ramai dalam pemberian perkhidmatan-perkhidmatan awan diberikan tekanan dan perhatian melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang berperanan sebagai *focal point* untuk menghadapkan aduan dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemeriksaan dan konsultasi mengenai kualiti perkhidmatan.

Pada Tahun Kewangan 2020/2021 sebanyak 94.7% daripada aduan yang diterima telah dapat diselesaikan. Dalam perkara ini satu sistem e-Pemedulian Pelanggan akan disediakan bagi memudahkan lagi orang ramai menghadapkan aduan sebagai *feedback mechanism* ke arah peningkatan keberkesanan perkhidmatan - perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai.

Melalui *ManPower Planning and Employment Council (MPEC).* Dalam pada itu projek-projek kolaborasi dengan institusi-institusi latihan dan sektor industri turut giat dilaksanakan sepanjang tahun termasuk penyediaan program-program kompetensi dan mengadakan acara-acara pengambilan pekerja. Antara bidang-bidang pekerjaan yang dipromosikan adalah dalam sektor tenaga, pembinaan, marin, pelancongan dan *ICT*.

Di samping itu dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sesi *engagement* diadakan khusus untuk penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi mempersiapkan golongan tersebut untuk mencari pekerjaan melalui pendaftaran di *Job Centre Brunei* ataupun *JCB.*

Ke arah memperkukuhkan kesejahteraan awam melalui pelaksanaan dasar-dasar sosial Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS). Dalam pembentukan sosio *blueprint* Wawasan Brunei 2035 telah menjalankan analisis keadaan semasa yang melibatkan beberapa isu bersifat *cross cutting. Blueprint* ini bertujuan sebagai rujukan negara untuk jangka masa akan datang yang akan membimbing dasar dan strategi agensi-agensi berkepentingan bagi memastikan pembangunan sosio di negara ini selaras, sepadu dan berkesinambungan dengan rangka kerja Wawasan Brunei 2035.

Pembentukannya yang berpaksikan kepada maqasid syariah akan menyentuh pelbagai aspek sosial termasuk pendidikan, kesihatan mental, keselamatan sosial, perhubungan teknologi, infrastruktur persekitaran, masyarakat, pekerjaan dan mobiliti sosial.; dan

5. Organisasi yang Cemerlang dan Mantap.

Organisasi yang cemerlang dan mantap Jabatan Perdana Menteri secara berterusan melaksanakan inisiatif bagi mencapai kecemerlangan dan produktiviti organisasi antaranya memperkesan-kan pengurusan bakat kepimpinan dan mempertingkatkan kemahiran dalam perkhidmatan awam. Melalui program-program pembangunan di bawah *Leadership pipeline*, *YEP, EDPMMO* dan *EDPSGO* serta latihan-latihan kemahiran bagi warga perkhidmatan awam yang diungkayahkan oleh Institusi Perkhidmatan Awam dengan kerjasama *IPT- IPT* di negara ini seperti UBD, UNISSA, UTB, KUPUSB, *IBTE* dan sebagainya. Di samping itu, Jabatan Perdana Menteri juga telah mengenalkan kemudahan bagi pegawai dan kakitangan untuk mengikuti kursus-kursus secara separuh masa dengan yuran pengajian ditanggung oleh kerajaan melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Kesimpulannya dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa menjurus kepada matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan pendekatan *Whole of Nation Approach* melalui strategi-strategi yang digariskan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Ahli Yang Berhormat.

Jabatan perdana Menteri akan terus berusaha untuk menguruskan perbelanjaan yang diperuntukkan dengan berhemah dan memastikan setiap perbelanjaan akan menghasilkan impak positif dan signifikan kepada rakyat, penduduk dan negara secara berterusan melalui pelaksanaan keutamaan-keutamaan atau prioriti Jabatan Perdana Menteri. Berasaskan itu Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2022/2023 telah disokong untuk disediakan peruntukan untuk Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak $361,333,260 juta.

Perbelanjaan Kemajuan yang disokong pula berjumlah $23,617,210 juta. Menjadikan peruntukan keseluruhan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disokong berjumlah $384,950,470.

Sekianlah sahaja secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Pengerusi sebelum mengakhiri kaola ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara. Jika isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka.

Maka, kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan. Tidak ketinggalan juga bagi perkara-perkara yang berkenaan di bawah Jabatan Adat Isitadat Negara.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan membincangkan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA10A. Tajuk-Tajuk ini akan dibukakan untuk dibahaskan.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa oleh sebab kita mempunyai satu target untuk kita perlu meluluskan belanjawan tahun ini, maka saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat supaya kita akan dapat menumpukan perhatian kita kepada perkara-perkara yang perlu dan mengelakkan perkara-perkara yang sudah dibincangkan pada tahun-tahun

yang sudah, ditimbulkan semula ataupun ditanyakan balik-balik. Kita tumpukanlah perhatian kita supaya pekerjaan kita akan dapat berjalan dengan lancar إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Silakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh mengenai dua perkara iaitu:

1. Di bawah SA01A - Jabatan Perdana Menteri

   i. Pengurusan Teknologi Maklumat dan Pembangunan Perkhidmatan Digital. Dengan peruntukan yang diberi selain Gaji Kakitangan itu $1,376,610.00 di bawah Pengurusan Pembangunan Teknologi Maklumat, apakah perkembangan yang ada dalam memodernisasikan pekhidmatan pihak kerajaan kepada masyarakat? Masih didapati perkhidmatan menggunakan surat yang boleh dihantar melalui e-mel contohnya menggunakan teknologi yang *outdated,* contoh yang diberi oleh orang ramai ialah proses permohonan yang dapat dinilai secara digital seperti permohonan dalam talian masih memerlukan penelitian secara manual atau menghantar permohonan secara manual sekali lagi.;

2. Di bawah Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam.

   i. Antara tahun 2014 dan 2020, purata pendapatan bulanan dalam kalangan penduduk tempatan menurun sebanyak 18% seperti yang dilaporkan oleh *Key Indicator of Labour Market* dan Kajian Tenaga Kerja 2020.

   Menurut kajian dari *Centre of Strategic Policies Studies* pada tahun 2009, *reservation wage* ialah gaji minimum seseorang bersedia untuk menerimanya. Ia ditentukan oleh pelbagai faktor seperti latar belakang pendapatan keluarga, jangka masa mencari pekerjaan, jumlah tawaran kerja yang diterima, jenis pekerjaan dan kos untuk bekerja termasuk pengangkutan, pakaian, peranti dan komunikasi.

   Pendek kata, jika gaji yang diberikan tidak sesuai dengan situasi semasa, lebih tinggi kosnya untuk bekerja berbanding dengan tidak bekerja. Berikutan dengan isu *reservation wage* ini, adalah perlu pihak kerajaan untuk memastikan kualiti kehidupan dan taraf hidup memenuhi jangkaan lepasan pelajar dan graduan.

   Diambil maklum pada masa ini, bagi pihak swasta isu *progressive minimum wage* tengah ditunduki sesuai dengan kelulusan dan pengalaman. Tetapi bagi sektor kerajaan bagaimana pula?

Kajian semula tangga gaji secara keseluruhan terakhir ialah pada tahun 1999 dan jika dibiarkan pihak kerajaan boleh menghadapi isu seperti *retention of talent* yang akan menjadi lebih mencabar.

Fenomena *brain drain* merujuk kepada proses bahawa sesebuah negara kehilangan pekerja berpindah ke negara lain malah ianya juga boleh terjadi dari perpindahan dari perkhidmatan awam ke swasta.

Soalan-soalan saya ialah:

i. Berapa ramaikah sudah pegawai dan kakitangan dalam sektor awam kita yang berhenti kerana mencari gaji dan *environment* yang lebih baik di sektor swasta? Jika ramai, adakah dilaksanakan *exit interview* untuk mengetahui dan memastikan tidak ada ketirisan dalam kerjaya individu tersebut dan penambahbaikan akan dibuat bagi kerjaya dalam perkhidmatan awam.;

ii. Apakah usaha pihak kerajaan dalam *talent retention* ini bagi semua bahagian tanggagaji dan pada yang sama memberi perancangan yang bersistem bagi persediaan persaraan dan tidak hanya menghadiri kursus persediaan persaraan beberapa tahun saja lagi. Malah ada yang memberitahu mereka cuma menghadiri beberapa bulan sahaja sebelum bersara.; dan

iii. Apakah usaha untuk memastikan gaji yang diberikan bersesuaian dengan kelulusan dan pengalaman yang dimiliki. Jika ia berterusan, persaraan akan setentunya mencabar bagi ramai pekerja di sektor kerajaan. Cadangan saya ialah untuk keperluan pihak kerajaan menilai semula tangga gaji bagi seluruh jentera kerajaan pada masa sekarang. Merancang semula program kerjaya dan juga program persediaan persaraan bagi semua jentera perkhidmatan awam untuk disediakan lebih dengan baik.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Soalan pertama, mengenai digital, kenapa masa ini kita masih lagi banyak pakai dokumen fizikal. Perkara ini memang sentiasa kita *improve* sedapat-dapatnya kita masa ini digalakkan supaya kita semua pakai digital. Bukan saja di Jabatan Perdana Menteri, kementerian-kementerian lain juga, beberapa pejabat dan bahagian sudah mulai menggunakan digital seperti di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Orang ramai boleh *upload* dokumen-dokumen untuk pembayaran dan sebagainya. Apa lagi yang masa ini menghadapi wabak *COVID-19* ada *movement restriction,* lagitah kita

lagi menggalakkan orang ramai menggunakan *digital format.*

Soalan yang kedua, mengenai perkhidmatan awam yang beberapa pegawai dan kakitangan kerajaan sudah pindah kepada *private sector.* Kaola masa ini tidak terdapat statistiknya tapi barangkali dalam *exit interview* itu, kadang-kadang pegawai atau kakitangan tidak juga menerangkan kenapa mereka pindah, atas gajikah atau *working environment* ataupun sebab-sebabnya. Tapi dalam negeri ini, tidak kira orang kita bekeraja di sektor awam atau swasta. Ini semua bagi keuntungan negara sebenarnya di mana-mana saja ia bekerja.

Walaupun kita sekiranya ada sebahagian orang Brunei, ia kerja di luar negeri, itupun satu perkara yang bukannya buruk. Kalau mereka kerja di luar negeri, mereka akan ambil *experience.* Satu hari إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mereka akan balik dengan dapat dikongsikan *experience* mereka dengan orang kita.

Talent retention adalah satu perkara kalau diliat perkhidmatan awam ini, di mana-mana kementerian pada tiap-tiap tahun disediakan peruntukan untuk *training*, meningkatkan lagi kemahiran dan sebagainya Kita sentiasa meningkatkan lagi kemahiran dan *experience* bagi pegawai. Jadi yang *important* untuk *retention talent* ini, kita yang penting *create* yang *working environment* yang sesuai. Mereka punya kepakaran itu dapatlah mereka di*apply*.

Jadi, yang satu lagi mengenai kursus persaraan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ini memang satu perkara yang difokus oleh Tabung Amanah Pekerja. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan skim baru ini nanti satu *improvement* dalam skim baharu ini, pada masa ini tidak dapat kaola kongsikan secara *detail*, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mungkin apa yang dicadangkan bagi kursus persaraan ini kira *less* kritikal dibandingkan dengan skim yang ada pada masa ini.

Lagi satu mengenai gaji yang bersesuaian. Kalau dilihat pada masa ini, memang kitani akan majukan ekonomi kitani, akan dibangun lebih *advance* lagi. Dibandingkan masa ini, gaji pihak awam dan pihak swasta, memang di pihak swasta mungkin rendah sedikit dibandingkan dengan perkhidmatan awam, *because* dalam perkhidmatan awam ada lagi macam-macam kemudahan.

Kitani mesti juga memikirkan, kalau kitani hendak meng*adjust* lagi gaji dalam perkhidmatan awam, ini ada *negative implication* kepada pihak swasta *especially* pada waktu ini, kitani hendak menggalakkan supaya ekonomi ini kitani mengharapkan *private sector* ini *to be driven by private sector*, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Tapi memang gaji ini, memang kitani mesti di*review* juga tapi pada masa ini belum lagi masanya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari**.**

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola membawa di bawah Tajuk SA08A – Radio Televisyen Brunei (RTB). Pada masa ini *trend* penonton dunia maya yang kurang minat menonton televisyen dan beralih kepada *YouTube*. Apakah usaha RTB untuk meningkatkan keramaian penonton di RTB? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Itu sahaja? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memang ada satu cabaran dihadapi sejak beberapa tahun sudah kalau dibandingkan dengan zaman dahulu. Zaman dahulu memang *option* kitani itu *limited,* kalau dibandingkan dengan sekarang ini, macam-macam program kitani dapat melihat melalui *YouTube, Netflix* ataupun masa ini masih ada *Astro* juga dengan program-program di luar negeri.

Apa yang penting bagi RTB إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ, kitani memikirkan apa program-program yang tidak terdapat di *channel* di luar negeri yang seperti di *YouTube* atau di *Netflix*. Yang penting RTB memainkan satu peranan yang penting untuk *promote* keagamaan, kebudayaan dan sebagainya. Itulah lain program kitani dari RTB dibandingkan dengan yang ada di luar negeri itu.

Tarikannya memang lain, di *YouTube* macam-macam kitani dapat lihat, RTB kitani tidak dapat *compete* dengan program itu. Kalau mereka ada sudah melihat dari *YouTube* atau *Netflix* biarkan mereka melihat dari sana sahaja.

Yang penting RTB memikirkan apa lagi program-program yang mustahak kepada kitani bagi *especially* belia kitani agar dapat meningkatkan mereka punya *understanding* ataupun mereka punya *knowledge* kepada sejarah, kebudayaan kitani dan seperti yang kaola terangkan tadi, keagamaan dan sebagainya. Itulah barangkali satu hala tuju, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengajukan soalan berkenaan dengan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana kita maklum, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini telah pun dirasmikan pembukaannya pada 12 Oktober 2019 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang disempurnakan bersama dengan Majlis Perasmian Majlis Ilmu, 2019.

Dengan tertubuhnya balai khazanah ini menjadi satu tanda mercu kejayaan negara dalam usaha menjadikan negara sebagai pusat khazanah ilmu bagi kemajuan Islam. Dalam usaha penubuhannya mencapai 2 tahun lebih ini, kaola ingin bertanya, apakah perkembangan yang telah dicapai oleh balai khazanah ini memandangkan objektif penubuhannya bukan hanya sebagai balai pameran atau pusat pelancongan bahkan ia mendukung konsep ketamadunan yang lebih komprehensif yang mampu menghidupkan budaya ilmu melalui pemberigaan dan pengendalian aktviti-aktiviti keilmuan.

Apakah ada perancangan yang dibuat untuk melaksanakan aktiviti kajian dan penyelidikan dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi dan apakah ada hasrat untuk menjayakan apa-apa aktiviti atau program ilmiah yang boleh mengumpul para cendekiawan dan ilmuan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa? Adakah peruntukan khas bagi maksud kaola tadi?

Kaola penuh yakin dengan keupayaan kita yang dapat menubuhkan pengajian tinggi dalam bidang agama, mempunyai Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah bahkan mampu membina balai khazanah warisan Islam yang tersergam indah dengan pengisian yang penuh ilmiah nanti. Maka Negara Brunei Darussalam akan lebih terkenal sebagai negara yang mewarisi khazanah dan budaya Islam yang unggul dan terpelihara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan Balai Khazanah Islam. Kaola pada masa ini belum dapat menjawab menjawab soalan ini sepenuhnya. Apa yang dapat kaola jawab ialah pada masa ini, balai ini baru ditubuhkan 2 tahun. Mula-mula ia ditubuhkan belum lagi ada kakitangan sepenuhnya, jadi usaha-usaha untuk menubuhkan satu pasukan ataupun kakitangan untuk menjaga balai ini kemudian ditubuhkan. Selepas itu barulah dilaksanakan beberapa kerja untuk menjalankan balai ini.

Memang ada hasrat untuk dibukakan kepada belia dan kanak-kanak sekolah dan sebagainya. Pada masa ini kaola belum dapat maklumat-maklumatnya dan jika diizinkan, Jabatan Perdana Menteri nanti akan menjawab secara bertulis, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Kaola ingin merujuk Tajuk di bawah SA01A – Jabatan Perdana Menteri.

Sepertimana yang kita maklumi bersama, bahawa Peraturan Kewangan telah pun dipinda dan akan dikuatkuasakan mulai 1 April 2022. Dalam hubungan ini:

i. Bilakah pula Peraturan-Peraturan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat Pegawai-Pegawai Kerajaan 1961), yang dikenali juga dengan nama *General Orders* akan dibuat pindaan mengikut kesesuaian dan keadaan perubahan pada masa ini?;

ii. Bercakap mengenai Wawasan Brunei 2035, sukacita kiranya dapat menghuraikan kedudukan negara setakat ini dalam pencapaiannya ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Adakah proses yang dilalui berjalan lancar ataupun sebaliknya?; dan

iii. Sejauh manakah dalam penyediaan pekerjaan yang produktif dan pembangunan negara yang lebih mantap?;

2. Sukacita kaola merujuk, di bawah Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei (RTB). Radio Brunei akan memasuki usia ke-64 tahun pada 2 Mei 2022. Dari 2 saluran (*channel*) sudah bertambah kepada 5 saluran (*channel*) dengan tujuan dan harapan dapat menyalurkan maklumat kepada golongan masyarakat melalui 5 saluran berkenaan dan setiap saluran ada sasaran pendengarnya. Akan tetapi pada hari ini, kelima-lima saluran (*channel*) radio berkenaan sudah menyiarkan bahan serupa dan sukar untuk membezakan saluran (*channel*) radio berkenaan.

   Kesimpulannya, jika semua saluran (*channel*) radio sudah hampir sama isi kandungan dan persembahannya, adalah dicadangkan lebih baik hanya 2 saluran (*channel*) radio sepertimana tahun 60-an dahulu. Dengan adanya pengurangan ini, sedikit sebanyak mengurangkan perbelanjaan negara.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Nampaknya ada 3 soalan daripada Ahli Yang Berhormat tadi:

1. Mengenai kenaikan pangkat, apa yang dapat kaola kongsikan pada masa ini ialah memang kenaikan pangkat ini ada tatacaranya dan sentiasa dipantau tetapi mesti ikut prestasi-prestasi dan sebagainya. Mudah-mudahan itu sudah dikira menjawab soalan tadi.;

2. Mengenai Wawasan Brunei 2035. Seperti kaola tadi terangkan dalam mukadimah tadi, ada 3 jawatankuasa ditubuhkan. Jawatankuasa ini

meneliti setiap matlamat secara mendalam dan kerja-kerja yang dibuat sebelum ini memang diteruskan. Jawatankuasa ini juga ditubuhkan supaya dapat sama-sama memikirkan *blueprint* bagi setiap matlamat, umpamanya matlamat yang ketiga iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Pada masa ini, seperti yang pernah dikongsikan, *Economic Blueprint* ini sudah pun dilancarkan. Dari itu, kita boleh menjadikan ia sebagai satu gading prinsip bagi kita memikirkan langkah-langkah untuk kita mencapai matlamat tersebut.;

Ada 3 matlamat mengenai hal itu:

i. Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan berjaya. Pada masa ini kitani sedang menyediakan matlamat *blueprint*, bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkepentingan *Manpower Planning Economic Council (MPEC)*, Kementerian Pendidikan dan sebagainya.;

ii. *Social Blueprint* pun sama juga disediakan. Jadi, bagi setiap matlamat, ada *key indicator* masing-masing. Bagi pendidikan misalnya, kitani pakai *PISA*, yang menjadi satu *indicator*. Dalam *blueprint* matlamat tersebut, kitani memikirkan lagi ada indikator lain yang lebih sesuai atau sama-sama dapat dipakai untuk kitani pantau pencapaian kitani.

Bagi ekonomi, memang beberapa *outcome* seperti *employment* KDNK kitani, *trade volume* kitani dan sebagainya. Jadi, itulah beberapa *indicator* telah ditetapkan yang kitani pantau pada masa ini.;

iii. Memang sentiasa dipantau oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dari segi pencapaian kitani. Terima kasih.;

2. Seterusnya mengenai RTB. Pada masa ini 5 saluran (*channel*), iaitu Nasional FM, Pilihan FM, Pelangi FM, Harmoni FM dan Nur Islam FM. Bagi setiap saluran *(channel)* itu, tema dan fokusnya berlainan. Ini satu peluang untuk kitani membuat promosi belia kitani yang berminat dengan bidang pengacaraan dan dengan sendirinya ada peluang mereka menggiatkan inovasi dan mengubah program-program dan sebagainya.

Kebanyakan pengacara radio pun bukan bertugas secara sepenuh masa. Sebenarnya kebanyakan mereka bertugas secara separuh masa dan dalam sehari itu mereka cuma bertugas selama 3 jam, dan mereka juga ada mempunyai pekerjaan lain dan ini tidak menggunakan bajet yang tinggi. Tapi yang penting dilihat hasil yang ringan, kitani mempromosi lebih kepada lebih banyak pilihan, dan belia

yang berminat untuk mendengar radio saluran (*channel*) Nasional FM atau Pilihan FM, yang masing-masing juga ada tarikannya sendiri.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Memandangkan usul yang kaola akan utarakan sudah pun disampaikan oleh rakan-rakan yang lain, maka kaola menarik diri dari menyampaikan usul. Sekian disampaikan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh, membahaskan mengenai di bawah Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam beberapa kesempatan kaola dan Ahli-Ahli yang Berhormat bermuzakarah dengan pihak Jabatan Perdana Menteri, seingat kaola sendiri ada membawa satu usul semasa muzakarah itu dalam dua sesi muzakarah iaitu cadangan kaola supaya diadakan semacam ikrar atau lebih kuat lagi sumpah pegawai dan kakitangan kerajaan yang menekankan sebenarnya mereka itu memikul tugas dan tanggungjawab sebagai jentera pembangunan negara.

Ini kaola utarakan saranan atau cadangan itu pada melihat, pada pangamatan kaola penjawat awam kita akhir-akhir ini macam kehilangan fokus, apa lagi dalam suasana negara dilanda pandemik atau endemik *COVID-19*. Banyak antara pegawai penjawat awam telah disuruh bekerja dari rumah dan sebagainya.

Fokus itu makin berkurang usulnya, kita tidak pasti sama ada kerja *at home* itu mereka bekerja ataupun seperti kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hari itu semasa muzakarah bukannya *holiday*. Kita mahu mereka itu fokus dan sentiasa komited ataupun merasa yang mereka itu bertanggungjawab bagi menjayakan pembangunan negara sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan.

Sumpah ini atau ikrar itu bolehlah dilaksanakan semasa mereka mula-mula dilantik atau melapor diri dan ikrar dapat dibuat pada setiap kali pada sambutan Hari Perkhidmatan Awam. Faedahnya untuk kita menanamkan rasa lebih bertanggungjawab dan komited pegawai-pegawai itu kepada kerja

mereka dengan penuh amanah dan berdedikasi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa muzakarah telah pun mengatakan itu satu idea yang baik, tetapi nampaknya belum ada barangkali langkah-langkah yang konkrit ke arah itu.

Jadi, kaola bawa di sini supaya ada langkah-langkah yang lebih ke hadapan. Demikian Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat terhadap soalan yang diajukan tadi.

Sepertimana yang dikongsikan semasa muzakarah dengan pihak Jabatan Perdana Menteri, ini adalah satu idea yang bagus, bukan saja dibuatkan ikrar sekali saja. Ini satu perkara yang perlu diingati balik-balik kepada pegawai atau kakitangan kerajaan, itu satu idea yang bagus. Muzakarah dengan pihak Jabatan Perdana Menteri ini baru beberapa minggu yang lalu barangkali belum ada *concrete idea*, memang perkara ini akan dibawa untuk sama-sama difikirkan apa cara-caranya yang lebih sesuai untuk kita memenuhi hasrat ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola akan membahaskan dan menyentuh di bawah Tajuk SA08A – Radio Televisyen Brunei yang peruntukannya diberikan sebanyak $40,411,460.00.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ visi Radio Televisyen Brunei 'Sentiasa Bersama Biskita". Memaparkan berbagai-bagai rancangan dan informasi khusus bagi para penonton yang menyaksikannya dan semakin melangkah ke era penyiaran global *RTBGo* juga memainkan peranan yang tepat untuk dapat ditonton di dalam dan di luar negeri.

Saya ingin menerangkan kepada pihak Radio Televisyen Brunei khususnya pengisian rancangan atau bahan agar dapat lagi dipelbagaikan. Kalau kita lihat sekarang ramai dari kalangan anak-anak tempatan sudah mulai berkarya membuat rancangan yang menarik, pengisian yang tepat, menyampaikan mesej dan lain-lain lagi.

Justeru, saya ingin memberikan pandangan ataupun cadangan kiranya mereka yang menceburi bidang penyiaran atau industri kreatif agar dapat diberikan mereka ini peluang untuk mempelbagaikan lagi rancangan-rancangan TV. Bukan saja khusus bagi syarikat-syarikat penerbitan yang sudah

berdaftar dengan Radio Televisyen Brunei, tetapi berikanlah peluang kepada anak-anak tempatan yang juga mempunyai kreativiti untuk menerbitkan program yang cantik dan menarik.

Dari sini jua, mereka dapat menerima hasil dari karyanya. Mungkin pihak Radio Televisyen Brunei akan dapat memberikan mereka ini dorongan. Jangan mematahkan semangat mereka untuk berkarya. Beri jalan untuk mereka menerbitkan beberapa rancangan untuk Radio Televisyen Brunei, bukan bermaksud menerima idea mereka secara langsung tetapi haruslah jua ada batas dan tapisan mengikut *standard* penyiaran.

Dari segi pembayaran, haruslah jua pihak berkenaan menilai karya mereka bukan setakat menetapkan harga yang murah tetapi tidak setaraf dengan operasinya. Begitu juga dengan syarikat-syarikat penerbitan iaitu *production house*. Mereka ditawarkan beberapa projek tetapi harga yang ditawarkan sangat rendah. Dari itu, saya sarankan kepada pihak berkenaan agar menilai kembali harga-harga projek rancangan TV dan radio yang bersesuaian.

Ada juga syarikat-syarikat yang dilantik dan ditawarkan secara berkontrak selama beberapa tahun untuk membantu beberapa unit di dalamnya bagi mengendalikan penggambaran dan penyuntingan, pembayaran yang mereka terima secara bulanan juga rendah. Jika sudah menerima pembayaran rendah kakitangan atau kru yang bekerja di sesebuah syarikat tersebut juga menerima gaji yang rendah sedangkan mereka mempunyai kemahiran serta berpengalaman.

Saya juga ingin menyarankan tentang pembayaran kepada artis-artis tempatan, penyampai-penyampai televisyen dan radio serta sesiapa saja yang melibatkan diri untuk rancangan-rancangan yang diterbitkan, selaraskanlah pembayaran dengan kerjanya. Perlulah dinilai bayaran yang mereka terima, bukan bayaran yang terlalu rendah. Mungkin dengan cadangan ini, akan dapat lagi menarik perhatian para penonton. Kita tidak mahu para penonton kitani beralih ke saluran lain. Kalau dapat kita cuba buat yang terbaik untuk para penonton di luar sana. Maka dari sekarang mulakanlah sedikit perubahan kerana perubahan boleh menjadikan peningkatan ingatlah kepada visi RTB "Sentiasa Bersama Biskita".

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat atas soalannya mengenai RTB. Pada masa ini penglibatan orang ramai dalam industri kreatif ini memang sudah meningkat. Mudah-mudahan pada masa hadapan akan menjadi satu industri yang berstruktur dengan sendirinya ada *costing*nya dan sebagainya. Itu dengan sendirinya meng*establish* pembayaran

dan sebagainya. Tapi atas cadangan Yang Berhormat itu tadi, kaola ambil maklum pada masa ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah meneliti Tajuk SA01A hingga Tajuk SA010A dan sekarang saya undi, Ahli-Ahli yang bersetuju supaya tajuk yang berkenaan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA010A dijadikan sebahagian daripada Jadual dari Jabatan Perdana Menteri.

Tajuk SA11A hingga Tajuk SA26A.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk-Tajuk SA11A hingga Tajuk SA26A. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya tajuk-tajuk ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA11A hingga Tajuk SA26A dijadikan sebahagian daripada Jadual Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya suka untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa kita dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun bersidang sejak pagi tadi dan saya kira masanya sudah tiba bagi kita untuk menangguhkan majlis ini. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu Ahad, 27 Februari 2022, mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Ahad, 26 Rejab 1443 / 27 Februari 2022

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.
(Tidak hadir pagi dan petang)

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini hari yang keempat, Ahad, 26 Rejab 1443 bersamaan 27 Februari 2022, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keempat dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam, persidangan kita telah mula meneliti dan membahaskan Tajuk-Tajuk Jadual bagi Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang undang-undang itu telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Untuk tidak membuang waktu lagi, kita sekarang perlu meneliti jadual-jadual yang berkenaan secara terperinci. Bagi membolehkan kita membuat sedemikian persidangan ini saya tangguhkan untuk dapat kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 satu per satu yang undang-undang ini dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada petang semalam kita telah pun membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dan juga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Sekarang kita menyambung semula untuk membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk selanjutnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A - Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Kementerian Pertahanan bagi Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A.

Sebagaimana lazim dan yang telah kita amalkan sebelum ini, bahawa Kementerian Pertahanan juga adalah sebuah kementerian yang tertutup kerana ia berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara dan ia tidaklah sesuai untuk dibincangkan secara terbuka. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II untuk memberikan mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan bagi Kementerian Pertahanan ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبَ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang peramba/kaola/saya hormati. Lebih dahulu izinkan peramba/kaola/saya merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk mengongsikan mukadimah dalam memberikan penerangan mengenai keutamaan-keutamaan dan objektif-objektif strategik Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Sehubungan itu, jumlah yang telah diperuntukkan ialah sejumlah $597, 673 680.00.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan penuh hormat dan

takzim sukacita menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia bagi penyediaan peruntukan Kementerian Pertahanan sebesar demikian, tahun demi tahun, sejurusnya mencerminkan komitmen kerajaan yang tinggi dan konsisten dalam mewujudkan pertahanan negara yang matang dan mampan.

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti tahun lalu, sekali lagi kita bersidang ketika negara dan dunia sedang berjuang mengharungi arus krisis penularan wabak *COVID-19*. Di samping memberikan impak kepada kehidupan seharian, ancaman rentas negara ini turut mengorbankan warganegara kita. Peramba / kaola / saya bagi pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ingin merakamkan ucapan takziah buat ahli keluarga yang kehilangan orang tersayang akibat wabak ini.

Kementerian Pertahanan juga bersama kementerian-kementerian yang lain sukacita mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan tulus kepada petugas-petugas barisan hadapan dan sukarelawan-sukarelawan yang tabah dan berani menghulurkan khidmat bakti dalam persekitaran pandemik yang sangat mencabar dan menakutkan ini.

Disertai tawakal dan berserah kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebaik-baik pelindung, apa yang jelas, berdasarkan pengalaman kita sejak dua tahun kebelakangan ini ialah kita perlu terus memperjuangkan usaha dan semangat pendekatan senegara atau *whole of nation approach* untuk memulih kualiti hidup, mengadaptasi dalam norma baharu ini. Kementerian Pertahanan memperteguhkan tekad akan terus menggalas amanah yang dipertanggunjawabkan ke arah memastikan *foundation* persekitaran keselamatan negara yang kukuh bagi mendukung pemulihan dalam masa yang mencabar ini.

Hingga ke hari ini ancaman pandemik ini masih sukar diramal dari berbagai-bagai sudut terutama sekalinya bila ianya akan berakhir. Inilah yang dinilai sebagai manifestasi ketidakpastian ataupun *uncertainty* yang sering disebutkan mengenai ancaman-ancaman dan risiko-risiko keselamatan masa hadapan.

Berasaskan *uncertainty* seperti ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa peka akan kepentingan untuk mewujudkan tahap kapasiti, keupayaan kesiapsiagaan yang efektif bagi membolehkan penyelesaian dan peranan (*adaptability)* dan respons yang pantas kepada apa jua bentuk ancaman yang akan timbul nanti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ, sepertimana yang terbukti perancangan strategik dan pelaksanaan pembangunan kapasiti, keupayaan dan kesiapsiagaan dalam *military medicine* dan *military operations other than war* (*MOOTW*) khasnya telah meningkatkan tahap *responsiveness* dan membolehkan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk memberikan sokongan berkesan kepada tindak balas kebangsaan dalam berhadapan ancaman pandemik di negara kita yang tercinta ini.

Semenjak bermulanya gelombang pandemik pada bulan Ogos lalu, pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah diberikan kepercayaan dan tanggungjawab yang lebih besar jika dibandingkan dengan fasa pertama melalui penerajuan Pusat Penyelarasan Kebangsaan bagi wabak *COVID-19* atau lebih dikenali sebagai *N3C19* dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan.

Pusat ini berperanan sebagai nadi penggerak utama dalam menentukan keperluan pentadbiran dan merancang operasi yang berbentuk *non-clinical* bersama kementerian, agensi dan jabatan yang berkepentingan. Walaupun kita bukannya dalam peperangan bersama musuh dari sudut konvensional, namun elemen-elemen perancangan operasi yang sedia ada yang berlandaskan prinsip, konsep serta doktrin tentera seperti *command* and *control* dan *Civil Military Cooperation* (*CIMIC*) turut dinilai relevan dan diguna pakai dalam mengkoordinasikan respons senegara yang lebih teratur, berkesan dalam operasi yang bersifat kompleks ini.

Selain daripada *N3C19*, Pasukan Petugas (*Task Force)* wabak *COVID-19* turut ditubuhkan sejak tahun 2020 untuk memberi pelbagai bantuan operasi dalam mendukung tambah kapasiti Kementerian Kesihatan melalui peranan bantuan tenaga dan kepimpinan di pusat-pusat pengasingan, bantuan logistik, ujian makmal dan saringan wabak *COVID-19*, pelaksanaan program vaksinasi, operasi masjid serta bantuan khidmat jenazah.

Melalui mekanisme sedia ada dan yang baru ditubuhkan ini, seramai lebih kurang dari 3,000 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dikerahkan dan ke 18 lokasi di seluruh negara dalam sama-sama membendung wabak *COVID-19*. Sementara itu, lebih 100 orang pegawai dan kakitangan awam Kementerian Pertahanan turut menyumbang bakti kepada kerajaan bertugas sebagai *frontliners* dan sukarelawan di *N3C19*, Kementerian Kesihatan dan Pusat Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ataupun *MRS* Bolkiah Garison.

Meskipun penglibatan ABDB sewaktu krisis pandemik ini kelihatan lebih menjurus kepada operasi bukan tradisional, namun kesediaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk melaksanakan operasi-operasi konvensional dan operasi bantuan rutin tidak sama sekali diabaikan. Perlindungan infastruktur-infastruktur utama negara, operasi rondaan-rondaan

keselamatan di sempadan darat dan kawasan maritim termasuk jalan-jalan tikus, pengawasan-pengawasan udara serta bantuan kemanusiaan dan bencana alam (*HADR*) tetap terus diadakan sepanjang masa.

Salah satu trend keselamatan yang dapat dikenal pasti sejak bermulanya pandemik 2 tahun yang lalu ialah peningkatan dalam jumlah aktiviti-aktiviti jenayah merentas sempadan termasuk penyeludupan dadah haram. Ini setentunya trend yang sangat membimbangkan, akan tetapi dengan kerjasama agensi-agensi keselamatan, penguatkuasaan serta rakyat negara ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita telah berjaya mengekang aktiviti-aktiviti haram berkenaan dengan mengendalikan lebih banyak operasi ketika keadaan yang tidak menentu ini. Pendekatan senegara atau *whole of nation* yang dipraktikkan ini turut melibatkan pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah meluaskan *footprint* operasinya di kawasan-kawasan negara ini dalam sama-sama menjayakan agenda kolektif kita ke arah memperkasa keberkesanan kerajaan membanteras jenayah merentas sempadan.

Secara keseluruhannya, keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembendungan kecemasan atau krisis seperti wabak *COVID-19* ini merupakan dividen atau pulangan kepada pelaburan besar kerajaan selama ini. Jika dinilai dari sudut keberkesanan *excercise* ketenteraan, kursus-kursus serta usaha berterusan dalam memupuk kerjasama awam tentera semenjak 60 tahun penubuhannya.

Dalam pada itu, pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara *Sovereign's Parade* Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada bulan Januari baru-baru ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ akan terus secara berkeyakinan memberikan sumbangan yang bermakna dalam menangani wabak *COVID-19* sejauh mana yang diperlukan. Sesungguhnya titah penghargaan seorang raja yang berdaulat dan bijaksana ini telah dan terus menyuntik semangat anggota-anggota Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke arah pelaksanaan tugas dan tanggunngjawab yang berkesan.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai tunjang utama dalam melindungi dan mempertahankan keutuhan wilayah dan kedaulatan negara sudah terbukti pentingnya bagi Kementerian Pertahanan khususnya lagi pada waktu ujian seperti ini untuk wujud sebagai entiti pertahanan yang kukuh dan *credible* dari segi kapasiti, keupayaan, semangat mahupun komitmen. Inilah yang dizahirkan dalam visi kemas kini Kementerian Pertahanan iaitu bagi mewujudkan "Sebuah Angkatan Tentera yang Dihormati dan Rakan Kerja yang Mantap".

Mencapai *posture* pertahanan yang diinspirasi ini pada sebahagian besarnya memerlukan penyejajaran dengan landskap keselamatan dan geopolitik sekeliling kita. Perkembangan-perkembangan strategik yang dinamik di dalam mahupun di luar rantau sentiasa membawa perubahan terhadap spektrum ancaman yang sejurusnya memberi implikasi terhadap pertahanan negara.

Ini antara lainnya merangkumi ketidakstabilan politik, krisis kerapuhan ekonomi, *resource over demand*, bencana alam, perubahan iklim serta penganasan dan ekstremisme. Perkembangan-perkembangan ini dijangka akan terus membentuk dan mempengaruhi persekitaran keselamatan kita dalam tempoh 15 tahun yang akan datang iaitu menyelusuri dan melewati tahun Wawasan Brunei 2035 dicapai nanti. Ini juga pada sebahagian besarnya akan bergantung pada pelbagai faktor pemacu seperti globalisasi, pendigitalan, automasi dan migrasi.

Walaupun perkembangan-perkembangan sedemikian turut diselubungi dengan aspek ketidakpastian (*uncertainty*), apa yang semakin jelas ialah kita perlu mewujudkan faktor cegah rintang (*deterrence*) yang efektif dan kemampuan respons pantas kepada spektrum ancaman dan cabaran yang datang dari pelbagai arah sama ada tradisional ataupun bukan tradisional seperti yang pernah hamba/kaola bentangkan dalam ucapan mukadimah dan Ucapan Penangguhan pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu.

Berlatarbelakangkan tekad dan semangat, warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berganding bahu meskipun dalam suasana pandemik, penilaian-penilaian rapi dan komprehensif telah dibuat dan daripadanya dihasilkan hala tuju perancangan pembangunan Kementerian Pertahanan yang lebih terancang dan terarah.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ini dimanifestasikan dalam pelancaran Kertas Putih Pertahanan 2021, "*Defending The Nation's Sovereignty: A Secure and Resilient Future*" oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada 31 Mei yang lalu.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Yang Berhormat Menteri-Menteri telah pun diberikan taklimat mengenai kandungan Kertas Putih Pertahanan (*KPP*) ini pada bulan Julai tahun lalu. Berunsur *forward looking*, Kertas Putih Pertahanan terbaharu ini mengariskan cabaran-cabaran strategik khusus dari lensa Negara Brunei Darussalam dan seterusnya membentangkan strategi-strategi serta keutamaan-keutamaan pertahanan yang dikemas kini dari Kertas Putih Pertahanan sebelumnya berikutan tuntutan terhadap peranan pertahanan yang kian bertambah dan sesuai dengan kematangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah mencapai usia 60 tahun. Turut digariskan ialah tugas-

tugas pertahanan yang lebih menyeluruh berdasarkan keutamaan-keutamaan terkini temasuk antaranya:

1. Memantau persekitaran strategik untuk memastikan pengecaman awal.;

2. Mempertahankan negara daripada ancaman luar.;

3. Bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam sama-sama melindungi kepentingan negara di kawasan maritim dan sempadan darat negara serta meningkatkan lagi keupayaan negara untuk menangani keganasan dan ancaman siber.;

4. Memberi sokongan terhadap agensi-agensi awam terutamanya jika cabaran yang dihadapi di luar skala dan melebihi keupayaan dan kemampuan agensi awam.;

5. Bekerjasama rapat dengan negara-negara lain melalui diplomasi pertahanan sama ada negara-negara *ASEAN* mahupun negara-negara di luar rantau.; dan

6. Menyokong usaha rantau dan antarabangsa yang lebih luas yang menjurus kepada kestabilan rantau secara amnya atau khusus kepada operasi pengaman dan operasi bantuan kemanusiaan di samping menimba pengalaman dan menambah pengetahuan anggota.

Tambahan ini tidak kurang pentingnya ialah *review* kepada perancangan strategik pertahanan yang juga telah dilaksanakan dalam memastikan persejajaran serta pencapaian matlamat-matlamat yang digariskan dalam dokumen-dokumen pertahanan berlandaskan kepada tiga tonggak pertahanan iaitu Cegah Rintang, Diplomasi Pertahanan dan Pertahanan Holistik ke arah pencapaian dan pemeliharaan *key result areas* pertahanan di bawah *akronim* IKWONDAMAI seperti yang pernah hamba kaola saya huraikan semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, jika boleh kaola ulangi iaitu:

I - Intergiti wilayah yang kukuh.;
K - Tahap Keupayaan tempur dan kesiap-siagaan yang tinggi.;
WON - Mendukung pendekatan *Whole Of Nation*.;
D - Diplomasi pertahanan yang efektif.;
A - Penglibatan pertahanan dalam Misi-Misi Antarabangsa.;
MA - Sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi.; dan
I - Imej pertahanan yang kredibel.

Demikian juga *review* pada perancangan keupayaan dan penyusunan struktur Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang sedang giat dijalankan melalui dokumen-dokumen berbentuk jangka masa sederhana dan panjang iaitu *Force 2035* dan *Force Structure Review* seiring dengan matlamat Brunei Wawasan Brunei 2035. Berdasarkan keutamaan-keutamaan yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021, rancangan

menyeluruh ini dihasrat menaikkan lagi keberkesanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melalui pengenalan landasan dan keupayaan baharu dan menitikberatkan pengisian jurang keupayaan, kaedah *jointry*, pembangunan keupayaan berasaskan *Defence Lines of Development* (*DLODs*) serta pemanfaatan teknologi dan inovasi moden yang bukan saja meliputi domain-domain lazim iaitu darat, udara dan maritim bahkan juga siber dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ angkasa lepas. Sebagai contoh, baru-baru ini kita telah berjaya mengoperasikan projek *Unmanned Aerial System* atau *UAS* berlandaskan teknologi moden untuk menjalankan tugas-tugas perjalanan bagi tujuan Perisikan *(Intelligence),* Pengawasan *(Surveillance)* dan Peninjauan *(Reconnaisance)* (*ISR*). Fasa-fasa pelaksanaan lanjut sudah pun dirancang dan adalah *on track* dan ia juga dihasratkan untuk menyumbang kepada keperluan nasional seperti bantuan kemanusian dan bencana alam*, search and locate*, pemadaman kebakaran, kawalan sempadan dan operasi penguatkuasaan undang-undang.

Di samping aspek keupayaan, ketidakpastian dan risiko yang dinilai semakin kompleks akibat persekitaran strategik yang lebih *fragmented* sejak kebelakangan ini juga memerlukan kita untuk sentiasa komited ke arah mendalamkan lagi tahap kepercayaan dan keyakinan bersama negara-negara sahabat melalui diplomasi pertahanan serta penglibatan dalam misi-misi antarabangsa. Justeru, kita juga perlu terus bergiat aktif untuk menggerakkan usaha-usaha pada peringkat pelbagai hala, sepertimana kejayaan kita menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN (ADMM)* yang Ke-15 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN Plus (ADMPlus)* yang Ke-8 pada tahun lalu, ketika Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi peringkat *ASEAN* iaitu dalam membina *ASEAN-centric security architecture* yang lebih inklusif, positif dan teguh *(robust)* bagi menjamin masa depan *ASEAN*, kekal sebagai rantau yang makmur, stabil dan aman. Selaku negara yang membangun yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, pembangunan dan keselamatan kita sangat bergantung pada persekitaran luar yang sedemikian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk memangkin pelaksanaan dasar dan strategi pertahanan dengan berkesan, pelaksanaan program dan inisiatif di peringkat *functional* juga turut dititikberatkan ke arah:

i. Memantapkan perancangan keupayaan.;

ii. Meningkatkan sokongan logistik.;

iii. Memantapkan pengurusan dan penggunaan sumber manusia termasuk hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan anggota.;

iv. Mengoptimumkan penggunaan sains dan teknologi pertahanan;

v. Meningkatan keberkesanan pembangunan dan prestasi infrastuktur.; dan

vi. Memantapkan *financial stewardship* dalam pengurusan kewangan yang diperuntukkan.

Mengiringi keberkesanan perancangan pertahanan adalah penekanan kepada pelaksanaannya dan integriti dan tadbir urus terbaik dalam semua peringkat daripada barisan kepimpinan, keseluruh kakitangan dan anggota pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Berteraskan kepada nilai-nilai teras, Takwa, Setia, Berani dan Profesional dan nilai-nilai Maqasid Syariah yang buat julung kalinya diketengahkan dalam Kertas Putih Pertahanan yang terkini. Perhatian dan usaha akan terus dipertingkatkan, sepertimana penaiktarafan Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau ringkasnya JAMA'AT dari peringkat unit ke peringkat jabatanarah sejak Mei tahun lalu, bagi menerapkan dan mengukuhkan nilai-nilai ini ke dalam karakter sebagai ciri-ciri murni dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan serta tatacara pengurusan di Kementerian Pertahanan. Kombinasi ini akan mengukuhkan lagi keyakinan dan tahap kepercayaan kepada perkhidmatan pertahanan sebagai tonggak pertahanan negara secara holistik *whole of government and whole of nation.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kita memasuki tahun fiskal yang baharu ini peramba/kaola/saya ingin menekankan lagi bahawa kerja pembangunan pertahanan negara akan terus fokus dan dikekalkan *on track* menurut kerangka komprehensif perancangan pertahanan yang baru sahaja kaola kongsikan tadi.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ini akan seterusnya membolehkan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berupaya bergerak dengan mantap melaksanakan tuntutan peranannya untuk mempertahankan kedaulatan raja dan agama, kestabilan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat, memberi ruang selamat kepada pembangunan dan kemajuan negara yang lancar dan tidak tersekat seterusnya mendukung pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan mukadimah ini, peramba/kaola/saya ingin sekali lagi mengungkapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota perkhidmatan keselamatan negara khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang sentiasa cekal, tabah, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara. Peramba/ kaola/ saya secara peribadi sentiasa berdoa semoga segala jasa dan pengorbanan mereka dalam mempertahankan agama, raja,

bangsa dan negara dikurniakan ganjaran yang setimpal oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Peramba / kaola / saya sukacita mengulangi antara seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa "...pertahanan dan keselamatan adalah tanggungjawab bersama dan sesuatu yang tidak boleh sekali-sekali dikompromi dan akan sentiasa diberikan keutamaan...".

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II atas mukadimah yang telah dibentangkan dengan begitu jelas dan terperinci dan sememangnya tidaklah perlu untuk dibahas lagi, maka dengan itu saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Jadual ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual iaitu Kementerian Pertahanan.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih untuk meneliti

Kementerian Kewangan dan Ekonomi beserta dengan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum tajuk-tajuk kecil ini dibuka untuk dibahaskan, saya suka memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan perancangannya dalam penyediaan belanjawan bagi kementeriannya ini, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola menerangkan secara ringkas cadangan peruntukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti berikut, secara keseluruhannya peruntukan yang disediakan berjumlah $1,11,516,668 bilion iaitu untuk membiayai:

1. Gaji Kakitangan berjumlah $68,864,090 juta iaitu peningkatan kira-kira $1.47 juta dari Tahun Kewangan 2021/2022. Peningkatan adalah disebabkan oleh pengiraan sebenar gaji dan elaun-elaun bagi jawatan-jawatan yang telah diisikan, permintaan empat jawatan dari

Printplus dan persediaan bagi penyerapan jawatan seramai 76 orang *open vote* dan 4 orang gaji hari.;

2. Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah $931,281,030 iaitu meningkat sebanyak $86,309,621 dari peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022.; dan

3. Perkhidmatan Rampaian pula diperuntukkan sebanyak $790.8 juta untuk membiayai perkara yang berikut:

   i. Keselamatan dan Pertahanan berjumlah $121.8 juta.;

   ii. Perkhidmatan Perubatan berjumlah $30 juta.;

   iii. Menangani wabak penyakit berjangkit termasuk pembelian vaksin wabak *COVID-19* bejumlah $124.5 juta.;

   iv. Perbelanjaan bagi menangani bencana alam seperti melaksanakan kerja-kerja perlindungan jangka masa panjang bagi tanah susur dan banjir berjumlah $15 juta.;

   v. Keselamatan Awam berjumlah $3.2 juta.;

   vi. Projek Teknologi Maklumat berjumlah $12.4 juta.;

   vii. Kemajuan Daerah Temburong berjumlah $6.7 juta.;

   viii. Program bantuan kepada pelajar-pelajar skim Miftahun Najaah dari keluarga yang kurang kemampuan iaitu bantuan ini merupakan *in kind* seperti seragam pakaian sekolah, buku kerja, alat tulis dan yuran sekolah berjumlah $1.5 juta dan perbelanjaan lain.; dan

   ix. Manakala di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan pula $11,371,548 juta dengan Harga Rancangan berjumlah $295,223,991 juta untuk membiayai kajian sains, teknologi dan inovasi, banci dan kajian sosial ekonomi, sistem pengurusan sumber manusia kerajaan dan lain-lain.

Yang Berhormat Pengerusi. Memandangkan kaola telah menghuraikan keutamaan-keutamaan belanjawan termasuklah pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sepanjang Tahun Kewangan 2021/2022 tempoh hari Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus komited dalam melaksanakan dan mendukung usaha-usaha yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara melalui pendekatan *whole of government,* penglibatan *GLC* dan badan-badan berkanun dan melalui *Foreign Direct Investment.*

Dalam masa yang sama, kaola sukacita mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang

setinggi-tigginya atas kerjasama yang diberikan dan kaola penuh percaya dan berharap bahawa projek-projek yang dalam perancangan akan dapat diungkayahkan sebagaimana yang dihasratkan.

Sekianlah yang dapat kaola kongsikan sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sebelum kaola menutup sepertimana jua yang lazimnya dibuat pada tahun-tahun yang lalu kaola memohon izin bagi peruntukan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu *(HMSF)* yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup untuk tidak dibincangkan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kenyataan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tentang hala tuju kementeriannya cukup jelas. Sebagaimana yang telah dimaklumi, Ahli-Ahli yang Berhormat telah pun berpeluang untuk mengadakan muzakarah dengan kementerian-kementerian yang berkenaan, termasuklah duduk bersama dengan menteri-menteri berkenaan dan membincangkan perkara-perkara secara panjang lebar. Saya harap perkara-perkara yang sudah dibincangkan bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan itu tidaklah payah dibawa di majlis ini oleh sebab akan memakan masa yang lama.

Walau bagaimanapun, saya sekarang ingin membuka perbahasan bagi Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dengan itu saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ. Yang Berhormat Pengerusi, koala membawakan 6 perkara yang membawa di bawah Tajuk SD01A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi:

1. Apakah ada perancangan Negara Brunei Darussalam untuk membuat kajian jawatankuasa bagi rakyat yang di bawah paras sederhana yang memerlukan bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam Brunei.? Daripada hasil data kaji selidik itu nanti akan terbit usaha strategi bagi meningkatkan sosioekonomi golongan ini dan akan memacu menaik taraf kehidupan mereka?;

2. Dicadangkan memberikan insentif peruntukan dan geran kepada mana-mana syarikat pelancongan pada jumlah yang ditetapkan, wujudkan pelan tindakan awal setelah dunia lepas daripada wabak *COVID-19* dan industri pelancongan pulih aktif.;

3. Dicadangkan supaya dibuat peningkatan Program Subsidi Baja Pertanian khususnya tanaman padi meningkatkan hasil negara, kerana baja adalah satu medium yang penting bagi menambah nilai hasil atau *yield* padi selain mementingkan *hybrid variety.*;

4. Menyediakan sedikit peruntukan latihan yang komprehensif kepada yang berminat dengan ekonomi digital.;

5. Diharapkan sektor kewangan bekerjasama dengan kerajaan dalam membina masa depan lebih baik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Bahawa sektor kewangan adalah berfungsi untuk memenuhi keperluan ekonomi, meningkatkan kehidupan dan mata pencarian.

   Akhirnya perkhidmatan kewangan harusnya membantu rakyat dan peniagaan mengembangkan perniagaan dan membina daya tahan. Industri kewangan diharapkan pada kedudukan yang terbaik untuk memainkan peranan yang kukuh dalam memimpin transformasi dan perubahan di peringkat industri. Sektor kewangan adalah satu agensi yang boleh membantu kerajaan menjamin pertumbuhan ekonomi rakyat jangka panjang ke arah kemakmuran.; dan

6. Masih terdapat warga asing yang ada atas jaminan syarikat *enterprise* lain tetapi membuat syarikat 'sendirian berhad', sebelumnya perkara ini terjadi dan masih ada yang seperti demikian. Walaupun syarat sekarang tidak membenarkan pemegang Kad Pengenalan Brunei warna hijau. Maka harus perkara ini diteliti dan diambil tindakan. Sebahagian tujuan mereka membuat 'sendirian berhad' selepas umur 55 Tahun masih boleh bertahan dan tinggal di Brunei.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih juga kepada yang Berhormat mengenai 6 soalan yang diajukan tadi. Sebenarnya bukan semua soalan ini terlibat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, walau bagaimanapun Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain sama-sama memikirkan strategi-strategi yang terbaik bagi sama-sama memajukan usaha-usaha bagi setiap kementerian.

1. Mengenai rancangan kajian dari segi bantuan, seperti kita semua fahami bahawa baru-baru ini kita telah melancarkan Sistem Kebajikan Negara, iaitu satu contoh Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama dengan beberapa pihak berkepentingan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Majlis Ugama Islam Brunei dan juga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Ini adalah satu usaha kerjasama menghasilkan Sistem Kebajikan Negara yang kita nampak sudah pada masa ini jumlah yang orang memerlukan bantuan dalam sistem itu.;

2. Cadangan insentif bagi sektor pelancongan. Ini bukanlah satu usaha yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Ini mesti Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Apa strategi dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi berkenaan nanti, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sama-sama kitani memikiran. Ini bukan sahaja untuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi memikirkan sama ada dihulurkan bantuan insentif dan sebagainya.;

3. Mengenai baja untuk meningkatkan lagi hasil kitani dalam penanaman padi, pada masa ini sudah dibagi subsidi dan sebagainya, bukan baja sahaja tetapi juga termasuk alat-alatan dan sebagainya. Lagipun kaola pernah kongsikan dalam kertas pembentangan tempoh hari mengenai peruntukan disediakan membeli balik padi sejumlah $ 9.0 juta pada tahun yang akan datang.;

4. Mengenai Digital Ekonomi perkara ini satu usaha di bawah *Digital Economy Council,* sama-sama memikirkan cara memajukan ekonomi digital kitani. Apa yang penting dalam usaha digital ekonomi ini, kita mesti menyediakan infrastruktur yang sesuai, jadi, itu usaha *payment gateway* seumpamanya. Juga beberapa usaha untuk menyediakan seperti *people-hubs* dan sebagainya.

   Ini adalah satu perkara yang penting, bukannya saja bagi negara kitani, di mana-mana pun sepertimana dalam *Deliverable* dalam *ASEAN Chairmanship 2021* kitani utamakan usaha kitani dalam digital ekonomi ini tapi bukan negara ini sahaja , tapi juga dalam *ASEAN.*;

5. Mengenai industri kewangan. Pada masa ini kita sudah jauh memajukan industri kewangan. Kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu, kita sudah terdapat bank tempatan, beberapa buah bank tempatan dengan sendirinya dalam setiap bank, ditingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan sebagai *investment fund* dan sebagainya *insurance* dan seumpamanya. Perkara ini boleh diteruskan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ satu industri yang penting bagi mana-mana ekonomi.; dan

6. Soalan itu kurang kaola mendengar, yang kaola dengar, orang yang mempunyai Kad Pengenalan Hijau yang sudah lama menetap di sini yang sudah berumur 55 tahun sama ada diberikan peluang untuk meneruskan menjalankan perniagaan di Brunei. Jika begitu, tidak dinafikan banyak orang luar berniaga di dalam negara ini. Apabila sampai masanya, tidak akan selama-

lamanya di sini. Kita berikan peluang kepada orang kita. Kita mesti berhati-hati agar mereka tidak selama-lamanya di sini. Jadi mesti berikan peluang kepada orang kitani.

Mudah-mudahan soalan yang diajukan tadi sudah kaola terjawab sebanyak إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ . Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya ingin membangkitkan di bawah Tajuk SD09A, Kod 001/002 di bawah Program dan Aktiviti – Akaun (B) Perbelanjaan Berulang-Ulang - Akaun B00300 - Sewa sebanyak $115 juta.

Ia adalah mengenai sewa. أَلْحَمْدُ لِلّٰه sehingga kini pihak kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada rakyat terutama sekali kepada penjawat-penjawat awam. Ini termasuklah penyewaan-penyewaan rumah kerajaan kepada penjawat-penjawat awam yang berkelayakan.

Dalam usaha kita merealisasikan Wawasan Brunei 2035 kita juga harus peka dengan bidang-bidang utama yang harus ditekankan untuk mencapai semua matlamat kita. Saya ingin memfokus kepada Matlamat ke-2 dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu Kualiti Hidup Yang Tinggi. Salah satu hasil pencapaian kebangsaan yang disasarkan ialah untuk mempunyai taraf hidup yang tinggi dengan salah satu bidang utamanya ialah untuk mempunyai kadar pemilik kediaman yang tinggi.

Dapatkah kitani mencari alternatif lain selain penyewaan sewa rumah-rumah kerajaan ini dalam mencapai bidang utama kita untuk mencapai kadar yang tinggi bagi rakyat yang memiliki kediaman sendiri terutama sekali bagi penjawat-penjawat awam yang berskala gaji Bahagian III dan ke bawah karena saya percaya mereka ini sangat memerlukan kediaman sendiri.

Sehubungan itu, untuk mencari juga mekanisme iaitu mungkin untuk memperkenalkan Skim Sewa Beli Rumah ataupun (*Rent to Own)* dan skim ini membolehkan penyewa untuk memiliki kediaman tersebut setelah tamat tempoh penyewaan dalam jangka masa yang dipersetujui. Ini secara tidak langsung boleh membantu mengurangkan jumlah rakyat yang bergantung pada giliran untuk memiliki perumahan-perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara. Secara tidak langsung kita juga dapat mengurangkan perbelanjaan kita untuk pembayaran penyewaan dan digunakan bagi tujuan yang lebih bermanfaat pada

penghasilan dan pembangunan negara. Dengan pengurangan ini, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ bolehlah digunakan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif untuk pengukuhan kemajuan dan ekonomi negara dengan lebih dinamik.

Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin meminta pencerahan juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas soalan yang saya ajukan petang kelmarin mengenai defisit yang negara kita mengalami *deficit substantive* kebelakangan ini. Saya memahami beberapa strategi sedang dilaksanakan dan usaha-usaha negara yang tidak putus-putus dalam melaksanakan strategi-stretegi tersebut. Namun melihat kepada keperluan dan kepentingan negara untuk bertindak dan mencapai kepada kemampanan atau *sustainability.*

Apakah pilihan lain yang kita ada dan bagaimana negara hendak mengatasi isu defisit jangka panjang ini? Negara juga telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak yang boleh tetapi kita juga tidak harus menggunakan simpanan negara (*reserve fund)* secara berterusan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada dua soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Yang Pertama, mengenai perbelanjaan dalam Rampaian Sewa $115 juta, dengan menggalakkan supaya kakitangan perkhidmatan awam meningkatkan lagi pemilikan rumah dan sebagainya. Ini satu cadangan yang bagus, bukan perkara baharu, memang sejak dulu kitani menggalakkan orang ramai tidak semestinya bekerja dengan kerajaan mahupun dengan pihak swasta untuk membangun rumah sendiri lebih awal. Jangan menunggu pencen. Perkara ini difikirkan oleh Jawatankuasa Fokus Perumahan di bawah Kementerian Pembangunan. Itulah jawapan kaola bagi soalan ini.

Yang kedua, mengenai usaha-usaha kitani cuba mengurangkan defisit atau ada cara-cara untuk mengurangkan defisit pada masa hadapan. Seperti yang kaola pernah bentangkan dari beberapa tahun sudah, usaha-usaha kitani dengan tema yang kitani cadangkan hari itu, iaitu melihat kepada *investment in our future*. Apa yang penting, apa yang dibelanjakan adalah menghasilkan manfaat kepada masa hadapan.

Setakat ini beberapa projek telah pun dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan produktiviti. Kedua juga, mengurangkan perbelanjaan kerajaan pada masa yang akan datang. Soalan ini lebih kurang seperti yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong tempoh hari mengenai projek-projek yang *value for money.*

Kalau kaola boleh secara ringkas mengongsikan beberapa projek yang kita

laksanakan untuk sama-sama meningkatkan produktiviti dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan seperti pelaksanakan projek *Facility Management* atas aset-aset di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang telah menggantikan *conventional contract* bagi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan institusi-institusi pendidikan rendah dan menengah yang telah berjalan pada tahun 2020 dengan penjimatan $6.8 juta.

Begitu juga bagi beberapa projek seperti penubuhan *Syarikat Muara Maritime Services Sendirian Berhad*. Iaitu sebuah syarikat usaha sama antara *Darussalam Asset Sendirian Berhad* dan *Lürssen Internaval GmBh (Lürssen)* dari Germany sebagai penyedia perkhidmatan dengan kepakaran dalam pemeliharaan, pembaikan, baik pulih kapal. *Syarikat MMS* ini sedang giat dalam usaha menambah baik dan mengembangkan inovasi yang akan mempromosikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan perkhidmatan nilai tambahan kepada pelanggannya, masa terkini dan yang akan datang.

Setakat bulan September 2020, Syarikat MMS mempunyai sebanyak 250 orang kakitangan, dengan 230 orang adalah anak-anak tempatan dan 41 orang kakitangan di bawah skim *i-Ready*. Projek-projek lain rasanya tidak perlu kaola terangkan secara mendalam.

Tetapi sesuai barangkali kaola menamakan sahaja beberapa projek seperti Projek *Scan It* di bawah Kementerian Pertahanan, pelaksanaan *One Common Billing System* yang berhasrat untuk memudahkan pemantauan dan pembayaran bil-bil kerajaan, juga pelancaran Sistem Pengurusan Sumber Manusia dan juga beberapa projek dilaksanakan bersama *Government Linked Companies* antaranya pembekalan ubat-ubatan dan sebagainya dan juga beberapa projek PPP *(Public Private Partnership)* yang sedang dirancangkan pada masa ini.

Apa yang penting seperti yang kaola sudah kongsikan ataupun sarankan dalam kertas pembentangan kaola tempoh hari kalau dapat kaola ulangi sekali lagi. Kaola menyeru agar sektor awam dan sektor swasta untuk terus berganding bahu dalam meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi, meningkatkan lagi pelaksanaan projek melalui *Public Private Partnership* dan meningkatkan lagi usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing agar dapat meningkatkan produktiviti negara dan membukakan lebih banyak peluang perkerjaan bagi anak-anak tempatan.

Usaha-usaha ini penting bagi mengurangkan kebergantungan pada kerajaan demi kedayatahanan fiskal negara agar kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini akan berterusan dan dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang. Itu sahaja jawapan kaola bagi soalan yang diajukan tadi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Kaola bertanya di bawah Tajuk SA01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah tentang Skim Tabung Amanah Pekerja. Saya imbas kembali sedikit kepada titah baginda.

"…Sedikit mengenai isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), إِنْ شَاءَ ٱللهُ beta mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023…".

Soalan kaola apakah cadangan perubahan yang dapat dikongsikan secara awal untuk skim tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang diajukan mengenai Skim Persaraan yang baharu yang akan dilancarkan pada tahun 2023.

Sebelum ini kaola juga ikut merujuk dan menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022 pada hari Khamis 24 Februari 2022 khususnya mengenai kajian penambahbaikan Skim TAP dan SCP. Perkara ini juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Usul menjunjung kasih masing-masing.

Pada peringkat ini, apa yang dapat dimaklumkan objektif skim baharu ini adalah untuk mengukuhkan lagi kesejahteraan sosial para Ahli TAP semasa persaraan mereka dan mengambil kira beberapa faktor seperti pendapatan yang akan ahli-ahli terima semasa persaraan, *Income Replacement Rate*, inflasi semasa, menggalakkan produktiviti ahli-ahli TAP, menggalakkan pekerjaan dan juga berdayatahanan dan keterangkuman atau *inclusivity.*

Itulah beberapa faktor yang diambil kira dalam Skim TAP yang baharu yang dapat kaola kongsikan. Beberapa tindakan lanjut adalah dalam pelaksanaan

termasuk penyediaan dan pindaan akta-akta yang berkenaan dan penambahbaikan sistem *IT* terutama TAP bagi memastikan pelaksanaan skim baharu ini dapat dilaksanakan dengan lancarnya.

Setelah semua tindakan yang berkenaan selesai dilaksanakan nanti struktur terperinci skim terbaharu ini akan dikongsikan dengan pekerja-pekerja Ahli TAP dan majikan-majikan seterusnya. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ada 3 perkara yang ingin untuk dibawa di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi di bawah Tajuk SD01A – Tajuk SD09A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Kaola tidak perlu jawapan pada hari ini mungkin perkara ini perlu membuat kajian dan masa.:

1. Mengenai pengauditan ke atas syarikat-syarikat yang tidak lagi aktif. Apa yang dimaksudkan syarikat-syarikat yang tidak aktif yang tidak menjalankan berpuluh tahun, ada pemiliknya yang sudah meninggal dan tidak mempunyai *bank account,* tidak menyimpan rekod. Pihak akauntan juga yang bertauliah seperti yang dikehendaki juga memerlukan bayaran yang tinggi. Pengusaha-pengusaha mengharapkan belas kasihan dan pertimbangan sewajarnya kerana tindakan dengan membawa ke mahkamah rasa bukanlah jalan yang terbaik dan ditakuti ke arah *bankruptcy.*;

2. Mengenai pinjaman perumahan dan perkhidmatan awam. Pertama sekali diucapkan ribuan terima kasih atas bantuan kementerian yang pinjaman perumahan bagi perkhidmatan awam bukan sahaja untuk memberikan pinjaman malahan telah pun memberikan kebenaran untuk membeli tanah dan rumah. Apa yang dilihat ketika ini, *developer* tidak berminat untuk menjual rumah kepada perkhidmatan awam disebabkan rumit dan memakan masa untuk memprosesnya. Maka dipohonkan untuk membuat kajian yang terperinci agar *developer* berminat menjual kepada pada perkhidmatan awam.; dan

3. Kalau difahami beras adalah komoditi terkawal. Ada pengusaha-pengusaha berminat untuk mengimport beras jenis seperi beras basmati, beras poni, beras dari Australia dan lain-lain dan mereka menjualnya juga bukannya subsidi, malahan mahal daripada apa yang dijual yang disubsidi oleh kerajaan. Tapi peminatnya masih banyak yang memerlukannya. Pada masa ini, hanya diberikan permit

dalam 10 sen dari jumlah pembelian beras dari setiap stor. Adakah perancangan untuk memberikan peluang dengan menambah kuota atau membukanya luas kepada pengimport-pengimport. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Ada 3 soalan kaola akan cuba menjawab.

Pertama, mengenai syarikat yang tidak lagi aktif tetapi masih lagi memerlukan untuk membuat audit dan berbelanja tinggi. Sebenarnya, ini satu peraturan kalau sekiranya ada satu syarikat yang didaftar di bawah 'sendirian berhad' mestilah diadakan audit tahunan. Kalau syarikat itu berpuluhan tahun tidak aktif, mereka ini boleh memohon kepada *ROCBN* untuk dibatalkan pendaftaran. Jika tidak aktif tidak perlu ditahan-tahan dan bertahun-tahun.

Tapi kalau sekiranya ia masih lagi memerlukannya, pengauditan tidak semestinya secara komprehensif. Kalau ia tidak aktif memang senanglah diaudit tapi kalau pendaftaran itu masih lagi ada pada *ROCBN*, itu satu peraturan mesti diadakan. Ini mesti kitani adil kepada semua syarikat yang di bawah 'sendirian berhad'.

Soalan yang kedua, pinjaman rumah. Prosesnya panjang. Perkara ini bolehlah nanti إِنْ شَاءَ ٱللهُ Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan meneliti sama ada benarkah panjang, apa sebabnya panjang, kitani dalam Dewan ini mungkin tidak dapat disenaraikan apa sebab-sebabnya. إِنْ شَاءَ ٱللهُ akan di*review* lagi.

Yang ketiga, beras yang diimport oleh syarikat-syarikat sendiri tidak bersubsidi. Permit hanya diberikan sedikit sahaja. Kitani mengimport beras ini memang satu makanan asasi bagi orang ramai. Walau kitani akan *order,* dulu pernah dicuba sudah oleh pihak swasta mengimport tapi usaha itu nampaknya tidak berapa sesuailah.

Dibalik semula kerajaan mengimport semua beras ini dengan *volume* yang kerajaan import ini mudah-mudahan harganya lebih kompetetif. Kalau pihak swasta akan import itu mereka punya jenis beras itu memang lain daripada yang selalunya diimport oleh kerajaan. Mereka punya pilihan. Itu pilihan peribadilah, yang kerajaan mengimport apa yang diperlukan oleh orang ramai, itu sahaja, *basic responsibility* yang di*offer* oleh kerajaan. Pilihan lain yang lebih canggih beras itu, tertakluk kepada pihak swasta sendirilah tu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola bercakap mengenai Kod 001/000 – Program Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Hal Ehwal Korporat dengan jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan 2022/2023 iaitu $20,494,043 iaitu berkaitan dengan permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan di hujung jari yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dalam Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Revolusi kecanggihan penggunaan *gadget* serta aplikasi dengan teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak mempengaruhi hidup masyarakat menjadi satu *element* baharu dalam memudahkan berbagai-bagai urusan yang mahukan semua perkhidmatan berada di hujung jari yang melangkaui dunia tanpa sempadan.

Soalan kaola, menyedari betapa pentingnya kehendak masyarakat yang tidak gemar berkunjung menjumpai pegawai atau untuk mengisi dokumen membuat bayaran dan mengambil bayaran di jabatan-jabatan berkenaan, jadi apakah jenis-jenis perkhidmatan secara talian yang sekarang ini nampaknya sangat berkesan atau mendapat respons yang paling tinggi daripada masyarakat? Kerana suasana *COVID-19* memberi kesan dan mempengaruhi cara orang berinteraksi dan bekerjasama.

Manakala itu kerajaan dan perniagaan telah menyesuaikan diri untuk bekerja dari jarak jauh dan mengintegerasikan teknologi maklumat untuk membolehkan mereka menjalankan operasi mereka secara maya termasuk juga mungkin jabatan-jabatan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalannya iaitu permintaan masyarakat mengenai perkhidmatan di hujung jari, teknologi maklumat. Apakah jenis perkhidmatan secara talian yang sangat berkesan mendapat respons yang tinggi dalam masyarakat kerana kesan dari wabak *COVID-19*.

Pada masa ini kitani hadapi wabak *COVID-19* memang banyak cabaran-cabaran yang kitani hadapi. Dari segi macam mana kitani dapat terus menghulurkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai. Bukan sahaja di Kementerian Kewangan dan Ekonomi tetapi juga di beberapa kementerian.

Mengenai Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada beberapa inisiatif kitani dapat terus berikan perkhidmatan kepada orang ramai seperti yang orang ramai akan *submit invoice* dan sebagainya untuk pembayaran dari *treasury* kitani pada waktu wabak *COVID-19* memudahkan orang ramai supaya mereka dapat *upload* sahaja invois melalui *online* sahaja, tidak perlu datang sendiri.

Dengan respons yang seperti biasa cepat bukannya ada *delay*. Jadi, yang perbelanjaan dalam teknologi maklumat

ini, satu hala tuju yang penting bukan sahaja bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi tetapi bagi mana-mana kementerian, jadi Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama dengan beberapa kementerian. Sama-sama mencari jalan supaya dapat kitani *digitalization.*

Satu projek yang kaola sudah kongsikan tadi adalah *One Common Billing System.* Satu sistem yang semua kementerian dapat menggunakan sistem ini. Bukannya sahaja setiap kementerian masing-masing membuat sistem sendiri. Ini satu *Common Billing System* yang digunakan oleh semua kementerian.

Satu lagi projek yang penting ialah Sistem Pengurusan Sumber Manusia. Ini bukannya sahaja kitani *manage payroll* dan sebagainya. Pada masa ini sudah kitani pakai *online* tapi jua cara kitani menguruskan cuti, elaun, pembayaran elaun dan sebagainya.

Inilah beberapa projek yang Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama dengan beberapa kementerian lain untuk memudahkan supaya kitani lebih maju dalam usaha kitani menghadap kepada *digitalization.* Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi yang kaola dapat kongsikan.

Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola / saya merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Peraturan Kewangan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan) 2022 dan Peraturan-Peraturan Kewangan 2022 yang akan bermula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

Di bawah Tajuk SD01A. Saya ingin pencerahan tentang *Financial Regulation* yang baharu. Dari segi apakah ia berbeza dengan *FR* pada masa ini dan apa yang dapat diharapkan. Saya juga ingin mengambil kira isu *transparency* dan pelanggaran *FRGO* dan diharap pindaan ini akan dapat juga mengurangkan atau mengelakkan penyelewengan dalam pentadbiran urusan kerajaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini satu Ini satu soalan yang bagus jadi untuk menjawab soalan ini, kaola ingin mengongsikan antara lain pengemaskinian ini dibuat adalah mengambil kira beberapa perkara seperti yang berikut:

Sebelum ini tahun terakhir Peraturan Kewangan 1983 ini diubah adalah pada tahun 1983 iaitu 38 tahun yang lalu. Jadi perlulah dikemaskan dan menetapkan lagi peraturan-peraturan dalam Peraturan Kewangan 1983 ini supaya ia lebih sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa dan jua terdapat beberapa peraturan dan proses dalam Peraturan Kewangan 1983 itu sudah tidak lagi releven dan *obsolete* mengambil kira pada masa ini sudah ada proses dengan menggunakan *IT* supaya dapat digunakan untuk proses pembayaran dan sebagainya.

Perlulah diambil kira apa yang *obsolete.* Perlulah diubah secara ringkas perubahan kepada Peraturan Kewangan 1983 untuk mengemaskan Peraturan-Peraturan dalam 2 dokumen iaitu seperti:

1. Teks utama yang hanya mengandungi dasar utama Peraturan-Peraturan Kewangan bagi kerajaan.; dan

2. Menyediakan garis panduan mengikut topik-topik yang dimuatkan dalam teks utama termasuk tatacara dan maklumat secara terperinci. Peraturan Kewangan 2022 lebih ringkas dan padat dan mudah untuk difahami. Manakala garis panduan mengikut topik-topik menggariskan dengan terperinci, tatacara, prosedur mengikut keadaan semasa seperti penggunaan *IT.* Garis panduan ini diklasifikasikan memang teliti dari semasa ke semasa mengikut keperluan semasa dan kalau dibandingkan apa perbezaannya, seumpamanya format dilihat dalam Peraturan Kewangan 1983 itu terlalu komprehensif dan tidak mudah difahami. Kita 'usai' format ini supaya ia lebih ringkas, padat dan mudah difahami. Satu yang penting mengenai tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Pegawai Perkiraan. Kalau dilihat dalam Peraturan Kewangan 2022 ia dinyatakan secara terperinci tugas dan tanggungjawab bagi Pegawai Pengawal dan Pegawai Perkiraan. Tetapi kalau dilihat Peraturan Kewangan 1983, tugas dan tanggungjawab tidak dinyatakan dengan jelas dan terdapat di beberapa bahagian tidak diterangkan. Jadi itulah satu *shortcoming* Peraturan Kewangan yang dahulu.

Kaedah-kaedah kutipan hasil dan pembayaran wang kerajaan dalam peraturan baharu ini mengambil kira kaedah kutipan hasil dan pembayaran secara elektronik. Memang Peraturan Kewangan 1983 tidak mengambil kira kaedah secara elektronik pada masa zaman dulu. Jua beberapa isu seperti takrifan Pegawai Pengawal, Peraturan Kewangan 1983 tidak menyatakan dan sekarang dimasukkan. Beberapa perkara lain seperti waran, hasil, penyimpanan barang-barang stor, *annual account* seperti seumpamanya.

Annual account kita menyatakan mesti disediakan tapi dalam Peraturan Kewangan 1983 tidak dinyatakan. Apa

yang penting dalam perubahan Peraturan Kewangan ini ia senang difahami oleh Pegawai Pengawal, pegawai dan kakitangan yang diamanahkan untuk menguruskan wang negara maka akan dapat meningkatkan lagi pemantauan kepada peraturan-peraturan dan garis panduan kewangan secara langsungnya dapat mengukuhkan lagi pengurusan kewangan kerajaan bagi mengelakkan dan dari kesalahan penggunaan wang kerajaan. Jabatan Perbandaharaan akan membuat pemberigaan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan pada bulan Mac 2022 bagi membolehkan ia dilaksanakan bermula 1 April 2022. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita jua untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dalam seminit dua, kaola sukacita untuk bercakap di bawah Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Dalam perkara ini kaola ingin membangkitkan mengenai terdapat projek-projek iaitu membayar projek kebelakangan yang tertunggak ataupun ada masalah kerosakan dalam atau luar bangunan kerajaan ataupun masalah-masalah kerosakan yang lama yang terbiar yang patut dibaiki dengan mendapatkan peruntukan-peruntukan. Tetapi dalam perkara ini, apabila peruntukan belanjawan tahun kewangan diluluskan, projek-projek kebelakangan yang tertunggak dan belum berbayar mahupun kerosakan-kerosakan yang terbiar ini, menggunakan peruntukan belanjawan tahunan yang sudah ada perancangan. Jadi, kewangan yang telah digunakan itu terjejas kerana membayar yang tertunggak.

Adalah lebih baik kaola cadangkan supaya akan memohonkan peruntukan-peruntukan pembayaran yang tertunggak dalam peruntukan belanjawan tahun yang akan datang. Supaya pembayaran kebelakangan yang tertunggak tidak akan mendatangkan masalah pada masa akan datang. Jadi, ertinya tidak lagi timbul apabila ditanyakan kepada jabatan-jabatan berkenaan mengapa ini belum berbuat, mengapa terbiar. Perkara alasan tidak ada bajet, tidak akan timbul lagi, jika sekiranya akan dipohonkan permohonan khas untuk perkara-perkara yang kaola sebutkan itu. Tidak balik-balik dan tidak terganggu jua peruntukan tahunan. Bagaimana perkara ini dapat diatasi?

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih, وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat mengenai pembayaran kebelakangan yang belum terbayar ataupun binasa. Memang setiap tahun dalam proses menyediakan peruntukan bagi tahun kewangan yang

akan datang setiap kementerian ada rancangan untuk projek baharu, kerja yang akan dibuat, jadi peruntukan disediakan. Boleh memasukkan pembayaran yang belum selesai. Itu boleh dipohonkan dalam peruntukan kewangan yang akan datang.

Ia tertakluk kepada setiap kementerian masing-masing untuk memasukkan pembayaran yang belum lagi dijelaskan tidak semestinya peruntukan yang disediakan untuk masa tahun kewangan yang akan datang khas untuk projek baharu sahaja. Boleh termasuk juga pembayaran yang belum selesai dimasukkan dalam peruntukan dalam tahun kewangan yang akan datang. Seperti contoh dari RKN dan seumpamanya kita ada menyediakan tanggungan-tanggungan yang belum dibayar, memang dimasukkan dalam RKN. Bajet tahun kewangan bagi kementerian-kementerian lain memang dimasukkan tetapi sekiranya ada yang belum cukup, terpaksa mereka pohon lagi. Tertakluk kepada setiap kementerian sewaktu kita menyediakan peruntukan bagi tahun kewangan yang akan datang.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah sudah kita berbincang mengenai Jadual Kementerian Kewangan dan Ekonomi II dan saya sekarang ingin mengundi. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Jadual ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semua Ahli bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kementerian Kewangan dan Ekonomi II iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa sekarang beralih kepada Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebelum tajuk-tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya sekarang ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan penjelasan dan keterangannya tentang penyediaan belanjawan bagi kementerian yang berkenaan ini. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola menyampaikan mukadimah bagi memandu perbincangan Anggaran Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita lebih dahulu menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan sejumlah $128,343,070.00 bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Selaras dengan tema belanjawan iaitu: "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien". Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ dengan sumber yang diperuntukkan akan terus menumpukan apa jua rancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang selaras dengan tema tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam keadaan negara dan dunia masih berhadapan dengan wabak *COVID-19*, ia mengharuskan kementerian untuk membuat perubahan dari segi inisiatif, dasar, akta dan perundangan termasuklah pendekatan secara konsisten dan berterusan, penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan kementerian dan jabatan-jabatan dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Pada mendukung aspirasi negara iaitu *Smart Nation* dan revolusi industri 4.0, perubahan-perubahan yang dilaksanakan adalah bertepatan bagi mengharungi cabaran-cabaran daripada pandemik *COVID-19*.

Berdasarkan tema dan fokus utama Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2021/2022, inisiatif-inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah seperti yang berikut:

1. Bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan berterusan meningkatkan tahap perkhidmatan kepada orang ramai dalam berbagai-bagai perkhidmatan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah dalam fasa terakhir pelaksanaan sistem *INRS-Immigration and National Registration System* yang bertujuan mengumpul dan mengintegrasi maklumat peribadi individu secara komprehensif termasuk data

biometrik. Ini juga akan membolehkan perkongsian sumber data maklumat antara agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan. Dalam hubungan itu, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Sistem Pengawalan Sempadan atau *Border Control System (BCS)* di bawah sistem *Immigration and National Registration (INRS)* akan mula digunakan pada bulan April 2022 ini. Ia akan mula diguna pakai di Lapangan Terbang Antarabangsa yang bertujuan memeriksa setiap pelawat yang masuk dan keluar dari negara ini dengan menggunakan sistem biometrik iaitu dengan membuat pengesanan cap jari dan gambar wajah *(facial recognition).* Melalui kaedah ini juga, ia akan dapat membantu mengesan rekod *demographic* pelawat serta mengesan pelawat yang tidak dikehendaki di negara ini dengan lebih berkesan. Sistem Pengawalan Sempadan ini nanti akan dilaratkan kepada semua pos kawalan secara berfasa.;

2. Di samping itu, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan terus meneliti dan menyelaras prosedur dan peraturan dari semasa ke semasa. Ini termasuklah pengemaskinian dan penguatkuasaan Perintah Pekerjaan 2009 dan akta atau peraturan imigresen melalui tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berterusan dan konsisten secara bersendirian mahupun bersepadu dengan agensi-agensi berkenaan serta bantuan orang ramai dan pemimpin akar umbi. Dengan ini, ia akan dapat memastikan kawalan dari segi kemasukan warga asing atau pekerja asing dan juga pada menjaga kesejahteraan terhadap pekerja-pekerja sentiasa dipelihara dan dilindungi dan seterusnya mengambil tindakan ke atas pesalah-pesalah yang melanggar undang-undang perburuhan dan imigresen.; dan

3. Jabatan Bomba dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*) pula berperanan ke arah mewujudkan masyarakat yang sentiasa siap siaga atau *emergency and disaster ready.* Ke arah itu, langkah-langkah bagi meningkatkan kapasiti iaitu dari segi logistik dan pembangunan kompetensi masyarakat melalui perbekalan keperluan logistik dan program-program pembangunan kompetensi masyarakat dilaksanakan secara berterusan agar mencapai objektif bagi memupuk budaya siap siaga dan menjadikan masyarakat yang berdaya tahan.

   Program yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat telah melahirkan seramai 48 orang warga masyarakat berjasa pada tahun 2021. Sehingga ini. terbukti kampung-kampung yang mempunyai sukarelawan bomba yang terlatih telah dapat membantu memadamkan kebakaran kecil sebelum pasukan bomba datang ke tempat kejadian.

Selain itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat juga telah mula melaksanakan denda kompaun bagi jenis-jenis kesalahan di bawah Perintah Kesalahan Kebakaran 2016 dikenali sebagai *Fire Safety Order, 2016 (FSO,2016)* sejak bulan Ogos 2021. Ia diharap akan memastikan pencegahan dan pengurangan risiko berlakunya sebarang insiden kebakaran dan juga memastikan pemilik dan penyewa premis terutama sekali sektor perniagaan, mematuhi Peraturan Keselamatan Kebakaran.

Pada tahun 2021, sebanyak 142 kebakaran dicatatkan termasuk 58 buah rumah dengan jumlah kerugian sebanyak $973,000.00 Walau bagaimanapun, dari jumlah ini hanya 2.9% rumah-rumah ini sahaja yang mempunyai perlindungan insurans.

Dalam kita menghadapi ancaman pandemik *COVID-19*, kita juga menghadapi cabaran dan perubahan iklim. Kita telah menghadapi beberapa jenis bencana iaitu banjir, tanah susur, pokok tumbang dan angin kencang. Berdasarkan kejadian ini dan pengalaman menghadapi berbagai kejadian bencana alam, kita perlu meningkatkan sikap siap siaga dan waspada pada setiap masa.

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan telah membuat penelitian dan pengemaskinian semula terhadap draf Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana *(Disaster Management Strategic Policy Framework)* dan dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Program-program keutamaan dalam dasar ini dibentuk untuk mempromosikan keselamatan, kedayatahanan dan kemakmuran ekonomi dan alam sekitar melalui pendekatan *whole of nation* dalam melindungi kesejahteraan masyarakat melalui 7 program keutamaan yang mengandungi objektif-objektif selaras dengan sasaran Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha kementerian ini bagi memantapkan perpaduan masyarakat, jabatan-jabatan daerah secara berterusan melaksanakan tindakan bersesuaian bagi mengukuhkan institusi mukim dan kampung. Usaha-usaha ini termasuklah pertama Projek *Rezoning* Mukim dan Kampung. Projek ini telah pun dilaksanakan bagi kawasan-kawasan di Kampung Air dan juga bagi mukim dan kampung di kawasan darat secara berperingkat-peringkat.

Sebahagian besar jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, yang terlibat dalam projek *rezoning* adalah dalam proses pengisian. Manakala bagi kawasan yang masih memerlukan perubahan sempadan, perkara ini dalam proses penyelerasan bersama agensi yang berkepentingan, sesuai dengan tujuan *rezoning*, maka ia akan dapat

membantu penghulu mukim dan ketua kampung meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran mukim-mukim dan kampung-kampung dengan jumlah penduduk yang bersesuaian.

Kedudukan negara yang berhadapan dengan wabak *COVID-19* sehingga masa ini, telah menjejaskan sedikit rancangan pengisian jawatan penghulu mukim dan ketua kampung. Dari itu, aplikasi e-Undi yang telah dilancarkan pada 2 Oktober 2021, bertujuan sebagai tambahan bagi kaedah pengundian yang sedia ada yang boleh membantu proses pengundian dan pemilihan calon penghulu dan ketua kampung berjalan lancar.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan adanya aplikasi ini, di samping memudahkan cara mengundi secara *online,* aplikasi ini juga menyediakan maklumat dan keterangan serta manifesto calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung yang setentunya memudahkan penduduk mukim dan kampung, mengenali calon pemimpin masing-masing.

Aplikasi yang mula dilaksanakan pada bulan Disember 2021 ini, jelas memberi impak positif yang ketara iaitu dengan meningkatnya penyertaan pengundi dari kalangan belia yang mengundi melalui sistem e-Undi iaitu dari 30% belia mengundi menggunakan kertas undi kepada 54% dengan e-Undi. Kita percaya bilangan ini akan meningkat dari semasa ke semasa.

Berasaskan data yang ada, kita juga bersyukur bahawa dari seramai calon penghulu mukim dan ketua kampung, yang telah dipilih, calon-calon yang telah diperakukan untuk pemilihan dan calon-calon dalam proses untuk diperakukan, terdapat 73% adalah mereka yang berumur di bawah 50 tahun. Dari segi kelayakan akedemik pula, seramai 38 orang adalah graduan daripada institusi pengajian tinggi.

Dengan adanya peningkatan profil calon-calon ini, diharap penghulu mukim dan kampung berkenaan akan dapat menerajui kepimpinan sebuah mukim atau kampung dengan lebih berwibawa dan berusaha untuk memajukan sosioekonomi mukim dan kampung, di samping berusaha untuk memupuk dan menwujudkan masyarakat yang bersatu padu dan memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan anak buah mukim dan kampung.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di dalam usaha kementerian memangkin sosioekonomi, Lembaga Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah terus berusaha bagi meneroka rancangan-rancangan yang boleh membantu dan memberikan peluang kepada peniaga-peniaga Mikrokecil dan Sederhana mendapat mata pencarian melalui aktiviti perniagaan.

Di samping melaksanakan rancangan menyediakan tempat-tempat berniaga yang sudah dikeluarkan *request for*

proposal, beberapa tempat lain juga sudah dikenal pasti untuk di majukan.

Sektor perekonomian di peringkat mukim dan kampung agak terkesan sejak penularan wabak *COVID-19*. Ia dapat dilihat dengan menurunnya pendapatan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) daripada $800,000.00 pada tahun 2019 kepada $710,000.00 pada tahun 2020 dan $556,842.00 pada tahun 2021.

Namun, pendapatan purata 19 orang pengusaha yang terlibat dalam Projek Tranformasi 1K1P dalam tahun 2021, telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak dan melebihi 106% sehingga ada yang memperolehi pendapatan sebanyak $5,000 hingga $7,000 sebulan. Kita bersyukur dan berbangga kerana sebahagian daripada mereka telah membuat pendekatan berani dan dengan bijak menukar cabaran-cabaran wabak *COVID-19,* kepada peluang. Dari itu, kita secara konsisten akan mengorak langkah bersama rakan-rakan strategik bagi meningkatkan lagi kemajuan produk-produk kampung dengan harapan bagi menembusi pasaran serantau, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .

Selain dari menyediakan prasarana bagi memangkin sosioekonomi, kementerian ini juga akan memberikan fokus kepada tunggakan cukai bangunan yang tinggi dan meningkat dari tahun ke setahun. Kementerian ini akan melaksanakan tindakan yang lebih berkesan dalam mengurangkan dan mengelakkan tunggakan. Di samping meneruskan inisiatif-inisiatif yang sudah dilaksanakan sebelum ini, kementerian ini akan berusaha meningkatkan dan memperkesankan lagi tindakan bagi membuat tuntutan melalui prosedur mahkamah.

Kementerian ini juga dalam perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk mempersyaratkan bagi pembayaran cukai bangunan dilunaskan lebih dahulu sebelum beberapa jenis permohonan diluluskan. Dalam pada itu, kementerian ini juga sedang dalam peringkat pelaksanaan Projek *Municipal Property Database (EP-TAX)* di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 iaitu bagi mengadakan satu sistem *database* bagi maklumat hartanah-hartanah di kawasan perbandaran dan seterusnya membolehkan pemilik-pemilik hartanah membayar cukai bangunan secara *online* melalui sistem berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan peruntukan dan inisiatif-inisiatif yang telah pun dibentangkan, dan mengambil kira suasana persekitaran yang sentiasa berubah selaras dengan kehendak dan keperluan semasa maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya, akan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan yang tinggi dan menjana ekonomi yang maju serta berdaya tahan dan dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang dan seterusnya,

merealisasikan matlamat negara khususnya dalam menyediakan Wawasan Brunei 2035. Sekianlah sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang telah memberikan mukadimahnya mengenai penyediaan belanjawan bagi kementerian berkenaan.

Sekarang, saya bukakan perbincangan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terus saja kepada persoalan saya. Ingin menyentuh mengenai di bawah mengenai Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dua perkara:

1. Saya ingin memohon penjelasan mengenai perkara yang disampaikan pada tahun 2017 iaitu Program Integrasi Perkhidmatan *EMAS* (*Emergency Medical Ambulance Services*) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat akan keberkesanannya dan adakah ia dijalankan?; dan
2. Saya juga ingin mencadangkan sebuah *centralised national hotline number* bagi talian-talian kecemasan untuk kegunaan orang awam. Manfaat perkara ini mengurangkan masa yang digunakan daripada menghubungi satu per satu. *Modelity* sudah ada iaitu talian Darussalam '123', bagi *non-essential services* kitani. Setentunya kebaikannya adalah penyelarasan dan *whole of government approach* antara perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei serta ambulans. Menyampaikan maklum balas daripada orang ramai iaitu sekiranya terlibat dalam sebuah kemalangan kereta di lebuh raya dan ada kecederaan. Contohnya, orang ramai boleh keliru mana satukah ditelefon atau dihubungi lebih dahulu antara ketiga-tiganya dan sering terjadi pihak keselamatan yang datang pula bertanya, sudahkah dihubungi yang lain?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

1. Mengenai perkhidmatan *Emergency Medical Ambulance Services* (*EMAS*), yang bermula pada tahun 2017. Perkhidmatan ini masih lagi berjalan, dan apa yang berlaku pada waktu itu, satu peningkatan ialah kita

menggabungkan perkhidmatan ambulans di balai-balai bomba dan kita mempunyai lebih 25 buah balai bomba dan boleh diletakkan juga ambulans. Apabila berlaku kecemasan pada masa ini, kedua-dua pihak beroperasi di tempat yang sama. Apabila berlaku suatu panggilan, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, kemalangan kereta misalnya jadi kedua-dua pihak tersebut terus berjalan menuju ke tempat kejadian. Ini dapat dilakukan secara bersepadu.; dan

2. Mengenai rancangan talian-talian kecemasan untuk disatukan, perkara ini sedang dalam penilaian pada masa ini. إِنْ شَاءَ ٱللهُ ia akan diteruskan dan kitani akan mengongsikan dengan orang ramai apabila ia sudah pada tahap-tahap pencapaiannya nanti.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Kaola membawa 2 Tajuk sahaja:

1. Di bawah Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dicadangkan dalam memperkasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pada era mendatang dengan penjawat Ketua Kampung dan Penghulu sebagai pemimpin akar umbi daripada individu muda. Dicadangkan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melantik konsultan profesional membuat pelan strategi dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan kemajuan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dipohonkan *grant* atau peruntukan khas kepada setiap Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sekurang-kurangnya bernilai $20,000.00 setahun. Ini kerana peratus pencapaian kebangsaan MPK memajukan 1K1P masih rendah. Diharapkan peruntukan ini akan mampu memperkasa Projek 1K1P. Ini pun kalau belum ada perancangan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan

2. Di bawah Tajuk SE05A – Jabatan Buruh. Dicadangkan supaya umur pekerja asing dibenarkan di sektor-sektor tertentu diberikan sekatan kepada umur 30 tahun ke atas kerana apa yang dilihat belia muda asing mengisi jawatan-jawatan seperti juruwang, *salesman*, pelayan kedai kain dan lain-lain. Sekatan ini sebagai *levy* umur untuk menjadikan peluang belia Brunei lebih luas dalam sektor-sektor tertentu.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

1. Cadangan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini membuat peta jalannya, pelan strateginya. Mengenai peruntukan-peruntukan bagi memperkasa 1K1P, ini memang pada masa ini berjalan tertakluklah kepada perancangan mukim atau kampung-kampung itu. Mereka mesti menghadapkan projeknya dahulu. Misalnya, satu mukim yang kita lihat sudah ada kemajuannya dari segi melahirkan dan menjual produknya dan memerlukan peningkatan dari segi dapur kerana mereka ini kalau tidak tentu dapurnya, mereka akan susah untuk mendapatkan pensijilan halal. Apabila dinilai dan dilihat ada keperluan tersebut, maka projek itu akan diberikan bantuan sejumlah yang dapat mereka berikan bagi memenuhi syarat-syarat dari persijilan dan juga meningkatkan produknya nanti.;

   Perkara ini ada Jawatankuasa Pandu bagi 1K1P, jadi perkara-perkara ini juga nanti dapat diteliti oleh Jawatankuasa Pandu 1K1P, bagaimana lagi kitani akan dapat memperkasa atau meningkatkan produktiviti sesuatu mukim atau kampung yang sudah membuktikan ia punya kejayaan.

2. Mengenai Buruh, memang pada masa ini ada had-had umur. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, bila membincangkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, bagi Kad Pengenalan Hijau ertinya orang luar, lebih 55 tahun. Dari segi perburuhan memang ada had-had umur, kalau ia buruh biasa sahaja, 55 tahun. Lebih 55 tahun tidak boleh lagi bekerja di sini. Kalau ia profesional, maka ia akan ditimbangkan melebihi 55 tahun. Misalnya, para profesional sampai 58 tahun. Kalau ia teknikal boleh sampai 60 tahun. Tadi barangkali kalau pemegang syarikat itu, kalau ia menjadi *partner* kepada syarikat itu, boleh juga melebihi 55 tahun. Jadi, ini ada had-had umur yang sudah ditentukan dalam menimbangkan lesen pekerjaan, penyambungan bagi pekerja-pekerja asing di negara ini.

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola lebih dahulu merakamkan penghargaan

dan terima kasih serta tahniah yang setinggi-tinggi atas pembentangan serta penerangan lengkap mengenai peruntukan di bawah Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kaola suka membawa di bawah Tajuk SE07A – Pejabat Daerah Belait, Kod/Akaun 003-000 – Pembangunan luar Bandar.

Peruntukan Jabatan Daerah Belait bagi tahun 2022 hingga 2023 yang berjumlah kira-kira $4,453,010.00 itu sejajar dengan usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Belait dalam mengekalkan dan merancang pembangunan infrastruktur serta mengemaskinikan lagi logistik di kawasan luar bandar. Kaola suka bertanya:

1. Apakah lagi perancangan yang akan dilaksanakan bagi pembangunan luar bandar dengan bajet yang disediakan tersebut.

2. Bagi memantapkan lagi dan sebagai usaha yang berterusan dalam mengukuhkan ekonomi penduduk kampung dan mukim di kawasan pedalaman dan bagi menyokong cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi, kaola juga mengusulkan bagi jabatan-jabatan daerah melalui skim IKIP dapat mewujudkan Program Desa Lestari bagi menumpukan kepada pengukuhan aktiviti ekonomi yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung dan Mukim berdasarkan potensi khusus mereka.

Sekian disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

1. Mengenai luar bandar di Kuala Belait. Ini diselaraskan oleh daerah-daerah. Tetapi apa yang nyata dengan bajet yang ada itu kita terpaksa membuat keutamaan (*priority*) bagi kawasan-kawasan yang berkenaan. Umpamanya di Kuala Belait ini ada pernah ditimbulkan masalah dengan jalan kecil. Jadi, dengan peruntukan yang ada, atas kebijaksanaan Pegawai Daerah dengan perundingan melalui Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampung dan agensi-agensi berkenaan akan dapat berusaha menggunakan bajet atau peruntukan yang ada itu bagi tujuan-tujuan yang dikira keutamaan di kawasan-kawasan tersebut.; dan

2. Mengenai ekonomi mukim dan kampung, Program Lestari sebagaimana jua dinyatakan tadi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kita akan berusaha untuk mengenal pasti jenis-jenis program yang dapat dilaksanakan. Dalam melaksanakan program-program begini adalah mustahak kita dapat memaksimumkan kemudahan-kemudahan yang ada bukan saja dalam agensi kerajaan tetapi juga melalui juga syarikat-syarikat *GLC*. Umpamanya keperluan bagi daerah atau mukim itu mempunyai *central*

kitchen. Jadi, kita sudah tahu ada di antara *GLC* ini mempunyai *central kitchen* mereka dan mempunyai kapasiti yang berlebihan yang boleh ditawarkannya kepada mukim-mukim dan kampung-kampung.

Kita tidak payah membina atau membuat *central kitchen* sendiri, tetapi berusaha bagaimana mereka ini menggunakan kemudahan yang sedia ada di syarikat-syarikat lain dan dengan cara ini apa jua peruntukan yang ada disediakan di kementerian akan dapat dioptimumkan bagi mengukuhkan ekonomi.

Dalam hubungan inilah, bagi 1K1P ini kita bekerjasama hari itu dengan BIBD untuk melatih pengusaha-pengusaha ini dan saya kagum dengan peserta dari Daerah Belait jauh daripada Teraja. Bayangkan jauh Teraja ke Bandar Seri Begawan untuk menghadiri woksyop pada hujung minggu, 3 hari seminggu. Bayangkan mereka ini mempunyai dedikasi. Begitu juga dengan peserta dari Kampung Mumong, Daerah Belait bukan orang muda-muda, orang yang sudah berumur lebih 50 tahun tetapi *punctual* hadir.

Ini memberikan cabaran kepada peserta-peserta di Daerah Brunei dan Muara yang dekat dengan tempat kita mengendalikan bengkel ini. Sebab itu, ia memerlukan komitmen dan saya kira barangkali Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dapat memperkasa komitmen, dedikasi peserta-peserta seumpama ini. Jadi, kerana itulah mereka ini berjaya yang saya nyatakan tadi, iaitu selepas mereka mengikuti transformasi. Dalam transformasi itu bukan saja mereka itu men*transform* produknya tetapi juga yang penting ialah menguruskan kewangannya. Itu aspek yang penting. Satu barangkali kekurangan kita selalu hadapi ialah pengurusan kewangan. Jadi, berharap barangkali dengan sokongan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung perkara ini akan dapat kita jayakan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola peluang untuk membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola akan menyentuh tajuk yang melibatkan jabatan - jabatan daerah dan juga

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu di bawah Tajuk SE06A hingga Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Kaola mengambil maklum dengan adanya Skim Baharu bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang giat melaksanakan proses pengisian kekosongan jawatan-jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Dalam hubungan ini, kaola suka membawakan usul agar institusi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi akan lebih diperkasakan dengan menyuntikkan semangat dan nafas baharu dalam urus tadbir yang lebih cekap dan selari dengan keadaan semasa termasuk dari segi memberikan ilmu pengetahuan kepada para penghulu mukim dan ketua kampung dan mendedahkan mereka kepada ilmu pentadbiran, pengurusan dan yang berkaitan dengan mengadakan program-program khusus seperti seminar-seminar dan seumpamanya yang bersesuaian. Tidak lupa juga mengadakan program-program bagi memantapkan pengetahuan dan ilmu para pemimpin ini dalam hal-ehwal yang berkaitan dengan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja supaya pemimpin akar umbi ini dapat menjadi contoh kepada rakyat yang dipimpin mereka di kampung-kampung dan mukim-mukim mereka.

Perkara ini kaola rasa amat penting kerana "kepimpinan melalui teladan" adalah sebaik-baik polisi dan akan mewujudkan suasana kepercayaan kepada pemimpin mereka daripada orang-orang kampung kerana pemimpin adalah contoh kepada anak-anak kampung. Dalam setiap apa yang dilakukan atau diperkatakan oleh pemimpin itu akan menjadi contoh mereka dan senanglah pemimpin akar umbi ini menjadi mata dan telinga kerajaan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Semoga dapat memberikan nafas baharu kepada institusi penghulu mukim dan ketua kampung. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas usul atau cadangan bagi mengadakan program ataupun kursus-kursus yang boleh memperkasa, menambah ilmu pengetahuan, ilmu yang berkaitan dengan urus tadbir supaya penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung akan bertambah cekap lagi dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di samping itu juga perlu mengamalkan dan menghayati falsafah Melayu Islam Beraja.

Sebenarnya, kursus-kursus sedemikian pernah diadakan tetapi secara berskala. Kementerian telah pun menyediakan satu program ataupun kurikulum yang lebih mantap lagi untuk diikuti oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang baru berkhidmat dengan menyediakan modul-modul tertentu dan mereka ini dikehendaki untuk mengikuti modul-modul itu sepanjang tempoh yang ditentukan dan

ini sebagaimana juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat mengandungi modul-modul pentadbiran, mereka mesti tahu akan *General Order*, tahu akan *Financial Regulations,* tahu akan falsafah Melayu Islam Beraja, pentadbiran menurut syariah, pelaksanaan Maqasid Syariah sebagai pemimpin.

Jadi, beberapa modul itu telah diteliti dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kitani jua akan menjemput untuk *sosialise* perkara ini dengan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan mereka yang berpengalaman untuk meneliti akan kesesuaiannya sebelum ia dilaksanakan. Ini merupakan satu penambahbaikan daripada kursus-kursus atau program-program seminar yang pernah dilaksanakan dulu sebelum ini. Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyambut baik akan cadangan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ, kaola ingin merujuk di bawah Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam perkara ini sukacita mengetahui apakah bentuk perancangan baharu kementerian untuk ke hadapan bagi membantu mengurangkan sedikit sebanyak pengangguran dan menggalakkan lebih ramai lagi belia untuk berkecimpung dalam mengusahakan Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Seterusnya bagaimana cara kementerian memastikan bekalan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) akan berterusan menjana ekonomi pengusahanya dan bagaimana cara mengawal akan kualiti hasilnya?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan.

Perkara yang berkaitan dengan masalah pengangguran itu dapat diteliti ataupun di*address* oleh beberapa agensi kerajaan dan khususnya pada masa ini ialah *Manpower Employment Council.* Sejauh yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memanglah hasrat kitani dulu, kalau sekiranya Program 1K1P itu berjaya sebagai satu program ekonomi mukim dan kampung. Ia sekurang-kurangnya dapat menyediakan pekerjaan kepada belia. Ini saya lihat, contohnya seperti mukim-mukim yang telah menjadikan produk pelancongan sebagai produk mereka.

Begitu juga dengan produk makanan, umpamanya di Batu Apoi, Daerah Temburong proses membuat 'ambulung' tetapi juga ia punya *spin-off* dari 'ambulung' ialah membuat biskut 'ambulung' dan sebagainya. Dalam

memproses rumbia itu untuk menjadikan ia 'ambulung' itu beberapa orang belia telah pun bekerja yang sebahagiannya *part time* ada yang *full time*. Inilah yang kita harapkan. Semua ini menghendaki kerjasama sokongan bagaimana kitani dapat melaksanakannya.

Dalam mukadimah saya tadi, saya ada menyentuh mengenai kemudahan prasarana di bandar-bandar untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang bergiat dalam bidang perniagaan, gerai-gerai misalannya akan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada. Masalahnya kitani ini ialah untuk mengenal pasti siapa yang benar-benar berminat untuk menceburi bidang-bidang tersebut. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kalau ada kesepaduannya dari semua pihak yang berkenaan perkara-perkara ini akan dapat kitani tangani bersama. Barangkali itu jawapan kaola mengenai sejauh mana kementerian dapat menyumbang ke arah menyediakan jua peluang pekerjaan kepada belia yang menganggur ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah pun menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira ada baiknya sekarang tajuk ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk ini diluluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah kita berbincang mengenai tajuk di bawah Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 dan dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita beralih bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya pada pagi ini, maka saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada petang nanti pada pukul 2.30 petang sebagaimana biasa.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang sedia kita maklum pada sebelah pagi tadi kita telah meneliti Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, (2022/2023), di Peringkat Jawatankuasa dan kita telah pun berjaya meluluskan beberapa buah tajuk.

Maka bagi membolehkan kita berbincang dan meneliti tajuk-tajuk seterusnya, saya tangguhkan dahulu Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita balik bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita meneruskan menimbangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, (2022/2023) satu per satu sebagaimana yang kita maklum undang-undang yang berkenaan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sedang dalam perbincangan kita.

Sekarang kita menyambung semula untuk membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang selanjutnya akan membahaskan dan membincangkan Kementerian Pendidikan.

Sebelum tajuk ini saya bukakan untuk diteliti dan dibahas. Saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan penjelasan tentang dasar dan objektif kementeriannya dalam penyediaan Anggaran Belanjawan Kewangan bagi kementerian yang berkenaan ini.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahun Kewangan 2021/2022 merupakan tahun yang mencabar bagi semua pihak termasuk sektor pendidikan dengan gelombang kedua pandemik *COVID-19* yang bermula pada bulan Ogos 2021.

Belajar dari pengalaman gelombang pertama, Kementerian Pendidikan telah sedaya upaya berusaha untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan pelajar dan warga sekolah serta kementerian terjaga dan diberikan keutamaan dalam melaksanakan *Business Continuity Plan* (*BCP*) yang bersesuaian berdasarkan dengan keadaan semasa.

Untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan semasa penutupan sekolah, pendekatan pengajaran atau pembelajaran di rumah atau *Home Base Learning* secara dalam talian melalui berbagai-bagai landasan telah dilaksanakan. Kementerian Pendidikan mengambil maklum akan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh berbagai pihak semasa pelaksanaan pendekatan tersebut termasuk kemahiran dan kompetensi serta kekurangan sumber seperti alat peranti dan data *Internet* terutama sekali bagi keluarga yang kurang berkemampuan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum cabaran pengajaran secara dalam talian dari segi penggunaan data *Internet* dan juga kemahiran menggunakan aplikasi pengajaran yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan salah satu daripadanya ialah usaha sama dengan pelbagai pihak bagi menyediakan peranti data *Internet* kepada semua guru-guru dan juga pelajar yang memerlukan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, guru-guru juga telah diberikan 'elaun tambahan' sebanyak $20.00 setiap bulan bagi kegunaan pembelian data *Internet* untuk kegunaan pengajaran. Manakala pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan telah diberikan data *Internet* sebanyak *10GB* setiap bulan.

Usaha-usaha ini selaras dengan objektif-objektif strategik Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kerjasama dan sokongan padu berbagai-bagai pihak berkepentingan dan juga untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan yang berkualiti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengucapkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukkan sebanyak $583,726,080.00 bagi

Perbelanjaan Tahun Kewangan 2022/2023 di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Dari jumlah tersebut sebanyak $426,778,270.00 disediakan untuk gaji kakitangan sementara $140,591,250.00 untuk Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Kemajuan $16,356,560.00. Jumlah peruntukan besar yang disediakan ini jelas menunjukkan betapa pendidikan merupakan satu keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi, selaras dengan Matlamat 1 bagi Wawasan Brunei 2035 iaitu: Melahirkan Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Dengan yang demikian, Kementerian Pendidikan akan meneruskan usahanya dalam memberikan pendidikan holistik bagi mencapai potensi sepenuhnya untuk semua. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, dengan peruntukan ini, Kementerian Pendidikan akan memanfaatkan dengan penuh amanah dan sebaik-baiknya dengan berbelanja mengikut keutamaan dan penghasilan impak yang terbaik.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dalam mengharungi pandemik *COVID-19* pelaburan pendidikan ini terus membuahkan hasil yang semakin positif khususnya apabila dilihat dari segi keputusan peperiksaan-peperiksaan awam bagi sekolah-sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah di bawah Kementerian Pendidikan.

Bagi Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2021 sebanyak 65.81% atau seramai 2,229 orang calon telah memperolehi gred 'A' hingga 'C' dalam 5 mata pelajaran iaitu peningkatan sebanyak 3.4% dari tahun sebelumnya. Bagi peperiksaan *GCE 'O' Level* dan *IGCSE* pula 51.3% atau seramai 2,199 calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 5 *'O' Level* pada tahun 2021 iaitu peningkatan 8.51% dari tahun sebelumnya.

Keputusan *GCE 'A' Level* telah menunjukkan sebanyak 90.43% atau seramai 1,153 calon memperolehi sekurang-kurangnya 3 *'A' Level* jumlah peratus pelajar *'A' Level* yang mendapat gred 'A' dan 'C' dalam sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran telah menunjukkan peningkatan kepada 41.6% pada tahun 2021. Dalam pada itu, peratus pelajar *'A' Level* yang memperolehi *straight point* melebihi 240 *point* telah juga meningkat kepada 61.28% berbanding dengan 52.93% pada tahun sebelumnya.

Pencapaian-pencapaian yang diraih ini adalah berkat hasil usaha gigih para pelajar, guru, pemimpin sekolah, ibu-bapa dan seluruh warga Kementerian Pendidikan khususnya melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik pendidikan rendah dan menengah. Di samping itu, peningkatan jumlah pembangunan profesional secara berterusan para guru di setiap kluster

pendidikan sejak kebelakangan ini adalah bukti betapa guru amat peka terhadap kualiti pengajaran mereka, yang hasilnya telah dapat kita lihat melalui pencapaian prestasi para pelajar yang kian meningkat dalam peperiksaan awam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Inisiatif-inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan tidaklah hanya tertumpu terhadap peringkat rendah dan menengah sahaja bahkan ia juga merentas ke peringkat pengajian tinggi. Di peringkat univerisiti, Universiti Brunei Darussalam telah meneruskan lagi kecemerlangan dengan buat julung kalinya pada tahun 2021 memasuki carta *The Times Higher Education (THE)* di kedudukan antara 351-400 *World University Ranking* 2022. Dalam *QS World University Ranking* pula, UBD telah meningkatkan kedudukan mereka dimana UBD telah berjaya naik kedudukan 250 universiti teratas dunia pada tahun 2022.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diiktiraf sebagai institusi *'Four Plus Star Rating'* dalam kategori universiti gunaan berdasarkan sistem penilaian Metrik Prestasi Universiti *(UPM)* yang diterajui oleh Universiti Kebangsaan Vietnam kerjasama *ASEAN University Network (AUN).* UNISSA juga menubuhkan Fakulti Pertanian yang terlekat di Kampus Sinaut UNISAA yang telah mula beroperasi pada bulan Januari 2022.

Bagi Universiti Teknologi Brunei (UTB) pencapaian yang paling ketara di peringkat antarabangsa ialah penganugerahan *'Five Plus Star Rating'* bagi kecemerlangan oleh *QS.* UTB juga berjaya meningkatkan kedudukannya di *QS World University* ranking 2022 pada posisi ke 344 dan antara 27% teratas dalam ranking berkenaan. Selain itu, Program Kejuruteraan Petroleum UTB telah mencapai kedudukan 150 ke atas dan *QS Subjek Ranking*. Semua pencapaian ini telah membuktikan bahawa universiti-universiti tempatan juga setaraf dengan universiti-universiti antarabangsa dari segi akademik, penyelidikan, reputasi majikan, nisbah pelajaran dan sebagainya di samping ia mencerminkan kualiti pengajian tinggi negara ini setanding dengan negara-negara luar.

Di peringkat Pendidikan Teknikal pula, Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE)* sentiasa komited dalam mewujudkan rangkaian kerjasama dan penglibatan dengan pihak berkepentingannya khusus *Manpower Planning Employment Council (MPEC)*, *Manpower Industry Steering Commitee (MISC)* dan sektor industri. Usaha ini bagi memantapkan lagi kualiti-kualiti program-progarm latihan yang dijalankan selain bagi memastikan program-program yang ditawarkan sejajar dengan keperluan negara dan industri.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, melalui kerjasama rapat dan sokongan dari pihak berkepentingan, kadar kebolehpasaran (*Employement*

Rate), graduan *PB* dan *IBTE* selepas 6 bulan dari konvokesyen telah menunjukkan peningkatan sebanyak 13.8% bagi *PB*, iaitu 55.5% pada tahun 2019/2020 kepada 69.3% pada tahun 2020/2021. Manakala bagi *IBTE* peningkatan sebanyak 7.1% iaitu 67.6% pada tahun 2019/2020 kepada 74.7% pada tahun 2020-2021.

Dengan sokongan padu dari semua pihak melalui pendekatan *Whole of Nation* segala usaha meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan di peringkat teknikal mahupun dipengajian tinggi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat dilipatgandakan.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di sebalik pencapaian yang peramba / kaola / saya kongsikan tadi masih usaha-usaha yang perlu terus dilaksanakan dalam menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi yang merangkumi kualiti sumber tenaga manusia yang cemerlang, pemberian akses pendidikan yang sama dan saksama serta kerjasama erat dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam hubungan ini sukacita dikongsikan bahawa antara projek-projek yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2022/2023 khususnya dalam mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi di bawah Objektif Strategik I, Pelan Strategik, Kementerian Pendidikan 2018-2022 ialah:

1. Peningkatan kemahiran dan kapasiti khususnya bagi program perkembangan profesional untuk tenaga-tenaga pengajar, pemimpin-pemimpin sekolah dan tenaga kerja di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.;

2. Kementerian Pendidikan melalui Akademi Kepimpinan dan Guru-Guru Brunei *BDLTA* bertanggungjawab dalam menyediakan dan mengendalikan program-program bagi Tenaga Pengajar dan Pemimpin Sekolah. Bagi Tenaga Pengajar, Unit Tenaga Pengajar di bawah *BDLTA* telah mereka bentuk Program Perkembangan Profesional yang berpaksikan dua domain iaitu Pengetahuan dan Kemahiran Profesional serta Penglibatan Profesional dan 6 *standards* atau piawaian pendidikan. Kursus-kursus yang disediakan bertujuan membentuk dan membangun kompetensi atau *Competency based Training Modules for Signature Series* yang berdasar 17 kompetensi pengajaran yang terdapat dalam *Brunei Teachers Standard-Teacher Performance Appraisal 2.0.;*

3. Sementara itu, Unit Kepimpinan Sekolah di bawah *BDLTA* pada masa ini juga telah menyediakan dan melaksanakan 4 *Tier Signature Programme* bagi peringkat kepimpinan. Program-program ini

direka bagi membangun kapasiti dan kompetensi pemimpin-pemimpin sekolah pada setiap tahap sepanjang karier mereka agar mereka mampu menjadi pemimpin yang berwawasan, boleh merancang dan mentadbir secara strategik, berkemampuan untuk mentadbir perubahan, mengurus sumber manusia strategik terutama sekali mampu menjadi pemimpin instruksional di sekolah masing-masing.;

4. Selain tenaga pengajar dan pemimpin sekolah, pihak *BDLTA* melalui Unit Kepakaran Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kerjaya juga menyediakan Program Perkembangan Profesional bagi membangun kompetensi tenaga pengajar yang dikenal pasti bagi memenuhi keperluan jabatan-jabatan dalam Kementerian Pendidikan menerusi bidang yang berkaitan dengan Perkembangan Kurikulum, Penilaian dan Peperiksaan, Penyeliaan (Kenaziran), Penyelidikan Pendidikan, Pendidikan Khas, Teknologi Pendidikan dan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia.;

5. Di samping meningkatkan kompentensi dalam kalangan tenaga pengajar dan pemimpin-pemimpin sekolah, pihak kementerian juga mengambil maklum terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka terutama apabila gelombang-gelombang wabak *COVID-19* melanda yang menyebabkan ada sebahagian kalangan tenaga pengajar dan pemimpin sekolah menghadapi tekanan (*stress)*, kemurungan dan kecelaruan yang boleh mengganggu kesihatan mental mereka. Sehubungan itu, pihak Kementerian Pendidikan telah membentuk satu unit baharu dikenali sebagai Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar di bawah seliaan Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan.;

6. Di peringkat pengajian tinggi pula, pembentukan Rangka Kerja Kompetensi, Pemimpin Pengajian Tinggi yang akan di asas dalam melaksanakan pengurusan sumber-sumber tenaga manusia di tahap yang berkualiti bagi pemimpin di institusi pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan akan diteruskan.; dan

7. Pembentukan Pelan Latihan dan Pembangunan *IBTE* yang mengandungi rangka kerja kompetensi teras *IBTE* bagi pemimpin pengurusan dan pengajar yang menyediakan peta jalan untuk melatih pemimpin dan pihak pengurusan tenaga akademik dan staf sokongan dalam kompetensi teras akan terus dilaksanakan melalui akademi *TVET* di *IBTE*. Rangka Kerja yang sama juga turut giat dibentuk oleh Politeknik Brunei dalam melengkapkan sumber tenaga manusia di institusi berkenaan

dengan kompetensi kemahiran yang memenuhi piawaian industri.

Manakala projek-projek utama yang akan dilaksanakan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 di bawah Objektif Strategik II iaitu untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti seperti yang berikut:

1. Meneruskan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pengeluaran aset di institusi-institusi pendidikan iaitu di sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat-pusat tingkatan enam termasuk juga di institusi-institusi pengajian tinggi dengan menaik taraf bangunan dan pelaksanaan pemeliharaan komprehensif melalui projek *Facility Management*. UBD dan *IBTE* juga akan melaksanakan projek *Facility Management* di institusi masing-masing dari Tahun Kewangan 2022/2023, dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan juga dilaratkan penggunaannya di institusi yang lain pada tahun-tahun yang datang sebagai salah satu program *fiscal consolidation* yang dilaksanakan secara menyeluruh di Kementerian Pendidikan.; dan

2. Pemeliharaan sistem komputer bagi sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan. Mengambil kira penularan wabak *COVID-19* dan juga inisiatif Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan *Blended Learning* serta mempertingkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready.* Selaras dengan Pelan Tranformasi Digital Kementerian Pendidkan, beberapa projek akan dilaksanakan seperti yang berikut:

   i. Projek Perolehan Komputer melalui kontrak induk *IT Central Procurement* 3 daripada Pusat Kebangsaan e-Kerajaan akan terus dilaksanakan bagi tujuan penggantian semua alat peranti termasuk komputer dan *desktop* komputer riba di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Kementerian Pendidikan.;

   ii. Projek pembekalan komputer riba serta data *Internet* kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan semua tenaga pengajar dari sekolah-sekolah kerajaan agar pengajaran dan pembelajaran berasaskan rumah *(home based learning)* dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

   iii. Projek Penaiktarafan Infrastruktur Rangkaian Kementerian bertujuan menyedia, mengurus, memelihara dan memantau prasarana rangkaian bagi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan agar operasi kementerian akan lebih berkesan dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran melalui penggunaan teknologi.; dan

   iv. Projek menggabungkan kandungan-kandungan video

pengajaran dan pembelajaran ke dalam satu platfom dalam talian bagi kegunaan guru-guru dan pelajar-pelajar agar bahan-bahan berkenaan dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ia juga akan diharapkan akan dapat menjadi sumber maklumat tambahan pada luar waktu kurikulum. Projek ini selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan dalam mengembangkan lagi pendekatan pembelajaran digital.

Projek-projek utama lain yang turut dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2022/2023 di bawah Objektif Strategik II termasuk:

1. Pengukuhan piawaian dan kurikulum *Digital Literacy* bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran yang di pelbagai peringkat tersusun dan selaras dengan kurikulum antarabangsa.; dan

2. Memantapkan program pendidikan khas dengan terus menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti melalui penambahan *Centre of Excellence* atau Pusat Kecemerlangan yang mempunyai prasarana yang lebih sesuai bagi menampung keperluan fizikal dan kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Selain itu, dalam mengambil kira gelombang wabak *COVID-19* yang telah melanda negara kita dan menyebabkan pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan melalui pelbagai kaedah pihak kementerian maklum mengenai implikasi perkara ini yang menyumbang ke arah *Learning Deficit.* Sehubungan dengan itu, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan akan terus meningkatkan kualiti dan memperkasa peraksanaan Program *Learning Support.* Ini merupakan satu usaha Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kompetensi *literacy* dan *numeracy* dalam kalangan pelajar terutama sekali bagi golongan yang terkesan disebabkan pandemik.

Seterusnya, mengkaji dan menyusun semula kurikulum dan program yang sedia ada dan menawarkan program-program baru di institusi-institusi pendidikan teknikal dan pengajian tinggi agar sentiasa relevan dan memenuhi keperluan industri. Melalui kerjasama rapat *MPEC* dan pihak-pihak yang berkepentingan. Ini termasuk program-program *NTec* dan *HNTec* dalam jurusan Perniagaan, Teknologi Maklumat, *Geomatics* dan Teknologi Tani di *IBTE*, program-program Diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi Industri di Sekolah Petrokimia, Politeknik Brunei.

Di bawah Objektif Strategik III di Kementerian Pendidikan iaitu untuk meningkatkan perkongsian akauntabiliti dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran, projek utama yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2022/2023 ialah:

1. Peningkatan hubungan dua hala dengan Kementerian Pendidikan dan institusi pendidikan luar negara serta hubungan organisasi serantau dan antarabangsa melalui kumpulan kerjasama atau *joint working group.* Pihak Kementerian Pendidikan akan terus menjalinkan aktiviti-aktiviti kerjasama, perbincangan dan bertukar pendapat mengenai isu-isu pendidikan dan amalan-amalan terbaik dengan negara-negara sahabat.;

2. Meningkatkan sinergi dan penglibatan pihak industri kerajaan dalam penyelidikan, inovasi dan penempatan kerja bersama institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan.; dan

3. Mempelbagaikan program-program dan kursus-kursus peningkatan kemahiran atau *upskilling* dan kemahiran semula atau *reskilling* di pusat pembelajaran sepanjang hayat dengan kerjasama institusi-institusi pendidikan teknikal dan pengajian tinggi bersama *MPEC* dan pihak berkepentigan yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Penglibatan berterusan Ahli-Ahli Yang Berhormat, para ibu bapa penjaga dan masyarakat adalah amat diperlukan sepertimana yang dapat kita alami semasa mengharungi wabak *COVID-19*.

Marilah kita sama-sama mendukung misi kementerian ini: "Untuk Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua" bagi mencapai misi "Pendidikan Berkualiti Negara Dinamik".

Sekian dan kaola mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita mengucap terima kasih kepada Menteri Pendidikan yang telah memberikan keterangan secara mendalam dan jelas tentang perancangan serta dan hala tuju bagi kementeriannya. Maka dengan itu saya sekarang ingin membuka tajuk ini supaya dibincangkan dan saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa di bawah Tajuk SF03A - Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Dicadangkan hendaknya Program Fakulti Pertanian UNISSA mempunyai pelan tindakan komprehensif dan menjamin kualiti program kebolehpasaran pelajar sama ada mendapatkan pekerjaan atau menjalankan agribisnes.

Melalui program fakulti ini harus pihak UNISSA dapat menjangkakan peratus penuntut sebagai tenaga mahir untuk bekerja dalam industri pertanian dan industri lain. Peratus penuntut yang berminat menyambung pengajian dan sekurang-kurangnya 10% untuk menjadi usahawan. Negara sangat beruntung mempunyai pengusaha agribisnes daripada individu yang berkualiti dan berpengetahuan Islam.

Pihak UNISSA mungkin sudah memastikan setiap program yang ditawarkan mempunyai akreditasi yang sewajarnya. Mohon *transparency* pihak UNISSA bagi meningkatkan maklumat kepada orang ramai khususnya para belia untuk lebih berminat untuk memasuki UNISSA dalam fakulti pertanian.; dan

Di bawah Tajuk SF04A - Universiti Teknologi Brunei. Apakah peranan UTB membantu dalam pembangunan sektor pertanian dan perikanan memandangkan UTB sebuah universiti teknologi, adakah UTB sudah mereka cipta jentera yang efektif dan praktikal dalam usaha pembajakan tanah penanaman, perairan, pembajaan, penuaian padi yang menjadi sumber asasi negara? Kita mengetahui sudah banyak bijak pandai kitani dari dalam dan luar negara yang seharusnya membuat perancangan dalam penyediaan alat teknologi praktis bagi membantu pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat mengenai soalan tersebut. Bagi menjawab soalan pertama mengenai Fakulti Pertanian UNISSA.

1. Fakulti Pertanian UNISSA baru ditubuhkan pada 28 Januari 2021 dan ia dalam proses pembangunan dan masa ini sedang melaksanakan Program Sains Pertanian dan agribisnes di peringkat Sarjana, Sarjana Muda dan Phd. Untuk makluman bersama, pada masa ini seramai 15 mahasiswi dan mahasiswa yang mengikuti program *Bachelor Of Science In Agricultre* dan *Agribusiness* dan juga seorang mengikut *Master in Argibusiness By Research*. Beberapa program lagi sedang dalam proses untuk ditawarkan dan disenaraikan dalam perancangan strategik bagi jangka masa 5 tahun akan datang. Bidang-Bidang ini termasuklah Agriteknologi, *Aqua Culture, Poulty Culture*, penternakan dan *veterinary* dalam penubuhan itu. Di samping itu juga perlu diambil kira penubuhan ini memerlukan kemudahan makmal yang sesuai bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran.

   Kurikulum program-program yang disenaraikan di fakulti pertanian ini telah dirangka dengan melibatkan pakar-pakar dari luar negara pihak industri dan jabatan-jabatan berkenaan. Usaha ini adalah bagi memastikan kurikulum adalah sejajar

dengan amalan di peringkat antarabangsa dan akan dikemas kini secara berkala dan bagi memastikan sejajarannya dengan keperluan industri dan ekonomi Negara Brunei Darussalam jua.

Selaku universiti Islam yang menjadikan Maqasid Syariah sebagai *guiding principle* dalam penyelidikan dan pembelajaran, adalah menjadi hasrat utama universiti dan fakulti yang masih muda ini untuk bergerak mengimbangi keperluan agama, masyarakat dan persekitaran serta perkembangan teknologi bagi menyokong perkembangan industri pertanian yang mampan. Perkembangan teknolgi pertanian seperti *Smart farming, Solar Farming* dan juga seumpamanya memerlukan penyelidikan yang boleh memberikan faedah kepada para pengamal tempatan. Perkara-perkara ini juga akan diberigakan kepada belia dan pelajar-pelajar kitani yang berminat dalam bahagian pertanian terutama yang dalam peringkat Tahun 11, 12 dan 13 dalam sistem pendidikan kitani.

Bagi mejawab soalan kedua dengan kontribusi UTB dalam sektor pertanian. Pihak UTB mempunyai program mengenai *food science* dan Agriteknolgi dan ia telah pun melahirkan kumpulan graduan yang dalam sektor ini dan ia juga mempunyai penyelidikan yang berpaksikan kepada *food science* seperti *packaging* penyediaan makanan. Saranan daripada Yang Berhormat mengenai mungkin pihak UTB akan membuat penyelidikan dari segi pembajaan padi dan seterusnya diambil baik oleh Kementerian Pendidikan dan akan difikirkan tentang kesesuaiannya dengan pihak pihak UBD.

Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin menyentuh mengenai dua perkara untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan, iaitu Pengajian Tinggi. Menyentuh mengenai peruntukan yang diberikan untuk program-program agroteknologi di *IBTE* serta seperti yang dijelaskan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, UTB dan UNISSA menjalankan program agroteknologi:

1. Bagaimanakah penyelarasan dilaksanakan mengenai perkara ini memandangkan kitani ada 3 institusi pendidikan yang berlainan, menjalankan perkara yang lebih kurang sama dan mungkin hala tujunya yang lebih baik ialah untuk menjadi sebuah sahaja universiti agroteknologi?; dan

2. Menurut Akta Pendidikan, institusi pendidikan swasta khususnya pusat-pusat tuisyen perlu mempunyai sebuah premis yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat tertentu. Namun disebabkan oleh wabak *COVID-19* yang mempercepatkan lagi transformasi digital ini, apakah sudah tiba masanya untuk membenarkan pusat-pusat tuisyen ini beroperasi dalam talian sahaja bagi yang ingin menjalankan seperti cara tersebut dan tidak perlu mempunyai premis fikizal. Antara faedah-faedahnya ialah:

   i. Mengurangkan kos operasi dan dapat menyediakan yuran tuisyen berpatutan dan rendah.;

   ii. Membuka peluang-peluang pekerjaan bagi para guru tuisyen terutama graduan-graduan baharu; dan

   iii. Akses pada semua kerana tiada had fizikal seperti perjalanan untuk menghadiri kelas. Semuanya ini masih perlu ada syarat untuk mengendali dan demi memastikan kualiti penyampaian pendidikan mematuhi standard tertentu.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan dua soalan tadi. Bagi menjawab soalan:

1. Mengenai penyelarasan program dalam bidang pertanian. Pada masa ini sebanyak 15 program yang berkaitan dengan bidang pertanian dan agrimakanan termasuk agriteknologi yang ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam dan institusi-intitusi pendidikan teknikal. Untuk makluman bersama juga seramai 320 orang penuntut yang sedang mengikuti program *NTEC, HNTEC*, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pertanian dan Agrimakanan termasuk Agriteknologi di institusi-institusi pengajian tinggi ini. Pada sesi 2021/2022 ini.

   Menyentuh penyelarasan tersebut program-program yang ditawarkan adalah berlainan peringkat iaitu dari peringkat 3 hingga 8 sepertimana dalam rangka kerja kelulusan Brunei Darussalam punya *qualification framework* dan juga mempunyai berlainan fokus dan berbagai-bagai peringkat. Bagi peringkat yang sama seperti di UNISSA dan UTB program UNISSA lebih pendekatan perniagaan pertanian Islam dan UTB pula menjurus kepada sains dan teknologi pertanian dan agri makanan.

   Kementerian Pendidikan akan sentiasa memantau agar tiada duplikasi dibuat di antara program-program pengajian yang ditawarkan di institusi tinggi awam di negara ini mengambil kira dari segi *efficiency* dalam peruntukan perbelanjaan.

2. Mengenai sekolah tuisyen yang di adakan secara virtual. Sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan dalam Penggal 210 sememangnya bagi pendaftaran sesebuah institusi pendidikan swasta perlu memenuhi beberapa kriteria bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya penularan pandemic *COVID-19* ini, pembelajaran secara dalam talian digunakan untuk memastikan pembelajaran-pembelajaran masih dapat diteruskan. Cadangan tadi adalah baik tetapi untuk menjaga kepentingan pelajar-pelajar sebagai *consumer* sekolah tuisyen, diperlukan juga sekolah tuisyen itu ada *present* secara fizikal. Jika ada sebarang perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, pihak *regulator* seperti Kementerian Pendidikan akan dapat mengesan siapa-siapa yang bertanggungjawab mengenai perkara itu.

Ini sama dengan kes dalam *e-commerce* dalam *regulate* para-para peniaga dalam *e-commerce* itu. Itulah sebabnya diperlukan *physical present*. Dan sebenarnya mengenai dengan perkembangan teknologi, dua-dua sepatutnya diambil baik dan dipraktikkan agar dapat memperkembangkan juga perniagaan sekolah tuisyen ini dengan lebih dapat *reach out* pelajar-kepada pelajar-pelajar yang memerlukan secara *virtual.*

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Pertama sekali tahniah setinggi-tingginya atas usaha Kementerian Pendidikan memberikan elaun kepada guru-guru dan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk pembelian data *Internet*. Tahniah sekali lagi.

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya kaola sukacita merujuk projek-projek utama yang dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2021/2022 di bawah Objektif Strategik II, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan iaitu menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Dewan yang mulia ini sebelum ini.

Kurikulum dan mewujudkan kurikulum termasuk mata pelajaran teras seperti bahasa Inggeris dan matematik, dengan piawaian yang sedia ada. Kewujudan piawaian kurikulum bagi mata pelajaran sains dan penwujudan piawaian kurikulum bagi literasi kewangan dan literasi digital. Kaola ingin tahu:

i. Apakah perkembangan projek-projek yang disebutkan tadi hingga setakat ini?;

ii. Apakah perkembangan perancangan pihak terperinci pihak Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan kurikulum-kurikulum dan piawaian-piawaian baharu ini di sekolah-sekolah kerajaan di bawah Tahun Kewangan 2022/2023?; dan

iii. Jika projek-projek ini masih belum dijalankan, jangkaan bilakah pihak Kementerian Pendidikan akan melaksanakannya.

Demikian saja daripada kaola, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut. Mengenai projek penyemakan kurikulum ini, ianya ada *delay* sedikit disebabkan oleh pandemik *COVID-19*, di mana projek ini pada masa ini di dalam perundingan dan proses untuk *appoint* konsultan dan pakar-pakar yang diperlukan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ianya akan terjadi bulan Mac dan bulan April ini untuk proses penyemakan dan juga untuk *review* piawaian dan *content* kurikulum pada subjek-subjek yang telahpun dinyatakan tadi.

Dari segi perancangan terperinci dari Kementerian Pendidikan memang dalam proses me*review* kurikulum seperti menyediakan piawaian dan juga menyemak Perisian. Ianya memerlukan pelbagai peringkat seperti diperlukan penyediaan *resource-resource* untuk pengajaran dan pembelajaran dan memerlukan *training* kepada guru-guru dan pegawai-pegawai terlibat dalam proses *review* ini agar dapat kitani *transfer* teknologinya dan juga *know how* nya agar di masa akan datang kitani dapat membuat sendiri perkara-perkara ini.

Dan itulah yang ada dalam pelan terperinci dalam Kementerian Pendidikan di mana kaola memanggil pihak konsultan dan pakar-pakar untuk membangun kapasiti tersendiri agar dapat membuat dengan sendiri dan juga dapat membandingkan kurikulum kitani dengan kurikulum-kurikulum negara-negara lain.

Untuk soalan ketiga, projek-projek ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat kitani laksanakan secara menyeluruh jika tiada aral, tidak berpanjangan pandemik ini pada tahun 2024. Ianya memerlukan perancangan terperinci dan tertakluk kepada segala *steps* dinyatakan tadi dapat dibuat agar pelaksanaannya akan teratur. Yang penting ialah perlaksanaan mengenai kurikulum dan piawaian ini akan dapat kita laksanakan secara teratur dan bersistematik.

Itu saja yang dapat dikongsikan, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Penularan wabak *COVID-19* membawa impak besar kepada pelbagai sektor di negara ini, dengan bidang pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi tidak terlepas daripada kesannya.

Di Negara Brunei Darussalam, أَلْحَمْدُ لِلّٰه Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan telah berjaya mengatur beberapa strategi agar pembelajaran para pelajar dapat diteruskan melalui kaedah-kaedah pengajaran ataupun platform-platform pembelajaran secara dalam talian. Manakala pembelajaran secara fizikal pula dilaksanakan berpandukan kepada *SOP* yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kaola ingin bertanya, apakah inisiatif pihak Kementerian Pendidikan dalam memastikan tidak ada berlaku sebarang keciciran dalam kalangan pelajar dalam menerima pembelajaran mereka. Adalah dikhuatiri pelajar-pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan serta pelajar-pelajar kelainan upaya akan ketinggalan dalam sesi pembelajaran mereka atas sebab-sebab perkara yang bukan dalam kawalan mereka?

Adalah diharapkan agar para pelajar daripada golongan berkenaan akan dapat terus dipeduli supaya mereka juga dapat menikmati pembelajaran dan pendidikan yang sewajarnya baik pelajar-pelajar dalam peringkat rendah dan menengah tetapi juga termasuk pelajar-pelajar dalam peringkat pengajian tinggi peringkat teknikal dan vokasional.

Dalam pada itu, kaola juga ingin bertanya. Bagaimanakah keadaan kesejahteraan para guru sejak terjadinya gelombang kedua dan gelombang ketiga wabak *COVID-19* ini?

Sememangnya dalam membudayakan norma baharu pengajaran dan pembelajaran, proses pelajaran dan pembelajaran para guru perlu bersifat dinamik, kreatif dan fleksibel. Sebarang isu dan cabaran perlulah ditangani dengan seeloknya agar ia tidak akan menjejaskan ataupun memberikan kesan negatif kepada pembelajaran pelajaran dan komitmen guru-guru baik dari segi psikologi, emosi mahupun pencapaian akademik pelajar. Adalah diharapkan agar sokongan dan dukungan kepada para guru akan terus diberikan dengan sebaiknya.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut.

Bagi menjawab soalan mengenai inisiatif untuk mengurangkan atau menegah keciciran antara pelajar pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa memantau keberadaan pelajar-pelajar kitani dalam sistem pendidikan kitani ini, sebab itu juga beberapa inisiatif yang telah pun dinyatakan tadi dibuat seperti misalan kepada golongan pelajar yang kurang berkemampuan diberikan peranti dan juga data untuk mendapatkan akses yang sama dalam sistem pendidikan kitani dan ini bukan dari segi peranti ada juga masih memberi dari segi bantuan pemakanan, ada juga diberikan kepada pelajar-pelajar yang memang dalam program harapan dan juga para guru sentiasa memantau keadaan pelajar-pelajar kitani ini dan ia sentiasa dipeduli dan setiap sekolah akan diperlukan untuk memantau dan memelihara statistik yang ada agar tiada keciciran berlaku.

Dari segi pembelajaran juga telah pun disediakan beberapa program untuk memantau *progress* anak-anak kitani ini dan juga dalam masa ini dalam peringkat rendah Kementerian Pendidikan masa ini membuat persediaan untuk menerima kembali pelajar-pelajar tahun 1 dan tahun 6 kembali ke sekolah dan ada disediakan Program *Learning Support* atau Program Peningkatan Pelajar untuk merangka tahap mereka pada masa ini dan diberikan penekanan atau pemantapan sebelum mereka dapat belajar mengikut kurikulum yang telah disediakan. Itulah inisiatif-inisiatif yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan agar kitani dapat membantu pelajar-pelajar kitani dari keciciran.

Mengenai dengan kesejahteraan para guru ini, terima kasih Yang Berhormat mengenai soalan itu. Ada berbagai-bagai inisiatif yang telah dibuat dan seperti yang dinyatakan tadi satu unit kesejahteraan pemimpin sekolah dan juga para guru telah pun dibuat kerana Kementerian Pendidikan menyedari akan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemimpin sekolah dan para guru semasa pandemik ini terutama sekali dari segi kesihatan mental dan diharapkan unit ini dapat membantu para pemimpin sekolah dan para guru akan menggunakannya sebaiknya dan untuk membantu juga para guru dan pemimpin sekolah melaksanakan pekerjaan mereka sebaik mungkin. Telah pun diadakan pelbagai *professional development programme* untuk mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dalam suasana norma baharu terutama sekali membuat pengajaran dalam talian.

Itulah yang dapat dikongsikan buat masa ini Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Di bawah perbahasan Kementerian Pendidikan kaola sukacita memohonkan penjelasan dan pencerahan mengenai perkara-perkara yang berikut:

1. Sudahkah dan berapa kerap kurikulum sekolah-sekolah rendah, menengah dan menengah atas dinilai semula?; dan

2. Adakah kurikulum dan sukatan subjek sains dan sains sosial yang diguna pakai pada masa ini sudah dinilai semula? Adakah semasa membuat sukatan tersebut ia sudah dirujuk kepada sumber al-Quran dan hadith sebagai sumber utama falsafah Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara dan juga pendidikan? Persoalan ini kaola ajukan bagi memastikan kurikulum yang ada masa ini benar-benar relevan dan memenuhi aspirasi murni negara untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Sekian yang dapat kaola sampaikan untuk pencerahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan kaola akhiri dengan atau kaola sedekahkan sebuah pantun untuk kitani. Senghaja kaola gunakan perkataan sedekah semoga ia bermanfaat jadi amal jariah kitani.

Buah mengkudu, buah bidara,
Banyak faedah dan khasiatnya,
Bersama menjayakan Wawasan Negara,
Ilmu pengetahuan kunci kejayaannya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan ataupun permohonan pencerahan bagi soalan-soalan itu.

Bagi menjawabnya Kementerian Pendidikan akan sentiasa mengadakan penyemakan kurikulum - kurikulum sekolah itu secara berkala dan ia dibuat mengikut keperluan semasa juga dan masa ini misalnya subjek Sains dibuat penyemakannya mengambil kira perubahan zaman dan juga Revolusi Industri 4.0 dan juga subjek Sosial Sains itu juga diadakan dan mengenai adakah ia dirujuk juga mengikut kitani punya falsafah dan juga al-Quran, Kementerian Pendidikan mengambil baik atas pandangan tersebut dan ia akan diambil kira dalam pembentukan komite dalam penyemakan subjek-subjek yang telah dimaksudkan tadi itu.

Setiap masa Kementerian Pendidikan akan terus membuat penyemakan kitani punya kurikulum-kurikulum ini dan dalam masa yang sama juga kitani ingin memperkasa pegawai-pegawai kitani yang telah diamanahkan dalam membuat penyemakan kurikulum ini dan perkara-perkara ini akan dapat kitani

laksanakan dengan sempurnanya dan diharapkan apa sahaja yang telah pun dicadangkan tadi akan dapat diambil baik oleh Kementerian Pendidikan dan semoga kita dapat mencapai kehendak yang dimaksudkan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terus sahaja kepada pertanyaan iaitu di bawah Tajuk SF04A – Universiti Teknologi Brunei (UTB). Pernah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah supaya program *Master of Teaching* dikaji semula. Ingin mengetahui tindakan dan perkembangan program berkenaan, adakah sudah dibuat penilaian dan keberkesanannya?

Seterusnya, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi mengenai program di UTB adalah sebuah universiti teknologi sewajarnya sudah menyediakan produk bagi kemudahan masyarakat dan negara secara inovatif.

Soalannya, adakah UTB sudah membuat kajian keperluan asasi negara dan masyarakat berasaskan teknologi? Sebagai contoh alat pembuka buah-buahan, pembersih ikan, pembersih jentera, pemotong rumput untuk mencantikkan landskap dan sekitar dan lain-lainnya.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat. Jika tidak salah kaola juga, UTB dengan program *Master of Teaching,* mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu sebelum abis kaola dapat menjawab tadi itu. Programnya tadi dikatakan program *Master of Teaching.*

Kalau itu, sebenarnya UTB belum ada program *Master of Teaching,* yang sebenarnya ini dilaksanakan oleh UBD (Universiti Brunei Darussalam). Pada masa ini UBD dalam peringkat penyemakan kurikulumnya dengan konsultan yang telah pun di*appoint* dari *University of Melbourne.* Prosesnya ini masa ini sedang berjalan dan diharapkan ia akan memberikan satu pembaikan dalam program itu yang dapat menepati keperluan industri pendidikan di negara kitani dan juga antarabangsa. Itu yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Bagi soalan kedua mengenai dengan adakah UTB telah pun menghasilkan teknologi yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi kitani seperti dalam perikanan. Buat masa ini, memang ada penyelidikan-penyelidikan dibuat dari peringkat UTB tapi untuk di peringkat ia dikomersialkan seperti

yang telah pun dimaklumkan dalam permuzakarahan kitani yang lebih awal belum mencapai pada tahap itulah.

Jadinya, masih lagi dalam berbagai-bagai proses dari segi *research* dan juga mengetatkan dan juga *commercialization*nya itu. Ini satu proses yang kompleks dan juga panjang dan diharapkan nanti dalam masa terdekat ini, Universiti Teknologi Brunei akan berjaya membuat satu sumbangan yang dapat kitani banggakan pada masa yang terdekat ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang sangat jelas dan komprehensif tadi.

Jadi, dalam Kementerian Pendidikan ini kaola bercakap di bawah Tajuk SF02A - Universiti Brunei Darussalam dengan jumlah peruntukan $77,342,530 iaitu khusus untuk Kod 003-000 - Institusi Akademik dan penyelidikan, jadi lebih kurang juga dengan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu tapi ada pengkhususan.

Yang Berhormat Pengerusi, pertama kaola teringin hendak mengetahui kolaborasi UBD dalam penyelidikan mengenai isu biodiversiti dan alam sekitar dengan universiti-universti terkemuka iaitu UBD sendiri yang kaola maklum menubuhkan *consortium* yang dinamakan *e-Government Innovation Centre.*

Kedua, adakah sudah kajian dilaksanakan secara saintifik terhadap herba-herba yang banyak tumbuh di negara ini untuk mengetahui khasiatnya? kerana herba-herba ini banyak berjualan di 'tamu-tamu' dan gerai-gerai tapi sayangnya masih dalam bentuk asalnya iaitu bentuk hirisan batang kayu, daun-daunan, akar dan kulit, belum diproses atau belum diketahui kandungan saintifiknya.

Jadi, kaola sarankan supaya pensyarah atau penuntut atau mana-mana jua dalam pihak kerajaan dapat bekerjasama dengan penjual-penjual herba ini bagi membantu mereka menaikan taraf produk mereka menjadi kapsul atau jus dalam botol yang menarik, disertakan dengan maklumat dalam artikel-artikel supaya ia dapat mengangkat lagi *ranking* UBD dalam arena antarabangsa.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai 2 soalan tersebut itu.

Bagi menjawab soalan mengenai herba-herba itu tadi, UBD memang ada membuat kajian dan juga diadakan taman herba kitani yang terdapat di kampus UBD pada masa ini. Tapi yang belum lagi dapat kitani ketengahkan ialah adakah ia dapat dikomersialkan dari penyelidikan yang dibuat ini.

Mereka pada masa ini membuat berbagai-bagai penyelidikan seperti penggunaan herba dalam mengganti penggunaan gula dan juga macam-macam lagi. Jadinya, diharapkan proses penyelidikan ini akan membuahkan produk-produk yang dapat kitani buatkan secara praktikal nanti.

Bagi soalan yang pertama mengenai kolaborasi UBD dalam isu biodiversiti, memang ada seperti yang kitani ketahui UBD ada *Centre Biodiversity* di Belalong, Temburong dan banyak kerjasama yang telah dibuat dengan universiti-universiti ternama di luar negara untuk *accommodate* penyelidik-penyelidik dari luar negara untuk membuatkan penyelidikan mengenai biodiversti yang terdapat di dalam negara kitani, di pulau Borneo.

Kolaborasi-kolaborasi ini juga akan diteruskan dan diharapkan akan membuahkan macam-macam kolaborasi dan penyelidikan yang berguna bukan sahaja kepada negara kitani, dari seluruh dunia.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Kaola akan menyentuh mengenai di bawah Tajuk SF01A – Jabatan Kementerian Pendidikan peruntukan yang diberikan $567,369,520. Pada fasa awal endemik ini kitani memulakan cara hidup dalam norma baharu. Melihat pada perkembangan situasi wabak *COVID-19* yang masih lagi melanda negara kitani para ibu bapa pelajar khuatir tentang keadaan wabak tersebut. Maka haruslah jua kita hubaya-hubaya meskipun kita sudah pada fasa endemik. Salah satu inisiatif dan pandangan para ibu bapa demi mengurangkan peningkatan wabak *COVID-19*. Adalah cadangan sahaja Yang Berhormat Pengerusi untuk sementara waktu? Bolehkan kiranya para pelajar bersekolah secara fizikal pada hari Isnin, Selasa dan Rabu sahaja? Manakala hari Khamis dan Sabtu, belajar secara *online.*

Yang kedua, kaola ingin menyentuh mengenai dengan tajuk yang sama iaitu dalam Unit Pendidikan Khas. Adakah Unit Pendidikan Khas menyediakan peruntukan pembelian alat-alat bantuan bagi murid-murid berkeperluan khas kerana setentunya tidak sama antara satu murid dengan murid lain disebabkan oleh keperluan khas mereka, sebab melalui keluhan para guru pendidikan

khas adanya kekurangan peralatan atau *material* ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, guru-guru ini telah menggunakan wang sendiri demi melengkapkan keperluan agar anak-anak berkeperluan khas ini tidak ketinggalan dan beroleh pendidikan khusus. Kaola ingin bertanya apakah usaha Kementerian Pendidikan agar keperluan ini dapat disediakan tanpa menggunakan wang persendirian guru-guru?

Yang Berhormat Pengerusi. Yang ketiga kaola ingin menyentuh mengenai di bawah Tajuk SF03A dengan peruntukan yang diberikan $ 21,731,700. Soalan kaola antara matlamat penubuhan UNISSA ialah melahirkan ulama. Sejauh mana program UNISSA berjaya dan berkesan melahirkan ulama, berapa orangkah sudah graduan UNISSA boleh dikatakan sebagai ulama sejak penubuhannya?

Terakhir kaola menyentuh di bawah Tajuk SF02A peruntukan yang diberikan $77,342,530. Kaola ingin bertanya adakah kurikulum program-program UBD pada masa ini sudah dinilai keberkesanannya untuk keperluan dan pembangunan negara?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat

Mengenai 4 soalan yang diajukan. Cadangan dalam fasa endemik ini untuk persekolahan dilakukan pada hari Isnin, Selasa, Rabu secara fizikal dan juga pada hari Khamis dan Sabtu secara *online.* Ia akan dipertimbangkan dan juga akan dibincangkan dalam *Taskforce* Pendidikan dalam Jawatankuasa Pandu wabak *COVID*-19. Diharapkan ia akan dapat dibincangkan dengan lebih terperinci lagi buat masa ini. Terima kasih atas cadangan tersebut.

Bagi soalan kedua mengenai Unit Pendidikan Khas iaitu pembelian alat-alat bantuan khas. Memang ada peruntukan yang disediakan dan diharapkan kerjasama daripada guru-guru supaya dapat memberikan keperluan-keperluan tersebut dan akan dipertimbangkan dan jika perlu akan diberikan sebabnya. Memang ada peruntukan untuk pembelian alat-alat bantuan khas bagi Unit Pendidikan Khas.

Mengenai UNISSA dengan melahirkan ulama, kaola belum ada statistik dan mungkin akan menjawabnya secara bertulis, apakah pencapaian selama ini dari UNISSA dalam melahirkan ulama-ulama yang dimaksudkan.

Mengenai kurikulum UBD sudahkan ia dinilai keberkesanannya, satu cara dalam kita menilai keberkesananya ialah mengenai kajian *Employer Satisfaction* yang diadakan setelah 6 bulan ataupun 6 bulan dari konvokesyen yang pada masa ini pihak UBD pencapaianya bolehlah menggalakkan.

Dari segi kurikulumnya, memang dalam proses. Universiti terdapat *external examiner* dari segi program-program yang mereka akan menilainya mengenai inti pati kurikulum, adakah piawaiannya menepati ataupun sama dengan program-program terdapat di luar negara. Ini diadakan secara berkala.

Itu saja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya juga ingin menambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa kita berbangga dengan kejayaan yang telah pun dicapai oleh UBD dalam *world ranking* dalam *ranking* universiti-universiti terkemuka di sebelah sini yang mana pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai.

Jadi, itu memberikan kredibiliti yang sangat tinggi nilainya kepada universiti yang unggul seperti UBD. Saya juga ingin menekankan bahawa jika sekiranya kita sendiri tidak berbangga dengan universiti kita sendiri, dengan menyoalkan mengenai kedudukannya, maka apa pun yang kita buat tidak akan mencapai sasaran-sasarannya.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola juga ingin mengambil bahagian dalam permuzakarahan ini dan kaola sukacita ingin bercakap di bawah Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sepanjang perbahasan yang telah diadakan, nampaknya Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini dalam Dewan ini berkisar dalam perkara pendidikan-pendidikan tinggi dan untuk mencapai ke arah tuju yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan.

Namun begitu elok juga kita melihat ke bawah, iaitu ke peringkat dasar sekolah-sekolah rendah supaya kita dapat mengingat kembali juga bagaimana sekolah-sekolah rendah pada tahun-tahun 50-an, 60-an awal 70-an dalam sekolah-sekolah dasar pendidikannya. Itu yang dikhususkan dalam bahagian pendidikan Ilmu Kejadian bak kata orang dahulu atau Ilmu Pertanian. Kalau zaman itu anak - anak sekolah mereka ini akan diberikan pendidikan-pendidikan di sekolah, belajar bertani dan sebagainya, salah satu mata pelajaran atau kegiatan setiap minggu. Namun begitu, perkara itu masa ini di sekolah-sekolah rendah tidak diadakan lagi. Sekarang kita mengenang semula bagaimana kepentingannya kepada salah satu sudut yang penting di negara kita iaitu bahagian pertanian, supaya anak-anak kita akan lebih awal berpengalaman bagaimana untuk bertani dan bercucuk tanam. Ia boleh membawa kepada peringkat ke atas lagi kerana sekarang kita sudah ada *IBTE* pertanian dan sebagainya. Mungkin minat itu akan menuju ke sana. Jadi, elok juga

barangkali kita tunduk ke bawah semula kerana kita tinggi ke atas sudah dan selalu memandang ke atas. Tapi baik juga memandang ke bawah sedikit dan kalau dapat perkara itu dihidupkan semula sebagai salah satu untuk memberikan kemahiran awal kepada anak-anak dan negara kita supaya dapat berkecimpung dalam bahagian pertanian.

Barangkali, kaola mohon pencerahan dari pihak Kementerian Pendidikan untuk memberikan sedikit pencerahan dalam perkara ini. Yang Berhormat Pengerusi, itu saja yang kaola sampaikan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai soalan pertanian di sekolah rendah.

Untuk makluman bersama, kurikulum kita memang ada di sekolah rendah dari subjek Sains, ada meliputi bahagian pertanian. Diajarkan sedikit sebanyak tentang pengetahuan dengan pertanian. Di sekolah-sekolah rendah juga ada mempunyai aktiviti-aktiviti pertanian sebagai *niche activity.* Seperti di Sekolah Rendah Sungai Liang, memang aktivitinya ada pertanian dan juga di sekolah menengah seperti di Sekolah Menengah Masin, ia punya tumpuannya ialah bahagian pertanian. Dari segi itu, ada sekolah-sekolah yang membuat pilihannya sendiri, apa aktiviti- aktiviti khusus yang mereka buat untuk menarik minat pelajar-pelajar. Selalunya ini dibuat apabila melihat persekitaran sekolah-sekolah itu yang ada komunitinya sekolah berminat dari segi pertanian dan aktiviti tersebut akan diambil kira oleh pihak sekolah jua. Itu yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya juga ingin menambah bahawa sejak dari dulu memang penilaian *standard* kita tidak tertumpu dengan *standard* yang ada di dalam negeri sahaja. Kita biasanya membanding *standard* kita dengan *standard* orang yang lebih maju daripada kita. Pada misalannya baru-baru ini saya melihat bahawa Kementerian Pendidikan sudah mula mengikuti kaedah-kaedah seperti *PISA* yang kita membandingkan kedudukan kita dengan kedudukan negara-negara yang lain. Dapat kita lihat kedudukan kita sebenarnya dari segi mutu pendidikan yang kita sediakan untuk anak-anak yang bersekolah. Barangkali Kementerian Pendidikan terlalu agak sopan untuk menyuarakan perkara-perkara seperti ini; biarlah saya sebagai orang yang pernah duduk di Kementerian Pendidikan yang masih mengikuti perkembangan pendidikan. Saya melihat bahawa apa yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan boleh dikatakan berjaya, saya memberikan ucapan tahniah kepada mereka.

Dengan itu, saya kira cukuplah kita berunding mengenai dengan Jadual Kementerian Pendidikan ini dan masanya sudah tiba bagi kita untuk mengundi.

Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semua Ahli bersetuju. Tajuk Kementerian Pendidikan kita luluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis sekarang berpindah kepada Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A dan sebagaimana lazimnya, saya ingin memberikan laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan penjelasan tentang dasar dan objektif kementeriannya dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan yang berkenaan ini.

Saya sekarang persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah sebelum membahaskan cadangan peruntukan bagi Kementerian Sumber Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Pengerusi, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola menyambut baik peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang berjumlah $96.13 juta, iaitu termasuk sebanyak $31.38 juta sebagai Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Kaola juga mengalu-alukan cadangan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggunakan peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak $24.61 juta, yang antara lain untuk membiayai projek-projek utama seperti berikut:

1. Sekitar $9 juta disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi, yang termasuk bagi membiayai pembelian biji benih *hybrid* untuk diagihkan kepada peladang-peladang padi, perkhidmatan pengeluaran benih 'Titih" dan lain-lain.;

2. Sekitar $1.3 juta disediakan bagi membiayai perbelanjaan bagi mendukung usaha ke arah meningkatkan hasil keluaran industri ternakan, antaranya bagi membiayai Program Pengiktirafan Akreditasi *ISO/IEC 17025* bagi makmal perkhidmatan *veterinar* dan Program Menangani Wabak Penyakit Haiwan Berjangkit.;

3. Sekitar $1.8 juta disediakan bagi membiayai kerja-kerja pemeliharaan infrastruktur, bangunan, jentera serta peralatan pertanian, antaranya bagi membiayai kerja-kerja pemeliharaan jalan utama ladang, kerja-kerja pemeliharaan saliran dan longkang dan program pencegahan banjir dan lain-lain.; dan

4. Sekitar $3 juta disediakan bagi membiayai projek-projek untuk meningkatkan hasil dari industri tangkapan antaranya projek membina dan melabuh takat-takat tiruan serta 'lawa-lawa' di perairan negara.

Melalui perbelanjaan RKN-11 pula, kaola bersyukur kerana disediakan sebanyak $31.38 juta yang antaranya bagi membiayai projek-projek berikut:

1. Sekitar $12.3 juta adalah Perbelanjaan Kemajuan Pertanian di bawah Program Pengeluaran Beras Negara iaitu sebanyak $10 juta untuk melaksanakan pembukaan kawasan penanaman padi fasa kedua di kawasan Kandol, Daerah Belait. Sebanyak $2.3 juta bagi membiayai projek-projek membina Skim Pengairan Tambahan Kawasan Penanaman padi seluruh daerah.;

2. Sekitar $5 juta adalah bagi mendukung Peningkatan Keluaran Sayur-Sayuran menggunakan teknologi tinggi.;

3. Sekitar $3 juta bagi mendukung Pembangunan Industri Ternakan.;

4. Sekitar $7 juta bagi Perbelanjaan Kemajuan Perikanan iaitu $6 juta bagi membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur dan $1 juta bagi membiayai Program Perkembangan Genetik dan Pembiakan Selektif Ikan bagi meningkatkan produktiviti industri akuakultur.;

5. Sebanyak $732,000.00 adalah perbelanjaan bagi membiayai Program Penghijauan Semula Kawasan Hutan yang *degraded.;* dan

6. Sebanyak $670,000.00 adalah Perbelanjaan Kemajuan Pelancongan bagi pengukuhan produk-produk pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan perbelanjaan kerajaan, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah berjaya melaksanakan beberapa projek melalui kaedah *Public Private Partnership (PPP)* sebagai contoh:

1. Dalam sektor perikanan ialah pelaksanaan Projek Pemodenan Pembangunan Semula Kompleks Pendaratan Ikan Muara yang menelan belanja sekitar $14 juta. Projek ini telah bermula pada tahun 2021, dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dijangka siap pada tahun 2023.;

2. Dalam sektor perhutanan yang juga berkaitan dengan pelancongan ialah pelaksanaan projek pembangunan Restoran di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, Temburong dengan anggaran kos sekitar $450,000.00.; dan

3. Manakala dalam sektor pelancongan ialah peraksanaan Projek Pembinaan Resort Ekopelancongan Mewah di Kampung Perdayan, yang menelan belanja sekitar $4.5 juta untuk Fasa 1. Projek ini telah siap sepenuhnya dan telah pun mula beroperasi sejak penghujung tahun lepas yang dikenali sebagai *"The Abode Resort & Spa".*

Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola mengongsikan pencapaian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sektor Pertanian, Perikanan, Perhutanan dan sektor Pelancongan sepanjang tahun 2021 yang lalu.

Tidak dinafikan, penularan wabak *COVID-19* yang melanda negara kita sejak dari awal tahun 2020 sedikit sebanyak telah memberikan impak kepada keberkesanan serta kelicinan operasi pengurusan perusahaan dan perladangan bagi sebilangan pengusaha. Antaranya disebabkan oleh isu berkaitan dengan mendatangkan dan memasukkan semula pekerja asing, misalannya buruh ladang, selain isu berkaitan dengan mendatangkan bahan *input* ladang seperti biji benih, baja dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kementerian ini serta dengan dukungan padu dari pihak yang berkenaan, terutama para pengusaha, petani, peladang, penternak dan nelayan. Secara keseluruhannya, prestasi keluaran kasar dari industri Sumber-Sumber Utama telah mencatatkan peningkatan yang positif pada tahun 2021 berbanding tahun 2020, iaitu meningkat sekitar 25.8% dari $651 juta pada tahun 2020 kepada $819 juta pada tahun 2021.

Pencapaian ini secara amnya disumbangkan oleh peningkatan keluaran dari:

1. Industri Pertanian dan Agrimakanan yang meningkat sebanyak 24.6%, iaitu daripada $471 juta pada tahun 2020 kepada $580 juta pada tahun 2021.; dan

2. Industri Perikanan yang meningkat sebanyak 37.4% itu daripada $139 juta pada tahun 2020 kepada $191 juta pada tahun 2021.

Peningkatan keluaran kasar dari industri pertanian dan industri perikanan ini

berikutan adanya peningkatan keluaran bagi beberapa komoditi utama seperti yang berikut:

1. Peningkatan jumlah keluaran ayam pedaging sekitar 22.3% iaitu daripada 26,364.82 metrik tan pada tahun 2020 kepada 30,555.79 metrik tan pada tahun 2021, iaitu tahap pengeluaran yang paling tinggi pernah dicapai oleh negara kita setakat ini.;

2. Peningkatan jumlah keluaran daging kerbau dan lembu sekitar 99.4% iaitu daripada 2,148.75 metrik tan pada tahun 2020 kepada 3,827.21 metrik tan pada tahun 2021.;

3. Peningkatan jumlah keluaran beras sekitar 6.4% iaitu dari 2,511.31 metrik tan pada tahun 2020 kepada 2,672.00 metrik tan pada tahun 2021.; dan

4. Peningkatan jumlah keluaran perikanan, termasuk udang, sekitar 18.8% iaitu daripada 16,575 metrik tan pada tahun 2020 kepada 19,699 metrik tan pada tahun 2021.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola seterusnya juga sukacita ingin mengongsikan mengenai pencapaian sara diri keluaran industri pertanian dan perikanan pada tahun 2021:

1. Bagi sektor ternakan, negara secara purata hampir mencapai tahap 100% sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan telur ayam dan sekitar 85% sara diri bagi bekalan daging kerbau dan lembu.;

2. Bagi sektor tanaman, negara mencapai sekitar 66.5% sara diri bagi bekalan sayur-sayuran tropika dan sekitar 41.9% sara diri bagi bekalan buah-buahan tropika.;

3. Bagi sektor padi iaitu dalam penghasilan beras, negara mencapai secara purata sekitar 8.71% sara diri.; dan

4. Bagi sektor perikanan, negara mencapai secara purata sekitar 87% sara diri.

Kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pengusaha yang terdiri daripada para peladang, penternak, nelayan dan pengusaha agrimakanan atas kegigihan mereka dalam meningkatkan keluaran mereka, yang membantu meningkatkan tahap sara diri negara.

Adalah diharapkan lebih ramai lagi penduduk kita, terutamanya kaum belia yang berminat dan terlibat dalam usaha meningkatkan keluaran sektor pertanian, ternakan, perikanan dan agrimakanan, iaitu bagi menjamin sekuriti makanan bagi negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Bagi mendukung usaha ke arah menjamin sekuriti makanan negara, selain meningkatkan keluaran dan meningkatkan tahap sara diri, strategi bagi menjamin sekuriti makanan

memerlukan penglibatan semua kementerian dan jabatan-jabtan terutama yang relevan dengan bekalan makanan tempatan, bekalan import dari luar negara, kerjasama perdagangan antarabangsa, isu kesihatan awam, isu keselamatan makanan, isu logistik dan pengangkutan, sama ada melalui darat, laut atau udara, dan tidak kurang penting ialah penglibatan institusi-institusi pendidikan dalam negara. Oleh itu, perkara ini memerlukan pendekatan secara *Whole of Government Approach, Whole of Nation Approach*, melibatkan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang relevan serta dengan pihak-pihak swasta.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ perkara-perkara ini terkandung dalam dokumen *Food Industry Roadmap* yang disediakan secara bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi. Kita amat berbangga kerana semakin ramai pengusaha baha ru dan muda dalam industri pertanian dan perikanan yang lebih selesa menggunakan teknologi dan teknik moden dalam operasi perladangan masing-masing, antaranya, seperti menggunakan sistem teknologi reban tertutup bagi perusahaan ternakan ayam pedaging, sistem *feedlot* bagi perusahaan ternakan lembu, sistem *aquaponic*, sistem *vertical farming*, pengairan titis dan fertigasi dalam rumah terlindung bagi perusahaan tanaman; dan *recirculating aquaculture system (RAS)* bagi aktiviti perusahaan menternak ikan dalam tangki. Malah ada di antara mereka yang mengurus perusahaan mereka dengan sistem berkomputer penuh bagi memastikan pengurusan yang lebih sempurna.

Diharap agar lebih banyak lagi para pengusaha dan peladang yang menerapkan penggunaan teknologi dan teknik moden dan operasi perusahaan dan perladangan masing-masing demi meningkatkan produktiviti dan kedayasaingan produk-produk kita dan sesuai dengan hala tuju dalam mendukung ekonomi digital.

Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan setakat ini, beberapa pengusaha belia telah bergiat aktif dalam bidang pertanian dan perikanan. Sebagai contoh:

1. Melalui pelaksanaan Program Rintis Pertanian, dari seramai 104 orang pengusaha yang masih aktif, seramai 39 orang pengusaha terdiri daripada golongan belia.; dan

2. Manakala di bawah Program Pembesaran Perusahaan, dari seramai 49 orang pengusaha yang diberikan tapak tambahan untuk membesarkan aktiviti-aktiviti perladangan, seramai 19 orang pengusaha adalah melibatkan belia.; dan

3. Melalui 6 sesi Program Pendedahan Belia Pertanian, yang ditawarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan sejak 2018, seramai 98 orang kaum belia telah menyertai program berkenaan yang meliputi kursus-kursus asas pertanian dan sesi lawatan ke beberapa ladang belia yang berjaya.

Yang Berhormat Pengerusi. Menyentuh mengenai perkembangan dalam sektor pelancongan, penularan wabak *COVID-19* telah memberikan kesan yang ketara kepada pertumbuhan aktiviti-aktiviti perekonomian berkaitan dengan perkhidmatan pelancongan di negara ini, berikutan terjejasnya jumlah ketibaan pelancong.

Oleh itu, pihak kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan bersama dengan Lembaga Pelancongan Brunei (*Brunei Tourism Board*) telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai usaha untuk membantu merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi berkaitan dengan perkhidmatan pelancongan di negara ini dengan mempromosikan kempen dan aktiviti pelancongan domestik.

Antaranya, melalui penganjuran aktiviti mempromosikan pakej-pakej pelancongan domestik bertemakan "Selera Bruneiku" yang menawarkan juadah-juadah tempatan sebagai tarikan utama, pakej-pakej pelancongan domestik berasaskan komuniti yang mengetengahkan keunikan serta kepelbagaian budaya dan tradisi kehidupan masyarakat setempat serta pelbagai tempat tarikan yang menawarkan perkhidmatan *experiential tours* yang menggabungkan pelbagai produk pelancongan *primer*, produk pelancongan baharu dan produk yang diungkayahkan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta penganjuran pelbagai aktiviti menarik melalui program *Brunei December Festival*, *Brunei Mid-Year Conference and Exhibition* (*Brunei MYCE*) dan sebagainya.

Inisiatif-inisiatif bagi mempromosi pelancongan domestik ini akan diteruskan lagi pelaksanaannya sepanjang tahun 2022 dan أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pelancaran pakej produk-produk pelancongan di keempat-empat daerah baru sahaja dilancarkan pada awal bulan Februari 2022.

Yang Berhormat Pengerusi. Pihak kementerian juga tidak melupakan komitmen terhadap perlindungan dan pemuliharaan sumber hutan dan alam semula jadi negara. Di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei Darussalam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan merupakan *lead agency* bagi Strategi II, iaitu "Liputan Hutan". Strategi ini bertujuan meningkatkan penyerapan karbon (*carbon sink*) melalui penanaman semula hutan ataupun *afforestation* dan penghutanan semula (*reforestation*) dengan sasaran menanam sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035.

Di bawah Protokol Hijau, kementerian-kementerian juga terlibat untuk menyokong "Kempen 26,000 Pokok"

sepanjang tahun 2021 yang turut disertai sama oleh Badan Bukan Kerajaan *(NGO)* iaitu *Green Brunei* dan juga sektor swasta seperti Syarikat Minyak Shell Brunei, *Hengyi Industries Sendirian Berhad* dan lain-lain.

Kawasan-kawasan penanaman tersebut termasuk di kawasan Hutan Simpan Berakas, Hutan Simpan Aboretum, Hutan Simpan Keluyoh, kawasan atau zon antara lembah Sungai Tutong dan Belait *Inter-Riverine Zone* (*IRZ*).

Yang Berhormat Pengerusi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan pengusaha-pengusaha sektor sumber-sumber utama merasa bersyukur kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pertumbuhan keluaran sektor pertanian, ternakan, agrimakanan dan sektor perikanan adalah penyumbang utama bagi pertumbuhan KDNK bagi bukan minyak dan gas.

إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ kementerian ini akan terus komited untuk mengenal pasti serta memikirkan strategi-strategi serta inisiatif-inisiatif baharu bagi memastikan keluaran dari industri pertanian, perikanan dan juga perhutanan serta pelancongan akan terus-menerus meningkat dari tahun ke tahun dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK.

Ini termasuklah juga untuk menggiatkan usaha bagi menarik penglibatan pengusaha-pengusaha baharu dalam bidang pertanian dan perikanan termasuk penglibatan pihak *GLC's* dan Pelaburan Langsung Asing, menggalakkan para pengusaha-pengusaha yang berkenaan agar sentiasa komited, progresif dan bersemangat untuk mengembangmajukan perusahaan serta aktiviti perladangan masing-masing, mengguna pakai teknologi serta teknik moden dan mengamalkan tadbir urus yang baik bagi memastikan keluaran akan terus meningkat dari tahun ke tahun dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan pencapaian serta perkembangan terkini aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Terima kasih yang setinggi-tingginya kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan baru sahaja selesai menerangkan secara mendalam tentang perancangan serta hala tuju

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Saya sekarang ingin membukakan tajuk ini untuk kita bahaskan dan saya persilakan untuk memulakannya dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Terus saja kepada perbahasan kitani. Negara telah berusaha untuk mengawal wabak *COVID-19* dalam fasa endemik sekarang, di samping memastikan pembangunan ekonomi terus meningkat. Walaupun *essential travels* sudah mula diperkenalkan, wabak *Omicron* setentunya membantutkan perancangan untuk pengangkutan antarabangsa bagi pelancongan. Namun begitu perlunya kitani untuk memulakan semula pelancongan antarabangsa. Saya juga mengambil baik usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tadi dalam mengukuhkan lagi pelancongan domestik yang dikongsikan oleh Yang Berhormat tadi.

Soalan saya, apakah ada perancangan seperti rangka kerja atau jangka masa untuk membuka pelancongan-pelancongan antarabangsa kitani semula? Ini memandangkan kitani sudah masuk fasa endemik dan negara-negara lain sudah memulakan pelancongan antarabangsa mereka kerana ia setentunya memerlukan peruntukan yang signifikan serta koordinasi pelbagai sektor kerajaan dan swasta untuk memastikan ia berjalan dengan selamat masa depan pelancong-pelancong dan mampu menjana pendapatan semula.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Kaola rasa soalan ini sudah disuarakan semasa sesi muzakarah di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan beberapa minggu yang lalu. *Anyway* kaola menjawab lagi semula. Berkenaan dengan membuka semula *tourism* ini kepada pelancong luar negara, ia adalah tertakluk kepada keadaan ataupun *advice* daripada autoriti kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Jadi, kaola tidak dapat menjanjikan apa-apa kerana itu tertakluk kepada perkembangan dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, yang penting kita sudah bersedia kalau pelancongan sudah dibenarkan. Sejak dua tahun kebelakangan kita sedang memberi penekanan kepada perkembangan pelancongan domestik, iaitu sambil kita bersedia untuk menyambut kedatangan pelancong luar negara apabila sempadan kita dibuka semula.

Yang penting sebelum sempadan dibuka ialah produk-produk pelancongan itu mesti ada tersedia. Jadinya pada bila-bila masa pelancong luar sudah mulai tiba, produk pelancongan sama ada produk prime seperti Kampung Air,

di Daerah Temburong dan Bandar Seri Begawan dan produk-produk pelancongan baharu yang dibangun di Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan di tempat-tempat lain sudah tersedia.

Dalam pada itu juga, kita mengadakan kolaborasi dengan pejabat-pejabat daerah untuk menggunakan aktiviti MPK itu sebagai satu destinasi pelancongan di semua daerah, iaitu asal saja mereka bersungguh dan konsisten dengan produk mereka dan akan kita promosikan. Produk pelancongan yang terbaharu diperkenalkan sebagai contoh adalah *MICE Tourism* yang berbentuk *meeting* dan *conference*. Ini *popular* di negara-negara lain seperti Singapura dan Hong Kong, negara-negara kecil. Kita pun sudah memulakan Mid Year *Conference and Exhibition* atau *MYCE 2021* pada tahun lepas untuk memulakan *MICE tourism* ini bagi negara ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ tahun lepas 8,000 pengunjung acara *MYCE* 2021 yang diadakan selama sebulan pada bulan Jun 2021 selama sebulan itu dan disebabkan keadaan wabak *COVID-19* jadi kebanyakan acara diadakan secara *hybrid* dan *speakers* dari luar negara dijemput, tetapi mereka *attend* secara *virtual* dan peserta negara pun ada juga hadir tetapi secara *virtual*.

Apabila nanti keadaan sudah pulih, asas sudah ada untuk kita mengadakan *conference* secara *international* itu secara fizikal dan kita berharap pelancongan *MICE* ini akan berkembang dan dapat membantu kedatangan pelancong dalam sektor berkenaan.

Pada masa yang sama kementerian juga memberi tumpuan kepada memastikan kualiti yang terbaik iaitu keselamatan dan kebersihan adalah terjamin bagi pelancong dari dalam dan luar negeri. Ini semua adalah sebagai persediaan kita untuk menerima kedatangan pelancong pada bila-bila masa apabila sempadan sudah dibuka.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sentiasa menyokong penuh usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memajukan industri pertanian, perikanan, perhutanan dan lain-lain. Kaola membawa di bawah Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian.

Terdapat dari isu-isu yang berbangkit daripada pengusaha tempatan yang mengusahakan projek *Green House* di bawah *Syarikat Gropoint*. Satu perjanjian dalam kontrak *documents*

berubah dari sebelumnya. Pengusaha terpaksa mencari pembeli dan berjual sendiri hasil tanaman, memandangkan hasil tuai tidak habis dipasarkan oleh *Gropoint* sebagaimana dijanjikan. Hasil jualan ada yang dipotong yang dikatakan untuk perbelanjaan pembinaan *Green House*, harus jua disubuk-subuk sejauh mana keberkesanan dan kemajuan pengusaha di bawah projek bersama Syarikat *Gropoint*.

Sekian terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *Gropoint* ini sebuah syarikat yang menanam *musk* melon asalnya, yang menawarkan *contract farming* ertinya bekerjasama dengan *local farmers*. Ia membeli semua musk melon itu dan dieksport ke luar negara.

Inisiatif yang terbaharu adalah *contract farming* dengan pekerja-pekerja daripada syarikat telekom Brunei yang merancang untuk bersara, syarikat telekom telah menyediakan *funding* bagi mereka untuk memulakan bisnes dan *funding* itu digunakan untuk membuat greenhouse – Rumah Hijau. *Arrangement*nya, mereka bertanam cili bersama *Gropoint* dan cili itu kalau memenuhi sesifikasi dan kualitinya seperti yang ditetapkan awal mengikut kontrak, maka akan dibeli oleh *Gropoint*.

Kaola selalu ke sana, tetapi tidak mendengar cerita ini dan kalau ada, akan diselesaikan. Sejauh ini tidak ada aduan kepada kaola, sama ada dari peladang itu ataupun *Gropoint,* tetapi kalau ada akan cuba diselesaikan, itu saja. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menyentuh mengenai di bawah Tajuk SHO6A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Dalam keadaan wabak *COVID-19* tidak dinafikan bahawa industri pelancongan menghadapi cabaran yang cukup hebat terutama sekali dalam menggerakkan perniagaan dalam pelancongan ini termasuklah pelancongan tempatan. Dalam keadaan seperti ini kaola mengemukakan satu soalan.

Dalam hal ini, apakah pihak-pihak berkenaan mempunyai usaha dan inisiatif untuk memperkenalkan kaedah baharu berasaskan teknologi atas talian bagi memastikan industri pelancongan tempatan sentiasa berkembang dan menyumbang kepada ekonomi negara dan masyarakat setempat?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita menggunakan *latest* teknologi terkini dalam beroperasi mempromosi industri pelancongan

Negara Brunei Darussalam ini untuk dalam ataupun di luar negara secara meluas. Kalau dulu-dulu bajet promosi sampai berjuta-juta ringgit di Jabatan Kemajuan Pelancongan, tetapi dalam tahun kebelakangan ini *almost zero*, kosong bajet pelancongan kerana kita menggunakan *digital marketing* untuk mempromosi produk-produk pelancongan negara kita, semua negara pun begitu dan mereka menggunakan *Instagram, Facebook* untuk *promote* destinasi pelancongan ataupun *event-event* tertentu bagi menarik orang ramai untuk menyertai ataupun mengunjungi tempat-tempat berkenaan.

Disebabkan kitani kurang pemandu pelancong yang berbahasa Mandarin, Jepun, Korea dan Perancis. Kita ada memperkenalkan melalui Projek Rintis di *Royal Regalia* bahawa pelancong setelah download applikasi tertentu boleh menggunakan *smart phones* untuk men*scan* apa-apa yang dipamerkan di sana. Setelah di*scan* pameran berkenaan dengan sendirinya akan keluar maklumat sama ada secara teks ataupun sound yang akan menerangkan apakah yang sedang dipamerkan di sana itu dalam bahasa yang dipilih sama ada bahasa Mandarin ataupun bahasa Jepun ataupun bahasa Korea dan malah kalau pelancong tersebut menaiki *coach* ataupun jalan kaki sahaja di bandar itu, apabila melalui Masjid Omar 'Ali Saifuddien sekiranya, akan ada *signal* memaklumkan berkenaan dengan sejarah Masjid Omar 'Ali Saifuddien tersebut. Penggunaan teknologi itu sudah ke peringkat *advanced* dan ini akan dilaratkan kepada muzium-muzium lain pada masa-masa akan datang.

Jadi, walaupun pemandu pelancong kitani tidak boleh bertutur berbagai bahasa, namun kurang keperluan kita untuk import pemandu dari luar negara untu menjadi *guide* kepada pelancong kitani, kerana ditakuti maklumat yang mereka sampaikan itu tidak tepat. *Basically,* kitani memang *try to adapt* teknologi terbaharu itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai di bawah Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dengan peruntukan yang akan diberikan sebanyak $5,960,390.00.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara berkaitan dengan *food security* negara.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sukacita kaola minta keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu:

1. Masyarakat sudah sekian lama terbiasa makan nasi dari beras import dan kurang *popular* dengan beras hasil tempatan. Adakah sudah dibuat penyelidikan akan pendapat masyarakat berkaitan kegemaran dan pandangan mereka dalam menaiktaraf kualiti beras tempatan?; dan

2. Negara Brunei Darussalam dikurniakan tanah yang subur dan laut yang berpontensi dengan hasil sumber negara أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ. Kaola ingin bertanya, berapa ramai sudah pakar dari anak tempatan dalam bidang pertanian dan perikanan dan apa sudah pihak kementerian usahakan dalam menghasilkan buah, sayur, ayam, daging dan ikan dari bumi Negara Brunei Darussalam untuk mencukupi *food security* negara dan sumber eksport bagi perkembangan ekonomi negara?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola telah pun menerangkannya semasa mukadimah berkenaan *output sector pertanian dan perikanan telah* meningkat beberapa peratus dan status peningkatan sara diri pun telah diterangkan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kitani mendapati sektor pertanian dan perikanan meningkat secara signifikan *the last few years* dan ini adalah seperti juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dua hari yang lepas, adalah jelas sektor ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kitani secara signifikan dari sektor bukan minyak dan gas.

Tapi abiskaola tidak akan berasa puas dan akan terus meningkatkan lagi, bukan saja untuk memenuhi tahap sara diri malah untuk tujuan eksport dan untuk diproses. Ada ruang untuk kitani tumbuh lebih daripada sara diri sebenarnya. Sebab itulah seperti keluaran udang, bukan sahaja untuk dalam negara tetapi untuk dieksport, keluaran ikan-ikan pun bukan sahaja untuk dalam negara tetapi untuk dieksport.

Bagi keluaran beras, kitani masa ini mencapai 8.7% sara diri berbanding dengan 4% pada lima tahun lalu, jadinya ada kenaikan. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ keluaran beras ini akan dinaikkan lagi setinggi-tingginya, walaupun memerlukan pelaburan yang besar. *That's why* Kandol itu dibuka. Masa ini sekitar 500 hektar dibangunkan untuk tanaman padi di Kandol, sekitar 200 hektar akan siap hujung tahun ini. Jadi, ada lagi 300 hektar untuk dibangunkan dan memerlukan perbelanjaan memandangkan kawasan yang besar dan memerlukan pengairan yang cukup. Perkara ini sudah disentuh pada mukadimah kaola tadi.

Berkenaan dengan beras tidak *popular* tiada kaola mendengar, malah beras kita selalu habis terjual, di pasar raya orang ber*queue* untuk membeli. Belum ada

kajian dibuat sama ada *popular* atau tidak yang jelas ia habis terjual.

Berkenaan kepakaran dalam bidang pertanian, bidang perikanan, kebanyakan orang yang bekerja di kementerian memanglah ada *qualifications* dalam berbagai-bagai bidang pertanian dan perikanan, tetapi tidak semua bidang dan kita tiada ramai pegawai dan kita juga bergantung kepada kerjasama universiti-universiti, sama ada UBD, UTB dan UNISSA dalam sama-sama meningkatkan kemahiran kitani dalam bidang ini, bagi sama-sama untuk memajukan negara kita ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ . Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah perbincangan kita mengenai dengan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan saya suka untuk bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita berpindah kepada Jadual Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan mukadimahnya tentang dasar dan objektif dalam penyediaan rancangan perbelanjaan kewangan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat rakan-rakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini ada masa kita barangkali kalau untuk kementerian ini siap dalam kurang sejam mungkin kitani ada masa إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dan kerana itu, kaola cuba untuk meringkaskan mukadimah kaola.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan sokongan menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Belanjawan 2022/2023 sebanyak jumlah keseluruhannya $280,936,340.00 iaitu ditolak dari Perbelanjaan Kemajuan sebanyak $19,030,000.00 menjadikan Belanja Berulang-Ulang dan

Pemeliharaan termasuk Gaji Kakitangan adalah sebanyak $261,906,340.00.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Kementerian Hal Ehwal Ugama cuba sedaya upaya akan mengoptimumkannya bagi melaksanakan rancangan-rancangan dalam strategi belanjawan:

1. Memfokuskan perbelanjaan kepada pendidikan ugama untuk semua penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk dakwah mengambil kira ia tugas utama kementerian termasuk melahirkan generasi yang berpengetahuan agama dan mengamalkan agama serta mempunyai fahaman keagamaan yang secara teratur, secara sistematik. Ertinya agama yang diajarkan di sekolah-sekolah, diamalkan dalam rumah tangga dan masjid serta didakwahkan. Dengan itu, kitani dapat memelihara keutuhan beragama. Tidak ada yang akan melencong daripada ajaran-ajaran yang kitani amalkan.;

2. Memfokuskan peruntukan kepada pemeliharaan aset-aset di bawah MORA yang perlu diberikan perhatian utama.; dan

3. Untuk menempatkan kakitangan secara berperingkat-peringkat di cawangan-cawangan daerah yang dikenal pasti untuk diberikan keutamaan, khasnya bagi tujuan-tujuan dakwah yang mantap dan juga mengisi beberapa jawatan untuk hal ehwal masjid di daerah-daerah dan juga dalam bidang penguat kuasa undang-undang.

Maka dengan itu, sokongan kepada belanjawannya adalah sebagaimana yang telah kaola nyatakan tadi.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ berdasarkan kepada pengalaman tahun lepas, sekalipun keadaan kita dalam gelombang wabak *COVID-19*, pergerakan kita sebahagian kehidupan rutin kita agak terhad, namun perkhidmatan agama, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan berkat kerjasama semua pihak dapat berjalan sesuai dengan rentak dan suasana wabak *COVID-19* yang kita alami. Berpandukan daripada itu, maka belanjawan pada tahun hadapan akan juga dipergunakan bagi kegiatan-kegiatan yang dinyatakan tadi dalam rentak yang إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dalam fasa endemik ini, mungkin akan berubah iaitu kitani akan terbiasa dengan endemik ini dan dapat melaksanakan rutin kerja, tugas kitani dalam rentak yang agak baik daripada rentak sebelumnya.

Dalam masa yang sama kaola ingin menyatakan bahawa bagi perancangan-perancangan yang sudah dirancang ini ialah mengukuhkan pencapaian-pencapaian yang sudah dicapai, umpamanya dari segi bidang pelajaran, pencapaian anak-anak murid kitani yang berada di persekolahan ugama dan di persekolahan Arab yang diukur dari pencapaian hasil peperiksaan mereka baik aliran agama iaitu Sijil Rendah Sekolah Ugama, Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Sijil Pelajaran Tinggi Ugama. Yang ketiga-tiganya ini adalah

setara atau seiring dengan sijil-sijil dalam jurusan umum iaitu PSR, *'O' Level* dan *'A' Level.* Pencapaiannya أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ mencapai *target* yang diharapkan dan angka-angkanya mungkin dapat dilihat dari laporan-laporan yang seterusnya nanti.

Begitu juga mengenai pembangunan-pembangunan, walaupun agak terhad dengan beberapa perkara tapi permohonan yang dirancangkan terutama sekali dalam Rancangan Kemajuan Negara bagi masjid-masjid yang sudah ditetapkan dengan peruntukannya. Pada tahun lepas 2 buah masjid dalam RKN iaitu Masjid Mengkubau dan Masjid Meragang sudah pun bermula untuk dilaksanakan.

Sementara masjid-masjid yang lain masih dalam *pipeline* iaitu sama ada dalam tawaran untuk menunggu ketetapan tawaran ataupun dalam peringkat untuk perubahan-perubahan yang dikehendaki berikutan daripada kedudukan peruntukannya yang agak terhad.

Begitu juga dengan inisiatif-inisiatif yang lain. Pendek kata, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan meneruskan usaha-usahanya terutama dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan peruntukan yang diuntukkan tetapi menyumbang kepada fiskal kerajaan, umpamanya melalui Majlis Ugama Islam Brunei yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei mengenai zakat dan wakaf.

Semua ini berjalan ke hadapan sedang difikirkan cara untuk meningkatkannya, iaitu kalaulah dari segi zakat sahaja ia telah menyumbang kepada fiskal kerajaan, dari segi kebajikan bagi orang ramai, tidak kurang keluarga yang ditanggung oleh zakat dari segi mereka itu, orang yang tidak berkemampuan untuk hidup beserta dengan tanggungan mereka, hampir mencapai jumlah 19,000 orang, dengan perbelanjaan untuk 2 tahun dan mencapai angka ke $80 juta.

Mujurlah hasil yang dikutip daripada zakat setiap tahun dianggarkan antara $17 juta ke $18 juta, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dan kerana itu Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memikirkan cara-cara kutipan yang boleh menambah meningkatkan kutipan hasil sebagaimana yang telah dibuat pada tahun lepas zakat fitrah melalui *online* dan nampak berjaya dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ pada tahun ini, perancangan sudah dibuat untuk zakat harta melalui *online* diperkenalkan.

Maka sedemikian itu jugalah dalam wakaf. Wakaf sekarang ini sudah ada akta-aktanya yang akan disiapkan rang nya إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ dalam pertengahan tahun ini dan wakaf ini juga difikirkan bukan sahaja menyediakan undang-undangnya tetapi juga ialah bagaimana untuk memikirkan tadbir urusnya.

Zakat sudah ada ketetapan yang diperkenankan untuk sebuah jabatan *fully department* Zakat dan Baitulmal. Tinggal lagi pada masa ini dalam pertimbangan Jawatankuasa Tangga Gaji memikirkan struktur yang bersesuaian. Sementara wakaf ialah mesti akan dalam

pemikiran-pemikiran yang akan kita lihat nanti.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ begitu juga dalam bidang pengajian Islam beberapa inisiatif telah dibuat dan menampakkan kejayaan yang mencapai *KPI* dalam wawasan. Misalannya dari segi peratus *performance* guru-guru dan peratus *performance* sekolah mencapai dalam 4 tahun peningkatan adalah terus-menerus meningkat dan semua ini berkat inisiatif daripada pegawai-pegawai muda yang berkhidmat dalam perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan yang mereka ini adalah sebagai generasi baharu kitani yang akan meneruskan perkhidmatan agama إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ menuju matlamatnya yang sedemikian.

Begitu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, yang dapat kaola terangkan begitu ringkas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Selasa, 1 Mac 2022 mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 28 Rejab 1443 /1 Mac 2022

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir pada sebelah petang)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kelima Selasa, 28 Rejab 1443 bersamaan 1 Mac 2022, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya jua kita dapat bersama berkumpul lagi pada pagi ini bersidang bagi hari yang kelima dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2022), Perbekalan 2022/2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan dan penelitian tajuk-tajuk seterusnya secara terperinci, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023, satu per satu yang Rang Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Pada hari Ahad yang lepas di sebelah petang, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang menjelaskan tentang hala tuju dan sasaran-sasaran dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka bagi Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini sekarang saya bukakan untuk dibahaskan dan saya persilakan untuk memulakannya dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terus sahaja kepada perbincangan menyebut sedikit mengenai pemeliharaan aset dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat dengan peruntukan yang diberikan. Untuk kemaslahatan orang ramai dicadangkan supaya tanah perkuburan orang Islam di negara ini dijalankan secara bersistem.

Soalan saya iaitu:

1. Dimaklumi usaha sudah ada mengadakan sistem slot secara penomboran ke atas beberapa buah tanah perkuburan, apakah *progress* perkara tersebut? dan

2. Apakah usaha dalam memastikan kawasan tanah perkuburan mematuhi peraturan-peraturan keselamatan, persekitaran serta kebersihannya? Untuk cadangan penambahbaikan, bolehlah maklumat tanah perkuburan dapat diakses secara menggunakan sistem teknologi maklumat dan pengurusan tanah perkuburan memperbaiki sistem wakaf dan pengurusannya. Seperti mempelawa orang ramai menyumbangkan lampu-lampu solar, membisaikan akses-akses laluan di tanah perkuburan dan pembersihan tanah-tanah perkuburan. Tujuan semua ini ialah untuk mudah "mengilala" atau mengenali ataupun mengunjunginya kemudian kawasan yang lebih selesa dan selamat untuk para pengujung dan setentunya penghormatan yang sesuai bagi ahli-ahli keluarga yang sudah meninggalkan kitani**.**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ awal-awal lagi kitani mendengar perkara tanah

perkuburan, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ terima kasih Yang Berhormat terutama sekali pemerhatian ataupun perhatian beratnya kepada tanah perkuburan dari segi pemeliharaannya, erti katanya bukan sahaja kebersihan tetapi keselamatannya dan juga *accessibility* sebaliknya untuk mudah didatangi dan sempurnanya.

Memanglah dalam urus tadbirnya ada unit khusus untuk menangani perkara ini dalam tugas-tugas pembersihan dan dengan tugas-tugas yang seterusnya ada yang di*outsource* kepada kontraktor-kontraktor tertentu dan ada juga yang terus dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan di Unit Perkuburan.

Maklum sahajalah kitani tidak semuanya dapat menangani perkuburan seluruh negeri ini tetapi sedaya upaya kita telah melakukannya. Memang diakui ada keperluan-keperluan untuk meningkat-kannya. Jadi peningkatan inilah yang sentiasa dari masa ke masa difikirkan oleh staf Bangunan Pemeliharaan yang mengetua Unit Perkuburan itu dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ dengan adanya peruntukan yang yang bersesuaian nanti, dapatlah dipergunakan. Pemeliharaan aset إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ kementerian akan cuba akan memenuhi sepenuhnya jangkaan ataupun harapan orang ramai dalam perkara ini.

Kita berharaplah juga sekarang ini kita ada semangat bergotong-royong dan dalam erti kata pemedulian. Cubalah kitani hidupkan semangat ini dalam kalangan masyarakat. Jangan ada terus-menerus sesuatu perkara yang didapati mengenai perkuburan, ia mudah saja diakses muat turun dalam media sosial tidak dengan pengetahuan pihak yang berkenaan.

Maka sedemikian itu, menolong untuk mendapatkan maklumat sampai kepada pihak berkenaan. Tetapi kita hendaklah menunjukkan perkara-perkara bersama itu kepada kitani sebagai orang ramai sendiri, masjid ada jemaah masjidnya, takmirnya, ketua kampung ada majlis perundingan kampungnya.

Perkuburan-perkuburan yang ada di kampung-kampung, di mukim-mukim bolehlah juga dilihat bersama-sama kerana penggunaannya memang kerajaan yang menangani. Tetapi kerajaan terbatas dengan keupayaan tertentu dan kerana itulah kitani cubalah bekerjasama dengan semangat bergotong-royong dan pemedulian terhadap *environmental*.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sebelum kita bersidang di Dewan yang mulia ini, pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat telah mengaturkan muzakarah bersama kementerian-kementerian. Maka kaola hanya membawa satu soalan saja.

Soalan saya, di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dicadangkan supaya Negara Brunei Darussalam memohon Kepada pihak Kerajaan Arab Saudi berkenaan kuota haji supaya dijadikan kuota tetap sebanyak 2,000 orang setiap musim haji. Memandangkan penduduk negara kita tidak mencapai jumlah hingga berjuta-juta maka dengan kuota tetap sebanyak 2,000 masih jauh sedikit jumlahnya dibanding negara-negara yang penduduknya hingga 200 juta ke atas jauh lebih banyak. Mohon Kebijaksanaan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membuat perundingan.

Sekian Terima Kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyambut baik seruan ini tetapi أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat menyebutkan permohonan kebijaksanaan kementerian untuk mendapatkan tambahan daripada 1,000 kepada 2,000. Sebenarnya kitani mempunyai kuota rasmi hanya 400 orang sahaja, tapi selama 3, 4 tahun berturut-turut, ertinya kitani telah dapat meningkatkan daripada 400 ke 600, kemudian 800 dan seterusnya kepada 1,000.

Ini semua berlaku dengan cara kebijaksanaan perundingan-perundingan kitani di luar kuota untuk peruntukan berdasar penduduk umat Islam kitani. Tetapi أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kitani telah menghadapkan perundingan antara menteri dengan menteri, Menteri Hal Ehwal Ugama dengan Menteri Hal Ehwal Haji Arab Saudi. Perkara ini telah dipertimbangkan, dan أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pertimbangan itu dari 400 tambah 200, tambah 200, tambah 200 menjadikan tambahan kuota itu daripada kuota asal. Mudahan-mudahanlah yang atas ihsan melebihi kitani bukan menuntut tetapi adalah memohon ihsan dalam perkara ini.

Dari segi pendaftaran haji setiap tahun kalau dibandingkan dan dijumlahkan semuanya, maka memanglah kitani tidak dapat menampung. Sekurang-kurangnya pada masa ani 20 ribu orang dalam senarai menunggu. Kalau pun kitani dapat, memang dengan syarat-syarat tertentu untuk memilih siapa yang sahaja dapat menunaikan fardu haji seperti syarat-syarat pada masa ani, tetapi masih juga menunggu. Ini dialami oleh semua negara bukan saja kitani, terima kasih Yang Berhormat meminta kebijaksanaan kementerian untuk mendapatkannya melalui perundingan-perundingan persefahaman yang baik antara kedua-dua buah negara. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terutama sekali kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas ucapan mukadimah pada hari Ahad lepas yang jelas menyampaikan akan usaha-usaha dan Perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang sedang dan akan berjalan, begitu juga atas kejayaan kementerian yang telah dicapai.

Kaola juga mengagumi dan mengucapkan tahniah atas ikhtiar dan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama dengan agensi berkenaan menghidupkan Negara Brunei Darussalam dengan zikir dan munajat terutamanya dengan tersiarnya bacaan سورة يس melalui radio dan TV pada setiap malam dan begitu juga usaha menjayakan Malam Munajat bersama dengan orang ramai dan kementerian-kementerian terpilih setiap minggu secara maya. Semoga usaha ini konsisten dan berterusan demi ikhtiar kita menyelamatkan negara dan bahaya wabak *COVID-19*.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola amat tertarik dengan mukadimah Yang Berhormat mengenai wakaf iaitu merupakan salah satu projek rancangan strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2024 di bawah strategi Pemerkasaan Wakaf Ke Arah Kesejahteraan Negara.

Kaola rasakan ini satu perancangan yang tepat kerana wakaf adalah satu sumber kewangan yang penting dalam Islam selain zakat, bahkan ia boleh membantu menampung ekonomi negara jika ia diurus dengan teratur dan sistematik. Maka atas dasar ini sebagaimana pemerkasaan wakaf termasuk dalam Rancangan Strategik 5 Tahun Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaola ingin minta penjelasan lanjut, kaola mohon maaf Yang Berhormat, barangkali jika perkara ini ada dibawa pra-MMN yang lalu, iaitu dalam muzakarah bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola tidak hadir pada waktu itu. Maka kaola ingin minta penjelasan lanjut:

1. Apakah sudah ada bayangan atau ketetapan wakaf ini akan diurus tadbir di bawah satu jabatan khusus atau di bawah satu badan bukan kerajaan seperti Badan Tanmiah?;

2. Apakah strategik wakaf yang bakal diperkenalkan nanti, adakah tertumpu kepada wakaf tanah dan wakaf harta benda atau kepada wakaf tunai yang dikumpul dalam satu tabung wakaf atas tujuan am?; dan

3. Bagaimanakah peraturan wakaf, atau wakaf itu nanti dikendalikan?.

Mohon pencerahan. Terima kasih.
وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai wakaf ini, dapat dijelaskan begini, ini memang strategi Kementerian untuk tahun 2024/2025. Yang penting kita ketahui wakaf sudah sedia ada dengan perundangannya yang termasuk dalam Undang-undang Majlis Ugama Islam, tetapi undang-undang itu perlu dikemaskinikan dalam erti kata wakaf hendaklah mempunyai undang-undangnya tersendiri, aktanya tersendiri. Jadi penggubalannya pada masa ini sudah sampai kepada peringkat akhir, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dapat disiapkan pada tahun ini. Dalam undang-undang, aktanya itu akan memasukkan jua, perancangan untuk melaksanakan wakaf yang teratur, berkesan, tersusun, sesuai dengan hasrat untuk menjadikannya sebagai satu pemangkin, dalam pembangunan infrastruktur atau apa-apa jua yang memerlukannya. Dalam undang-undang itu nanti, akan disebut perkara mengenai lembaga ataupun urus tadbirnya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ jikalau itu sudah selesai nanti kitani akan melihat ia akan ditadbirkan secara teratur, bagi mencapai apa yang dihajati.

Pada masa ini wakaf, tanah-tanah wakaf dan beberapa sumbangan telah dipergunakan dengan setakat *seporadic* mengikut apa yang ditentukan. Yang sudah ada Badan Tanmiah mengembangkan harta wakaf ini, tetapi belum Badan Tanmiah menggembangkan, cuma dalam urus niaganya dalam bidang *property* dan sudah ada ketetapan majlis menyokongnya untuk meluaskan bidang perniagaannya itu kepada bidang-bidang yang lain. Wakaf akan ditadbir urus bukan di bawah Badan Tanmiah إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan ditabdir urus dalam satu pentadbiran yang boleh mencapai hajat wakaf orang Brunei. Banyak tanah yang boleh dimajukan dan banyak sumbangan orang ramai yang terkumpul dalam tabung zakat yang boleh dipergunakan dengan sebaik-baiknya.

Satu perkara yang mesti diingati dalam keadaan sedemikian itu wakaf menyumbang kepada sebahagian daripada meningkatkan fiskal kerajaan. Satu contoh masjid, ada masjid wakaf. Ertinya, berharga jutaan ringgit oleh orang perseorangan atau keluarga dan ada masjid-masjid yang belum lengkap bilik jenazah, kereta jenazah, belum lengkap dengan kemudahan-kemudahan termasuklah jua *parking* bagi Orang Kurang Upaya, laluan bagi orang kurang upaya dan ini telah menggunakan secara wakaf sama ada oleh ahli-ahli jemaah masjid ataupun orang-orang perseorangan dan keluarga qariah masjid atau tadahan masjid ataupun orang yang tertentu yang menentukan wakafnya bagi perkara ini. Perbelanjaan kerajaan, kata misalannya bagi sebuah kereta jenazah tidak kurang $40,000 dan tambahan bilik jenazah tidak kurang dari $15,000 hingga $20,000 ribu.

Kalau bergantung hanya pada peruntukan pemeliharaan maka tidak dapat meringankan. Begitulah pada masa hadapan mungkin wakaf ini akan dipergunakan untuk membantu infrastruktur-infrastruktur tertentu yang juga akan membantu meringankan fiskal

kerajaan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Tapi sebelum itu saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya, jika menyoal timbulkanlah saja soalan, sebab keistimewaan untuk membuat mukadimah ini adalah untuk menteri-menteri menerangkan mengenai dengan belanjawan kementeriannya masing-masing. Kalau setiap Ahli Yang Berhormat membuat *intro*nya yang begitu panjang, meleret-leret jadinya. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyoal dan terus menyoal dan akan dijawab oleh menteri-menteri yang berkenaan dan saya telah difahamkan bahawa beberapa sesi muzakarah telah pun diadakan. Saya percaya perkara-perkara ditimbulkan ini sudah ditimbulkan dalam majlis muzakarah yang diadakan itu. Saya minta dengan seikhlas-ikhlasnya kalau sudah dijawab tidaklah perlu dibawa dalam majlis ini lagi. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola bercakap mengenai 2 persoalan sahaja dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama ini. Iaitu mengenai Sastera Islam.

1. Sastera Islam adalah sastera dakwah yang tujuannya untuk memperingatkan umat-umat manusia menuju kebaikan dunia dan akhirat berdiri di atas landasan الأَمْرُ بِالمَعْرُوْفِ وَ النَّهْيُ عَنِ الْمُنكَرِ .

   Kaola ingin bercakap mengenai novel berunsur keislaman, kalau tidak silap pada tahun 2010 ada peraduan menulis novel berunsur Islam yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah yang menarik penyertaan lebih kurang sebanyak 42 penyertaan. Novel berunsur Islam setentunya boleh membentuk masyarakat, meningkatkan keimanan jika jalan cerita diolah oleh penulis berdasarkan akidah akhlak-akhlak dan syariah agar menarik dibaca terutama golongan muda jika jalan cerita ada pertentangan watak utama dan watak sinetron yang jahil dan jahat mendapat balasan sama ada baik atau buruk.

   Sehubungan itu, kaola ingin tahu adakah pemenang-pemenang pertandingan ini serta penulis yang lain yang bersesuaian novel-novel mereka telah dicetak dan adakah perancangan untuk mengadakan banyak peraduan ini pada masa akan datang? Jika novel-novel ini dicetak disarankan untuk diedarkan ke perpustakaan sekolah-sekolah secara percuma dan dicadangkan juga supaya novel-novel yang terbaik ini diolah menjadi drama TV bersiri kerana melaksanakan dakwah

selain pendekatan ceramah dan kemasyarakatan dapat menggunakan ciptaan novel, cerpen, drama dan puisi dan seni sastera lain berunsur keislaman.; dan

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola bercakap mengenai pengisian kurikulum kerohanian sekolah-sekolah ugama yang kini mempunyai beberapa seni budaya Islam dalam kurikulum sekolah agama. Antaranya tulisan khat Jawi, bacaan rawi, berzanji dan Dikir Syarafil Anam Brunei. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ boleh dibanggakan kerana kebanyakan pelajar ugama menguasainya iaitu Dikir Syarafil Anam. Malah sering dipertandingkan dalam kalangan sekolah-sekolah agama. Malah pelajar-pelajar ini ada yang dipelawa mewakili takmir masjid, MPK, MPM dan persatuan-persatuan untuk pertandingan dikir.

   Jadi, untuk menambah pengisian kurikulum kerohanian persekolahan sekolah agama, kaola mencadangkan supaya dikir lama Brunei dapat dilaksanakan untuk mengekalkan seni kebudayaan Islam Brunei pada zaman dahulu agar tidak pupus kerana nampaknya dikir lama ini jarang diketengahkan malah tidak lagi dipedulikan. Tambahan pula orang-orang lama yang mahir dalam dikir lama ini sudah tiada. Adalah diharapkan sekurang-kurangkan satu pelajar satu dikir dapat menghayatinya. Tidak perlu banyak salah satu dari Bis Shahrin Udana Laila, Badat tofi, Khairuman Udana Laila, Badat Nurjalah dan Khairumman Udana Laila. Selain pengisian yang tersebut di atas tadi, boleh juga ditambah dengan penulisan dan deklamasi puisi lama.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih laluan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengerusi.

Ada dua soalan kalau tidak silap saya dapat menangkap satu mengenai sastera Islam satu mengenai Dikir Brunei. Sastera Islam disebutkan bahawa Pusat Da'wah Islamiah mengadakan Peraduan Menulis Novel pada 2013. Seingat saya pada 2013 ialah bersempena dengan 25 tahun penubuhan Pusat Da'wah Islamiah. Peraduan itu sangat berjaya sebagaimana yang dinyatakan tadi dan hasilnya telah pun diterbitkan. Cuma tadi ada saranan supaya penerbitannya itu dibahagikan ke sekolah-sekolah untuk bacaan.

Sebenarnya kitani mesti berfikir jua. Kerajaan berbelanja menerbitkannya. Perbelanjaan itu akan dikutip balik semula melalui hasil jualan. Itulah sebenarnya cara kitani, bukan semata-mata semua sekali akan dibuat oleh kerajaan dan dibahagi kepada orang

ramai secara percuma kerana pembacaan ini terpulang kepada minat membaca. Kalau untuk sekolah-sekolah, tentulah pihak kerajaan akan menerbitkannya dengan jumlah yang banyak dengan perbelanjaan yang banyak. Itu tidak mungkin dapat dilakukan kecuali misalannya mengenai mushaf, penerbitan mushaf untuk sekolah-sekolah, orang ramai yang dibahagikan kepada keluarga. Dalam masa yang sama, mushaf itu dicetak untuk kegunaan orang ramai membelinya dan masih jua dijual.

Mengenai kepentingan sastera Islam sebagaimana Yang Berhormat menyebutkan adalah kepentingan dunia akhirat. Sebenarnya kitani menyebut sastera Islam, sastera yang berunsur ataupun bertemakan perkara-perkara keagamaan mengenai bukan sahaja mengenai jahat baik, tetapi yang penting sastera Islam itu dihasilkan bukan sahaja semata-mata oleh penghasil-penghasil yang kalau dalam istilah al-Quran, *al-Ghawuun* iaitu orang yang ke hulu ke hilir bercakap mengenai kebaikan tetapi mereka tidak melakukan kebaikan. Sastera Islam itu telah didukung dengan penjiwaannya.

Sebenarnya dari semasa ke semasa, Pusat Da'wah Islamiah menerbitkan hasil-hasil ini bukan sahaja melalui peraduan menulis novel tetapi melalui majalah-majalah yang ada seperti Majalah "Al-Dams dan Berita Muslimin". Kalau hasil sastera yang berupa puisi diterbitkan di kedua-dua majalah ini dan dikumpulkan menjadi "Puisi Hidayat" diterbitkan dalam setahun, dua tahun setelah terkumpul. Begitu juga cerpen disiarkan di dalamnya. Ini adalah proses yang berterusan.

Kaola ingin menyebutkan Yang Berhormat Pengerusi. Menyebut sastera Islam bagi kepentingan kitani Brunei. Negara Brunei Darussalam sudah menokohkan tokoh sastera Islam pada tahun 2008, atas anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Kitani menokohkan Muda Omar 'Ali Saifuddien sebagai Tokoh Sasterawan Islam. Ini memang tepat kerana sastera melambangkan entiti bangsa itu. Selama ini kitani di Negara Brunei Darussalam adalah bersama-sama dalam gerakan sastera nusantara yang berbahasa Melayu.

Oleh sebab Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1984 sudah jelas entitinya sebagai satu negara berdaulat, merdeka sepertimana negara-negara jiran kita yang lain, maka sastera kitani walaupun berbahasa Melayu adalah sastera Brunei kerana itulah ada penokohan ada dibuat pada tahun 2008. Satu penokohan Sasterawan Islam dan yang kedua penokohan Sasterawan Moden Brunei iaitu bagi penyair "Syair Rakis" adalah kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, berdasarkan sastera karya-karya syair-syair Al-Marhum itu.

Ini sangat penting untuk diambil perhatian orang ramai, pihak pusat-pusat pengajian tinggi dan gerakan seperti gerakan *civic society* untuk

mengembangkan perkara ini. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam pengajian Bruneinya memasukkan pengajian sastera Islam yang merujuk kepada tokoh sastera Islam hasil-hasil Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, suatu tanda yang bagus dan sudah melahirkan beberapa kajian di peringkat Sarjana dan Sarjana Muda.

Kemudian di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) sudah ada baru-baru ini ditubuhkan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ perkara ini akan dimasukkan pengajian sastera Islam dan ada hubungan dengan pendidikan merujuk kepada sastera Islam di Brunei yang ada sudah tokoh-tokohnya.

Di UNISSA perkara ini boleh difikirkan oleh UNISSA إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ kerana UNISSA ada Fakulti sastera yang berbahasa Arab. Sastera Islam itu adalah merujuk kepada Sastera Islam yang berbahasa Arab, belum ada yang berbahasa Melayu ataupun kepada Melayu melainkan satu dua buah buku yang dibuat kajian bekas pensyarah Universiti Brunei Darussalam pada masa dahulu dan sempat berkhidmat di UNISSA untuk membuat kajian berhubung dengan tokoh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan juga tokoh Sasterawan Islam juga penggiat sastera Islam Syukri Zain. Semua hasil ditulis dalam bahasa Arab. Kaola akan menekankan entiti Negara Brunei Darussalam bukan sahaja ada identiti bahkan ada sudah entiti politik, sistem sosial dan sistem pemerintahannya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai yang kedua berhubung dengan Dikir Brunei untuk dipelajari. Benar, Dikir Brunei ini pada satu masa dahulu dalam pendidikan. Sekurang-kurangnya Kementerian Hal Ehwal Ugama berusaha untuk menjadikan dikir ini dipelajari dan sedang dipelajari tetapi usaha itu ialah dengan lebih dahulu memperbaiki bentuk penyampaian Dikir Syarafil Anam dan berzanji. Berdikir Syarafil Anam yang sudah diubah supaya tidak dengan lagu memanjang-manjang. Kemudiannya Dikir Brunei dalam versi yang moden yang pada masa yang dipelajari, sudah diajarkan di sekolah-sekolah secara *extra* kurikulumnya. Ini berpunca daripada kritikan terhadap dikir itu. Dikir itu dibawakan dengan pembawaan yang menyalahi.

Kaola rasa kitani yang mengkritik itu sendiri keliru menyalahi hukum-hukum tajwid bagaimana dikir ini ditajwidkan tajwid Al-Quran. Jadi lalu diubah lagu Brunei itu, menyalahi hukum tajwid dan berdosa. Maka diadakan seminar memperbaiki Dikir Brunei itu dan hasilnya sampai sekarang ini أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ .

Tapi satu perkara yang mesti juga menjadi sejarah dan untuk menjadi perhatian kitani dalam keadaan sedemikian itu Dikir Brunei sementara ia belum lagi diubah suai kepada yang dalam erti kata tidak menyalahi tajwid diperkenalkan pula satu lagi Dikir Daba'i dan Dikir Daba'i ini pun bersainglah dalam keadaannya menimbulkan

kelompok-kelompok yang peminat mungkin tidak menerima terhadap satu dengan yang lain dan ini tidak baik.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Hal Ehwal Ugama kaola dapat menjamin dari dahulu sampailah sekarang ini tidak menganggap sedemikian dan masing-masing yang mahu untuk Dikir Daba'i, Dikir Brunei teruskanlah tinggal lagi Dikir Brunei yang sekarang ini perlu juga balik semula kepada Dikir Brunei yang dilagukan mengikut lagu yang sebenar-benarnya. Jangan khuatir dan walang kalau lagu-lagu sedemikian panjang tidak mengikut harkat bahasa Al-Quran janganlah dikhuatirkan akan berdosa kerana ia bukan ayat-ayat Al-Quran yang ditajwidkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ sukacita kaola membawa dengan buku teks dan buku-buku kerja sekolah agama. Dalam hubungan ini, sudah tiba masanya Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat e-Buku atau *e-Book* yang semua buku teks dan buku-buku kerja dimuatkan di dalamnya. Perkara ini mudah dilakukan memandangkan buku teks yang dipelajari pada masa sekarang terbitan tempatan dan bolehlah bekerjasama barangkali dengan institusi pengajian tinggi utama tempatan untuk membuat dan menerbitkan *e-Book* tersebut.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola menjawab Yang Berhormat Pengerusi kaola minta menjelaskan dahulu kaola tahu perkara yang dibangkitkan ini mengenai buku teks dan mengakui Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pengajian Islam mengeluarkan buku teks tapi yang disarankan oleh Yang Berhormat barangkali pendengaran kaola kurang jelas Yang Berhormat Pengerusi mudah-mudahan Yang Berhormat mengulang dengan jelas apa isunya apa saranan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih. Maksudnya buku-buku teks itu dimasukkan dalam *e-Book* satu *dalam pendrive*kah untuk menyenangkan tujuannya meringankan murid-murid membawa daripada beban yang berat kalau buku. Satu lagi sebagai pilihan kepada murid-murid selain diberi buku teks dan sesuai dengan perkembangan semasa rata-rata anak murid sudah mempunyai kemudahan sendiri seperti telefon bimbit dan akses *Internet*.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kalau kaola tidak silap maksudnya secara ringkas supaya buku-

buku itu tidak sahaja diterbitkan dalam buku tetapi teks sukatan pelajaran sekolah-sekolah agama itu dibuat secara *online.* Ini saranan yang bagus tetapi sebenarnya ini pun sudah Jabatan Pengajian Islam untuk pengetahuan orang ramai sangat aktif dalam kegiatan *online* dinamakan digital namanya.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sesuai hala tuju kitani ke arah peningkatan lagi penggunaan digital ini lagi. Banyak usaha Jabatan Pengajian Islam untuk mendigital perkhidmatannya termasuklah juga dengan buku-buku teks tetapi bukan khusus buku-buku teks yang biasa, juga yang diterbitkan pada masa ini ada juga disalurkan secara digital atau *online* dan bolehlah Yang Berhormat atau orang ramai yang berkenaan untuk akses *website* atau sesawang yang berkenaan Kementerian Hal Ehwal Ugama ataupun di bawah sesawang Jabatan Pengajian Agama Islam, silakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kerana menyampaikan mukadimah mengenai dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam kesempatan ini kaola merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membina dua buah masjid iaitu Masjid di Rancangan Perumahan Negara Mengkubau Pancur dan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Meragang.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pembinaan kedua-dua buah masjid ini telah pun berjalan. Semoga pembinaannya akan lancar dan sempurna. Sesungguhnya pembinaan masjid ini amatlah besar maknanya terutama kepada rakyat dan penduduk yang tinggal di kedua-dua Rancangan Perumahan Negara. Inilah rumah أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ tempat hamba-hamba-Nya bermunajat dan mengerjakan amal ibadat, sembahyangku kerana أَللهِ**.**

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh beberapa cadangan, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sejak surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dibina beberapa tahun lalu, surau tersebut dikunjungi ramai jemaah terdiri daripada mereka yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan juga para penduduk sekitarnya. Kunjungan para jemaah tersebut adalah untuk menunaikan solat fardu 5 waktu, solat

sunat Tarawih, solat sunat Aidilfitri dan Aidiladha.

Untuk keselesaan dan menjimatkan lagi masa bagi mereka yang bertugas atau bekerja di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan penduduk sekitarnya, kaola menyarankan dan mencadangkan untuk memberikan pandangan kepada pihak kementerian ada moleknya surau tersebut untuk dibukakan juga untuk solat Jumaat untuk memudahkan lagi para jemaah yang saya nyatakan tadi.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memahami cadangan supaya surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang sudah sedia ada dan sudah digunakan dengan sebaiknya dan mencapai tujuannya sebagai surau, sudah pun diakui oleh Yang Berhormat berjalan dengan baik, tinggal lagi dijadikan juga untuk mendirikan sembahyang Jumaat bagi kemudahan dan kegunaan bagi pengguna-pengguna. Perlu diingat bahawa surau itu dalam tadahan Mukim Berakas, Kampung Serusop, Kampung Burung Pingai dan sebagainya.

Di kawasan tersebut terdapat masjid, Masjid As-Solihin, Masjid Muhammad Bolkiah, Masjid Sufri Bolkiah dan sekurang-kurangnya masjid tersebut dalam tadahan. Tidaklah menjadi kesulitan, bahkan penduduk di Kampung Jaya Setia dan Kampung Setia Bakti dan termasuk Kampung Burung Pingai ada jua yang pergi ke Masjid As-Solihin.

Tiada masalah kepada siapa saja pengguna surau yang biasa bersembahyang fardu, untuk bersembahyang Jumaat yang dikhususkan antara pukul 12 hingga 2 petang. Mereka dikecualikan dari tugas, bolehlah pergi ke masjid-masjid yang dalam tadahan tersebut. Ini bukanlah suatu keadaan yang mendesak, masjid-masjid masih boleh digunakan lagi. Surau tetaplah ia surau. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sebagaimana jua ada surau Kementerian Pertahanan, Berakas Garison dan ada lagi terdapat surau lain.

Semua perhatian yang sedemikian ini memang baik, tapi jika orang ramai berkehendak sedemikian, Yang Berhormat bolehlah menasihatkan orang ramai atau *group* tertentu mengikut tadahan surau dan masjid yang berhampiran. Masjid berhampiran, masih bolehlah digunakan bagi menunaikan Sembahyang Jumaat. Janganlah mendesak sehingga nanti ada alasan tidak boleh bersembahyang Jumaat kerana meninggalkan tugas dan sebagainya. Sekian Terima Kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola juga ingin menyampaikan beberapa perbahasan di bawah Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam perkara ini kaola akan cuba seringkas yang boleh untuk membuat pertanyaan dan cadangan.

1. Mengenai jawatan-jawatan Bilal, Marbut ataupun pembersih luar dan dalam masjid. Nampaknya tidak semua masjid mempunyai pekerja-pekerja tersebut secara yang ditawarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid.

   Jawatan itu perlu supaya diadakan untuk mengisi jawatan tersebut dan ada penjawat-penjawat yang tertentu di setiap masjid bagi kemudahan-kemudahan dan peranan mereka yang boleh memudahkan di masjid-masjid. Walaupun pada masa ini, kerana tidak ada jawatan tersebut diisikan oleh jawatankuasa takmir, tetapi mungkin jua akan menimbulkan masalah kerana ia tidak berperanan sepenuhnya sebagai seorang bilal. Keduanya mereka sudah berumur dan tidak yakin akan dapat membuat sepanjang masa sebagai jawatan bilal atau marbut dan pembersih luar dan dalam masjid.

   Kaola memohon supaya jawatan yang sudah lama tidak ditawarkan ini dapatlah ditawarkan untuk masjid-masjid di seluruh negara yang memerlukannya.;

2. Mengenai 'Penggapai' nampaknya jikalau masa dulu, senang kita berhubungan kerana di mukim-mukim namanya diberi *label* supaya senang dicari. Tetapi sekarang tidak ada. Cuma dipusatkan di pejabat-pejabat, di daerah-daerah, pejabat agama dan bilangannya terhad. Kalau berlaku kebetulan perkara yang memerlukan mereka di dalam daerah, kalau ada terjadi dua tiga untuk disempurnakan, jadi terpaksalah menunggu giliran oleh keluarga tersebut.

   Cadangan baiktah ada di mukim-mukim 'Penggapai'. 'Penggapai' dahulu terdapat di Mukim Liang iaitu Biro Wanita dari MPK yang berkursus di masjid, tetapi mendukacitakan, mereka setelah berkhidmat dan dapat membuat penyempurnaan terjadi setelah penyempurnaan jenazah dibuat, dimandikan dan sebagainya hampir siap dikafankan, barulah petugas dari jabatan yang berkenaan datang. Apabila datang mereka tidak menerima dan disuruh dimandikan kembali jenazah tersebut. Mereka seolah-olah tidak mempercayai ahli-ahli jawatankuasa yang sudah mengadiri kursus tersebut. Perkara ini menjadi tidak kesedapan hati dan akhirnya mereka tidak mahu berfungsi lagi sekarang.

Kaola harap sebenarnya 'Penggapai' ini tidak menyusahkan setiap mukim untuk menjalankan tugas. Seterusnya satu lagi sedikit secara ringkas.;

3. Mengenai sekolah Arab di Daerah Belait, telah pun ditubuhkan pada tahun 2005 dan sudah berumur 17 tahun sekolah ini. Tetapi pada masa ini masih lagi pengajiannya pada tahap tingkatan 2 walaupun sudah 17 tahun. Para keluarga kadang-kadang kalau sudah dua tahun itu terpaksa buat pilihan sama ada menyambung ke Sekolah Menengah Arab atau akan berhenti menyambung ke sekolah kerajaan.

   Kalau sekiranya ditawarkan untuk kanak-kanak menyambung dan terus tinggal di asrama, inilah menjadi kebimbangan kepada keluarga kerana mereka ini masih lagi dalam umur yang belum dapat lagi berpisah secara langsung dengan keluarga. Dikhuatiri yang sewajarnya dari segi sosial dan sebagainya.

   Cadangan kalau dapat supaya akan ada tingkatan 3 di Daerah Belait. Kalau boleh secara *online* yang tingkatan 3 itu dapat mengikuti. Mohonlah sesuatu yang dapat dicerahkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama. Barangkali, itu saja yang dapat kaola hadapkan dalam perbahasan ini.

Sekian saja Yang Berhornat Pengerusi. Terima Kasih. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat. Kaola, Yang Berhormat Pengerusi memahami ada 3 perkara yang dibangkitkan iaitu:

1. Mengenai perlu ada jawatan bagi masjid terutama sekali bagi menggantikan orang sudah berumur.;

2. Mengenai 'Penggapai' iaitu penyempurnaan jenazah wanita.; dan

3. Berhubung dengan penubuhan Sekolah Arab yang sudah lamanya 17 tahun belumlah meningkat sampai kepada menengah yang diharapkan.

Pertama, mengenai jawatan-jawatan di masjid seluruh negara dari masa ke semasa ada peningkatan dan tambahan-tambahan jawatan tersebut. Misalannya pada tahun lepas (2021) seramai 41 jawatan yang telah dipenuhkan meliputi jawatan Imam Tingkat I, II, III dan IV dan Bilal Tingkat I. Berhubung dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, dipercayai ada bilal yang sudah berumur patut digantikan.

Memang sedemikian, tapi belum barangkali dapat diberikan keutamaan, kerana yang berkenaan itu walaupun sudah berumur masih melakukannya. Dalam masa yang sama juga bagi kelaziman mana-mana masjid akan menyediakan pelapis-pelapis. Kalaupun bilal itu bilal yang berjawatan yang belum

ada penggantinya secara berjawatan *established post*, maka pelapis-pelapisnya boleh dilantik oleh jemaah masjid itu sendiri. Disokong untuk mendapatkan elaun-elaun khas bagi pelapis-pelapis. Ini tidak ada masalah, walau bagaimanapun إِنْ شَاءَ ٱللهُ kementerian akan meminta Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk melihat perkara ini. إِنْ شَاءَ ٱللهُ Yang Berhormat.

Kedua, mengenai 'Penggapai'. 'Penggapai' ini mesti kita ketahui pada tahun 60-an dahulu, Jabatan Hal Ehwal Ugama mengadakan *post* ini. Jawatan itu jawatan kerajaan. Walaupun pada masa itu hanya sangat terhad orang-orang yang dilantik dan berterusanlah jawatan itu sampai sekarang. Tapi kita mesti mengambil kira, jawatan tersebut, tugas tersebut sudah boleh dilakukan oleh orang ramai, kumpulan-kumpulan seperti yang dinyatakan. Tadi ada muslimah sudah diberikan kursus-kursus dan mereka mengendalikannya. Cuma ada kejadian sedemikian ataupun ego barangkali yang berkenaan itu menimbulkan yang sepatutnya perkara itu tidak berbangkit. Mana yang sudah dikursus memang layak dan bukan saja muslimah bahkan dalam kalangan belia, jemaah masjid, sudah boleh melakukan tugas 'Penggapai'.

Kita mesti melihat, أَلْحَمْدُ لِلهِ, ada kita rasa bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ berkat pelajaran ugama yang diajarkan sebegitu sistematik. Kita sudah melahirkan orang-orang yang sudah beragama termasuklah orang yang besedia berkhidmat secara sukarela untuk melakukan kerja-kerja penyempurnaan jenazah dan tidak ketinggalan dalam kalangan wanita iaitu muslimah masjid. Muslimah masjid sangat berperanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat menghargai kegiatan muslimah masjid ini diseluruh negara. Mereka sangat berperanan untuk kegiatan-kegiatan masjid bagi masjid-masjid di tadahan-tadahan mereka.

Jadi, hal sedemikian janganlah kita berharap saja kepada jawatan 'Penggapai' saja. Pada masa ini sudah ada kursus-kursus yang dilakukan oleh masjid-masjid bagi melatih ataupun menubuhkan kumpulan-kumpulan 'Penggapai' wanita dan lelaki.

Ketiga, penubuhan sekolah Arab betul sudah 17 tahun dan perlu ditingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat khasnya bangunan sekolah Arab yang ada pada masa ini di Daerah Belait dalam rancangan untuk dibesarkan. Mudah-mudahan dalam rancangan tersebut akan termasuklah juga untuk meningkatkan taraf pembelajarannya.

Diketahui sulit bagi ibu bapa untuk melepaskan anak-anak dalam umur yang rendah, pindah ke Daerah Tutong, masih jua rindu-rinduan juga anak yang masih berumur rendah sedemikian. Memanglah dipertimbangkan. Mudah-Mudahan kalau rancangan pembesaran sekolah tersebut dapat dilaksanakan dan akan mengambil kira juga keperluan untuk peningkatan sampai ke tingkatan menengah yang dihajatkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ terus saja kepada isu ajaran sesat dan maklumat berunsur fitnah yang boleh didapati dalam media massa sekarang ini boleh diakses dengan mudah. Seperti yang yang kita maklum baru-baru ini tersebar agama baharu yang tersebut fahaman Palun dan ajaran Eiwan Ehas, yang berkemungkinan boleh merosakkan akidah terutama kepada belia.

Sehubungan dengan itu juga, kaola difahamkan terdapat satu ruang media sosial bernama *'reddit'* di dalamnya sering disebut Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan pelbagai komen negatif bahkan ada yang berunsur fitnah semata-mata.

Soalan kaola, adakah terdapat usaha atau inisiatif untuk memperbetulkan persepsi pengguna berkenaan dan sejauh manakah pandangan-pandangan berkenaan mempengaruhi golongan belia khususnya yang beragama Islam yang aktif menggunakan media sosial? Sejauh manakah pandangan berkenaan telah mempengaruhi golongan belia terutama yang beragama Islam yang aktif menggunakannya? Kaola juga berpandangan pihak yang berkenaan supaya mewujudkan laman sesawang peranti media sosial dan proaktif menangani isu semasa bercorak keagamaan yang melibatkan pelbagai agensi berkenaan secara bersepadu sebagai wadah atau platform khusus mengelinga perkara berkaitan agama dan umat Islam di negara ini selain menjadi sumber rasmi yang menyediakan atau mengongsikan saluran maklumat yang tepat, untuk dijadikan sumber rujukan orang awam bagi memperbetulkan persepsi seumpamanya.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Memanglah media sosial ini banyak perkara maklumat yang tersebar sama ada yang disebut oleh Yang Berhormat tadi akan maklumat fitnah atau maklumat yang tidak benar ataupun maklumat yang benar tetapi berlawanan dengan apa yang kitani percayai kalau dalam bidang agama, keyakinan dan akidah kitani. Tapi maklumat itu tersebar melalui media sosial, tinggal lagi macam mana untuk mengatasinya. Mengatasinya itu ialah pertama sekali kita mestilah meningkatkan kesedaran keagamaan kitani.

Kalau dari segi media sosial, Pusat Da'wah Islamiah sangat aktif dalam perkara ini, setelah mereka menggunakan media sosial tetapi tidaklah secara khusus untuk melawan

hal-hal sedemikan. Dakwah ertinya membimbing ke arah yang benar. Perkara-perkara yang sedemikian misalannya ada perkara yang negatif, mencerca dan sebagainya itu terserlah kepadanya. Mana-mana perkara yang negatif itu membawa kepada celaan institusi agama ataupun orang agama, ada undang-undangnya yang boleh menanganinya.

Kitani hendaklah tidak terburu-buru untuk terjun khusus untuk menangani hal-hal sedemikian kerana kitani harus menerima hakikat bahawa sebagaimana juga dalam *boardcasting* kitani mengatakan *open-sky*. Negara Brunei Darussalam satu-satunya negara yang kecil tetapi mengadakan dasar *open sky* sedemikian. Kitani tidak dapat menahannya, mungkin *channel* tertentu tetapi ada *receiver* yang berjual yang boleh mencapai Asia Tenggara, Timur Tengah, bahkan ke Eropah dan sebagainya dengan *receiver* sahaja yang hanya berharga tidak sampai $200 atau $300. Tinggal lagi kitani ialah mendidik, membimbing orang ramai jangan sampai terpengaruh. Mudah untuk kitani mengatakan lawan tetapi lawan ini sejauh mana akan berkesudahan. Kitani ada undang-undang, kalau sampai kepada had yang melanggar undang-undang maka undang-undang yang boleh kitani pergunakan. Dari segi perang saraf bukan dari segi keselamatan politik yang mengancam keselamatan tetapi perang saraf dari segi ideologi mengenai agama dan sebagainya, kitani lakukanlah dengan cara yang bijak.

Pusat Da'wah Islamiah, sangat mengambil perhatian dan bergerak ke arah ini dan akan meningkatkannya dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sarankan penggunaan peruntukan pembinaan masjid seharusnya memikirkan keperluan-keperluan pengguna. Beberapa masjid termasuklah masjid-masjid utama tidak mengambil kira akan laluan ke tandas wanita ataupun tempat mengambil air wuduk adalah terbuka dan boleh menyukarkan kaum wanita untuk menutup aurat dengan sempurna apabila di masjid.

Ramai wanita yang bekerja juga perlu ke masjid memandangkan tempat kerja tidak menyediakan ruang solat ataupun tidak terdapat surau. Bukan sahaja pengguna wanita, pengguna yang berkelainan upaya dan berumur juga sukar untuk bergerak. Reka bentuk haruslah lebih kepada praktikal bukannya sekadar cantik dari luar. Pembaikan kerosakan juga haruslah dibuat dengan segera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sangat peka dengan keperluan wanita, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ. Didapati

masjid yang lama yang sudah di*design* memang sedemikian dan didapati laluan untuk wanita di luar kawasan merupakan laluan masuk bagi lelaki dan ini kurang selesa. Untuk masjid-masjid yang baharu, hal-hal sedemikian telah pun diambil kira. Masjid baharu akan dibuat dalam erti kata *design* itu sendiri mengawal pergerakan jemaah wanita untuk wanita dan lelaki untuk lelaki. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ mudah-mudahan akan berjaya dan akan dilihat.

Mengenai kepekaan Kementerian Hal Ehwal Ugama terhadap keperluan Orang Yang Kurang Upaya. Pada tahun lepas sudah dibangkitkan perkara ini dan diucapkan terima kasih. Hasil saranan dan cadangan ini juga, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah berjaya memperbaiki atau menambah kemudahan-kemudahan itu. Misalannya, saya kalau di Daerah Brunei-Muara sahaja, laluan kerusi roda sudah ada 37 buah masjid Daerah Tutong ada 7 buah masjid, Daerah Belait ada 2 buah masjid dan di Daerah Temburong ada 1 buah masjid, kesemua jumlah ini ada 47 buah masjid. Ini dibelanjai selain daripada peruntukan pemeliharaan juga banyaknya datang daripada orang ramai dan inilah juga sebahagian daripada sedekah dan wakaf.

Penggunaan tandas khas, bagi Orang Kurang Upaya pun juga telah disediakan. Di Daerah Brunei Muara sebanyak 25 buah masjid, di Daerah Tutong ada 4 buah masjid, di Daerah Belait dan Daerah Temburong belum ada dan pada keseluruhannya ada 29 buah masjid diadakan sedemikian.

Mengenai letak kereta. Letak kereta ini masjid-masjid lama wakaf tanah orang ramai yang didirikan masjid. Bila terdiri masjid, pada masa itu cukup untuk letak kereta, tetapi pada masa ini tidak mencukupi. Terpaksalah juga untuk memikirkan Orang Yang Kurang Upaya. Dalam keadaan ini, kalau masjid-masjid baharu pada masa ini tidaklah menjadi masalah tetapi ini masjid-masjid lama. Daerah Brunei Muara telah pun mengadakan letak kereta khas iaitu sebanyak 16 buah masjid, Daerah Tutong ada 2 buah, Daerah Belait dan Daerah Temburong tidak ada, tapi 18 buah masjid sudah digunakan.

Kepekaan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat sangat dipuji. Keperluan wanita dan OKU ini sudah diambil tindakan dari semasa ke semasa. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ sesuai dengan keadaan peruntukan dan kepimpinan masjid untuk berikhtiar. Sementara belum ada peruntukan atau peruntukan tidak akan diberi untuk perkara itu, mereka berusaha untuk mendapatkan orang yang berwakaf atau menderma bagi keperluan-keperluan yang sedemikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang terakhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin memberi pandangan dan cadangan iaitu mengenai masjid mesra dengan digital. Dalam menghadapi perubahan era digital dan suasana norma baharu ketika ini, sudah sewajarnyalah masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam melangkah ke hadapan dengan menggunakan sistem digital sebagai keperluan ke arah kemajuan dan perkembangan. Pengurusan aktiviti-aktiviti yang berdaya maju. Dengan ini, masjid-masjid tidak lagi terpinggir dari arus perubahan teknologi yang sentiasa berkembang melalui konsep Masjid Mesra Digital. Konsep ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan dengan kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan bagi mencari kaedah yang sesuai ke arah Masjid Mesra Digital. Antaranya:

i. Membekalkan masjid-masjid dengan kemudahan teknologi digital dan *ICT.;*

ii. Meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangan masjid dengan digital dan *ICT* melalui latihan-latihan amali yang bersesuaian.;

iii. Mempelbagaikan aktiviti masjid sebagai tambahan melalui kaedah digital terutama sekali dalam situasi wabak *COVID-19* dan sebagainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat.

Mengenai soalan Masjid Mesra Digital ini sangat menggembirakan kitani. Dalam kurnia titah perkenan pembukaan masjid sebelum ini, ada menyebut mengenai digital ini dan kitani ke arah kesedaran yang sedemikian itu sangat dialu-alukan. setahun atau dua tahun yang lalu, sudah ada dibangkitkan dalam Dewan ini dan sebahagiannya dapat dipenuhi oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid. Umpamanya, sudah ada *screen* melalui digital ini bagi memaparkan waktu-waktu sembahyang. Ada sebahagian masjid sudah dapat menyiarkan ringkasan khutbah dan ada lagi masjid yang berusaha untuk menterjemahkan khutbah itu ke dalam bahasa lain, iaitu bagi kawasan-kawasan yang memerlukan yang tidak memahami bahasa Melayu. Semua ini sudah ada tanda-tanda ke arah digital itu Yang Berhormat.

Bagi kerajaan untuk membekalkan bahan-bahan itu, terpulang kepada keupayaan bajet kitani ke arah itu. Pada masa ini, ada orang yang sudah bersedekah ataupun menderma dan menyumbang bagi kepentingan masjid-masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama juga mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk melengkapkan keperluan masjid dengan digital.

Bagi meningkatkan keupayaan itu, sangat perlu dan betul. Semasa wabak *COVID-19* ini, pergerakan dan

pembelajaran dalam masjid adalah terhad. Ternyata beberapa buah masjid tidak mempunyai keupayaan dari segi kemahiran penggunaannya dalam perkara ini, yang perlu diatasi jua. Walau bagaimanapun, kalau dilihat kepada acara seperti Malam Munajat yang diadakan setiap hari Sabtu (malam minggu), ada penyertaan tidak kurang 50 buah masjid dan sudah ada menunjukkan keupayaan digital itu. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ boleh lagi ditingkatkan dan bagi yang tidak mempunyai keupayaan itu, yang menggalakkan, bukan daripada pegawai masjid *established post*, tetapi daripada sukarelawan Jemaah Takmir Masjid. Terutama sekali dari kalangan belia di tadahan masjid yang berkenaan yang tampil untuk memberikan sumbangan dan khidmatnya kepada keperluan-keperluan masjid seperti ini.

Jadi, mempergunakan digital untuk aktiviti masjid, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kitani sudah memulakan dan sedang dalam perjalanan yang baik dan akan diteruskan sesuai dengan keperluan yang kitani fikirkan selama tidak mengganggu ketenteraman ataupun hal-ehwal ibadat yang *fundamental* bagi sesebuah masjid. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah bagi kita membahaskan Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini, dan saya sekarang ingin bertanya, bagi ahli-ahli yang bersetuju bagi tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A – Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang mesyuarat beralih untuk meneliti Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum tajuk-tajuk kecil ini dibuka untuk dibahaskan, maka saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjelaskan tentang penyediaan Belanjawan bagi kementerian berkenaan. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, Yang Berhormat Menteri Pembangunan berada bersama kita dalam Dewan ini, maka saya persilakan Yang Berhormat memberikan mukadimahnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola dengan penuh hormat dan takzim, sukacita menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 berjumlah $334.8 juta yang disenaraikan seperti yang berikut:

1. Sejumlah $115.9 juta untuk Gaji Kakitangan.;

2. Sejumlah $107.2 juta untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang.; dan

3. Sejumlah $111.9 juta bagi Projek-Projek di bawah RKN-11, yang sedang dan akan dilaksanakan.

Fokus Kementerian Pembangunan tahun 2022/2023. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini, Kementerian Pembangunan akan terus komited dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ke arah pembangunan sosioekonomi negara termasuk penyediaan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Kementerian Pembangunan akan meneruskan beberapa inisiatif sesuai dengan peranan dalam penyediaan persekitaran terbina (*build environment*) dan berdaya huni (*live able*) dengan memberi penekanan serta keutamaan kepada perkara-perkara yang strategik seperti yang berikut:

1. Penambahbaikan lagi penyelarasan antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.;

2. Pembangunan perumahan awam di Rancangan Perumahan Negara.;

3. Menjamin sekuriti air negara dan bekalan air yang bersih dan berterusan.;

4. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang berdaya tahan dan resilien termasuk meneruskan perlaksanaan projek-projek infrastuktur bagi mitigasi bencana dan banjir.;

5. Membukakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi bagi tujuan pelaburan pembangunan bercampur (*mixed development*).; dan
6. Mendukung strategi-strategi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Inisiatif-inisiatif ini juga mendukung tema Belanjawan tahun ini, "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien", yang

akan dilaksanakan melalui peruntukan yang disediakan dengan mengambil perbelanjaan secara berhemah dan mengikut keutamaan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan.

Perumahan negara yang mampan. Bagi penyediaan perumahan negara yang mampan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, kementerian akan terus melaksanakan Perancangan Pembinaan Skim Perumahan Negara untuk rakyat yang memerlukan rumah sama ada melalui Rancangan Kemajuan Negara atau mencari kaedah-kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi pengurangan penggantungan sepenuhnya pada perbelanjaan kerajaan.

Dalam RKN-11 dengan Harga Rancangan berjumlah $250 juta, sejumlah $38.8 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan beberapa projek perumahan seperti yang berikut:-

1. Projek RPN Kampung Lugu sebanyak 1000 buah rumah teres sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam awal tahun 2023.;

2. Projek RPN Kampung Tanah Jambu sebanyak 750 buah rumah akan dibina dan pembinaannya akan bermula pada pertengahan tahun ini. Sementara itu 10 blok, 300 unit rumah pangsa H40 di Kampung Lambak, setakat ini 245 unit sudah didiami dan selebihnya akan diisikan dalam sedikit masa lagi.

Di samping itu juga, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus menerokai alternatif bagi penghasilan perumahan yang lebih berdaya tahan termasuk kaedah *Public Private Partnership* (PPP) atau melalui kaedah Skim Pemaju Perumahan dengan menyediakan tapak-tapak tanah yang berpotensi untuk dimajukan. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ , mana-mana kaedah yang *viable* akan dipertimbangkan bagi pelaksanaannya apabila proses-proses tertentu siap dikemaskinikan.

Penyediaan infrastruktur. Jabatan Kerja Raya dipertanggungjawabkan bagi menyediakan prasarana dalam melaksanakan Pelan Perancangan Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam Yang Berdaya Tahan dan *Resilien* seperti jalan-jalan raya termasuk sistem saliran dan pembetungan serta pembekalan air yang teratur, *reliable* dan mencukupi.

Begitu juga dengan kerja-kerja penambahbaikan ke atas aset-aset infrastruktur seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Musim Permesyuaratan tahun lalu. Jabatan Kerja Raya sedang mengatur beberapa pelan dan kerja-kerja penyelenggaraannya mengikut keutamaan yang akan dijalankan dalam tahun kewangan ini.

Perkhidmatan air. Mengenai perkhidmatan air pula, Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya

dipertanggungjawabkan untuk mengurus bekalan air bersih di seluruh negara.

Izinkan kaola mengambil sedikit masa untuk menjelaskan mengenai masalah gangguan tekanan air rendah dan kualiti warna air bersih yang tidak memuaskan yang berlaku sejak kebelakangan ini di beberapa tempat dan kawasan terutama sekali di Daerah Brunei dan Muara dan juga usaha-usaha yang telah dan akan dibuat bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi menjamin bekalan air bersih yang berterusan di negara ini.

Kementerian ini memang menyedari masalah gangguan bekalan air yang sering terjadi ini dan amat menyesali atas permasalahan yang dihadapi dan ingin mengesyorkan kepada orang ramai bahawa pihak kerajaan sedang, akan tetap terus berusaha bagi menangani isu yang penting ini dengan seberapa segera.

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, kualiti air mentah (*raw water*) di Sungai Tutong, sejak beberapa tahun ini tidak konsisten dan kerap kali berubah menjadi warna kehitaman. Mengikut penyiasatan dan pemantauan Jabatan Perkhidmatan Air, perubahan kualiti air mentah berpunca daripada hujan berpanjangan akibat perubahan iklim yang tidak menentu menyebabkan banyak bahan organik dan tanah mengalir ke hilir sungai melalui aliran permukaan tanah iaitu *surface runoff*. Kandungan mineral ini menjadi semakin bertambah dengan adanya kemajuan tanah yang terdapat dalam kawasan tadahan air. Situasi ini memang sudah dijangkakan dan pengawalan serta pemantauan yang rapi sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya pada masa ini.

Keadaan kualiti air mentah yang mengandungi bahan organik yang berlebihan ini menyebabkan tangki-tangki penjernihan dan penapisan di Loji Penapisan air sering tersumbat ataupun *clogging* dan perlu di*flush* setiap kali. Proses *flushing* yang dibuat berulang kali ini mengakibatkan jumlah pengeluaran air berkurangan dari yang biasa. Ia juga memerlukan rawatan yang intensif dari biasa. Kekurangan pengeluaran air dari loji-loji penapisan air ini telah menjejaskan bekalan di beberapa kawasan yang berada di penghujung sistem bekalan air seperti Kampung Lumapas, Perpindahan Lambak Kanan dan juga Kampung Subok dan sekitarnya.

Usaha-usaha bagi mengatasi isu ini telah pun dilaksanakan sebelumnya oleh Jabatan Kerja Raya dengan membaiki peralatan ke atas aset pembekalan air yang terdapat di Loji Rawatan Bukit Barun. Tetapi masalah yang sama masih juga berterusan yang dapat dirumuskan bahawa loji tersebut yang sudah berusia lebih daripada 30 tahun tidak berkeupayaan untuk membersihkan keadaan air mentah yang mengandungi bahan organik yang tinggi dengan baik dan sempurna dan perlu di*upgrade*.

Untuk jangka sederhana, kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Barun sedang dilaksanakan pada masa ini. Kerja-kerja membaik pulih Loji Rawatan Air Peringkat 4 dan 5 Bukit Barun, iaitu Fasa 1 telah siap dilaksanakan dan dapat meningkatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 15% bergantung pada keadaan air mentah. Manakala Fasa 2, masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada hujung tahun ini dan akan meningkatkan kuantiti dan kualiti air yang lebih tinggi dan memuaskan.

Bagi perancangan jangka panjang pula, Jabatan Kerja Raya telah menyegerakan projek pembinaan tambahan kepada Loji Penapisan Air Bukit Barun Peringkat 8 yang diperuntukkan di bawah RKN-11 dengan Harga Rancangan sejumlah $92.0 juta. Loji ini akan direka bentuk khusus untuk membolehkan merawat keadaan air keruh akibat dari bahan organik yang tinggi dari Sungai Tutong dengan efisien dan sempurna. Projek ini mendukung strategi *water efficiency* dan kerja-kerja infrastruktur tanah dan bangunan telah bermula dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dijangka akan siap pada tahun 2025 nanti. Ia akan memberi impak positif ke atas bekalan air serta akan menjamin kualiti air bersih yang baik dan berterusan.

Dalam pada itu, Jabatan Kerja Raya terus giat melaksanakan beberapa inisiatif dengan menumpukan keutamaan kepada penduduk-penduduk kampung yang kerap terjejas seperti di Kampung Lumapas dan sekitarnya. Antaranya membaiki dan mengoperasikan semula Tangki Air Lumapas yang mengalami kerosakan dan perlu pembaikan dengan segera terutama sekali pembaikan kepada paip-paip air yang terjejas akibat tanah runtuh yang akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini, di tempat-tempat yang dulu sering terjejas bekalan air telah menunjukkan hasil yang memuaskan seperti di kawasan Lambak Kanan dan sekitarnya, kerana bekalan air pada masa ini sudah pun stabil. Begitu juga di kawasan RPN Meragang dengan kesiapan dan bermulanya operasi rangkaian *coastal pipeline* dan Tangki Air Terunjing pada tahun 2017. Bekalan air bagi Kawasan RPN Meragang dan Tanah Jambu telah meningkat dan masalah gangguan bekalan air berkurangan.

Begitu juga dengan kawasan Kampung Subuk dan sekitarnya, Jabatan Kerja Raya dalam sedikit masa lagi akan memulakan kerja-kerja pemasangan paip alternatif untuk *support* kawasan berkenaan dan termasuklah pembinaan beberapa buah tangki-tangki simpanan air yang akan memberi jaminan bekalan air yang berterusan kepada orang ramai. Inilah antara lain usaha jangka pendek, sederhana dan panjang yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan bekalan air yang sering dihadapi pada masa ini.

Di samping itu juga, kerja-kerja pemantauan tekanan air rendah (*pressure monitoring*) melalui pemasangan *flowmeter* sentiasa dibuat, termasuklah membaiki dan mengganti paip-paip lama yang menyebabkan kebocoran, kerja-kerja *flushing* untuk membersih dan membuang kotoran dari paip dan tangki-tangki simpanan air, mengganti pam-pam air serta memantau paras air di tangki-tangki utama dan menjalankan operasi penyatuan air di beberapa tangki lain pada waktu malam. Semua ini adalah bagi memastikan bekalan air dapat dibekalkan kepada orang ramai secara berterusan.

Pemantauan yang rapi juga sentiasa dibuat dan maklumat-maklumat mengenai status sistem bekalan air, keadaan sumber air di Sungai Tutong, paras tangki simpanan air dan lain-lain lagi dilakukan sebanyak tiga kali sehari sebagai indikator jika terdapat sebarang masalah mengenai bekalan air supaya tindakan-tindakan awal dapat dibuat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, menurut laporan pemantauan yang diterima sejak akhir-akhir ini, keadaan kualiti air Sungai Tutong beransur baik dan loji di Bukit Barun telah dapat meningkatkan semula pengeluarannya seperti biasa. Mudah-mudahan sajalah keadaan seperti ini akan terus berpanjangan.

Orang ramai juga sentiasa diberi maklumat mengenai gangguan air dari semasa ke semasa melalui media massa. Orang ramai diseru supaya tidak membiarkan mana-mana kebocoran paip-paip air di kawasan persekitaran rumah dan menyegerakan kerja-kerja pembaikannya. Diharapkan orang ramai akan sentiasa bersabar dalam menghadapi semua ini dan sentiasa memberikan kerjasama bagi membantu pihak kerajaan dengan mengurangkan penggunaan air dan elakkan dari pembaziran bagi kesejahteraan bersama.

Bagi memastikan sekuriti air negara ini terjamin, Kementerian Pembangunan juga telah menyediakan satu rangka kerja *Strategy Framework* melalui "*Brunei Darussalam Towards Water Security 2021/2035*" yang menjelaskan strategi dan perancangan dalam pembekalan air bersih dan berterusan dalam jangka panjang dan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. *Strategy Framework,* ini bukan sahaja akan dijadikan sebagai peta jalan dalam perancangan dan tindakan seterusnya, malahan juga boleh diguna pakai oleh pengusaha-pengusaha dalam dan luar negara sebagai rujukan dan panduan dalam merancang strategi pelaburan masa hadapan mengenai bekalan air di negara ini.

Secara *whole of government* pula, sebuah Jawatankuasa Tertinggi Penstrukturan Sektor Air (JTPSA) yang melibatkan beberapa menteri yang berkenaan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2021 bagi me*review* dan meneliti secara holistik mengenai sistem perbekalan air negara termasuk dari segi *institutional, governance, finance* dan *technical* dan isu-isu kritikal serta

meneliti infrastruktur dan aset-aset air yang ada pada masa ini. Jawatankuasa tertinggi ini juga akan meneliti dalam jangka panjang aspek-aspek pengurusan dan penjagaan sumber air negara bukan sahaja untuk bekalan air awam tapi juga untuk kegunaan industri dan pertanian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mitigasi banjir. Mengenai mitigasi banjir pula kita menghadapi keadaan suasana yang tidak menentu dan turunan hujan yang tinggi, kenaikan paras air laut serta topografi kawasan yang rendah yang menyumbang kepada kejadian banjir di beberapa tempat di negara kita. Pihak kementerian melalui Jabatan Saliran dan Pembetungan akan sentiasa berusaha secara berterusan dengan mengambil langkah-langkah dan strategik secara lebih holistik dalam memperbaiki dan menyediakan sistem saliran yang mampan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dengan adanya pelaksanaan Projek Pencegahan Banjir di kawasan dataran Sungai Tutong, iaitu pencegahan banjir di sebelah hulu Sungai Tutong dan pencecahan banjir di sebelah hilir Sungai Tutong telah berhasil dalam mengurangkan kejadian banjir seluas 4km persegi terutamanya di kawasan seperti Kampung Tanjong Maya, Kampung Lubok Pulau, Kampung Sebakit, Kampung Penapar, Kampung Ukong, Kampung Rambai dan Kampung Panchong yang seringkali mengalami banjir terutamanya musim tengkujuh.

Sejak projek-projek tersebut siap, kawasan-kawasan mudah banjir tersebut tidak lagi mengalami banjir berdasarkan rekod, pemantauan jabatan serta maklum balas positif yang diperolehi dari kaji selidik jabatan terhadap penduduk-penduduk yang terlibat.

Manakala projek pembinaan tiga buah kolam penahanan banjir di Sungai Pemadang, Sungai Tanjong Maya dan juga Sungai Bang Ligi sedang giat dilaksanakan dan akan dapat membantu mengurangkan impak banjir di beberapa tempat seperti di sebahagian Kampung Nibung, Kampung Penulud, Kampung Bukit Udal, Kampung Liulun, Kampung Nyanyag, Kampung Bangugos, Kampung Pemadang, Kampung Sungai Damit Pemadang dan Kampung Bukit. Penyiapan projek ini, diharap dapat mengurangkan kawasan banjir seluas 30 kilometer persegi.

Manakala itu, projek-projek pembaikan saliran di kawasan mudah banjir seperti kawasan Masjid Setia Ali Pekan Muara, di simpang lampu isyarat Jalan Muara Kampung Salar, Jalan Tanjung Bunut Kanan, Kampung Tanjung Bunut dan sebahagian Jalan Gadong, Kampung Jangsak yang siap baru-baru ini telah mengurangkan risiko kejadian banjir di kawasan-kawasan berkenaan.

Dengan penyiapan projek-projek ini dan dengan persediaan awal melaksanakan pembersihan sungai-sungai dan longkang-longkang kejadian banjir yang terjadi adalah pada tahap terkawal.

Prasarana jalan raya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya giat melaksanakan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan membaik pulih kepada lebuh raya, jalan-jalan raya utama, penaiktarafan dan membaik pulih jalan-jalan simpang, jalan-jalan perumahan negara dan STKRJ serta jalan-jalan daerah dan kampung di negara ini.

Ini tidak terkecuali dalam usaha pihak Kementerian Pembangunan menyediakan pembangunan infrastruktur jalan raya di kawasan-kawasan pedalaman seperti kerja-kerja menaik paras Jalan Melaboi, Kampung Bukit, Daerah Tutong yang merupakan kawasan mudah banjir dan pemeliharaan rutin pembaikan di jalan raya serta menaik taraf beberapa jambatan besi iaitu *bailey bridge* kepada jambatan konkrit.

Dalam usaha untuk menyediakan sistem perhubungan jalan raya yang selamat dan selesa serta memastikan pergerakan yang efisien di kawasan-kawasan yang berkenaan di bawah RKN-11 ini sejumlah 25 buah simpang jalan serta empat buah jalan daerah dan kampung telah dapat disiapkan. Program ini, sangat disambut baik oleh penduduk dan rakyat di negara ini, terutama sekali di kampung-kampung dan mukim-mukim pedalaman dan perancangan ini akan diteruskan dalam Rancangan Kemajuan Negara seterusnya nanti.

Di samping itu juga, projek pembinaan *flyover* di persimpangan Lebuh Raya Muara-Tutong dan Rancangan Perumahan Lugu telah siap dilaksanakan dan mula dibukakan kepada orang ramai pada 20 Februari yang lalu begitu juga pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu sedang berjalan pada masa ini.

Kerja-kerja pengurusan dan pemeliharaan jalan raya juga akan sentiasa dikendalikan secara berterusan bagi memastikan sistem jalan raya di negara ini setanding dengan sistem-sistem jalan raya antarabangsa.

Bangunan - bangunan kosong. Menyentuh mengenai bangunan-bangunan kerajaan yang kosong dan terbiar sepertimana yang telah pun dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa titah baginda Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu 2022 Masihi, isu mengenai bangunan-bangunan kosong ini harus ditangani secara holistik oleh pihak yang berkepentingan supaya aset-aset berkenaan dapat dimanfaatkan dan sekali gus untuk mengelakkan pembaziran.

Usaha-usaha ke arah ini sedang giat diusahakan bersama kementerian-kementerian yang berkenaan. Pihak kementerian telah membuat penyelarasan dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai aset yang ada

di bawah kawalan masing-masing termasuk yang tidak didaftarkan di bawah Jabatan Kerja Raya dan seterusnya untuk mendapatkan status dan perancangan bagi bangunan-bangunan yang terbiar kosong.

Mengikut penelitian yang telah dibuat, terdapat bangunan-bangunan yang kosong yang ada potensi untuk diserahkan kepada agensi yang memerlukan untuk diguna pakai seperti bekas-bekas Bangunan *HSBC*, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Banglo Keselamatan Dalam Negeri dan bekas bangunan *TelBru,* Jalan Airport Lama dan beberapa bangunan lain termasuk *flat* kediaman bagi pegawai-pegawai kerajaan yang kosong dan terbiar.

Perkara ini, sedang diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal Bangunan dan Aset Kerajaan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan bagi membaiki semula atau mengubah suai bangunan-bangunan yang masih dapat digunakan.

Sektor guna tanah dan perancangan. Dalam hala tuju perancangan guna tanah dan kawasan kemajuan di negara ini, serta bagi memastikan perancangan yang dilaksanakan dapat mendukung pembangunan yang mampan dan berdaya tahan, antara usaha yang akan dibuat adalah seperti yang berikut:

1. Mengemaskinikan beberapa garis panduan dan piawaian perancangan seperti Garis Panduan Kemajuan Hotel, Garis Panduan Perniagaan dan Garis panduan Pertanian di bawah inisiatif Jabatan Perancang Bandar dan Desa.;

2. Mengemaskinikan sistem pentadbiran tanah dan memperkenalkan sistem pembayaran atas talian bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan tanah seperti pembayaran cukai, pembayaran pentadbiran dan pendaftaran dengan menggunakan aplikasi *BIBD Payment* bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan Jabatan Tanah.; dan

3. Me*review* semula Garis Panduan Permohonan Ambil Alih Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bagi yang sudah ada rumah kediaman dan juga pelaksanaan pindaan dasar bagi proses permohonan pindah milik tanah bagi rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya pembaharuan dan inisiatif ini, diharap akan dapat mempercepatkan lagi proses permohonan dan pemudah cara orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan bagi membina rumah kediaman dan perniagaan.

Alam sekitar yang mampan. Di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan sentiasa giat dalam mengusahakan pelaksanaan-pelaksanaan, peraturan-peraturan dan undang-undang serta persyaratan-persyaratan garis panduan dengan meningkatkan usaha-usaha secara *whole of nation approach* dengan penglibatan pelbagai agensi dan orang ramai.

Beberapa inisiatif dan program ke arah mencapai alam sekitar yang mampan telah dilaksanakan pada tahun 2021 melalui tiga (3) Jawatankuasa Induk Kebersihan seperti yang berikut:

1. Melaksanakan pindaan ke atas beberapa peruntukan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil atau sekarang dipanggil sebagai Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (*Miscellaneous)* (Penggal 30). Sepertimana yang dinyatakan dalam Peringkat Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan), 2021 yang telah dikuatkuasakan mulai 29 Disember 2021, pindaan telah dibuat pada kadar denda dan denda kompaun. Kadar denda kompaun pesalah-pesalah individu dan badan-badan korporat atas kesalahan pembuangan sampah di tempat-tempat awam telah dinaikkan daripada $500.00 maksimum kepada $1,000.00 maksimum bagi individu-individu dan $2,000.00 maksimum bagi badan-badan korporat.;
2. Melaksanakan kempen-kempen kebersihan serta kempen-kempen kesedaran awam dengan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan dan *non-governmental organization (NGO's)* dan orang ramai. Sebanyak 85 kempen kebersihan dan 30 kempen kesedaran alam sekitar telah dilaksanakan pada tahun lepas.; dan

3. Meningkatkan pemantauan *(surveillance)* bagi tempat-tempat *illegal dumping* dengan memasang kamera *CCTV* di beberapa tempat yang tersembunyi. Sebanyak 10 kes pembuangan sampah yang telah pun dikenal pasti sejak bulan September yang lalu melalui *CCTV* ini, 6 kes daripadanya masih dalam siasatan.

Sekretariat Majlis Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam. Bagi mendukung dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun 2021, Majlis Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan aktif dalam sama-sama membentuk hala tuju negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim.

Majlis Kebangsaan ini diterajui oleh 4 kementerian utama, iaitu Kementerian Pembangunan, Kementerian Tenaga selaku Pengerusi Bersama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Antara inisiatif baharu yang akan diperkenalkan pada tahun ini ialah:

1. Pelancaran Protokol Hijau *(F&B)* bagi perkhidmatan kantin dan penyediaan makanan.;

2. Membangun rangka kerja institusi bagi pasaran karbon domestik (*domestic carbon trading*).; dan

3. Meneroka pelaksanaan harga karbon (*carbon pricing*).

Penglibatan belia dalam agenda perubahan iklim juga penting, kerana mereka merupakan sebahagian daripada penyelasaiannya. Sebagai salah satu inisiatif negara selaku Pengerusi *ASEAN* tahun lepas, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama *ASEAN Youth Advocates Network Brunei Darussalam* telah menganjurkan dialog belia *ASEAN* mengenai tindakan-tindakan iklim pada bulan Oktober 2021 yang salah satu *deliverables*nya ialah "*Bandar Seri Begawan Declaration on Youth Climate Action".*

Di samping itu, salah satu usaha yang akan menjadi tumpuan pada tahun 2022 ini adalah pembentukan Pusat Perubahan Iklim *ASEAN*, iaitu *ASEAN Climate Change Centre (ACCC)* yang kepakaran-kepakaran dan aktiviti-aktiviti berkaitan perubahan iklim serantau akan berpusat di Negara Brunei Darussalam. Selaku tuan rumah kepada pusat ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi tumpuan pakar-pakar perubahan iklim serantau dan juga antarabangsa nanti.

Industri pembinaan. Dalam usaha merangka perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik Industri Pembinaan yang lebih kondusif, kompeten dan berdaya tahan, pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan *(ABCi)* sedang menyediakan Buku Rangka Kerja Industri Pembinaan 2022-2035 (*Construction Industry Framework 2022-2035*) yang merangkumi keperluan seluruh negara memfokuskan kepada inovasi dan pembangunan kualiti, produktiviti dan kecekapan, urus tadbir yang resilien, rakan kongsi strategik dan khususnya ke arah pembangunan perniagaan tempatan (*local business development*) serta pembangunan industri yang berdaya tahan.

Antara usaha yang sudah dilaksanakan dalam memastikan perkembangan perniagaan tempatan tersebut ialah:

1. Saringan penilaian pendaftaran bagi permohonan Sijil Pendaftaran Kontraktor menerusi kaedah temu duga. Inisiatif ini adalah sebagai satu langkah dalam membanteras isu berkaitan dengan "syarikat ali baba" yang semakin berleluasa pada masa ini.;

2. Memperkenalkan beberapa program pemangkin *Local Business Development (LBD)* seperti program i-Usahawan dan Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan *(ACIP)* yang dijangkakan akan dilaksanakan secara berperingkat.

3. Mengeluarkan Garis Panduan Langkah-Langkah Kawalan Wabak *COVID-19* bagi industri pembinaan untuk memastikan kerja-kerja

pembangunan masih dapat diteruskan seperti biasa dalam keadaan yang selamat dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Penguatkuasaan. Dari segi tindakan penguatkuasaan, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan yang telah melaksanakan dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan bagi mengawal aktiviti di bawah bidang kuasa masing-masing seperti yang berikut:-

1. Melaksanakan peraturan kompaun di bawah Perintah Kawalan Bangunan *(ABCi).;*

2. Menjalankan Peraturan Kompaun di bawah Perintah Perancang Bandar dan Desa pada 1 Ogos 2021.;

3. Mengeluarkan surat-surat amaran atau notis kepada pemilik tanah, pemajak tanah, penghuni tanah-tanah *TOL* yang telah didapati melanggar Syarat-Syarat dan Undang-Undang Tanah termasuk mereka yang menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran.; dan

4. Mengenakan kompaun kes-kes pembuangan sampah di tempat-tempat awam, yang menjadi salah satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Dengan adanya penguatkuasaan ini, Kementerian Pembangunan yakin akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pematuhan Undang-Undang Pembinaan, Perancangan Tanah dan Kebersihan. Ia bertujuan menjaga keselamatan dalam industri pembinaan, mengurangkan risiko yang menjejaskan keselamatan orang awam dan juga untuk menjaga kebersihan dan pencemaran alam sekitar yang boleh memudaratkan kesihatan awam.

***MOD Digital Paradigm*.** Akhir sekali, dalam mendukung hasrat kerajaan ke arah *digital economy* dan *smart nation*, *MOD Digital Paradigm Framework 2020-2035* yang telah dilancarkan tahun lepas, berhasrat untuk melaratkan penggunaan teknologi dalam aspek pentadbiran, pengurusan projek-projek infrastruktur, pemantauan, kumpulan data maklumat secara *integrated* termasuk pemeliharaan aset-aset penyediaan perkhidmatan. Antara projek yang dalam pelaksanaan pada masa ini termasuklah:

1. Penggunaan *IoT* (*Drone, Sensors*) dalam pengurusan projek infrastruktur, pemantauan dan juga pemeliharaan.; dan

2. Penyediaan *MOD Portal* yang dijangkakan akan *go live* pada bulan Mac ini dan ini membolehkan orang awam memohon perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di Kementerian Pembangunan secara dalam talian.

Sekian sahaja yang dapat kaola kongsikan di Dewan yang mulia ini. Segala inisiatif dan usaha-usaha yang dinyatakan tadi, kita niatkan semata-mata kerana الله , tujuan tulus dan ikhlas Kementerian Pembangunan bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di negara ini. Dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan pendekatan *whole of nation* dengan izin الله jua kita akan terus melangkah ke hadapan untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 tercapai. Terima kasih Yang Berhomat Pengerusi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya kira penerangan daripada Yang Berhormat Menteri itu tadi mengenai hala tuju bagi Kementerian Pembangunan adalah cukup jelas dan komprehensif.

Maka saya sekarang ingin membukakan Tajuk Kementerian Pembangunan ini untuk dibahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحْيم.

Saya cuma ingin mencadangkan bagi mempersiapkan negara untuk menjadi lebih *pedestrian friendly*. Yang Berhormat pernah mengongsikan, garis panduan sudah ada untuk *pedestrian* tetapi banyak masih belum diikuti oleh para pemaju-pemaju. Malah bangunan-bangunan kerajaan sendiri untuk ke bangunan sebelah perlu menggunakan kenderaan kerana ianya kurang selamat, kurang selesa dan berhalangan untuk berjalan kaki.

Ini lebih-lebih lagi mencabar bagi warga emas, Orang Kelainan Upaya, orang mempunyai isu mobiliti seperti bertongkat serta keluarga yang membawa *stroller* untuk kanak-kanak berurusan. Isu cuaca panas atau hujan bukanlah penghalang, di beberapa negara lain perancangan pembangunan-nya dengan piawaian serta dasar-dasar yang bersesuaian untuk menginsentifkan berjalan kaki dari menggunakan kenderaan.

إِنْ شَاءَ ٱللهُ , perkara ini dapat mengupayakan lagi pembangunan sosioekonomi kita dengan orang ramai menikmati mobiliti yang lebih baik. Oleh yang demikian, disarankan pihak kementerian untuk memperkenalkan atau meningkatkan penguatkuasaan terhadap panduan-panduan bagi *building connectivity* ini mengikut piawaian-piawaian yang bersesuaian.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat.

Mengenai *pedestrian walkway.* Penyediaan cadangan kawasan bagi pejalan kaki tersebut ini memanglah diteliti di peringkat *area best planning scheming* terutama bagi kawasan-kawasan pertumbuhan seperti Skim Perancangan Kawasan Perniagaan Kampung Jaya Setia dan juga Skim Kawasan Perniagaan Sepadu di Gadong, Kiulap dan Daerah Belait.

Pada masa ini di peringkat penyelarasan kemajuan pula ada terdapat beberapa piawaian dan garis panduan perancangan tertentu yang perlu dipatuhi dalam mewujudkan persekitaran yang selamat, kondusif terutama sekali dalam menyediakan pelebaran ruang berjalan yang mencukupi dan *connected*. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang dalam usaha mengkaji semula garis panduan dan piawaian-piawaian perancangan bagi kemajuan perniagaan. Ini termasuklah juga mengkaji semula piawaian ruang pejalan kaki atau *pedestrian walkway* di kawasan-kawasan laluan pejalan kaki *interconnectivity* antara bangunan dan juga menggalakkan laluan pejalan kaki yang kondusif, *connective*, selamat dan juga mesra pengguna serta pendekatan optimum bagi penyediaan kawasan-kawasan letak kereta.

Perkara ini memanglah juga untuk keperluan dan kepentingan serta keselamatan orang ramai dan usaha-usaha akan diteruskan dan ianya memerlukan usaha serta kolaborasi sepadu antara pihak kerajaan dengan pihak swasta, terutama sekali para pemaju dan pemilik-pemilik tanah dalam sama-sama mengambil kira keperluan yang bersesuaian terutama sekali di kawasan perniagaan, perumahan dan kawasan-kawasan lain terutama sekali di kawasan pusat bandar.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Kaola membawa di bawah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Apakah hasil sampingan *refinery* minyak mentah kita dapat menghasilkan *asphalt* (minyak asfalt) yang mencukupi bagi pengunaan domestik? Sekarang syarikat *refinery* Negara Brunei Dasrussalam juga bertambah sesudah adanya Projek Pulau Muara Besar, Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. Apakah syarikat ini juga

menyediakan bekalan asfalt untuk kegunaan domestik?

Adakah pihak kementerian merancang untuk meningkatkan teknologi penurapan jalan raya yang mempunyai daya serap air untuk mengelakkan takungan air pada musim hujan?
Sekian, terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan penghasilan untuk dijual di pasaran yang telah pun masa ini diproses di syarikat berkenaan.

Pada masa ini, setahu kaola Hengyi belum menghasilkan untuk jualan asfalt jalan raya. إِنْ شَاءَ ٱللهُ akan di*suggest* kepada pihak berkenaan jika ia bersesuaian dan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah pun mengusahakan teknologi daya serap ataupun *porous asphalt* di negara ini kalau tidak silap pada tahun 2013 sebelum Persidangan *ASEAN Summit ke-23* di Negara Brunei Darussalam.

Jalan-jalan yang telah pun diturap dengan teknologi *stone mastic asphalt* sebenarnya *(SMA)* ataupun porous asfalt ini seperti di kawasan Lebuh Raya Tungku, jalan-jalan di kawasan pusat bandar dan jalan-jalan Pekan Muara. Teknologi ini berpandukan kepada piawaian antarabangsa yang pihak Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia yang telah membuat projek-projek ini dan إِنْ شَاءَ ٱللهُ teknologi ini juga akan diteruskan di negara ini dengan mengambil kira keberkesanannya.

Cuma satu perkara yang kita perlu teliti bahawa penggunaan aspek *stone mastic asphalt* ini ataupun *porous asphalt* ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan juga *maintenance* yang *proper* kos kerana ia memerlukan satu *drainage system* yang komprehensif dan apabila perkara ini tidak terjadi ia juga akan menyebabkan jalan raya akan banjir dan sebagainya.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Behormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun: Kaola akan menyampaikan satu soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mengambil maklum akan rancangan-rancangan kemajuan yang sedang disediakan oleh Kementerian Pembangunan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 terutamanya dalam aspek penyediaan infrastruktur dan kita juga sedia maklum akan keadaan ekonomi negara pada masa ini sudah setentunya akan terdapat beberapa projek tidak dapat dilaksanakan mengikut masa dan program yang telah diharapkan.

Memandangkan perkara ini berkait rapat dengan Wawasan Brunei 2035, sukacita ingin melepaskan pandangan Yang Berhormat mengenainya.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Behormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat. Satu pandangan yang mungkin juga perlu dikongsikan mengenai cabaran-cabaran kitani dalam melaksanakan Rancangan Kemajuan Negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kementerian Pembangunan berserta dengan kementerian-kementerian lain giat merancang projek-projek pembangunan bagi merancang Rancangan Kemajuan Negara ke-12 nanti yang akan bermula pada 2023. Rancangan-rancangan kemajuan yang akan disediakan oleh Kementerian Pembangunan seperti yang kaola nyatakan tadi "Mendukung Wawasan Brunei 2035" termasuklah bagi rancangan-rancangan RKN seterusnya dari aspek penyediaan infrastruktur dan pelaksanaan projek ini akan diteliti, dinilai dari segi keutamaan, keperluan, prioriti dan juga tertakluk kepada keadaan ekonomi dan fiskal negara kitani.

Untuk menangani masalah ini, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya memang ada melaksanakan beberapa inisiatif seperti melaksanakan projek-projek yang benar-benar perlu sahaja yang dapat menampakkan impak kepada orang ramai dan juga memastikan aset-aset yang sedia ada dipelihara beroperasi dengan sebaiknya supaya mengurangkan keperluan bagi penggantian dan juga menerokai keadaan dan teknologi baharu bagi meningkatkan lagi produktiviti keberkesanan perkhidmatan dan pelaksanaan projek. Ini termasuklah menggunakan *smart devices*, *IT* dan sebagainya seperti yang kaola nyatakan tadi dalam mukadimah kaola.

Projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut program yang dirancang akan dilaksanakan secara berperingkat dan juga berfasa dengan mengoptimumkan peruntukan yang telah pun disediakan dan untuk makluman projek-projek infrastruktur dan perumahan pada masa ini yang berjalan dengan lancar walaupun tidak dinafikan bahawa projek-projek pembinaan terjejas memandangkan kebanyakan peralatan dan barangan yang akan datang dari luar negara dan masalah logistik yang *affecting* seluruh dunia telah pun menyebabkan kelambatan penghantaran barangan.

Di samping itu jua, masalah pekerja asing terutama sekali disebabkan oleh wabak *COVID-19* pada masa ini turut menjejaskan projek-projek. Dalam hal ini Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan cuba sedaya upaya untuk memastikan apa juga kelambatan yang dapat dikurangkan.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara-perkara ini akan ditangani dengan sebaik-baiknya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ . Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola akan membawa satu perkara sahaja Yang Berhormat Pengerusi iaitu mengenai Pembangunan Usahawan Tempatan *(LBD).*

Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada menyebutkan *LBD* dalam mukadimahnya tadi. Terima kasih atas usaha-usaha yang telah digariskan dalam menjayakan *LBD*. Untuk memajukan lagi ke hadapan bagi usaha-usaha kitani ke arah ini, dicadangkan satu unit khas iaitu Unit Pembangunan Usahawan Tempatan akan dapat ditubuhkan di Kementerian Pembangunan untuk lebih fokus dalam menjayakan usaha membangun usahawan tempatan.

Perkara ini telah pun pernah dibuat pada ketika dulu yang ketika itu telah banyak mengeluarkan banyak usahawan-usahawan baharu dan telah berjaya mengendalikan projek-projek yang bernilai berjuta-juta ringgit pada ketika itu.

Sebagai contoh juga yang dibuat oleh Kementerian Tenaga *(Energy)* iaitu penubuhan i-Usahawan juga menunjukkan dalam membangun urusan belia dan telah pun mendapat projek bernilai berjuta-juta ringgit.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan satu cadangan untuk menubuhkan satu unit Pembangunan Usahawanan Tempatan. Perkara ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diteliti lagi semula oleh Kementerian Pembangunan, satu cadangan yang baik bagi meningkatkan lagi produktiviti pengusaha-pengusaha tempatan lagi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola juga ingin menambah ke atas pertanyaan sama kepada cadangan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, cuba meminta pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan pencapaian *LDB* pada masa ini kerana

dalam Dasar Kerja Kementerian Pembangunan tahapnya untuk dicapai pada Disember 2023. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan soalan dari Yang Berhormat itu perancangan bagi mendukung *Local Business Development* (*LBD)* negara kitani*,* jabatan-jabatan yang berkenaan telah membuat inisiatif-inisiatif untuk menaik taraf atau mendukung *LBD* ini.

Dari statistik yang telah didapati pada masa ini sebanyak 201 syarikat ditemu duga. Temu duga telah pun dijalankan bagi pendaftaran baharu dari syarikat tempatan dan dari jumlah tersebut hanya sebanyak 143 syarikat yang berjaya lulus dalam pendaftaran mengikut kriteria yang telah pun ditetapkan.

Pihak *ABCi* seperti yang kaola nyatakan tadi memperkenalkan keperluan bagi setiap pemilik syarikat pemohon baharu bagi menduduki sesi ujian bertulis sebelum diteruskan ke sesi temu duga bagi tambahan kepada tapisan kelayakan dan pemastian keterlibatan pemilik tempatan dalam syarikat adalah yang tulen dan dipercayai.

Pada masa ini, bahagian Kementerian Pembangunan *ABCi*, sedang giat mengadakan inisiatif program bagi mempertingkatkan penggunaan produk-produk bahan pembinaan buatan tempatan dan juga untuk mengadakan pemberigaan bagi produk bahan binaan tempatan melalui kursus-kursus yang telah pun dilaksanakan sebelum ini.

Di samping itu juga, terdapat beberapa inisiatif berkaitan produk bahan binaan buatan tempatan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan seperti penggunaan pintu-pintu buatan tempatan bagi Projek Kampung Lugu Fasa 2 dan Perumahan Kampung Tanah Jambu Fasa 7 di bawah pengendalian Jabatan Perumahan yang dibekalkan oleh syarikat tempatan iaitu *TS Work Sendirian Berhad* sebagai pembekal tempatan sebanyak 10,000 unit pintu.

Secara keseluruhan penglibatan tempatan dalam semua kelas pendaftaran akan turut dipantau selaras dengan keperluan *LBD Circular* Kementerian Pembangunan. Penilaian ini akan dibuat melalui *Contractor Scoring Assesement (CSA).*

Mengenai keperluan pengambilan pekerja-pekerja asing dalam industri, pembinaan adalah satu cabaran dengan Kementerian Pembangunan pada masa ini bekerjasama dengan Jabatan Buruh dan pihak *ABCi* dalam mengenal pasti kaedah ataupun cara permohonan pengambilan Lesen Pekerja Asing *(LPA),* iaitu pembina hendaklah menghadapkan salinan kebenaran memulakan kemajuan Borang 'C' yang telah diluluskan oleh *ABCi* selain berdaftar sebagai pembina.

Selain itu, terdapat juga inisiatif *Foreign Worker Replacement Programme* ke arah usaha untuk menawarkan pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Dalam

masa yang sama pengawalan keperluan tenaga pekerja asing. Itulah sahaja langkah untuk mengemas kini mengenai usaha-usaha terlibat bagi mendukung *Local Business Development* di negara kitani.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم. Kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang sangat jelas dan komprehensif sebentar tadi.

Dalam Tajuk Kementerian Pembangunan ini kaola bercakap di bawah Tajuk SK07A - Jabatan Ukur dengan jumlah peruntukan $13,442,110.00. Antara peranan Jabatan Ukur adalah mengumpul dan menyediakan data geografi bagi perancangan dan pembangunan negara. Data-data tersebut termasuklah lot-lot tanah, pemilik tanah, fotograpi, tapak-tapak tanah, ganti bawa tanah, ganti tanah dan lain-lain.

Terlalu banyak untuk dikumpulkan dan untuk dipedulikan. Maka kesannya mungkin melambatkan membuat perancangan dan keputusan bagi pembangunan negara terutama dalam pengambilan dan pengumpulan data yang berlapis-lapis dan sudah tentu perkara ini memerlukan kos yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, apakah mekanisme atau usaha terkini agar perkhidmatan kepada orang ramai dan setiap permohonan dapat dilaksanakan dengan cepat dan menjimatkan kos pihak kerajaan. Selain itu dalam keadaan terkawal dan selamat dan jika terjadi sesuatu keterlambatan agar orang ramai dapat memahaminya.

Sekian soalan kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat mengenai Jabatan Ukur.

1. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ melalui peruntukan RKN-11 iaitu melalui "Projek *Aerial Photograpy, Airborne LiDAR Acquisition and Geospatial Mapping of Brunei Darussalam"* telah pun diluluskan dan dibenarkan.

   إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ ia akan membantu setiap pihak di dalam pelaksanaan perancangan negara. Data-data geografi ini akan dikongsikan dengan kementerian-kementerian dan jabatan - jabatan agar dapat sama-sama digunakan bagi pembangunan negara dan penyelidikan. Selain itu, menggalakkan pihak berkenaan untuk berkongsi sama data-data dan maklumat-maklumat yang ada untuk penggunaan dan kebaikan bersama.

Bagi mekanisme pengawalannya dan usaha yang terkini, melalui Jawatankuasa Keselamatan Peraturan Pengeluaran Peta (JKPPP) yang mana dipengerusikan oleh Juruukur Agung dan ahli-ahli yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan. Jawatankuasa ini mengawal pengeluaran peta dan data digital mengikut panduan keselamatan dan peraturan pembekalan peta dan bahan *imaging* diri. Permohonan data pengawalan perlu mendapatkan kebenaran daripada Juruukur Agung dan jika diberi kebenaran permohonan hendaklah dikehendaki untuk menandatangani borang *OSA 3 Official Secret Act*.

Dalam pengumpulan data-data *geoportal special* di negara ini, Jabatan Ukur telah pun menyediakan satu platfom iaitu *Geoportal* Ukur yang mana boleh diakses oleh semua agensi kerajaan dan orang ramai.

Pihak kerajaan dan agensi yang berkepentingan bolehlah membuat perancangan projek-projek kerajaan dengan membuat keputusan dengan lebih cepat dan mudah. Antara usaha Jabatan Ukur menambah baik perkhidmatan ini antaranya ialah menyediakan aplikasi mudah alih iaitu *Geoportal Mobile App* yang membolehkan orang ramai akses dengan mudah melalui telefon pintar, selain juga boleh diakses secara konvensional dengan menggunakan komputer.;

2. Menambahkan rangkaian *Continously Operating Reference Station (CORS)* bagi membantu pengukuran lebih cepat dan tepat melalui projek RKN: *Upgrading and Densitication of CORS (CORS).;*

3. Menggunakan *drone mapping* bagi mengemaskinikan beberapa kawasan yang dikenal pasti dalam usaha pihak Jabatan Ukur untuk diperkembangkan lagi selaras dengan amalan terbaik di rantau ini mahupun antarabangsa.; dan

4. Kongsi sama data-data kecuali data-data *restricted* dalam *geoportal* dan juga sebagai alternatif kepada data-data ukur yang tidak dikemaskinikan, dan penggunaan peta lapis atau *base map* yang diperolehi secara *outsource* sedikit sebanyak telah dapat menunjukkan keberkesanan dan mempelbagaikan penggunaan peta.

Ini juga, membolehkan agensi swasta dan orang ramai untuk melaksanakan pembelian pelan *CP,* lembaran *ISO* ukur dan maklumat sistem *geodetic* secara dalam talian melalui aplikasi *Geoportal* Ukur. Sentiasa mengenai produk yang sangat diperlukan oleh agensi-agensi dan orang awam seperti Buku Mukim Kampung dan Buku Air Pasang.

Penswastaan sebahagian besar kerja-kerja pengukuran, pengambilan balik

tanah termasuklah juga *trographical survey* yang akan disiapkan dengan lebih cepat dan juga membuat perancangan untuk memperbaiki lagi dalam kaedah penghantaran dan pemprosesan kerja pengukuran secara digital dalam RKN-12 nanti إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Seperti taklimat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam Perancangan Strategik Perumahan Awam Negara beberapa perubahan pembinaan tanah telah dibuat. Dalam hubungan ini, kaola menyentuh di bawah Tajuk - SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan.

Kaola difahamkan permohonan bagi orang masih muda atau bujang yang berumur 35 tahun, permohonan mereka belumlah layak untuk dipertimbangkan. Pertanyaan kaola, adakah inisiatif dari pihak berkenaan bagi mewujudkan Skim Permohonan Golongan Belia atau Belia Masih Bujang?

Seterusnya, kaola memohon pencerahan adakah pihak berkenaan mempunyai inisiatif atau rancangan bagi membina rumah bagi golongan yang berpendapatan rendah yang tinggal di rumah-rumah tidak layak atau tidak mempunyai rumah sendiri, tetapi memiliki tanah dengan syarat yang cukup untuk membina rumah termasuk juga kepada mereka yang mempunyai tanah sendiri tetapi tidak mampu mendirikan rumah agar diberikan subsidi skim perumahan sedia ada.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat mengenai inisiatif perumahan dalam Skim Golongan Belia ataupun Belia Yang Masih Bujang ini barangkali menjawabnya antara syarat permohonan untuk mendapatkan rumah di bawah Skim Perumahan Negara ialah pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas, satu persyaratan.

Juga pemohon bujang yang berumur di bawah 35 tahun melebihi syarat umur kelayakan iaitu 18 tahun dan adalah dipertimbangkan untuk mendapat rumah di bawah Skim Perumahan Negara sendirinya. Permohonan juga tertakluk kepada persyaratan yang lain iaitu pemohon hendaklah mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya $445 hingga $3,030 sebulan dan pemohon atau isteri pemohon atau suami

pemohon hendaklah tidak mempunyai tanah bergeran.

Walau bagaimanapun dalam pemberian rumah-rumah seperti ini. Kementerian telah pun mengutamakan permohonan yang berumah tangga dan mempunyai tanggungan. Oleh itu, pemohon bujang, permohonan orang-orang belum kahwin tetapi ada tanggungan masih diberi keutamaan.

Pada masa ini, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan belum ada Skim Perumahan Golongan Belia dan Belia Masih Bujang. Jika pemohon mempunyai tanah bergeran walaupun ia layak dari segi umur dan pendapatan ia dengan sendirinya adalah tidak layak untuk memohon mendapat rumah di bawah Skim Perumahan Negara.

Dalam hal ini, terdapat skim-skim lain di bawah Majlis Ugama Islam Brunei dan juga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menghulurkan bantuan bagi permohonan yang mempunyai tanah tetapi tidak mampu untuk membina rumah sendiri. Permohonan-permohonan hendaklah mempunyai kriteria kelayakan di bawah setiap agensi yang memberikan bantuan tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi terima kasih yang setinggi-tingginya atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه dalam kesempatan ini kaola merakamkan ucapan penghargaan dan mewakili rakyat dan penduduk Zon 2, Daerah Brunei dan Muara menyampaikan ucapan terima kasih atas terbinanya lebuh raya dan lampu isyarat trafik Kampung Mentiri. Projek ini telah dapat mengatasi kesesakan lalu lintas yang sebelum ini keadaan laluan begitu sesak dengan kenderaan terutama di sebelah pagi, tengah hari dan petang.

Yang Berhormat Pengerusi. Lampu isyarat di Kampung Sungai Buluh dan Kampung Salar serta Masjid Setia Ali sebelum ini mengalami kebanjiran. Sekarang tidak lagi mengalami banjir dan selamat digunakan. Begitu juga dengan jalan raya Kampung Serasa, Kampung Sabun dan Jalan Perusahaan telah dapat dinikmati oleh masyarakat dan pendudukan kawasan Muara.

Keprihatinan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mengatasi perkara ini amat kami hargai. Sikap pemedulian beginilah perlu ada pada pemimpin kerana siapa lagi yang perlu mendengar suara rakyat kalau bukan kitani.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk menyampaikan sebuah pantun kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

Dari Mentiri pergi Serasa,
Singgah membeli Si Buah Pala,
Dato berbudi kita merasa,
Ke hadrat ﷲ dipohonkan pahala.

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola ingin menyentuh mengenai di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan yang diberikan peruntukan $14,072,570.00 dalam Skim Rancangan Perumahan Negara untuk dikurniakan kepada rakyat dan penduduk yang tidak memiliki tanah bergeran. Kegagalan membuat pembayaran balik mungkin menjadi isu atau fenomena yang menimbulkan masalah pihak kerajaan.

   Kaola ingin bertanya tahun-tahun mendatang, pemohon skim terdiri daripada yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta yang mendapatkan gaji bulanannya melalui skim TAP dan pencen umur tua, selain pembayaran perumahan juga, pendapatan tersebut untuk mengimbangi perbelanjaan keluarga dan lain-lain. Merujuk senario di atas bagaimana dan apa perancangan pihak kerajaan bagi pembayaran balik ini tidak terlalu terjejas.;

2. Kaola ingin menyentuh lagi di bawah Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan dengan perbelanjaan peruntukan yang disediakan sebanyak $17,756,210.00.

   Mengenai Perkhidmatan Air Bersih. Walau bagaimanapun, kitani masih menerima bekalan air yang kurang bersih iaitu kekuningan dan lain-lain. Kaola bertanya apakah langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan air bersih yang sepatutnya di Negara Brunei Darussalam dan terdapat syarikat-syarikat tempatan mengilangkan dan membotolkan minuman seperti air *mineral water*, bolehkah pihak berkenaan memberikan komen mengenai kualiti standard mengenainya? dan

3. Jabatan Buruh menghendaki salinan surat Sijil *OP* yang telah dikeluarkan sama ada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau Jabatan Tanah. Apabila sebuah syarikat hendak memberi lesen pekerja syarikat-syarikat menyewa rumah-rumah persendirian, untuk menempatkan pekerja sebagai tempat tinggal dan yang menjadi keresahan dan kesusahan kepada pemilik rumah ialah untuk mendapatkan Sijil *OP*, yang dimaksudkan kerana Sijil *OP* tersebut tidak ada simpanan tuan punya rumah dan hilang kerana kebanyakan rumah-rumah tersebut sudah pun berusia lebih sepuluh tahun.

Tuan punya rumah dinasihatkan mendapatkan dari jabatan berkenaan, seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau Jabatan Tanah. Tertakluk kawalan kemajuan, jika Sijil *OP* juga tidak ada dalam simpanan jabatan berkenaan maka Jabatan Buruh menghendaki tuan punya rumah untuk *engage* arkitek bagi proses pengeluaran *OP*. Sehubungan dengan itu, dapatkah jabatan berkenaan mencari jalan yang bijaksana untuk menyelesaikan isu mendapatkan Sijil *OP* ini tanpa *engage* arkitek.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, pada Yang Berhormat mengenai dengan projek-projek yang telah pun dilaksanakan, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ mendapat sokongan anak buah kampung di sana dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ Jabatan Kerja Raya akan terus berusaha.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan sudah menerangkan dalam mukadimah dengan panjang lebar dan tidaklah perlu dijawab. Nampaknya Yang Berhormat mereka bertanya yang sudah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi dalam mukadimah tadi.

Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Ada dua soalan yang mungkin kaola jawab sudah mengenai air, barangkali kaola sudah sampaikan tadi dengan lebih jelas mengenai air kekuningan. Mengenai soalan pertama itu tadi Skim Perumahan Negara.

Skim Perumahan Negara. Kegagalan membuat pembayaran balik ataupun tertunggak adalah menjadi isu. Memang menjadi kewajipan dan tanggungjawab semua pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara untuk membuat pembayaran balik perumahan secara konsisten sepertimana yang dipersetujui dalam perjanjian pemilik tersebut dengan pihak kerajaan semasa peruntukan rumah berkenaan. Komitmen untuk membayar balik dan melunaskan pembayaran rumah juga perlu diberikan kepentingan dan keutamaan oleh pemilik-pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara sama seperti pengurusan perbelanjaan keluarga sepertimana juga perbelanjaan kemampuan mereka yang lain.

Ke arah memantapkan lagi usaha-usaha kutipan yang lebih berkesan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan secara berterusan mengeluarkan surat-surat notis peringatan tuntutan-tuntutan kepada pemilik rumah berserta penjamin di bawah Skim Perumahan Negara dengan hasrat pemilik rumah mengetahui status pembayaran mereka seperti jumlah yang telah dibayar, baki pembayaran dan jumlah tunggakan jika ada yang perlu dilunaskan, bagi

membolehkan mereka membuat pembayaran.

Selain itu, pembayaran melalui potongan gaji secara bulanan, pembayaran melalui kaunter pembayaran dan juga secara *online* melalui *One Common Biling System* (*OCBS)*, juga antara kemudahan dan platform yang disediakan bagi memudahkan pemilik membuat pembayaran balik perumahan.

Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Perumahan juga sentiasa mencari pendekatan yang lebih proaktif dan juga lebih berkesan dalam menangani isu tunggakan ini, yang menjurus kepada usaha ke arah mempertingkatkan kepekaan dan kesedaran awam khususnya pemohon-pemohon dan pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara dijalankan untuk melaksanakan pembayaran balik. Usaha untuk menggalakkan pemohon mengamalkan budaya tabiat menabung seawal-awalnya sebagai persediaan bagi mendapatkan rumah pada hari kemudian.

Soalan Sijil Pengeluaran *OP* yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Tanah. Untuk makluman *OP* ataupun *Occupational Permit* adalah sijil persiapan kemajuan yang dikawal Perintah Kawalan Bangunan 2014, yang dikeluarkan bagi pembinaan bermula pada 2016.

Manakala bagi pembinaan sebelum 2016, pengesahan persiapan bangunan telah pun dikeluarkan oleh beberapa jabatan yang mengawal kemajuan iaitu Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan pihak Autoriti Kawalan Kemajuan ataupun juga Jabatan Bandaran tertakluk kepada tahun dan kawasan. Dalam menyelesaikan kehendak keperluan Jabatan Buruh ini iaitu pembinaan bangunan yang dilaksanakan sebelum 2016. Bangunan-bangunan komersial, perindustrian perumahan, jenis *apartment*, *workup Flat* yang sedia ada yang boleh mendapatkan sijil pengesahan bangunan sahaja.

Dengan mempunyai sijil *Fire Certificate* dari Jabatan Bomba dan Penyelamat yang sah dan salinan jadual penyelenggaraan bangunan (*building maintenance schedule)*, bagi memastikan bangunan tersebut selamat dan sentiasa terjaga. Pihak *ABCi* juga mengeluarkan *pre-assement* ke atas bangunan bagi mengenal pasti sama ada pemilik bangunan perlu menjalankan *periodic inspection* ataupun sebaliknya atau melantik jurutera profesional ataupun yang berdaftar.

Bagi rumah-rumah persendirian pula pemilik tanah ataupun pemilik bangunan hendaklah membuat pengakuan yang rumah tersebut dalam keadaan yang baik dan tidak ada sebarang ubah suai, tambahan ataupun yang pernah dilaksanakan serta tidak terkeluar daripada garisan bangunan yang dikuat kuasa oleh autoriti pihak perancang pada

tahun pembinaannya. Itu sahaja barangkali yang dapat kaola jawab pada masa ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Apakah perancangan jangka panjang bagi pengurusan sampah di negara ini? Di samping itu, saya ingin mencadangkan pengumpulan sampah kitar semula secara sistematik dapat dibuat di kawasan Rancangan Perumahan Negara. Ini memandangkan reka bentuk kawasan perumahan praktikal bagi syarikat kitar semula untuk membuat pengumpulan kitar semula seminggu sekali dalam setiap rumah seperti yang dibuat di negara lain. Pengitaran semula di sektor kerajaan juga dapat dibuat secara berfasa bermula dengan kertas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soalan perancangan jangka panjang bagi pengurusan sampah di negara ini. Pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan, sentiasa berusaha melalui pelaksanaan beberapa kaedah dari pelbagai sudut untuk menangani isu-isu kebersihan.

Antaranya ialah menyediakan peraturan dan perundangan persyaratan dan garis panduan secara *whole of nation approach* dengan kerjasama dan penglibatan kegiatan pelbagai pihak melalui agensi, orang ramai dan akan sentiasa dipertingkatkan.

Penyediaan-penyediaan fasiliti dan sistem pengurusan sampah bagi kegunaan orang ramai mencukupi dan juga program-program kesedaran awam dan pembelajaran dari awal sekolah bagi peringkat kanak-kanak akan sentiasa dilaksanakan dan dipantau keberkesanannya. Usaha untuk mengatasi masalah sisa pembuangan sampah yang dihadapi demi membaiki lagi pengurusan pembuangan sampah dan melindungi alam sekitar di negara ini tetap diteruskan. Untuk jangka panjang, Kementerian Pembangunan melalui JASTRe telah menggubal beberapa peraturan termasuklah Peraturan Sisa Pepejal (*Solid Waste Management Regulation)* di bawah Perintah Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar 2016 *(Protection and Management Order 2016)*.

Dari segi pemantauan pula pihak Kementerian Pembangunan melalui JASTRe telah pun memasang beberapa unit *CCTV* di lokasi strategik bertujuan membanteras aktiviti pembuangan sampah seperti yang kaola sampaikan

tadi dalam mukadimah. Pihak kementerian juga telah menerokai teknologi-teknologi moden dan terkini dan diharap akan dapat dilaksanakan. Antaranya ialah Projek Pembersihan Sungai Brunei yang akan menggunakan bot-bot yang berkeupayaan tinggi dan moden dan juga penubuhan loji *Incenerator Unit Waste Energy* yang masih lagi dalam penelitian pada masa ini.

Sementara itu, bagi mempertingkatkan kadar kitar semula di negara ini, pihak Kementerian Pembangunan melalui JASTRe akan meneroka kaedah yang dipikirkan sesuai dengan sistem pengurusan sampah di negara kitani. Jika sekiranya kitar semula merupakan kaedah yang praktikal dan berpusat pengumpulan yang sistematik akan diperkenalkan termasuklah di kawasan-kawasan perumahan dan cadangan untuk mengumpul semula kitar semula di kawasan perumahan itu cadangan yang disambut baik oleh Kementerian Pembangunan dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diusahakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah sudah kita berbincang mengenai dengan Tajuk Kementerian Pembangunan ini dan tibalah pula masanya bagi tajuk ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita luluskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup sekian kita bersidang pada pagi ini. Saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada sebelah petang ini mulai pukul 2.30 petang إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita dapat bersidang semula pada petang ini bagi menyambung perbincangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka, bagi membolehkan kita membincangkan dan duduk bersama-sama dalam Mesyuarat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 satu per satu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah berjaya meluluskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pembangunan. Saya harap pada petang ini kita akan meluluskan beberapa tajuk kementerian-kementerian yang lain lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada menerima permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya kementeriannya akan dapat dahulu dibincangkan di Peringkat Jawatankuasa ini. Maka saya kira berpatutan keizinan diberikan bagi mendahulukan Kementerian Kesihatan.

Yang Dimuliakan Jururutulis: Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Tajuk Kementerian Kesihatan. Sebelum Belanjawan Kementerian Kesihatan ini dibukakan untuk dibahaskan sepertimana lazimnya, saya ingin memberikan laluan pada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan mukadimahnya tentang hala tuju penyediaan belanjawan bagi kementeriannya itu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ
عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul pada hari ini iaitu Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2022 bersamaan 1443. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kini sudah menjangkau hampir 2 tahun berdepan dengan situasi wabak *COVID-19* yang masih saja memberi kesan terhadap kehidupan seharian masyarakat Negara Brunei Darussalam. Kita telah pun menyaksikan sendiri bahawa wabak *COVID-19* bukan sahaja telah menjejaskan tahap kesihatan global bahkan juga telah membantutkan ekonomi dan pembangunan sosial, mencabar kestabilan politik malah melumpuhkan pertahanan keselamatan di sesetengah negara di dunia. Jika keadaan ini berterusan, tentu sahaja ia memberi ancaman yang besar terhadap kemakmuran, kesejahteraan dan keselamatan di negara kita yang tercinta ini khususnya dan di seluruh dunia amnya.

Namun, kita reda sebagaimana pemimpin negara kita reda dengan ketentuan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ supaya tiada upaya kita sebagai manusia untuk mengatasi ketetapan dan kehendak-Nya sepertimana titah perutusan khas baginda pada 11 Disember 2021:

"Kita menyempurnakan tanggungjawab dengan ikhtiar dan tawakal. Inilah dua bentuk usaha yang menjadi kunci kejayaan kita mencapai apa yang dihasratkan."

Begitu juga firman أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah An-Nahl ayat 42 yang kira-kira bermaksud:

"Iaitu orang-orang yang sabar dan hanya kepada Tuhan saja mereka bertawakal."

Rangka Kerja Pemulihan (*Recovery Framework*) kepada kehidupan norma baharu perlu dilaksanakan sebaik mungkin kerana ia telah pun disusun dengan penuh berhati-hati demi memelihara kesejahteraan negara dan rakyat serta penduduk di negara ini. Begitu juga dengan perancangan-perancangan yang telah pun kita atur sebelumnya supaya tidak jauh tersasar atau tersimpang akibat wabak *COVID-19*. Sokongan dan kerjasama dari semua pihak terus kita harapkan sebagaimana kita telah pun bersatu padu dan berganding bahu secara *whole of nation semasa* menangani wabak dari gelombang pertama lagi. Kini kita telah memasuki fasa endemik dan sepertimana yang dijangkakan, penurunan sepenuhnya kes-kes jangkitan tidak akan dapat dipastikan selagi wabak *COVID-19* masih lagi berlegar di seluruh muka bumi Negara Brunei Darussalam.

Maka kita harus meneruskan perjuangan dengan berpandangan ke hadapan dan menumpukan perhatian kepada usaha untuk memulihkan ekonomi dan mengembalikan semula norma kehidupan mesyarakat yang tidak mampu kita laksanakan sebelum ini seperti keperluan pekerjaan, persekolahan, keselesaan beribadat di masjid-masjid, aktiviti perekonomian dan riadah yang bukan sahaja telah mendatangkan kepayahan dalam menjalani rutin kehidupan harian, malah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kesejahteraan mental dan fizikal orang ramai.

Pengukuhan semula sistem kesihatan yang terjejas akibat kesihatan yang terjejas akibat wabak *COVID-19* akan menjadi fokus utama Kementerian Kesihatan kerana ia adalah tonggak kepada kelangsungan perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan sepanjang hayat. Oleh itu, fokus Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 ialah akan penekanan semula dan penambahbaikan nilai-nilai utama dan aktiviti utama *(core business)* Kementerian Kesihatan yang merangkumi aspek-aspek rawatan pesakit, pencegahan penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, dan penyampaian perkhidmatan perubatan terbaik kepada orang ramai selaras dengan pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019/2023.

Tema Belanjawan Tahun Kewangan 2022-2023 ialah "Sistem Kesihatan Yang Dinamik dan Resilien*".* Untuk mencapai hasrat berkenaan keutamaan kepada perkara-perkara yang berikut akan ditumpukan:

1. Penyampaian perkhidmatan perubatan yang terbaik, profesional dan berdaya tahan. Ini termasuklah membuat pelaburan yang lebih strategik dalam pembangunan kapasiti, profesionalisme dan kemahiran di Kementerian Kesihatan bukan sahaja dalam kalangan kakitangan perubatan malahan dalam bidang perkhidmatan dukungan, pengurusan dan kewangan bagi memastikan ketelusan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.;

2. Menitikberatkan kepada inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan pencegahan awal khususnya Program Saringan Bagi Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit.;

3. Memastikan keberkesanan penggunaan sumber atau aset yang efisien termasuklah perbelanjaan yang lebih berhemah, pengunaan infrastruktur yang sedia ada dengan memberikan keutamaan kepada pemuliharaannya dan pemeliharaan peralatan-peralatan perubatan mengikut jangka masa yang sepatutnya. Ini juga termasuk meningkatkan kolaborasi dengan pihak-pihak swasta melalui penyumberluaran perkhidmatan dan melalui *public private partnership.;*

4. Menerapkan inovasi dalam pemberian perkhidmatan dan mengambil faedah daripada perkembangan teknologi perubatan dalam era Revolusi Industri 4.0 dan menyejajarkannya dengan *Digital Economy Master Plan.* Perkembangan penggunaan *Artificial Intelligence*, aplikasi mudah alih *(mobile application)* seperti *BruHealth*, *video consultation* dan penggunaan media sosial dalam penyampaian perkhidmatan dan maklumat akan terus dikembangkan.;

5. Memberikan keutamaan kepada usaha-usaha bagi menangani isu-isu kesihatan mental.; dan

6. Menyumbang kepada meningkatkan hasil kerajaan melalui pengurusan pengutipan hasil yang lebih cekap dan secara berterusan dan meneliti kos-kos perubatan agar mengurangkan subsidi kerajaan kepada pekerja-pekerja asing yang sudah sepatutnya diliputi dengan insurans kesihatan mandatori.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ peruntukan keseluruhan Tahun Kewangan 2022/2023 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan menunjukkan peningkatan sebanyak 1.2 % iaitu $391,937,883.00 berbanding pada tahun 2021/2022 iaitu berjumlah $387,211,117.00. Sebahagian besar peruntukan adalah bagi membiayai Gaji Kakitangan iaitu sebanyak 58.3 % dan selebihnya bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang iaitu 41.7%; dan Pebelanjaan Kemajuan 1.5%.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pelaburan negara di sektor kesihatan meskipun dianggap kecil berdasarkan kadar dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang masih rendah berbanding negara-negara lain, malahan pencapaian negara ini pada tahap yang baik jika dinilai dari status kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini melalui pencapaian petunjuk-petunjuk kesihatan global khususnya di bawah Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals (SDG's*) yang berkaitan kesihatan khususnya petunjuk-petunjuk *vital*, termasuk kadar kematian 'anak damit', kadar kematian ibu semasa melahirkan, dan *prevalent* penyakit berjangkit seperti HIV yang kekal pada tahap yang rendah. Kadar jangka hayat, Indeks Liputan Kesihatan Sejagat (*Universal Health Coverage Index*), liputan penjagaan *antenatal* dan imunisasi serta rawatan bagi penyakit TB, adalah kekal pada tahap yang tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sistem kesihatan yang dinamik dan resilien perlu dititikberatkan bagi memastikan penduduk negara ini mampu membangun negara ke arah pencapaian sosioekonomi yang mampan dan berkembang pesat dan maju. Sistem kesihatan yang dinamik mampu berganding dengan perubahan positif yang bergerak selaras dengan pertumbuhan penduduk, revolusi teknologi, dan peralihan sosiobudaya

dan pembangunan minat orang ramai di samping memelihara falsafah negara dan nilai-nilai beragama. Manakala sistem kesihatan yang resilien mampu bertahan meski apapun cabaran yang akan ditempuh oleh negara.

Selaras dengan tema ini, Kementerian Kesihatan mempunyai aspirasi untuk menjadikan sektor kesihatan sebagai salah satu sektor yang menyumbang kepada perekonomian negara dan mampu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta mampu mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi perkembangan industri perubatan dan kesihatan di negara ini. Ini termasuk perkembangan industri-industri yang berunsurkan perubatan, tenaga profesional, perkhidmatan perubatan khusus, pelaburan infrastruktur, penyelidikan, teknologi perubatan dan transformasi digital dalam penjagaan kesihatan dalam jangka masa panjang.

Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019/2023 terus dijadikan peta jalan bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif jangka masa sederhana. Lebih kurang 70% daripada inisiatif-inisiatif strategik telah dapat dilaksanakan pada jangka masa yang telah ditetapkan sehingga bulan Disember 2021.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ apa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan setakat ini tidaklah jauh dari inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan yang sememangnya telah disejajarkan dengan Strategi Wawasan Brunei 2035. Memang menjadi satu komitmen yang tinggi dari Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan yang responsif kepada keperluan orang ramai agar rakyat dan penduduk dapat menikmati kualiti kehidupan yang tinggi selaras dengan matlamat strategik Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itu, penambahbaikan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan akan terus diusahakan di samping memastikan kelangsungan perkhidmatan-perkhidmatan penting sentiasa *accessible* kepada seluruh rakyat dan penduduk. Perkembangan perkhidmatan sejak 5 tahun kebelakangan ini menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.

Bagi Tahun Kewangan 2021/2022, beberapa perkembangan telah dicapai khususnya penambahbaikan perkhidmatan klinikal seperti penambahan Unit Dialisis bagi pesakit buah pinggang yang diusahakan bersama dengan pihak *Jerudong Park Medical Centre.* Pemindahan Pusat Panggilan '991' ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta penambahan jumlah kenderaan ambulans. Penambahbaikan perkhidmatan audiologi khususnya Program Saringan Pendengaran 'Anak Damit' Yang Baru Lahir bagi intervensi awal masalah pendengaran supaya anak-anak tersebut berpeluang untuk menikmati kualiti kehidupan yang baik dari segi akademik, sosial dan sebagainya.

Selain itu, pembinaan Makmal Klinikal Diagnostik Molekular bagi Penyakit Berjangkit di Daerah Tutong juga telah siap dilaksanakan yang mendukung kepada Matlamat Strategik Kementerian Kesihatan dalam memastikan kesiapsiagaan negara dalam menangani penyakit-penyakit berjangkit dan menjamin keselamatan kesihatan awam di negara ini.

Keupayaan negara menjalankan Ujian G*enomic Sequencing* dalam mengenal pasti varian *COVID-19* adalah salah satu lagi pencapaian terkini yang telah pun direalisasikan melalui kerjasama dengan pihak sektor swasta. Kolaborasi ini telah banyak membawa kebaikan kepada kapasiti negara dalam menangani kecemasan kesihatan awam khususnya dalam menjalankan ujian-ujian diagnostik semasa wabak *COVID-19.*

Dengan adanya penglibatan dari sektor swasta dalam sama-sama menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai, telah menghasilkan impak positif dan peluang yang boleh direbut melalui hubungan kerjasama antara sektor awam dan swasta termasuk peluang-peluang pekerjaan dan peningkatan tenaga profesional dan teknikal.

Inisiatif perkongsian sumber khususnya profesional kesihatan telah menampakkan kemajuan yang memberangsangkan seperti penempatan tenaga profesional yang diperbantukan oleh pihak perubatan swasta khususnya *Pantai Jerudong Specialist Centre, Jerudong Park Medical Centre, Gleneagles JPMC* dan Pusat Perubatan Panaga. Dalam kemudahan perubatan, kerajaan, telah banyak membantu negara dalam pengurusan sumber tenaga manusia penting semasa penanganan wabak *COVID-19.*

Sokongan dari pihak-pihak yang berkepentingan dalam membantu pengambilan pekerja-pekerja sementara untuk memastikan kelangsungan operasi pengurusan wabak di negara ini juga sangat dihargai. Apa yang diharapkan, inisiatif ini akan dapat membantu mereka untuk jadi *marketable* melalui pengalaman dan kemahiran yang mereka perolehi dan berpeluang untuk mendapat pekerjaan tetap sekali gus mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Sebagai contoh baru-baru ini, kolaborasi bersama pihak *Comquest Sendirian Berhad* bagi mengambil alih operasi pusat-pusat panggilan bagi wabak *COVID-19* yang mana dihasratkan akan membuka lebih banyak peluang bagi pengambilan anak-anak tempatan untuk berkhidmat di bawah syarikat berkenaan.

Usaha untuk menambah jumlah profesional kesihatan tidak akan berhenti selagi kita belum mencapai kadar nisbah profesional bagi sejumlah penduduk yang ideal dan ini ketara bagi keperluan jumlah jururawat. Nisbah yang disarankan dalam Matlamat Pembangunan Mampan Bagi Jururawat ialah 83 orang jururawat bagi setiap 10,000 penduduk. Negara Brunei

Darussalam mempunyai nisbah 71 orang jururawat bagi setiap 10,000 penduduk. Ini menunjukkan kekurangan yang kritikal yang boleh membawa kesan terhadap kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini.

Jumlah keramaian doktor dan jururawat yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan, telah meningkat sejak 5 tahun kebelakangan ini. Jumlah doktor pada Tahun Kewangan 2017/2018 ialah seramai 630 orang dan meningkat kepada 772 orang pada Tahun Kewangan 2021/2022. Dari jumlah ini, seramai 397 orang atau 51% terdiri daripada doktor-doktor tempatan. Peningkatan jumlah doktor di sektor swasta dan juga menyumbang kepada peningkatan nisbah doktor kepada penduduk iaitu 19 orang doktor bagi setiap 10,000 penduduk pada tahun 2017 berbanding 25 orang doktor bagi setiap 10,000 penduduk pada tahun 2021.

Manakala jumlah jururawat mula meningkat daripada 2,413 orang kepada 2,683 orang bagi tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, penjanaan jumlah profesional yang diperlukan terlalu lambat yang antara lain disebabkan oleh tempoh yang diperlukan untuk mengeluarkan profesional yang mempunyai kepakaran khusus mengambil masa yang lama dan tidak selari dengan pertumbuhan jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam. Lebih-lebih lagi trend demografik negara yang menunjukkan peningkatan jumlah warga emas menjelang tahun 2050 antara yang tertinggi di rantau *ASEAN*, sememangnya menimbulkan kerisauan terhadap penyediaan sumber tenaga manusia yang mencukupi pada kadar *turnover* yang stabil dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan terus mengukuhkan lagi peranannya sebagai salah satu agensi utama dalam penjanaan profesional kesihatan yang berkualiti tinggi. Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan telah memeterai satu memorandum persefahaman tiga pihak dengan pihak *Jerudong Park Medical Centre* dan *Far Eastern University*, Republik Filipina bagi penubuhan Sekolah Kejururawatan swasta di Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan akan dapat meningkatkan jumlah jururawat yang sangat diperlukan pada masa ini.

Ketersediaan sumber tenaga profesional juga akan mempengaruhi perkembangan infrastruktur kesihatan. Rancangan-Kemajuan Infrastruktur Kesihatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan banyak mengambil kira perkara ini bagi memastikan semua infrastruktur yang dibangunkan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan adanya profesional dan kakitangan yang menjalankan operasi perkhidmatan.

Beberapa projek kemajuan sedang dalam penelitian antara lain ialah penambahbaikan Bangunan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan, Jalan Sumbiling, yang merupakan sebuah makmal rujukan kebangsaan yang

diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi kajian dan ujian makmal khusus bagi mencegah penyakit berjangkit dan pembinaan sebuah Pusat Kesihatan bagi kawasan-kawasan tadahan yang memerlukan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi di peringkat komuniti.

Tanpa adanya sumber tenaga profesional yang mencukupi dan infrastruktur yang lengkap akan menyukarkan pihak Kementerian Kesihatan untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif yang akan menjejaskan *accessibility* orang awam terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan penting yang disediakan oleh pihak kerajaan. Maka, Kementerian Kesihatan mengambil inisiatif untuk menerapkan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan kepada pesakit dan orang ramai secara amnya.

Projek-projek penyumber luar beberapa perkhidmatan seperti yang kaola sebutkan pada awal mukadimah tadi akan terus dipelopori dengan membuka ruang-ruang kerjasama yang padu dengan pihak-pihak swasta. Ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memangkin pertumbuhan ekonomi dengan memberi keutamaan kepada pelaburan dalam sektor industri perkhidmatan yang bukan sahaja dibukakan kepada pelabur tempatan malah juga kepada pelabur asing.

Setakat ini Kementerian Kesihatan telah memanfaatkan beberapa kolaborasi yang ditubuhkan dengan pihak-pihak swasta dalam penyampaian perkhidmatan yang inovatif dan mudah seperti telekonsultasi, penyatupaduan *(consolidation)* perkhidmatan-perkhidmatan, pengenalan perkhidmatan baharu atas talian, pengurusan diri pesakit seperti akses kepada keputusan ujian makmal melalui rekod perubatan digital dan membuat tempahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti vaksinasi, perjanjian di klinik-klinik dan sebagainya. Inisiatif terbaharu ialah penyumber khidmat *swabbing* yang membolehkan pihak perubatan swasta dan syarikat tertentu untuk memberikan khidmat tersebut di bawah kawalan dan pemantauan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tema Belanjawan 2022/2023 amat bertepatan dengan usaha untuk memodenkan perkhidmatan dan operasi perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Hasrat untuk menggerakkan transformasi digital dalam perkhidmatan awam bukanlah suatu perkara yang baharu dan asing, malah telah digariskan dengan jelas dalam Strategi Wawasan Brunei 2035, Pelan Induk Ekonomi Digital dan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan ke arah Urus Tadbir Yang Telus dan Proaktif.

Perkembangan teknologi digital, khususnya dalam sektor perkongsian data serta maklumat merupakan landasan yang penting dan harus diaplikasikan secara meluas dalam meneruskan kelangsungan perkhidmaan

awam, bukan sahaja semasa pengurusan pandemik *COVID-19* malah harus dirangkul dalam semua perkhidmatan dan pengoperasian agensi-agensi yang berkepentingan di negara ini. Dengan adanya perkembangan digital ini, Negara Brunei Darussalam mampu menjadi pesaing yang hebat dalam menerajui sektor ekonomi digital yang cekap dan proaktif di rantau ini.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan semakin giat dalam menaik taraf sistem dan infrastruktur teknologi maklumat kesihatan dan berusaha untuk membudayakan ekosistem data kesihatan di negara ini. Kerja-kerja penaiktarafan Sistem *BruHims* masih dalam fasa perancangan dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan siap dilaksanakan pada tahun 2024 tetapi ke arah itu, pelbagai projek penaiktarafan telah pun dibuat yang mana termasuk menaik taraf infrastruktur rangkaian *(network)* di Bangunan Kementerian Kesihatan dan penaiktarafan infrastruktur teras Sistem *BruHims* di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijangka akan siap pada penghujung bulan April tahun ini. Manakala, penubuhan Sistem Infrastruktur Pemulihan Bencana *(Disaster Recovery Centre)* bagi Sistem *BruHealth* telah siap dilaksanakan pada pertengahan bulan Februari tahun ini. Prospek perkembangan teknologi di negara ini sangat menggalakkan.

Penubuhan Kampus *Data Global* dengan kerjasama *EVYD Technology Sdn. Bhd.* di Negara Brunei Darussalam nanti akan memaksimumkan penggunaan teknologi terkini seperti *Big Data* dan *Artificial Intelligence* untuk memacu kemampanan dalam sistem penjagaan kesihatan dan komitmen terhadap transformasi dan penyelidikan penjagaan kesihatan digital. Pencapaian berperingkat ini menunjukkan kemajuan positif sejak Sistem *BruHealth* diperkenalkan yang pada mulanya digunakan bagi pengurusan wabak *COVID-19*. Dalam masa yang terdekat, Sistem *BruHealth* akan dinaik taraf kepada versi 3.0 dan akan dilancarkan dengan penambahan ciri-ciri seperti Pengurusan Kesihatan, Pengurusan Kesihatan Penduduk dan pembaharuan dan pembaikan ke atas ciri-ciri yang sedia ada pada versi-versi *Bruhealth* sebelumnya. Beberapa projek telah diperkenalkan dengan menggunakan aplikasi *BruHealth* sebagai *platform*, iaitu seperti *The Check-In Challenge* dan *The One Billion Steps Challenge* yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Dalam kita mengenalkan teknologi sebagai platform dalam pengurusan penjagaan kesihatan, Kementerian Kesihatan tidak lupa akan keselamatan siber. Pihak Kementerian Kesihatan telah pun bekerjasama dengan pihak *Cyber Security* Brunei untuk memastikan sekuriti sistem *BruHealth* sentiasa dalam keadaan yang optimum dan selamat.

Persidangan Khas Menteri-Menteri *ASEAN* yang dianjurkan oleh *EVYD Technology Sdn. Bhd.* dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Agensi Pelaburan Brunei dan Kementerian Kesihatan pada bulan

Oktober 2021 yang lalu, telah membuka satu lagi *avenue* bagi memangkin kerjasama serantau dalam sektor perkongsian data dan maklumat ke arah kemakmuran rantau *ASEAN* yang sangat penting bagi pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Melalui persidangan ini, Kementerian Kesihatan berhasrat untuk memastikan perbincangan dan inisiatif kerjasama yang merentasi peringkat *ASEAN* dapat dikekalkan dan dibangunkan untuk membolehkan warga *ASEAN* mendapat akses yang saksama kepada penjagaan kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mempengaruhi sikap orang ramai terhadap penjagaan kesihatan diri merupakan satu cabaran besar buat Kementerian Kesihatan kerana selama ini ia faktor terpenting dalam memastikan segala usaha yang dicurahkan untuk menurunkan kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit dan kematian pramatang di negara ini dapat dilihat hasilnya. Namun, apa yang kita nampak tahap kesedaran penduduk dalam mengamalkan gaya hidup sihat itu masih pada tahap yang kurang memuaskan, sedangkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun berulangkali menitikberatkan tentang tanggungjawab kita untuk memelihara kesihatan seperti titah baginda sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 1437 bersamaan 2016: "Kesihatan adalah faktor yang paling penting untuk semua. Jika badan kita sihat, maka semua kerja boleh dibuat dengan baik. Apabila sebaliknya, maka segala aktiviti tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna. Inilah harga atau rahsia kesihatan bagi kita."

Program-program promosi dan saringan kesihatan akan terus dipertingkatkan dan diharap akan dapat dilaksanakan melalui kaedah yang inovatif dan berkesan bagi meningkatkan *health literacy* dalam kalangan masyarakat. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Brunei Darussalam *Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD)* 2021/2025 akan dilancarkan tidak lama lagi bagi memberi keutamaan kepada pencegahan, pengesanan awal dan pengurusan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan faktor risikonya. Sebagai usaha berterusan pihak Kementerian Kesihatan dalam menentukan hala tuju dasar dan strategi bagi pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit di negara ini.

Seterusnya, sebagai melengkapi *BruMAP-NCD*, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sedang bekerjasama dalam meneliti serta mengintegrasikan draf strategi Penuaan Sihat (*Healthy Ageing*) dengan Pelan Tindakan Warga Emas yang sedang dikemas kini.

Bagi mendukung pelan tersebut, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus meneliti serta mengemas kini peranan Jawatankuasa Pelbagai Sektor Mengenai Kesihatan (*Multisectoral*

Taskforce on Health) dalam sama-sama mencapai matlamat bidang tumpuan utama yang telah dikenal pasti.

Kementerian Kesihatan juga sedang meningkatkan penjanaan maklumat melalui kajian-kajian penyelidikan strategik dan peramalan tingkah laku golongan sasaran bagi mengatur strategi yang mampu mempengaruhi masyarakat secara positif.

Ini termasuklah keperluan untuk mengguna pakai konsep *Behavioural Insight* dan menubuhkan unit yang berkaitan dengan bantuan teknikal dari pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku individu dalam memelihara kesihatan diri.

Selain itu, إِنْ شَاءَ ٱللهُ satu kajian rintis mengenai pengurusan dan intervensi penyakit *diabetes* melalui aplikasi *BruHealth* juga akan dijalankan pada bulan Mac hingga September 2022 dengan kerjasama teknikal yang dihulurkan oleh *EVYD Technology Sdn. Bhd.* dalam menghasilkan data bagi mengkaji keberkesanan intervensi perubahan gaya hidup dalam kalangan pesakit-pesakit diabetes. Kajian ini juga bertujuan memberi kesedaran serta pendidikan kepada pesakit-pesakit untuk mampu mengawal keadaan penyakit dan kesihatan mereka sendiri sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Juga berkaitan adalah isu kesihatan mental. Selain usaha untuk mempengaruhi sikap dan minda masyarakat ke arah perubahan yang positif, kita juga berdepan dengan peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

Statistik setakat ini menunjukkan bahawa kemurungan (*depression)* dan keresahan *(anxiety)* dan stres adalah merupakan gejala kesihatan mental yang kerap dihidapi dalam kalangan penduduk kita dan yang setentunya keadaan ini telah diburukkan lagi semasa kita dilanda oleh pandemik *COVID-19* dalam dua tahun kebelakangan ini.

Pada masa ini, lebih kurang 7,000 orang individu sedang menjalani rawatan kesihatan mental di Jabatan Psikiatri hospital dan juga pada tahap komuniti dalam semua peringkat umur termasuk kanak-kanak dan remaja. Perkara ini menimbulkan kebimbangan apabila terdapat orang yang nekad untuk membunuh diri.

Pada tahun 2020 sahaja, terdapat 14 kematian akibat bunuh diri dicatatkan yang 6 daripadanya terdiri daripada warga tempatan dan penduduk tetap. Hanya 3 daripada kes kematian yang dilaporkan ini dicatatkan sebagai pernah mendapatkan Perkhidmatan Psikiatri dan Psikologi. نَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ ذٰلِكَ barang dijauhkan segala perkara yang mengundang kemurkaan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua dan semoga rakyat kita akan diberi ketabahan dalam menghadapi dugaan hidup dengan mempunyai mental yang resilien terhadap apa jua cabaran yang ditempuh.

Perkara ini harus dipandang serius kerana ia boleh menjerumuskan individu ke arah kehancuran dan tidak syak lagi akan mendatangkan kerugian kepada keluarga, masyarakat dan juga negara kita.

Ke arah mencapai strategi holistik dalam meningkatkan pencegahan masalah kesihatan mental, Kementerian Kesihatan kini sedang memantapkan lagi strategi dengan memformulasikan draf *Brunei Darussalam's Mental Health Action Plan 2021/2025* yang mengandungi 4 strategi utama yang mendukung matlmat Pelan Strategik Kementerian Kesihatan, dan memberi lebih penekanan kepada pendekatan *whole-of-nation* dalam sama-sama menangani isu kesihatan mental sekali gus melengkapi Pelan Tindakan Kebangsaan yang telah pun ditubuhkan.

Ini termasuklah memanfaatkan serta menggembleng sumber-sumber yang boleh diperolehi daripada sektor awam dan swasta serta sektor bukan kerajaan. Menyedari akan kepentingan isu ini, Negara Brunei Darussalam telah mempamerkan komitmen bukan sahaja dalam mengatasi isu ini di peringkat kebangsaan, malah telah memberi pengiktirafan akan kepentingannya di peringkat global, dengan mana Negara Brunei Darussalam mengetuai kerjasama dalam bidang kesihatan mental sebagai salah satu *deliverable* di bawah kerjasama *ASEAN* semasa mempengerusikan Sidang Kemuncak *ASEAN* 2021.

Kementerian Kesihatan menyedari akan kepentingan untuk menyalurkan maklumat-maklumat yang berguna bagi pendidikan kesihatan kepada masyarakat. Justeru, Kementerian Kesihatan giat berusaha untuk terus mempelopori kaedah-kaedah yang inovatif dalam penyampaian maklumat kepada orang ramai. Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan idea dan kritikan yang membangun bagi memperbaiki lagi kualiti maklumat yang disampaikan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ penggunaan media sosial dan infokomunikasi yang disemarakkan oleh kejadian wabak *COVID-19* telah banyak mengajar Kementerian Kesihatan untuk terus berhubung dengan orang ramai secara rapat dan berkesan, walaupun terdapat limitasi dalam menangani komen-komen orang ramai yang begitu banyak sekali yang disebabkan oleh jumlah kakitangan yang terhad.

Para pengendali komen dan aduan orang ramai sedang cuba membuat yang termampu dan yang terbaik. Maka diharapkan orang ramai dan pihak individu akan dapat memahami keterbatasan yang dialami ini dengan sentiasa berfikiran terbuka dan sabar dalam menerima layanan daripada para kakitangan yang bertugas. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ atas kesabaran itu أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan membukakan jalan bagi meringankan kesusahan dan memudahkan segala urusan kita yang berkebajikan.

Sebelum menutup mukadimah ini, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya bagi pihak seluruh warga Kementerian Kesihatan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan, pihak swasta dan orang ramai atas kerjasama yang telah diberikan dan sokongan berterusan dalam penanganan wabak *COVID-19* setakat ini baik dari segi pembentukan hala tuju dasar dan strategi serta pengoperasian aktiviti-aktiviti pengurusan termasuk kesukarelawanan, penguatkuasaan peraturan dan *SOP*, penyediaan infrastruktur dan lojistik, sumbangan-sumbangan derma dan bantuan dari segi *material* dan peralatan yang tidak henti-henti. Malah atas doa-doa yang dipanjatkan serta zikir-zikir yang dilafazkan dengan tidak jemu-jemu demi memohon rahmat, pengampunan dan izin dari أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ untuk membebaskan Negara Brunei Darussalam dari wabak ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada semua petugas-petugas barisan hadapan yang tetap akur dan bersabar dengan keadaan. Terus berjuang dan berkorban untuk memberikan yang terbaik kepada orang ramai terutama sekali semasa negara sedang berdepan dengan gelombang ketiga pada masa ini.

Sesungguhnya أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Maha Mengetahui segala amal kebajikan yang mereka kerjakan, maka semoga Allah membalas jasa dan bakti mereka kepada negara dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda dan dikurniakan afiat dan kesejahteraan bagi mereka dan ahli-ahli keluarga mereka. آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ

Sekian saja yang ingin kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2022/2023 serta pencapaian Tahun 2021/2022 sebagai mukadimah. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di atas huraian mukadimah yang diberikan dengan cukup jelas dan komprehensif. Dan juga kita sentiasa berdoa semoga أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ mengurniakan segala ketabahan dan kecekalan kepada Yang Berhormat dan pegawai-pegawai serta kakitangan di bawahnya dalam menjalankan tugas-tugas mereka yang penting lagi mencabar ini.

Sekarang saya ingin membukakan Tajuk ini untuk di bincangkan dan saya persilakan, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana

mengetuai dalam menangani cabaran wabak *COVID-19* selama ini. Terima kasih diucapkan.

Izinkan saya untuk menyentuh mengenai dua perkara sahaja:

1. Rokok termasuk rokok elektronik masih lagi dapat dijumpai kemasukannya ke negara ini secara haram. Mungkin tiba sudah masanya kitani lebih tegas dengan perkara ini. Contohnya, jika mana-mana orang yang membawa rokok atau rokok elektronik yang tidak berdaftar dan diperolehi secara haram di tempat awam seperti pejabat-pejabat kerajaan atau restoran-restoran supaya dapat dirampas mengikut akta yang disediakan.; dan

2. Seperti *Antigen Rapid Test (ART) COVID-19*, saringan awal *HIV* membawa kepada diagnosis awal dan *Rapid Test* ini memudahkan pengesanan awal terutama sekali orang-orang yang berkemungkinan dijangkiti *HIV* yang tidak selesa untuk mendapatkan ujian saringan di fasiliti-fasiliti kesihatan.

   Soalan saya, adakah Kementerian Kesihatan dapat mempertimbangkan pembawaan dan penyediaan *Antigen Rapid Test kit* ini ke dalam pasaran bagi meningkatkan lagi *access* ujian saringan *HIV* bagi warga dan penduduk Negara Brunei Darussalam?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

1. Mengenai rokok haram ataupun *electronic cigarette*, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada masa ini, Kementerian Kesihatan dengan beberapa agensi yang lain terutamanya Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Keliling bertarikh 11 November 2019, telah pun dikeluarkan.

   Surat Keliling tersebut menguatkuasakan satu peraturan *Code of Conduct* mengenai tegahan penglibatan dengan industri tembakau dan juga larangan merokok di premis-premis kerajaan. Jadi, Surat Keliling ini menunjukkan pihak kerajaan tidak boleh berurusan langsung dengan mana-mana syarikat yang terlibat dengan rokok, itu yang penting.

   Walau bagaimanapun, apa yang dinyatakan tadi mengenai tindakan di bawah Perintah Tembakau, buat masa ini, kitani mengenakan tindakan denda kompaun sahaja. Sesiapa yang didapati merokok di tempat awam akan dikenakan denda kompaun dan penguatkuasaan ini sedang giat dilakukan bersama agensi-agensi yang lain termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan pihak Peguam Negara.

Mengenai rampasan itu, *on the spot*, kitani belum membuat rampasan. Setahu saya, tindakan denda sahaja kecuali membuat penyeludupan itu memang dirampas. Tetapi bagi penggunaan sendiri, itu mungkin dapat difikirkan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ . Terima kasih.; dan

2. Penyediaan *test* untuk *HIV*, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ini akan dapat diusahakan jua dengan orang ramai boleh membuatnya ke tempat-tempat yang tertentu. Walau bagaimanapun, kitani mesti ada mempunyai *flow* bagi ujian ini. Jika ia positif, apa yang perlu dibuatnya dan bagaimana ia berurusan dengan pihak-pihak tertentu, perkara-perkara itu yang mesti disediakan juga.

   Setiap kali ujian hendak dibuat tanpa ada arah hala tujuannya selepas itu, ia sama juga seperti pada masa ini kaedahnya. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ atas saranan tersebut, pihak kementerian boleh memikirkan kalau ada *HIV test kit* yang boleh dibuat seperti *part of self test,* dan apa tindakan selanjutnya yang patut dibuat oleh yang berkenaan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan difikirkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola Membawa di bawah Tajuk SM01A - Kementerian Kasihatan. Apakah mesin-mesin *scanning* dan *MRI* mencukupi di Negara Brunei Darussalam bagi keperluan masa kini. Didapati mereka yang menghidap penyakit tertentu lambat dikenal pasti bagi mendapatkan perkhidmatan perubatan awal, ini kerana pengesanan diagnosis awal tidak diperolehi hingga bertahun barulah perkhidmatan perubatan diterima.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Mengenai mesin-mesin ini terutama sekali *MRI*. Pihak Hospital RIPAS ada sebuah mesin *MRI* dan pihak *Jerudong Park Medical Centre* (*JPMC*) mempunyai sebuah mesin serta *Pantai Jerudong Specialist Centre* (*PJSC*) juga mempunyai sebuah mesin *MRI*. Jadi di negara ini ada mempunyai 3 buah mesin *MRI* yang boleh menawarkan keperluan rakyat.

Masalah mengenai kelambatan ini telah pun cuba diperbaiki. Kalau ada kelambatan di pihak Hospital RIPAS, maka pesakit boleh dirujuk ke *Jerudong*

Park Medical Centre (*JPMC*) ataupun *Pantai Jerudong Specialist Centre* (*PJSC*), untuk membuat MRI di sana. Kelambatan sehingga bertahun-tahun itu, kaola belum pernah mendengar Yang Berhormat Pengerusi.

Selalunya, prosedur *MRI* ini bukanlah dikira *emergency screening*. Kalau pun *emergency*, selalunya menggunakan *CT Scan*. Jadi, *MRI* ini digunakan untuk membuat penilaian secara terperinci untuk menilai keadaan otak *neuro* ataupun *muscular skeletal*. Jadi, penggunaan *MRI* ini bukanlah satu kaedah untuk kecemasan, kerana, mesin *CT Scan* ada yang digunakan untuk tujuan ini.

Walau bagaimanapun, dengan meningkatnya penggunaan mesin *MRI* ini di Hospital RIPAS dan hospital swasta, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Kementerian Kesihatan pun sedang bercadang untuk menambah satu lagi mesin *MRI* di Hospital RIPAS, dalam masa terdekat ini, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم .

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ kaola ingin menyentuh sedikit mengenai dengan infrastruktur-infrastruktur kesihatan khususnya pembangunan hospital-hospital kerajaan di negara ini termasuklah kemudahan-kemudahan awam dan perubatan di dalamnya. Seperti yang kita sedia maklum, Negara Brunei Darussalam mempunyai empat buah hospital kerajaan dengan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebagai hospital tumpuan dan utama.

Kaola ingin tahu, apakah ada perancangan dari pihak Kementerian Kesihatan untuk menaik taraf lagi infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital-hospital kerajaan khususnya di hospital daerah-daerah seperti Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait yang akan mencapai usia 50 tahun pada tahun ini dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong yang telah beroperasi sejak tahun 1987.

Adalah didapati bahawa sebahagian *design* dan *layout* di hospital-hospital berkenaan sudah lama dan mungkin saja perlu dinaik taraf yang sesuai dengan keperluan perubatan moden pada masa ini termasuklah dari segi persekitaran wad-wad dan klinik-klinik.

Kaola juga mengambil maklum akan perancangan bagi menaik taraf Bahagian Kecemasan dan Kemalangan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, dan berharap agar projek tersebut memberikan manfaat dalam jangka masa yang panjang khususnya bagi penduduk Daerah Belait.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai infrastruktur Kementerian Kesihatan di hospital-hospital di keempat-empat daerah, memang penambahbaikan sentiasa dipeduli terutama sekali di RIPAS dalam dua tiga tahun ini, ia dilakukan cara berperingkat-peringkat. Kalau 'diusai' maksudnya tempat wad itu tidak dapat dipakai, ditutup jadi kurang katil dan sebagainya. Jadi, penambahbaikan di RIPAS mengambil masa yang panjang setiap kali dua wad 'diusai' ia akan dikosongkan dan ia akan mengurangkan jumlah kesediaan katil-katil *acute* di RIPAS.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ setakat ini hampir kesemua wad sudah diubai suai tinggal empat wad saja lagi dan selepas itu Unit *ICU* akan ditambah baik. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ bila wad itu selesai dan Unit *ICU* akan ditambah baik. Bagi hospital di Daerah Belait, Yang Berhormat menyatakan di Hospital Suri Seri Begawan. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ kerja akan bermula bagi menambah baik Jabatan *Accident* dan *Emergency* .

Selain itu, di Daerah Temburong masa ini walaupun *design*nya lama fungsinya masih dapat berjalan dengan baik dan masa ini sedang difikirkanlah apa yang sebaiknya kita buat sama ada kita membuat tempat hospital yang baharu ataupun menambah baik bangunan itu. Jadi, masa ini keadaan hospital di Daerah Temburong masih ditunduki apa yang sesuai dan di Kuala Belait itu pun إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ ia akan perlahan-lahan selepas ini penambahbaikan wad-wad lain itu juga akan dijadualkan untuk membuat penambahbaikan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ .

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawakan perkara mengenai *COVID-19 Relief Fund.* Memandangkan kita telah menghadapi gelombang pertama dan kedua pada tahun 2020 dan 2021. *COVID-19 Relief Fund* telah dibuat untuk membantu kerajaan mengatasi gelombang-gelombang tersebut. Hasil kutipan dana pada tahun 2020 sehingga Mac mencatat $11,177,514.00. Pada Tahun 2021 setakat 7 September adalah sebanyak $2,176801.31. Tabung tersebut adalah sejumlah yang kecil dibandingkan dengan peruntukan kerajaan bagi membendung penularan wabak *COVID-19,* akan tetapi kedudukan penggunaan dana tersebut seharusnya diterbitkan secara terbuka bagi pengetahuan penderma.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya butir-butir penggunaan dana tersebut secara *broad category* diterbitkan kepada umum. Ini adalah urus tadbir yang baik. Ia juga akan memberikan keyakinan kepada penderma dan pada masa yang sama memberi gambaran dan kesedaran kepada orang ramai akan kesan wabak *COVID-19* kepada negara kita dari segi kewangan dan perkhidmatan kesihatan.

Sekian. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bagi menjawab mengenai *insured.* أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam masa kita dilanda wabak *COVID-19* ini, mula-mula ada *COVID-19 Relief Fund* itu, *I think* lebih dari $11 juta, barangkali $13 juta. Walau bagaimanapun, yang pertama ini sudah selesai diaudit dan menunggu maklum balasnya dari audit.

Jumlah yang mula-mula itu sudah diperuntukkan untuk membuat *National Isolation Centre* punya *extension,* kesemua jumlah duit itu untuk membuat *extension* di Daerah Tutong. Seperti yang saya katakan tadi, sudah pun diaudit dan yang kedua ini masih terbuka belum ditutup. Dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ bila ditutup akan diaudit juga dan akan dimaklumkan kepada orang ramai ke mana duit-duit itu ditujukan, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ Itu saja terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Kalau diizinkan kaola menambah sedikit mengenai *COVID-19 Relief Fund* yang daripada pihak orang ramai. *COVID-19 Relief Fund* kedua ini pada masa ini berjumlah $3.27 juta masih lagi belum ditutup. Yang pertama sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, Juruaudit Agung telah mengaudit dana pada tahun 2020. Pada masa ini setakat ini *opinion* dari audit adalah teratur. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun membincangkan mengenai Tajuk Kementerian Kesihatan dan sekarang sudah tiba masanya bagi tajuk ini kita undi. Yang bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju dan Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang berpindah ke Tajuk Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebelum tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya ingin sekarang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan serta hala tuju kementeriannya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kita amat bersyukur tema Tahun Kewangan 2022/2023: "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Resilien" amat bertepatan dengan usaha berterusan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama rakan-rakan strategik dalam mencapai matlamat "Bangsa Brunei Cemerlang Ke Arah Merealisasikan Wawasan Brunei 2035".

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2022/2023 berjumlah $83,860,360.00 dan Rancangan Kemajuan Negara berjumlah $14,458,840.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Wabak *COVID-19* terus memberikan impak yang mendalam kepada kehidupan seharian kita, khususnya kepada golongan sasaran. Penubuhan sukarelawan belia pada Mac 2020 telah turut sama menangani serta membantu pihak kerajaan dengan berimpak tinggi. Lebih 8,000 orang sukarelawan belia telah berdaftar sejak pengoperasian dan seramai 600 hingga 800 orang sukarelawan diaturgerakkan untuk bertugas setiap hari di 143 lokasi penting di seluruh negara. Atas usaha gigih mereka dengan kerjasama agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan para sukarelawan daripada pelbagai latar belakang dan umur mereka telah juga mengagihkan catuan makanan kepada lebih 31,000 buah rumah yang merangkumi hampir 170,000 orang yang menjalani Perintah Kuarantin di seluruh negara sejak bulan Ogos 2021 hingga ke hari ini.

Para sukarelawan juga membantu golongan susah melalui inisiatif sumbangan pandu lalu catuan makanan hasil sumbangan orang ramai sejak September 2021. Lebih 3,200 pemohon telah diberikan catuan makanan yang merangkumi seramai hampir 20,000 orang. Sikap resilien dan pemedulian tinggi dalam kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam khususnya para sukarelawan dan dermawan amat dihargai dan disegani. Terima kasih atas pengorbanan para sukarelawan yang

turut bertugas di barisan hadapan tanpa mengenal masa, tenaga dan penat lelah dengan moto: "Sama-Sama Kita Berjuang".

Yang Berhormat Pengerusi. Sepertimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022. Majlis yang mulia ini, memainkan peranan mustahak sebagai wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara dan apa yang turut penting mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu dibaiki.

Dengan berlandaskan hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan 6 fokus strategi sebagai pelengkap kepada pelaksanaan Plan Strategik kementerian ini bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

1. Mengemas kini dan mereviu dasar, akta dan pelan-pelan tindakan. Pengemaskinian akta dan dasar akan meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan proses yang lebih efisien, cepat dan tepat pada masa serta program intervensi yang lebih berimpak secara inklusif.

   Penguatkuasaan Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Orang Kurang Upaya (Pindaan) 2021 dan Perintah Orang Kurang Upaya 2021 bermula 1 Oktober 2021 telah mendatangkan impak yang signifikan khususnya dalam mengukuhkan penjagaan dan meningkatkan pemedulian golongan orang kelainan upaya. Pengemaskinian syarat kelayakan penerima Pencen Umur Tua dan Elaun Orang Kurang Upaya akan memastikan pemberian elaun ada yang benar-benar layak dan tiada keciciran. Sehingga bulan Mac 2022 seramai 42,793 orang disenaraikan sebagai penerima Pencen Umur Tua dan Elaun Orang Kurang Upaya yang menjadikan jumlah pembayaran kumulatif bagi Tahun Kewangan 2021/2022 sebanyak kira-kira $120 juta.

   Pindaan akta juga mengenalkan faedah tambahan kepada golongan warga emas OKU. Setakat ini, seramai 208 orang menerima dua faedah iaitu Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.

   Sebagai tambahan, pindaan akta telah memperkenalkan Elaun Penyediaan Penjagaan bagi mereka yang berkelayakan. Sebanyak 1,567 permohonan telah diterima dan dalam proses penilaian Jawatankuasa Menilai Permohonan Elaun Orang Kurang Upaya Termasuk Elaun Penyediaan Penjagaan.

   Manakala Perintah Orang Kurang Upaya 2021 memastikan golongan orang kelainan upaya mendapat pengiktirafan dan perlindungan yang sewajarnya. Dengan adanya definisi Kebangsaan OKU yang berdasarkan

artikel 2 *Conventions of The Rights of Persons with Disabilities* yang merangkumi jenis OKU *physical, mental, intellectual* atau deria di samping tingkah laku, komunikasi dan perkembangan.

Perintah ini juga memperkenalkan Pendaftaran Kebangsaan OKU dan hab OKU bagi membantu usaha memastikan golongan berkelainan upaya sentiasa terjaga. Seramai 1,695 permohonan telah diterima dan 138 OKU telah disahkan untuk didaftar di bawah Pendaftaran Kebangsaan OKU.

Perintah ini juga memperuntukkan dan syarat perlindungan khusus bagi OKU yang membawa hukuman berat terhadap kesalahan yang dilakukan kepada OKU seperti penderaan dan pengabaian. Beberapa strategi dan pelan tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial telah dan sedang dikemas kini seperti Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang telah diluluskan pada tahun 2020, Pelan Tindakan OKU dan Pelan Tindakan Isu Warga Emas.

Sistem Kebajikan Negara ataupun SKN telah dapat memberikan gambaran *artificial intelligence* yang menyeluruh untuk membantu dalam merangka dasar dan strategi. Data ini akan dioptimumkan melalui rangkaian kerjasama bersama pihak Universiti Brunei Darussalam dan Pusat Pengajian Strategik dan Dasar *(CSPS)* sebagai asas kepada penggubalan dasar pembasmian kemiskinan.

Khidmat konsultan profesional bagi penyediaan laporan dapatan ke arah Pelan Tindakan Revitalisasi Pusat Bahagia telah dilaksanakan. Ini akan mengisi jurang yang mendukung usaha agensi lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan serta pihak swasta dan persatuan.

Pusat Bahagia akan memperkenalkan Program Intervansi Awal khususnya bagi *down syndrome*, Pusat Penjagaan Harian khususnya bagi *cerebral palsy* dan kurang pendengaran dan Pusat Sumber atau *Shelted Workshop*. Pengesanan disasarkan bermula pada tahun 2022 sehingga 2023.

Penelitian bagi mewujudkan Dasar Pekerjaan Golongan OKU dan Golongan Susah melalui kerjasama dengan MPEC sedang dilaksanakan. Dikongsikan setakat ini seramai 125 OKU berdaftar di *JobCentre Brunei* dengan 49 orang OKU mendapat pekerjaan dan seramai 21 orang aktif mencari pekerjaan di samping lebih 110 OKU dicatatkan berkhidmat di sektor awam dan swasta.

Pembinaan Kompleks OKU sedang dalam perancangan yang bertujuan bagi penyediaan prasarana kegiatan persatuan OKU, latihan kemahiran, pembangunan kapasiti, hab keusahawanan dan rehabilitasi.

Ejen perkembangan wanita untuk dilaksanakan bersama satu institusi kajian pada tahun ini. KKBS selaku Pengerusi MKIS diamanahkan untuk mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Bersama Jabatan Perdana Menteri bagi pembentukan Sosial *Blueprint* ke arah memastikan pembangunan sosial di negara ini dilaksanakan secara bersatu padu dan sejajar dengan Rangka Kerja Wawasan Brunei 2035.

KKBS juga akan mengembangkan perkhidmatan dalam mendekati masyarakat mukim dan kampung pada setiap bulan bagi mendengar dan mengongsikan dasar serta usaha KKBS. Inisiatif ini mempunyai dua objektif utama iaitu mendengar dan memahami kemaslahatan, kebajikan dan kesejahteraan masyarakat dan memupuk rasa kecintaan kepada bahasa Melayu, tamadun, sejarah dan budaya demi meningkatkan semangat patriotisme.;

2. Mengembang Maju Masyarakat Progresif Ke arah Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian. Sejumlah $25 juta diperuntukkan bagi program merealisasikan masyarakat cemerlang termasuk penambah baikan prasarana dan kemudahan. Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan terus menjadi mekanisme utama senegara untuk mengeluarkan golongan sasaran dari kitaran kemiskinan.

Ini dilaksanakan melalui pemerkasaan sara diri serta sistem sokongan untuk mengubah pemikiran ke arah masyarakat yang positif dan mandiri. Dengan kerjasama bersama *MPEC* sesi *engagement* diadakan khusus untuk penerima BKB bagi mempersiapkan mereka untuk mencari pekerjaan melalui pendaftaran di *JobCentre Brunei*. Ke arah ini, Garis Panduan BKB dikemas kini dan syarat mandatori bagi pemohon BKB – *able body, unable to work* untuk berdaftar di *JobCentre Brunei*.

Pada tahun 2021 pelbagai pencapaian telah pun dicatat. Seramai 1,812 golongan sasaran telah berdaftar di *Job Centre Brunei*. Seramai 901 orang golongan susah mendapat pekerjaan melalui kerjasama *MPEC, JobCentre Brunei* dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kita menyasarkan sebanyak 500 pekerjaan bagi golongan susah setiap tahun. Seramai 777 penerima BKB, MUIB dan berpendapatan rendah, mengikuti latihan kemahiran dan keusahawanan di bawah Program Komuniti.

Antara latihan kemahiran yang baru diperkenalkan ialah penyembelihan ataupun *butchery* dan *heavy vehicle driver*. Kita menyasarkan 250 orang mengikuti latihan kemahiran dan keusahawanan setiap tahun di bawah Program Komuniti. Kita terus memastikan bahawa anak-anak dari

keluarga yang kurang berkemampuan diberikan peluang pendidikan tambahan. Seramai 500 penuntut diberikan kelas tuisyen percuma setiap tahun oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui Program Intervensi Pendidikan.

Kementerian juga bekerjasama dengan Majlis Perundingan Kampung Mengkubau dan Pejabat Daerah Brunei dan Muara serta pihak pengusaha belia *TeachMeGuru* kepada sekitar 100 orang penuntut setahun sejak tahun 2019. Program Biasiswa Anak Yatim yang diserapkan di bawah skim BIBD Alaf juga baru diperkenalkan pada tahun 2022 bagi membiayai 2 orang anak yatim golongan susah setiap tahun.

Terpenting, Strategi Pembinaan Perumahan Golongan Fakir Dan Miskin dari Program *Feedwin* Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Ugama Islam Brunei serta Program Kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan JAPEM. Dari tahun 2019 hingga 2021, sejumlah 143 buah rumah telah diserahkan. Sasaran adalah pembinaan 30 buah rumah setahun.

Rancangan secara holistik sedang dirancangkan di bawah *Housing Focus Group* Kementerian Pembangunan bagi pembinaan dan pemilikan rumah sebagai tambahan kepada program yang ada pada masa ini. Setakat ini SKN mencatatkan sebanyak 28,003 permohonan untuk mendapatkan bantuan melalui JAPEM dan MUIB. Di bawah JAPEM, sebanyak 10,942 permohonan telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Permohonan dan sebanyak 4,614 permohonan telah diluluskan bagi bantuan kewangan dan *in-kind* dengan bantuan kewangan berjumlah kira-kira $9 juta.

Selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas yang bermatlamat untuk memastikan warga emas seluruh negara juga dipeduli dan diberikan bantuan dan sokongan, kita telah melaksanakan Program Pemedulian Warga Emas bersama Kementerian Kesihatan, Persatuan Bulan Sabit Merah dan pihak sukarelawan.

Seramai 294 orang warga emas dibantu untuk menghadiri temu janji doktor, diberikan bantuan lampin pakai buang dan susu dan pemedulian warga emas yang berumur 100 tahun ke atas. Sasaran ialah bagi meningkatkan jumlah 350 orang warga emas dalam program ini. Negara Brunei Darussalam tergolong dalam 5 negara teratas *ASEAN* yang menuju arah *ageing population*.

Pelan Tindakan Warga Emas telah dan akan dikemas kini untuk diselaraskan dengan strategik Kementerian Kesihatan yang menumpukan ke arah *successful ageing*. Institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam

penjagaan golongan warga emas dan perancangan sedang diteliti bersama syarikat swasta untuk memperkenalkan program yang diiktiraf bagi melatih penjaga khusus, termasuk ahli keluarga.

Penambahan bilangan Pusat Kegiatan Warga Emas di seluruh negara adalah suatu keutamaan. Rancangan adalah bagi pembukaan *parkway* Mukim Sengkurong dan Mukim Telisai. Penyerahan bangunan Pertubuhan Warga Emas telah dilaksanakan pada bulan Disember 2021. Bantuan kewangan juga diperuntukkan kepada Pusat Warga Emas bagi program dan aktiviti harian.

Pada tahun lepas, sebanyak 386 program telah dilaksanakan. Rancangan ke hadapan bagi meluaskan skop perkhidmatan Pusat Kegiatan Warga Emas termasuk penjagaan harian dan keusahawanan. Dikongsikan sebanyak 13 sesi Pemberigaan Pelan Perancangan Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak atau *National Framework on Children Protection* telah dilaksanakan dengan melibatkan lebih 1100 pegawai yang berkenaan.

Pelan perancangan ini diteruskan dengan penubuhan daftar *Registry Of Children And Young Person In Use Of Protection* yang disasarkan bermula pada 1 April 2022. Sebagai nilai tambah kepada MFCP, penyediaan Garis Panduan Program Jagaan Keluarga Angkat ataupun *foster care* disasarkan bermula April tahun ini, bertujuan membolehkan kanak-kanak ditempatkan di bawah perlindungan keluarga angkat secara sementara tanpa ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan.;

3. Melahirkan belia harapan yang berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara. Sejumlah $10.4 juta diperuntukkan bagi Program Melahirkan Belia Harapan yang Berwawasan termasuk penambahbaikan, prasarana dan kemudahan. Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 yang dilancarkan pada bulan Disember 2020 adalah asas kepada segala inisiatif yang dilaksanakan bagi belia. Berdasarkan kepada prestasi pencapaian Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi, lebih 97% program dan aktiviti pada tahun pertama telah berjaya dilaksanakan. Kita perlu memaksimumkan belia harapan dengan meneruskan usaha mengemas kini dan memperbaiki ekosistem kebeliaan dengan memberikan tumpuan kepada:

   i. Meningkatkan pembangunan keupayaan melalui latihan kemahiran dan industri yang relevan bersama *MPEC* kita akan terus meneliti peluang pekerjaan kritikal melibatkan pelbagai sektor. *Manpower Industry Steering Committee (MIAC)* mengenal pasti sebanyak 46 pekerjaan kritikal

melibatkan sektor tenaga, pembinaan, marin, teknologi infokomunikasi, *hospitality* dan pelancongan. Seramai 10,561 orang anak tempatan telah mendapat pekerjaan di sektor swasta pada tahun 2020 dan 80% atau 8,480 orang adalah belia.;

ii. Mengukuhkan ekosistem keusahawanan belia dalam pelbagai industri yang diterajui oleh Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia. Antara lainnya program i-Usahawan sektor tenaga memberikan platform memulakan perniagaan dalam memperolehi kontrak secara kompetitif. Dikongsikan seramai 27 orang belia berjaya mendapat tawaran dalam sektor tenaga dan bukan tenaga bernilai $29 juta dengan melibatkan pengambilan seramai 296 orang pekerja tempatan. Manakala sebanyak 37 kemudahan *incubator* dan ruang keusahawanan termasuk bagi OKU disediakan. Kita juga menyediakan ruang di bawah Projek Penyediaan Pondok Makanan di kawasan kompleks Stadium Hassanal Bolkiah iaitu 60% diberikan kepada pengusaha belia dan orang susah yang dijangka beroperasi April 2022.

Darussalam Enterprise (DARe) juga melaksanakan skim *co-matching* yang menawarkan bantuan kewangan sehingga $20,000.00 kepada Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana tempatan. KKBS juga menghulurkan hampir $60,000.00 berupa bantuan kewangan *micro grant* kepada 22 buah perusahaan belia pada tahun 2020 hingga 2022. Secara keseluruhannya, lebih $250 ribu diperuntukkan bagi 38 buah perusahaan belia di bawah inisiatif-inisiatif ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dikongsikan seramai 175 orang pengusaha belia telah mencapai pendapatan sebanyak $1 juta setahun. Dari aspek penyediaan prasarana bagi perniagaan agri pula sebanyak 138 tapak kemajuan pertanian disediakan dan diusahakan oleh para belia termasuk Program Belia Berpadi.

Ke arah memajukan lagi pemerkasaan belia dalam keusahawanan, kita akan memfokuskan 2 inisiatif, meluaskan skop dan memperbanyakkan peluang program memulakan perniagaan termasuk di pedalaman dan luar bandar dan meluaskan program peladangan dan pertanian di bawah KKBS dengan penyediaan 27 hektar tambahan, iaitu 20 hektar di Kampung Batong bagi program belia berpadi dan 7 hektar di Temburong bagi pertanian. Ini adalah bagi

mendukung fokus belanjawan menjamin sekuriti makanan.;

iii. Meningkatkan pemerkasaan belia dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan. Peranan Persatuan Pergerakan Belia dan *Youth Advocates* sangat penting selaku rakan strategik dalam mendukung segenap aspek pembangunan belia. Dikongsikan 15 buah Program Pemberigaan Dasar Belia Negara melibatkan hampir 2,000 orang belia di keempat-empat daerah telah dilaksanakan oleh *Youth Advisory Group*. Sebanyak 14 program kepimpinan dan mentor melibatkan 1,600 orang belia telah dianjurkan oleh *Youth Professinal Network* termasuk Program Kesejahteraan Mental. Hampir 2,000 orang belia telah mengikuti 14 buah Program Kesihatan Minda anjuran Kementerian Kesihatan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan dan *Youth Advocate*. Pihak Majlis Belia Brunei turut menganjurkan Forum Belia *ASEAN* ke-11, Forum Hari Belia dan Kempen Hari Bertindak. Hampir 2,000 orang belia dilibat sama dalam penggubalan dasar dan strategik.

Ke arah pelaksanaan program belia, bantuan kewangan sejumlah $164 ribu diberikan kepada 32 buah persatuan atau penggerakan sebagai pendukung program yang diterajui oleh belia pada tahun 2020 sehingga 2022.

Perancangan ke hadapan kita adalah seperti berikut:

i. Memberikan latihan kemahiran dalam penyediaan program pengurusan khususnya dalam pembentukan strategi dan dasar.;

ii. Meningkatkan purata *score* indeks pembangunan belia ataupun *YDI's Score* kepada sekurang-kurangnya 75%.;

iii. Penelitian bagi melaratkan industry kreatif sebagai kluster tambahan kepada *Man Power Industries Steering Committee.*; dan

iv. Pembangunan nilai dalam membentuk jati diri kepada modal insan yang holistik;

Hampir 25,000 belia melibatkan diri dalam Program Kepimpinan, Keagamaan, Kesihatan dan Pembangunan Kapasiti secara menyeluruh. Kita melihat pelaksanaan program diterajui oleh belia sendiri.

PKBN juga telah meluaskan skop pembinaan jati diri dengan kolaborasi bersama *MPEC* bagi penerapan kedayatahanan, resilien dan kepimpinan kepada

penuntut vokasional. Program *Booth Champ* dari *presef course alumni PKBN* akan dilaksanakan pada tahun ini.

4. Mengukuhkan jati diri dan patriotisme sebagai teras pembangunan negara yang berpaksikan 'Melayu Islam Beraja'. Sejumlah $25 juta diperuntukkan bagi mengukuhkan program jati diri dan pratiotisme termasuk pembinaan, penerapan dan penghayatan warisan, sejarah dan budaya serta penambahbaikan prasarana dan kemudahan.

   Berdasarkan prestasi pencapaian Pelan Strategik Kementerian 2020/2024, sebanyak 40 buah projek melalui 5 program utama telah dicapai dan dilaksanakan.

   Kita akan meneruskan usaha mengemas kini dan memperbaiki ekosistem kebudayaan secara pendekatan senegara dengan memberikan tumpuan kepada:

   i. Meningkatkan pemerkasaan dan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai agenda utama dalam segenap pembangunan aspek masyarakat. Sebagaimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan tidak berjadual. Baginda telah menyentuh peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai jentera ketamadunan bangsa. Untuk itu, bahasa Melayu dan tulisan Jawi perlu diterapkan dalam segenap aspek dari institusi keluarga dan pembudayaan seharian kepada bahasa intelektual.

   Pada tahun lepas, ilmu bahasa telah dilaksanakan secara maya sepanjang tahun, dengan 4 aktiviti melibatkan hampir 700 orang peserta. إِنْ شَاءَ ٱللهُ, sepanjang tahun ini Kongres Antarabangsa, Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu yang melibatkan 23 orang pakar tempatan dan antarabangsa akan dilaksanakan secara maya.

   Dewan Bahasa dan Pustaka, juga telah dilibatkan semula dalam proses pengesahan bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam papan-papan tanda, kain rentang dan papan iklan, sejak bulan Jun 2021 sebagai salah satu proses kelulusan *ABCi.* Penggunaan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi juga dilaratkan di media sosial dan laman sesawang agensi-agensi kerajaan.;

   ii. Mengembangmajukan industri kebudayaan dan kreatif termasuk penulisan kreatif. Hampir 600 orang telah menyertai 41 aktiviti pengembangan industri kebudayaan dan kreatif. Jumlah

ini akan ditingkatkan sebanyak 30% penyertaan masyarakat. Sebanyak 222 aktiviti kegiatan warisan sejarah dan budaya termasuk industri kebudayaan dan kreatif dilaksanakan dengan melibatkan 10,586 orang peserta.

Antara signifikan ialah menjadi tuan rumah Festival Budaya, 2021 dalam kalangan negara-*BIMP-EAGA* yang menampilkan berbagai-bagai bidang seni. Dikongsikan rundingan dan perancangan awal sedang dilaksanakan pada peringkat *working level* bersama pihak-pihak berkepentingan untuk menggariskan antara lain undang-undang dasar dan prasarana bagi memajukan industri kreatif.;

iii. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan sejarah warisan budaya dan ketamadunan bangsa melalui penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti. Program jangkauan kepada segenap lapisan masyarakat melalui jerayawara, Program Pendidikan dan Pembudayaan termasuk penyebaran buku terbitan di peringkat *local* dan antarabangsa akan dipertingkatkan.

Sebanyak 179 program jerayawara telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 25,000 orang peserta di kesemua daerah. Sebanyak 165 jenis penyelidikan telah dilaksanakan dan kita akan meningkatkan 30% penyelidikan berfokus. Beberapa inisiatif baharu akan dilaksanakan pada tahun ini. Festival Kebudayaan 7 Puak dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan kajian kefahaman dan penghayatan sejarah. إِنْ شَاءَ ٱللهُ , Pusat Sejarah Brunei akan menerbitkan siri buku Tersilah Brunei yang terakhir.; dan

iv. Meningkatkan penghayatan budaya melalui teknologi dan prasarana. Hampir 130,000 orang pelawat mengunjungi muzium, galeri, perpustakaan dan taman warisan sama ada secara fizikal atau secara maya. Kegiatan-kegiatan seperti Bicara Sejarah, Muzium Warisanku, Festival Seni Budaya juga telah dilaksanakan secara maya.

أَلْحَمْدُ لِلهِ , Muzium Alat Kebesaran Diraja telah dilengkapkan dengan *digital audio guide* dalam 5 bahasa. Sebuah projek yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Dinamik Teknologi. Penggunaan teknologi ini akan dilaratkan kepada muzium dan galeri lain.

إِنْ شَاءَ ٱللهُ , dengan siapnya pada tahun ini Projek Penaiktarafan dan Penambahbaikan Galeri Seni

Dermaga Diraja, Muzium Brunei dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang akan mengoptimumkan penggunaan teknologi dan penyediaan ruang-ruang pelbagai fungsi atau guna sama yang akan memberi peluang dan galakan aktiviti-aktiviti keusahawanan dan industri kreatif.

5. Mengukuhkan Ekosistem Sukan yang Inklusif dan Cemerlang. Sejumlah $15.5 juta diperuntukkan bagi Program Ke Arah Mengukuhkan Ekosistem Sukan. Ia dihasratkan untuk mewujudkan persekitaran atlet yang stabil, membangun sukan yang berpotensi untuk membangun 'pingat' berdasarkan kehendak negara. Membangun bakat sukan, prasarana yang kondusif dan memastikan keinklusifan sukan untuk semua.

   Kita sedang melaksanakan penilaian keperluan sukan prestasi tinggi yang merangkumi infrastruktur, sumber tenaga manusia dan kepakaran. Peralatan dan teknologi dan nilai tambah kepada meningkatkan prestasi atlet bersama pakar konsultan *Sport Accessed and Mediation*, Kementerian Kesihatan.

   Hasil dapatan ini akan menentukan strategi dan Pelan Tindakan Sukan Prestasi Tinggi yang disasarkan selesai pada bulan April 2022 bagi pelaksanaan tempoh 2 tahun yang memberikan keutamaan kepada:

   i. Pembangunan atlet negara jangka masa panjang bagi mendapatkan kelayakan dalam sukan prestasi tinggi serantau dan antarabangsa.;

   ii. Mengenal pasti sukan prestasi tinggi yang berpotensi untuk memenangi 'pingat' berdasarkan kehendak dan prestasi.;

   iii. Ketersediaan infrastruktur untuk mengadakan acara sukan serantau dan antarabangsa. Ini termasuk memberikan kemanfaatan kepada atlet dan masyarakat secara amnya.;

   iv. Mengemas kini dan menstruktur semula perkhidmatan sedia ada untuk mewujudkan perkhidmatan baharu yang lebih menepati keperluan seperti strategi sukan prestasi tinggi, kebajikan dan kesejahteraan atlet dan penyelidikan dan inovasi.; dan

   v. Penglibatan sektor swasta, korporat dan *GLC's* untuk sama-sama membangun dan mengukuhkan ekosistem sukan. Dalam pada masa yang sama, kerjasama yang erat dengan Kementerian Pendidikan akan diteruskan dalam pelaksanaan biasiswa khas dalam bidang sukan dan peranan sekolah sukan dalam melahirkan atlet negara.; dan

6. Memaksimumkan Penggunaan Teknologi dan Infrastruktur. KKBS akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memanfaat-kan aplikasi Pintar dan Teknologi Digital serta bukti dan amalan terbaik.

   Mengoptimum Sistem Kebajikan Negara (SKN) dalam membentuk dasar dan program intervensi.

   i. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dalam memastikan perkhidmatan diberikan efisien, cepat dan tepat pada masa dikongsikan sistem SKN telah dapat mengurangkan proses TPOR dalam tempoh 2 bulan bagi JAPEM dan MUIB. Perlaksanaan fasa kedua SKN akan menerapkan Skim Miftahun Najaah yang disasarkan April 2022.

   ii. Penambahbaikan Aplikasi Sukarelawan Sistem 'Mengalinga' yang diperkenalkan pada bulan Ogos 2021 bersama Bank Baiduri Berhad dengan *Artificial Inttelligence.* Setakat bulan Februari 2022, Aplikasi 'Mengalinga' merekod 1,200 individu dan 117 organisasi pendaftaran dengan 168 projek sukarelawan yang terancang.;

   iii. Penelitian bagi membina aplikasi yang menyatukan perkhidmatan bantuan sosial secara digital yang mudah diakses dan mesra pelanggan.

Pada masa yang sama kita akan terus memaksimumkan pasaran, sumber dan kemudahan bagi pembangunan masyarakat melalui *share facility*. Kita akan memberikan tumpuan kepada fasiliti sukan dan Pusat Belia mengikut keutamaan khususnya di Daerah Temburong dan Daerah Belait. Kompleks Perkampungan Sukan dan Kem Latihan PKBN telah menunjukkan kepentingannya sebagai platform yang fleksibel dan serba guna.

Fasiliti ini digunakan sebagai Pusat Isolasi Komuniti manakala Pusat Belia Stadium Tertutup dan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah telah digunakan sebagai Pusat Vaksinasi dan Pusat Pengagihan Catuan Makanan.

Yang Berhormat Pengerusi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kesemua projek di bawah RKN Ke-11 adalah dalam Fasa Pembangunan dan dijangka akan selesai sebelum berakhirnya RKN Ke-11. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ kita akan melihat pembukaan semula Bangunan Kastam lama dan Dermaga Diraja dan muzium baharu. Penggunaan semula Stadium Negara Hassanal Bolkiah sebagai *hub* latihan atlet elit dan *hub* komuniti dengan nilai tambah yang lebih tinggi dan kompleks perlindungan yang baharu yang memberikan suasana kondusif kepada penghuni perlindungan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, di sebalik cabaran yang kita hadapi pada masa ini, masyarakat kitani

telah menunjukkan sikap resilien dan pemedulian yang tinggi secara langsung meningkatkan semangat bersatu padu, berganding bahu secara senegara.

Penghargaan yang setinggi-tingginya kepada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, termasuk rakan-rakan strategik, para sukarelawan dan para pasukan barisan hadapan yang bertungkus-lumus untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing termasuk dalam usaha menangani wabak *COVID-19.*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah pun mendengar kenyataan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tentang hala tuju kementeriannya, yang merupakan kenyataan yang cukup jelas dan terperinci.

Maka sekarang saya ingin membukakan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini untuk dibahaskan dan untuk memulakannya saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terus saja kepada perbincangan, saya ingin menyentuh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu di bawah Kod 002/001- Pemberigaan dan Mempromosi Bahasa serta Kod 003/001- Menggalakkan Seni Penulisan.

Mengenai peruntukan yang dipohonkan iaitu sebanyak $789,599.00 dan sebanyak $544,974.00 kesemuanya adalah untuk gaji kakitangan sahaja dan tidak ada untuk Perbelanjaan Berulang-ulang. Soalan saya ialah:

i. Adakah ini akan dapat mencapai objektif perkara ini, kerana setentunya pemberigaan dan promosi ini memerlukan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian.; dan

ii. Penulisan dalam kalangan penulis muda. Apakah pencapaiannya pada masa ini dan apakah perancangan untuk memperkembangkannya?.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas persoalan. Pertama mengenai Pemberigaan dan Mempromosi Bahasa dan yang kedua penulisan dalam kalangan penulis muda.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Dewan Bahasa dan Pustaka telah diperuntukkan sekitar $11 juta bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Seperti yang dinyatakan dari peruntukan tadi itu $789,599.00 diperuntukkan di bawah Kod 002-001 - Pemberigaan dan Promosi Bahasa khusus bagi Gaji Kakitangan dan tiada Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Untuk menjawabnya, perbelanjaan bagi Program Pemberigaan dan Mempromosi Bahasa disatukan di bawah Kod 001-000 Pertadbiran dan Pengurusan. Pecahan Kod 001-003 Pengurusan dan Perancangan Pembelian berjumlah $451,481.00 Ia sama juga dengan Tahun Kewangan 2021/2022 yang peruntukan untuk Program Pemberigaan dan Promosi sebanyak $33,400.00 jadinya ia dimasukkan ke dalam tajuk pecahan tersebut dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ bagi Tahun Kewangan 2022/2023, jumlah yang sama sejumlah $33,400.00 akan dimasukkan dalam pecahan tajuk tersebut.

Sebagai tambahan sahaja, jumlah peruntukan ini akan digunakan dalam 'mencarukkan' martabat dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan meletakkannya pada kedudukan teratas. Dikongsikan antara program yang telah dan terus dilaksanakan dalam memberigakan dan mempromosi bahasa Melayu adalah seperti Tamu Bahasa, Bengkel Penulisan, Baca Puisi Antarabangsa, Segmen Bahasa dan Kesusasteraan melalui Program Rampai Pagi (RTB).

Penyebaran hasil penyelidikan bahasa dan budaya Melayu seperti pantun Melayu Brunei dan penyebaran kosa kata seperti Telinga Bahasa, Rimbun Bahasa Brunei dan Perambahan Brunei. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ jumlah tersebut sebanyak $33,400.00 ini akan digunakan untuk pemberigaan dan mempromosi bahasa.

Pada tahun ini, jumlah ini banyak digunakan secara maya dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kaedah maya dan fizikal akan kitani laksanakan nanti *under the new norm* ini, kita menggunakan pemberigaan dan promosi ini dengan fizikal dan secara maya. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ diteruskan.

Penulis-penulis muda dikongsikan, kita mempunyai program yang dinamakan Program Penulis Muda yang telah dilancarkan pada tahun 2019 dan ia diadakan 2 kali setahun ia menyasarkan pada penulis berumur 15-35 tahun.

Program ini bermatlamat mewujudkan sumber manusia, mampu menambah bilangan penulis generasi baharu tanah air yang berbakat dengan imej yang lebih dinamik, agresif dan kreatif dan seterusnya menjadi pelapis dalam perkembangan sastera dalam Negara Brunei Darussalam.

Sehingga hari ini, seramai 171 orang penulis muda telah menerima bimbingan melalui bengkel pelbagai *genre* iaitu penulisan puisi, sajak, cerpen, novel dan drama. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, sebanyak 3 buah buku hasil tulisan penulis muda telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Antologi Puisi Kepala Kertas, Antologi Cerpen Aurora 1 dan Antologi Cerpen Aurora 2.

Dalam masa yang sama, penerbitan majalah dan jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka juga dimartabatkan sebagai wahana termasuk bagi penulis-penulis muda khususnya Majalah Mekar, Majalah

Naindung dan Juara Pelajar. Dikongsikan pada tahun 2020 satu ruang khas penulisan yang dinamakan Suara Penulis Muda telah diwujudkan bagi menampung karier penulis muda. Setakat ini seramai 93 penulis muda aktif dalam berkarya.

Sebagai tambahan, kita amat berbangga seorang penulis muda tempatan iaitu Yang Mulia Awangku Mohammad Norsham bin Pengiran Hidup diiktiraf sebagai Johan Kategori Puisi Sayembara, Tulisan Kreatif Mastera pada tahun 2021. Pada tahun 2019, Penulis Muda, Yang Mulia Awang Abdul Baqi bin Haji Abdul Hisab menjadi pemenang Hadiah Terjemahan Mastera dan 6 penulis muda tempatan dipilih sebagai Penerima Penghargaan Sasterawan Muda Mastera dari tahun 2005 hingga 2017. Inilah menunjukkan perkembangan penulis-penulis kitani, penulis-penulis muda tanah air kitani.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ , lebih ramai melahirkan penulis muda peringkat berumur yang lebih muda, Dewan Bahasa dan Pustaka akan melaksanakan inisiatif Akademik Penulis, Kelab Penulis Kanak-Kanak, Projek Sastera yang menyasarkan pelajar tahun 4 hingga tahun 6. Jadi أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , kitani dapat melihat bakat-bakat penulis muda kitani sentiasa aktif.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus memberikan peluang kepada penulis-penulis muda kitani dan juga akan melaksanakan Program Penulis Muda agar jumlah penulis-penulis muda kitani akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Kaola membawakan di bawah Tajuk SA02A - Dewan Bahasa dan Pustaka.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, Negara Brunei Darussalam dihadiahkan dengan Perlembagaan Bertulis (1959). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara, inilah jati diri bangsa. Mengimbas kembali saja *Conference* Belia 2021 menggunakan bahasa Inggeris, seyogia dicadangkan setiap perhimpunan rasmi yang objektifnya menyampaikan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam supaya dibuat dalam bahasa Melayu.

Seterusnya Tajuk - SA03A - Jabatan Belia dan Sukan. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, jelas sekali sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi hanya sedikit persoalan. Setakat mana usaha pihak kementerian dalam usaha pengalakkan memperkasa industri sukan dalam membuat tawaran penyediaan tapak dan kemudahan sukan kepada pelabur-pelabur?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat.

1. Penggunaan bahasa Melayu.; dan

2. Usaha melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi memperkasa industri sukan.

Barangkali saya menjawab soalan yang kedua dulu, memperkasa industri sukan. Dikongsikan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan salah satu inisiatif adalah konsep *Private Public Pathership (PPP)* ataupun *outsourcing* untuk diusahakan dalam pembangunan infrastruktur mengalakkan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, beberapa usaha telah pun dilaksanakan dalam memastikan bahawa peluang diberikan kepada usaha-usaha keusahawanan, ke arah *(PPP).* Salah satunya ialah melihat kepada tapak-tapak yang ada yang diberikan kepada Jabatan Belia dan Sukan untuk dikembangkan ataupun dibangunkan oleh sektor swasta *(private sector).*

Ini telah pun dilaksanakan dan telah pun dibukakan beberapa tahun yang lalu seperti Tapak Sukan di Perpindahan Lambak Kanan, di Tapak Kompleks Sukan Air Serasa.

Walau bagaimanapun, pada masa ini dibukakan, tidak ada tawaran diterima setelah ia dibukakan. Jadi, kita akan terus mengusahakan *Private Public Pathership (PPP)* ini bagi pembangunan sukan ini dilaksanakan khususnya dari tapak-tapak yang ada yang diberikan kepada Jabatan Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, kita telah pun memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk menjalankan operasi seperti gimnasium, bukan sahaja di Stadium Negara Hassanal Bolkiah akan tetapi dilaratkan kepada 2 tempat iaitu di Kompleks Sukan Mumong dan juga di Kompleks Sukan Tutong.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ia telah pun dijalankan oleh pengusaha-pengusaha tempatan. Kitani sebenarnya menyasarkan belia untuk mengusahakan, walau bagaimanapun tidak ada belia yang tampil untuk menjalankan gimnasium yang telah pun dibukakan di Daerah Belait dan juga di Daerah Tutong.

إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ , kita amat menggalakkan kaedah *(PPP)* untuk membangun kompleks sukan ini di bawah Jabatan Belia dan Sukan, dan kita akan terus berusaha untuk membuka lagi tawaran-tawaran ini, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ .

Mengenai soalan yang pertama. Tidak dapat disangkalkan bahawa kita mesti memartabatkan bahasa Melayu. Ia satu keutamaan yang tinggi memartabatkan bahasa Melayu. Kitani melihat bahawa penggunaan dua bahasa ini sering digunakan dalam *conference*, dalam *workshop* dan apa jua program yang

dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Apa yang penting ialah untuk kitani meningkatkan lagi, ertinya peratus penggunaan bahasa Melayu ini, kadang-kadang kitani melihat bahawa pengunaan bahasa inggeris lebih daripada bahasa Melayu. Usaha adalah untuk mempertingkatkan peratus penggunaan yang menggunakan dua bahasa ini dan lebih utama adalah bahasa Melayu.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, kitani akan terus memartabatkan bahasa Melayu dalam apa jua persidangan, apa jua program-program yang dilaksanakan seperti seminar, *workshop* lebih-lebih lagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perkara ini diambil maklum dan usaha akan terus memartabatkan bahasa Melayu dalam apa jua program-program khususnya dalam kongres dan perjumpaan. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, perkara ini diambil maklum dan usaha akan terus dipertingkatkan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola bernostalgia bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan termasuk jua kitani semua sekali. Dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2019.

Jika kaola tidak silap, kaola telah mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menubuhkan dan mengadakan satu yang dipanggil Akademi Seni Budaya bagi memantuni dan menyantuni golongan budayawan dan seniman yang termasuk golongan sasterawan, para penulis, penyanyi, pelukis dan seumpamanya.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam sesi muzakarah antara Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan abiskaola telah diberitahu bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan membina satu Galeri Seni, di satu tapak iaitu bangunan kerajaan yang telah diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Khabar itu telah menggembirakan banyak pihak termasuk orang-orang seni.

Tetapi hasrat untuk 'merapuskan' semua seniman dan karyawan dan budayawan belum dapat terlaksana nampaknya,

hanya nampak bangunan itu dinamakan Galeri Seni. Yang kami fahamkan hanyalah untuk pertunjukkan ataupun pameran-pameran seperti lukisan-lukisan yang bersejarah dan sebagainya. Jadi, belumlah 'rapus' keseluruhan budayawan dan karyawan dapat berlindung atau bernaung di bawah projek itu.

Kaola suka mendapatkan penjelasan lanjut dan pencerahan daripada Yang Berhormat anakanda Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai projek tersebut. Kaola cadangkan juga supaya peruntukan projek-projek seni budaya yang pernah kaola ajukan dulu dimasukkan dalam Rang Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk Tahun 2022/2023 atau jika dirasakan perlu dibuat dengan lebih besar lagi idea itu, dimasukkan dalam RKN-12. Akhirnya kaola tutup dengan serangkap pantun:

Anak buaya anak angsa,
Pohon nangka berbuah lebat,
Seni budaya jiwa bangsa,
Tanpanya bangsa hilang martabat.

Terima Kasih, وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُTerima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada ayahanda Yang Berhormat.

Untuk mengongsikan saja barangkali soalan lebih tertumpu kepada Penubuhan Akademi Seni Budaya. Barangkali untuk menjawab lebih dahulu cadangan ataupun usulan mengenai projek seni budaya ini, إِنْ شَاءَ ٱللهُ akan dilihati secara mendalam bagi permohonan peruntukan kewangan pada masa akan datang ataupun untuk diteliti bagi keutamaan untuk dimasukkan Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang. Perkara itu akan diteliti dengan secara mendalam.

Bagi menjawabnya jua, untuk makluman Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah selesai merangkap kurikulum Akademi Seni Budaya Negara Brunei Darussalam. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, konsep *Whole Of Nation* telah dilaksanakan dalam rangka kurikulum ini.

Walau bagaimanapun, struktur tersebut telah dimanfaatkan untuk pelaksanan *hub* seni yang lain. Ke aarah pembinaan satu infrastruktur mengenai pelaksanaan balai budaya sebagai ruang budaya *Culture Space* pelakasanaan kegiatan berkenaan, sebidang tanah yang ada di Kampung Kiulap masih dalam penelitian dalam kementerian ini.

إِنْ شَاءَ ٱللهُ seperti yang dikongsikan tadi, barangkali fasa yang pertama kurikulum seni budaya telah selesai dilaksanakan. Bagi pembinaan infrastruktur perkara ini akan diteliti lagi, walaupun sememangnya tapaknya ada. إِنْ شَاءَ ٱللهُ ia akan diteliti bagi pembangunan ini sepertimana yang telah dicadangkan adakah sebagai keutamaan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang.

Dalam masa yang sama, kaola ingin membagikan tambahan berkenaan ruang, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ walaupun ruang ini hanyalah ruang pameran sahaja apa yang diharapkan ruang-ruang tambahan ini nanti إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Ruang galeri seni di Dermaga Diraja إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dibuka dalam sedikit masa lagi dan juga ruang galeri di Stadium Negara Hassanal Bolkiah إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dibuka semula sedikit masa lagi, akan memberikan peluang bagi penggiat-penggiat seni industri kreatif untuk menggunakannya secara lebih besar.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ , galeri-galeri seni nanti akan memberikan peluang kepada penggiat industri kreatif kitani. Saya memahami ia sebagai ruang pameran sahaja bukannya untuk berkarya. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini akan ditunduki dengan sedalam-dalamnya dengan pembinaan infrastruktur, dalam keutamaan-keutamaan yang akan datang, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Terima Kasih, Yang Berhormat atas pandangan tersebut.

Penubuhan Akademi Seni Budaya. Penubuhan Akademi Seni Budaya akan dilaksanakan, akan tetapi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Jika diizinkan barangkali kaola ingin membalas sedikit pantun Yang Berhormat.

Anak ayam anak si angsa,
Pasang lampu suluh pelita,
Pelihara kukuh peradaban bangsa,
Budaya Melayu warisan kita.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Lebih dahulu kaola merakamkan dan mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih atas usaha jerih payah dan khidmat Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, ganjaran pahala kami semua doakan.

Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola untuk mengajukan 4 isu perbahasan sekiranya dibenarkan Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola mengajukan soalan mengenai di bawah Tajuk SL064 - Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan peruntukan yang akan diberikan sejumlah $24,647,670.00.

   Dalam kehidupan yang kian mencabar pastinya setiap pelosok masyarakat akan terasa impak dan kesannya turut dirasakan juga kepada ibu tunggal dan para balu. Dengan adanya pihak berkenaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

setakat manakah keberkesanan hal ini terutamanya dalam membangun dan menjamin kehidupan pihak kaum hawa ini untuk terus *survive* pada era kian mencabar ini?

Kaola ingin mencadangkan saja mungkin perlu difikirkan Skim Latihan Bimbingan, Perniagaan dan Bantuan Modal Perniagaan bagi mereka menceburi bidang yang boleh menjana kewangan dan pendapatan.;

2. Yang Berhormat Pengerusi. Melihat kepada Skim Bantuan Perumahan, baik pihak kerajaan mahupun pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semakin banyak permohonan dihadapkan. Namun sejak kebelakangan, banyak aduan dan rintihan para pemohon mengenai hal bantuan rumah ini.

   Apa yang lebih menyedihkan terdapat kelompok yang memohon ini adalah anak yatim dan mereka yang berpendapatan rendah. Apakah usaha-usaha pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini dalam menangani isu ini kerana seperti contoh anak yatim, yang mereka ini ada yang masih menumpang di rumah ahli keluarga lain dan terdapat kes lawatan sudah berulang kali dibuat oleh pihak bertanggungjawab, namun sehingga bertahun-tahun masih belum ada tindakan yang sewajarnya?;

3. Kebiasaannya negara kita menghormati pada hari-hari kebesaran Islam termasuklah setiap malam Jumaat bahawa acara sukan ditiadakan. Merujuk perkara tersebut, ada acara sukan yang dianjurkan oleh salah sebuah persatuan mengadakan hampir setiap malam pada bulan Ramadan bermula selepas waktu berbuka puasa. Sebagai sebuah Negara Zikir, kita mestilah menghormati dan mengutamakan bulan ramadhan.

   Menganjurkan acara sukan tidak dilarang. Malah ia digalakkan untuk memajukan sukan di negara ini tetapi haruslah mengadakan pada bulan dan hari yang mengikut kesesuaian. Soalan kaola, adakah pihak yang berkenaan membuat pemantauan pada setiap acara sukan yang dianjurkan dan apakah ada garis panduan yang dikeluarkan khusus kepada para penganjur bagi acara sukan di negara ini?; dan

4. Industri perfileman di negara kitani ini perlu sokongan dari pihak kerajaan. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan adanya sokongan pihak kerajaan, beberapa filem tempatan dibawa ke luar negara mengikut *film festival* di peringkat antarabangsa.

   Namun ada beberapa keluhan dari *local film* iaitu pembuat filem tempatan yang terdiri daripada para belia anak-anak tempatan kitani bahawa pihak pawagam *(cinema*) di negara ini kurang bekerjasama dan

tidak menyokong keluaran filem-filem tempatan.

Ada juga pawagam yang langsung tidak memberi layanan kepada mereka sedangkan filem sudah pun siap untuk ditayangkan serta berkualiti mengikut *standard* tayangan.

Sehubungan itu, bolehkah kiranya pihak berkenaan mengadakan satu perintah kepada pihak pawagam iaitu Perintah Wajib Tayang sebagaimana juga Perintah Wajib Tayang ini diadakan di beberapa negara lain?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat.

Ada 4 soalan telah pun diajukan:

1. Ibu tunggal dan balu. Bantuan dari pihak JAPEM sentiasa diberikan kepada golongan susah sama ada ibu tunggal, balu, wanita akan diberikan secara saksama. Ibu-ibu tunggal dan para balu ini tidak ketinggalan untuk diberikan sokongan dan bantuan khususnya kepada ibu-ibu tunggal dan balu terdiri daripada golongan susah dan berpendapatan rendah.

   Dikongsikan bahawa banyak program khususnya dalam memberikan latihan *(skill)* yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat. Saya mengongsikan berkenaan dengan Program Komuniti. Banyak program yang dilaksanakan khusus Program Komuniti yang disasarkan kepada golongan susah dan juga penduduk kampung, belia dan lain-lainnya.

   Pihak JAPEM dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia telah pun melaksanakan program-program ini yang juga menyasarkan kepada kaum wanita, kaum hawa termasuk kepada ibu tunggal dan balu. Kitani telah pun melaksanakan dan program terakhir sebelum wabak *COVID-19* ialah Program Jahitan yang telah diberikan kepada kaum hawa Mukim Saba dan kitani telah pun melaksanakan banyak program kepada kaum hawa yang inisiatif ini datang dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, inisiatif daripada ketua-ketua kampung dan sebagainya.

   Sebagaimana yang kitani hasratkan kitani akan terus menjadikan Pusat Pembangunan Belia ini bukan untuk melaksanakan program belia sahaja tetapi juga Program Komuniti. Jadi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pada ibu-ibu tunggal dan balu, khususnya kepada kaum hawa, program ini dilaksanakan di bawah Pusat Pembangunan Belia dan kitani telah pun melaksanakan antara lainnya jahitan, *food and beverages*, solekan, banyak program telah pun dilaksanakan. Dalam masa yang sama, Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan juga telah pun mengeluarkan, mengumpulkan modal kepada kaum hawa, terutama sekali kaum hawa yang berminat dengan Program Komuniti ini.

Selepas sahaja latihan akan terus diberikan latihan keusahawanan dan sekiranya berjaya dan menunjukkan minat mengikuti program-program bersama dengan dengan BIBD, *Seed Programme* dan sebagainya, mereka akan diberikan program. Perkara ini termasuk kepada ibu tunggal dan balu. Perkara akan terus dilaksanakan agar kaum ibu-ibu tunggal dari golongan susah diberikan program-program *skill*, latihan, ianya memang diberikan sepertimana tadi dinyatakan bahawa peruntukan bagi *Seed* ataupun modal ini ada dalam Program Pembangunan Masyarakat berjumlah $27 ribu setahun. Ini dikhususkan kepada golongan susah termasuklah kaum hawa dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan terus dilaksanakan. Saya menyeru untuk diambil peluang-peluang ini. Kebanyakan program ini dimulakan daripada penghulu dan ketua kampung yang mengaturkan kumpulan dan untuk dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ .;

2. Skim Bantuan Perumahan. Skim Perumahan ini yang saya nyatakan tadi dalam mukadimah pembinaan rumah kepada golongan fakir dan miskin adalah satu kepentingan yang tinggi. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ di bawah SKN kitani dapat melihat orang yang memohon bagi bantuan kebajikan bulanan, kitani dapat menggunakan *artificial intelligence* mengenai berapa ramai orang yang tinggal dalam satu rumah. Kitani dapat membuat penganalisisan siapa yang sepatutnya diberikan keutamaan bagi pembinaan rumah ataupun pemberian rumah. Sistem ini dapat dilihat di SKN. Itu satu kaedah dalam memberikan keutamaan.

   Memang dari tahun 2019-2021 di bawah Program *Quick-Win* dan juga dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sejumlah 143 buah rumah telah diserahkan dan banyak lagi yang *waiting list* pembinaan rumah ini untuk golongan susah.

   Tadi dinyatakan dalam mukadimah, kitani hendaklah melihat perancangan holistik kepada program-program yang ada pada masa ini, yang pada masa ini sedang dilihati dan dirancangkan di bawah *Housing Focus Group* di bawah Kementerian Pembangunan bagi melihat pembinaan dan pemilikan rumah kepada golongan susah. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan adanya nanti perancangan di bawah *Housing Focus Group* ia akan dapat menambah kepada perancangan yang dilaksanakan khususnya untuk golongan susah.

3. Pemantauan dan garis panduan bagi acara-acara sukan dan pelaksanaan acara-acara sukan. Sebenarnya garis

panduan bagi perlaksanaan acara-acara riadah termasuklah sukan ini ada masa-masanya yang kitani tidak dapat melaksanakan acara-acara riadah termasuklah sukan juga pada hari-hari dalam kalendar Islam. Ada hari-harinya telah pun dikeluarkan garis panduan ini.

Barangkali إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kitani akan mengingatkan kepada persatuan kerana banyak acara-acara sukan ini kadang-kadang ia bukan dilaksanakan oleh persatuan sahaja akan tetapi, kalau sekiranya *event organizer* bersedia akan melalui proses-prosesnya dan dipohonkan proses-prosesnya.

Tapi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menghormatilah pada malam Jumaat dan juga hari-hari kebesaran Islam. Untuk melimitkan acara sukan ini, perkara ini akan diingatkan lagi dan pihak kementerian mengucapkan terima kasih juga atas peringatan ini dan JBS akan terus memantau dan mengingatkan untuk menghormati pada waktu-waktu yang tertentu.;

4. Berkenaan dengan perfileman. Tidak dapat disangkalkan kitani bersyukur bahawa pembinaan perfileman dari pihak tempatan semakin meningkat, termasuklah daripada para belia. Pihak kementerian mengakui dan memahami keluhan pihak-pihak yang membuat dan melaksanakan perfileman ini mengenai adanya limitasi dalam menayangkan filem-filem tempatan ini.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berusaha dan telah pun membuat perjumpaan bersama dengan pihak-pihak industri filem dan *cinema*, untuk memberikan peluang kepada filem-filem tempatan untuk ditayangkan. Memanglah salah satu perkara yang ditimbulkan ialah jumlah orang yang akan menonton. Ia adalah pengimbangan antara إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ untuk mendapatkan pendapatan dari *cinema* dan usaha untuk menayangkan filem tempatan.

Ini yang telah pun diketengahkan dan jadi perkara ini akan diteliti dengan sebaik-baiknya, bersama dengan pihak-pihak *cinema* agar memberikan ruang bagi filem-filem tempatan ini untuk ditayangkan di pawagam-pawagam kitani.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini akan ditunduki lagi. Sebenarnya had masa yang telah pun diberikan oleh pawagam-pawagam ini, mereka mahukan masa yang lebih lama akan tetapi had masa yang diberikan untuk menayangkan filem-filem tempatan ini begitu pendek, ini berdasarkan keuntungan dan sebagainya. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini akan ditunduki bersama dengan pawagam agar juga memberikan ruang untuk filem-filem tempatan ini untuk ditayangkan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه saya kira cukuplah berbincang mengenai Tajuk Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sekarang saya ingin untuk mengundi bagi tajuk ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A, dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sudah pun selesai meluluskan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita kembali bersidang semula dalam Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Maka saya kira adalah berpatutan sekarang bagi kita untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ pada esok hari iaitu Rabu, 2 Mac 2022. Sebagaimana lazim mulai pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 29 Rejab 1443 /2 Mac 2022

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keenam Rabu, 29 Rejab 1443 bersamaan 2 Mac 2022, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini dalam persidangan hari yang keenam dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan itu dengan meneliti jadual kementerian-kementerian yang berkenaan, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم, Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023, satu per satu.

Pada mesyuarat yang telah dijalankan petang semalam, kita telah meluluskan Jadual Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Sekarang kita akan beralih tajuk kementerian seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sekarang menimbangkan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sebelum tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, sebagaimana lazimnya saya ingin memberi laluan ataupun ruang kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menyampaikan mukadimahnya terutamanya mengenai hala tuju anggaran belanjawan yang disediakan.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk kaola mengongsikan mukadimah bagi memulakan perbincangan ke atas Anggaran Peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi *(MTIC)* bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di Dewan yang mulia ini, kaola turut menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, tahun 2022.

Seperti kita maklumi bersama, titah baginda antara lainnya menekankan keperluan untuk meluruskan tadbir urus masing-masing mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur.

Baginda juga menitahkan bagi persediaan yang teratur sebelum pelaksanaan antaranya, pindaan kepada akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan juga pemberigaan.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ titah saranan baginda akan terus menjadi rujukan dan garis panduan utama bagi *MTIC* memastikan urus tadbir dan pelaksanaan dasar serta inisiatif yang lebih teratur ke arah pelaksanaan objektif-objektif strategik *MTIC* dengan perpandukan kepada perundangan dan peraturan-peraturan kewangan yang ada, proses pengkorporatan yang dijalankan oleh *MTIC,* أَلْحَمْدُ لِلَّهِ telah menjurus kepada penubuhan dua buah badan kanun yang *sustainable* dan mampu untuk menjana kutipan hasil kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, dengan perkembangan industri *ICT* serta industri maritim dan pelabuhan di negara ini, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi *(AITI)* dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan *(MPABD)* kedua-duanya telah dapat beroperasi dengan lebih efisien. *AITI* telah dapat menyumbang kepada anggaran hasil kerajaan dengan mengembalikan hasil yang berlebihan kepada pihak kerajaan.

Dalam mendukung tema belanjawan pada tahun ini iaitu: "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien", kaola juga ingin merujuk dan menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun ini.

Titah baginda antara lainnya menekankan bagi keperluan untuk mempercepatkan penubuhan transformasi digital bagi memastikan norma baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini selaras dengan matlamat Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Dengan visi Negara Pintar Melalui Transformasi Digital, Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 merupakan dokumen rujukan utama dan peta jalan bagi perancangan dan pelaksanaan transformasi digital di Negara Brunei Darussalam. Ke arah ini, beberapa usaha penyelarasan telah pun dijalankan oleh pihak Urus Setia Majlis Ekonomi Digital *(DEC)* bagi memantapkan lagi penyediaan dan pelaksanaan projek serta inisiatif *digitalisation* di bawah Pelan Tranformasi Digital yang diterajui oleh *Digital Transformation Steering Committee (DTSC)* bagi kementerian masing-masing.

Pelan Transformasi Digital ini, merangkumi dan mendukung penggunaan teknologi digital bagi kementerian tersebut dan juga bagi sektor perindustrian di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing. Hasil perkembangan dari sesi *Ministries Digital Transformation Plan Stock Take* yang telah dijalankan dari bulan April hingga

Jun 2021, sebanyak sepuluh *Digital Transformation Plans* telah diterima untuk penelitian Urus Setia *DEC*.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa membincangkan Usul di bawah Tajuk Jabatan Perdana Menteri dan ingin menambah sedikit kepada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam menggalakkan transformasi digital di sektor kerajaan, kaola ingin mengongsikan beberapa dapatan dan pencapaian seperti yang berikut:

Bagi perkhidmatan kerajaan, terdapat:

i. Sebanyak 178 perkhidmatan yang boleh didapati dalam talian.;

ii. Sebanyak 25 aplikasi mudah alih bagi perkhidmatan-perkhidmatan.; dan

iii. Sebanyak 22 pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan secara dalam talian.

Ke arah perkhidmatan kerajaan yang lebih moden dan berkesan, kesemua kementerian telah disediakan *office collaborative tools* seperti perkhidmatan e-mel, *platform intranet* bagi penyimpanan persuratan dan perkongsian dokumen, e-minit dan lain-lain. Setakat ini kadar penggunaan *tools* ini adalah:

i. Sebanyak 96% warga perkhidmatan awam menggunakan e-mel yang telah disediakan pihak kerajaan.;

ii. Sebanyak 61 agensi kerajaan aktif menggunakan *intranet platform* sebagai peralatan penyimpanan persuratan dan perkongsian dokumen.; dan

iii. Sementara itu hampir kesemua kementerian iaitu sebanyak 10 buah kementerian telah pun mula menggunakan e-minit atau *e-office* bagi pengagihan tugas-tugas untuk tindakan selanjutnya.

Terdapat peningkatan jumlah pendaftaran akaun e-Darusalam yang baharu iaitu sebanyak 70% dari tahun sebelumnya. Setakat bulan Januari 2022, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sebanyak 208,077 akaun telah didaftarkan dan sebanyak 170,963 akaun yang telah aktif. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , statistik ini menunjukkan kadar penggunaan perkhidmatan kerajaan melalui e-Darussalam yang terus meningkat.

Secara keseluruhannya, untuk lebih menggerakkan transformasi digital bagi sektor kerajaan dengan berteraskan pendekatan *whole of government* , pihak *MTIC* dan Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan *Digitization Policy Taskforce*. *Taskforce* ini yang bertanggungjawab untuk meneliti penggubalan akta dan dasar yang perlu dikemas kini dalam mendukung usaha kerajaan dalam merealisasikan ke arah *Digital Government*.

Pada masa yang sama, perhatian yang serius turut diberikan bagi mengembangluaskan transformasi digital di sektor swasta. Dalam hal ini, dua Bengkel Pendigitalan Industri telah diadakan bagi membincangkan penyediaan "Pelan Transformasi Digital" untuk sektor-sektor industri yang dikenal pasti iaitu:

i. Bengkel Mendigitalkan Industri Agrimakanan telah diadakan pada 18 November 2021 dan disertai seramai 91 orang peserta.; dan

ii. Bengkel Mendigitalkan Industri Pembinaan (*Construction)* telah diadakan pada 15 Disember 2021 dengan penyertaan 60 orang peserta.

Bengkel Mendigitalkan Industri bagi 8 lagi sektor perindustrian yang tersenarai dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diserapkan selesai pada bulan Jun 2022 tahun ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mendukung objektif strategik *MTIC* yang selaras dengan keutamaan Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2022/2023, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan ini termasuk:

1. Anggaran sebanyak $28 juta telah diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, Pusat Kebangsaan e-Kerajaan bagi membiayai penggunaan guna sama, latihan kemahiran, pemeliharaan sistem-sistem dan mengukuhkan aspek keselamatan daripada ancaman siber. Antaranya termasuk:

   i. Sekitar $9.24 juta telah diperuntukkan bagi membiayai bayaran lesen-lesen perisian bagi semua kementerian.;

   ii. Sekitar $4.8 juta bagi membiayai Talian Darussalam TD '123'.; dan

   iii. Sekitar $6.6 juta bagi membiayai rangkaian *connectivity* bagi semua kementerian.

2. Bagi projek Sistem Pengangkutan Awam, sebanyak $5 juta telah diperuntukkan di bawah RKN-11 dengan anggaran $370 ribu bagi Tahun Kewangan 2022/2023, untuk menambah baik Perkhidmatan Pengangkutan Awam dan antara inisiatif yang sedang dirancangkan adalah:

   i. Penyediaan perhentian bas *inter-change* di Jalan Kianggeh dan Jalan McArthur di Bandar Seri Begawan.; dan

   ii. Penyediaan dan penaiktarafan infrastuktur dan fasiliti perhentian bas di Daerah Temburong.;

3. Di bawah Jabatan Penerbangan Awam, anggaran sekitar $5.4 juta diperuntukkan bagi mempertingkat-kan prasarana di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Iaitu, antara lainnya termasuk pembinaan sebuah *Detention Pond* bagi *flood*

mitigation, pemasangan sistem *Advance Lightning Protection* dan Pemasangan *System Airfield Ground Lighting*.;

4. Terdapat di bawah Peruntukan Berulang-Ulang Jabatan Penerbangan Awam:

   i. Anggaran sekitar $3.5 juta bagi Pengoperasian dan Pemeliharan Kemudahan-Kemudahan Penumpang dan Sistem-Sistem *Baggage Handling and Screening*.;

   ii. Pemeliharaan Peralatan Sistem Navigasi sekitar $1.8 juta.; dan

   iii. Pemeliharaan dan Pembersihan sekitar $1.5 juta.;

5. Anggaran $10 juta telah diperuntukkan di bawah *MTIC* bagi membiayai Penyerapan Pengoperasian *Cyber Security Brunei (CSB).;*

6. Memperuntukkan sebanyak $300 ribu untuk inisiatif-inisiatif di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).; dan

7. Sekitar $8.5 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat bagi pelaksanaan beberapa inisiatif utama, ini termasuk antara lainnya:

   i. Pemeliharaan dan Pengoperasian Sistem Pengangkutan Darat (SPD) bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada orang ramai.; dan

   ii. Keperluan bagi 4 buah mesin timbangan di pos-pos kawalan dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya, khususnya bagi para pengguna di jalan raya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhomat.

Dalam negara menghadapi kesan penularan pandemik *COVID-19*, sektor pengangkutan turut terkesan mengalami penurunan dari segi pergerakan trafik penumpang dan kargo.

Bagi pengangkutan udara, pergerakan penumpang sangat terjejas dengan penurunan sebanyak 70% bagi bulan Mac hingga Julai 2020. Walau bagaimanapun, terdapat pemulihan yang mendatar pada bulan Mac hingga Julai 2021 dengan peningkatan sebanyak 22.1%.

Kadar peningkatan yang minimum pula dilihat dalam perkhidmatan pengangkutan laut dan maritim, khususnya dari segi jumlah kontena kapal dan kargo konvensional. Semasa gelombang kedua pada bulan Ogos hingga November 2021, jumlah kontena kapal hanya meningkat sebanyak 0.83% juta berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun sebelumnya.

Dalam memelihara kesejahteraan awam, melalui objektif strategik *MTIC*, iaitu Tranformasi *Digital* dan memastikan kedayatahanan Sektor Pengangkutan

dan Infokomunikasi, beberapa inisiatif untuk menaik taraf infrastruktur telekomunikasi telah dan akan terus dilaksanakan.

Hasil daripada Pengstrukturan Industri Telekomunikasi pada 24 Januari 2020, kadar penggunaan jalur lebar *(broadband)* turut meningkat berikutan keperluan semasa pandemik *COVID-19.* Menurut stastitik yang direkodkan oleh *AITI*:

i. Kadar pengguna *mobile broadband* telah meningkat sebanyak 25% daripada kira-kira 115% kepada 140% pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.; dan

ii. Dalam tempoh yang sama kadar pengguna *fixed broadband* ke rumah meningkat sebanyak 7% daripada 68% kepada 75.25%.

Bagi menampung kebergantungan pada jalur lebar ini, pihak penyedia *UNN* telah menjalankan beberapa usaha untuk menambah baik operasi seperti antara lainnya:

i. Penambahbaikan rangkaian pada bulan Ogos 2021 bagi menghasilkan peningkatan dalam kemajuan sebanyak 61%.; dan

ii. Penambahan sebanyak 53 buah infrastruktur telekomunikasi untuk menambah baik liputan telekomunikasi telefon bimbit iaitu sebanyak 22 buah di Daerah Brunei Muara, sebanyak 3 buah di Daerah Tutong, sebanyak 15 buah di Daerah Belait dan sebanyak 13 buah di Daerah Temburong, yang turut merangkumi kawasan pedalaman. Proses bagi penambahan infrastruktur ini telah pun dimulakan oleh *UNN* dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu, liputan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan pedalaman juga dititikberatkan, sebanyak $3 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi Projek Pembangunan Menara di kawasan luar bandar. Projek ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ disasarkan meliputi 4 buah kampung iaitu Kampung Apak-Apak, Kampung Sukang, Kampung Melilas dan Kampung Long Mayan.

Bagi mengekalkan momentum penggunaan teknologi digital seiring dengan kemajuan teknologi, Negara Brunei Darussalam juga membuat persediaan bagi perkhidmatan *5G*. Selain persediaan infrastruktur, *MTIC* melalui *AITI* melaksanakan usaha pemudahcaraan melalui:

i. Menyediakan frekuensi spektrum bagi teknologi *5G* dan mengkaji semula peraturan dan perundangan di bawah *AITI* berkaitan perkhidmatan *5G.*;

ii. Meneruskan ujian rintis *(trial)* bagi tekonologi *5G.*; dan

iii. Menjalankan program pembangunan kapasiti Sumber Tenaga Manusia ke arah teknologi *5G* mulai bulan Mac 2022 hingga Jun 2022.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Strategik objektif *MTIC* adalah juga untuk memastikan Piawaian Keselamatan untuk Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi. Selaras dengan keutamaan belanjawan iaitu "Memelihara Kesejahteraan Awam". *MTIC* turut mendukung keutamaan antara lainnya adalah:

i. Melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), usaha bersepadu diteruskan bagi menjadikan jalan raya lebih selamat untuk pengguna. Penurunan jumlah kes kemalangan jalan raya dalam purata 1% setiap tahun dari tahun 2018 sehingga 2021.; dan

ii. Pengemaskinian *Brunei National Cyber Security Strategy* sebagai pendekatan dan strategi keselamatan siber yang menyeluruh. Inisiatif ini dijalankan oleh *Cyber Security Brunei (CSB)* sebagai kesinambungan kepada penubuhan *CSB* sebagai agensi keselamatan siber kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

MTIC juga mendukung keutamaan belanjawan ketiga iaitu: "Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah *Work And Future Ready".* Selaras dengan hasil strategik di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, salah satu inisiatif yang dilaksanakan ialah Program *Coding.bn*.

Selaras dengan objektif *Manpower Industry Steering Committee (MISC), MTIC* melalui *AITI* telah melaksanakan Program *Coding.bn* khusus untuk menaik taraf kemahiran para graduan yang masih mencari pekerjaan dengan kemahiran *programming.*

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , Program *Coding.bn* bagi kohort pertama telah pun selesai dilaksanakan pada bulan September 2021, iaitu seramai 59 orang peserta telah menamatkan program tersebut. Setakat bulan Februari 2022, seramai 39 orang peserta daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan tetap.

Seiring dengan keutamaan belanjawan untuk "Mendukung dan Membantu Sektor Swasta Agar Berdaya Tahan dan Berkembang", *MTIC* turut melaksanakan Dasar dan Rangka Kerja Kawal Selia yang kondusif kepada pelaburan dan perniagaan.

Bagi memudah cara perkembangan sektor swasta, khususnya semasa menangani situasi penularan wabak *COVID-19*, antara insiatif yang dilaksanakan termasuk:

i. *Brunei ICT Awards (BICTA)* sebagai acara tahunan untuk mengasah tahap daya saing, kreativiti dan inovasi dalam teknologi digital. Sejak mula diadakan pada tahun 2004, sebanyak 34 produk yang dipertandingkan dalam *BICTA* sedang aktif digunakan dan sebanyak 11 produk lagi telah dikomersialkan. Peserta *BICTA* juga telah berjaya mendapat kemenangan di luar

negara dengan kejayaan terkini iaitu *Rumine Corporation* mendapat tempat pertama dan Anugerah Emas dalam kategori *Digital Content* semasa *ASEAN ICT Awards 2021* yang diadakan baru-baru ini.; dan

ii. Program *Productivity and Efficiency Joint Funding for Digital Adoption (PENJANA)* yang dilancarkan oleh *AITI* pada 17 Februari 2022 baru-baru ini, bagi membantu perusahaan-Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (*MSMEs*) tempatan dalam mengguna pakai teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti. Di bawah program ini, *AITI* akan membiayai sehingga 70% kos dalam mengguna pakai *digital solutions*.

Selaras juga dengan Keutamaan Belanjawan bagi sumber manusia yang *Work and Future Ready*, *MTIC* juga memberikan usaha signifikan kepada Inovasi, Penyelidikan dan Perkembangan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , menjunjung tinggi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-75 pada 15 Julai 2021, mengenai penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (*CREATES*) bagi memacu aktiviti penyelidikan dan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi di negara ini.

Sehubungan itu, satu rangka kerja dasar iaitu *National Science, Technology and Innovation Framework* sedang disediakan bagi menetapkan hala tuju dan strategi yang jelas ke arah pembangunan negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035. Hala tuju Sains, Teknologi dan Inovasi ini akan diselaraskan dengan keperluan-keperluan industri yang terkini dan relevan.

Sebagai langkah bagi menggalakkan inovasi, beberapa inisiatif turut dilaksanakan dan dirancang, antara lainnya adalah:

i. Melalui *CREATES*, satu projek penyelidikan dalam membantu menangani dan membendung wabak *COVID-19* telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan, *Singapore Duke-NUS Medical School* dan *EVYD Technology* Sdn Bhd.;

   Pada penghujung tahun 2021, sebanyak 22 cadangan projek penyelidikan telah pun diterima dari institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan. Dari jumlah tersebut, 12 projek yang disokong oleh *CREATES* kini dalam proses untuk diluluskan.; dan

ii. *CREATES* sedang meneliti peruntukan sebanyak $3 juta untuk tempoh 3 tahun bagi mendukung projek rintis *5G*. Ini sebagai susulan kepada cadangan *National 5G Taskforce* bagi pelaksanaan strategi dan pelan-pelan tindakan ke arah pembangunan ekosistem *5G* yang

bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli–ahli Yang Berhormat.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, inisiatif-inisiatif yang mendukung ke arah pertumbuhan ekonomi negara akan sedaya upaya dilaksanakan melalui Peruntukan Perbelanjaan Biasa untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*) sebanyak $108,029,200 dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak $34,416,971 yang disokong bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan berterusan dalam sektor-sektor di bawah kawalan *MTIC*.

Kaola juga merafak syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas kurnia limpah-Nya jua, kaola diberi peluang menyampaikan mukadimah dan seterusnya untuk mengikuti perbincangan di Dewan yang mulia pada pagi ini walaupun secara maya.

Sama-samalah kita doakan semoga segala inisiatif yang diusahakan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta usaha-usaha secara *whole of nation*, akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas kenyataan yang dibentangkannya yang begitu jelas dan terperinci, mengandungi beberapa hala tuju dan juga sasaran-sasaran yang ditentukan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kami mendoakan semoga Yang Berhormat akan sentiasa tabah dan dikurniakan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan segala kesihatan dan supaya akan dapat balik berkhidmat seperti sediakala secepat-cepatnya.

Tajuk ini, sekarang saya bukakan untuk kita bahaskan. Untuk itu, saya persilakan untuk memulakannya, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Didoakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk terus tabah dan juga diberikan kesihatan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, Terus saja kepada perbincangan kitani pada pagi ini, Yang Berhormat Pengerusi, iaitu mengenai peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Pengurusan Dasar dan Pengangkutan.

Menurut *The World Bank*, Negara Brunei Darussalam adalah negara ke-9 iaitu *top ten* dalam *vehicles per capita* di dunia dan nombor 1 di Asia. Seperti yang diketahui, dengan hanya membina lebih banyak jalan raya tidak dapat menyelesaikan masalah *traffic congestion* atau kesesakan lalu lintas kitani nanti.

Dengan sistem pengangkutan awam yang masih berada di peringkat awal serta infrastruktur negara yang memerlukan kitani untuk menggunakan kereta untuk ke mana-mana, penggunaan kereta akan terus menjadi pilihan pertama untuk pengangkutan.

Kitani mengetahui trafik di Lebuh Raya Tungku bergerak dengan perlahan di sebelah pagi dan petang, apatah lagi di kawasan sekolah dan juga kawasan-kawasan komersial. Termasuk juga kawasan bangunan kerajaan seperti di Lapangan Terbang Lama Berakas dan beberapa tempat lain lagi. Jika dibiarkan, ia juga boleh menyebabkan kurang produktiviti kitani dan kerana mengambil masa yang lama untuk *commuting* serta turut melambatkan *emergency services*, contohnya seperti perkhidmatan Bomba dan Penyelamat.

Soalan saya ialah, apakah dasar-dasar yang ada dan dirancang oleh pihak kementerian untuk mengawal *traffic congestion* ini secara jangka pendek dan jangka panjang yang sesuai dengan latar belakang sosioekonomi negara?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Soalan ini mengenai *traffic congestion*, salah satu tempat yang disebutkan tadi tertumpu di *highway area.* Memang ini perkara yang sudah dipantau semenjak dua tahun yang lalu, iaitu dua perkara satu secara *short term*. Memang ada beberapa kerjasama agensi iaitu melalui di bawah MKKJR, 3,4 agensi yang berkenaan iaitu Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Kerja Raya, Polis Diraja Brunei dan beberapa kali bukan saja memantau tetapi membuat beberapa ujian, uji cuba untuk mengurangkan *traffic congestion* itu melihati dari segi pertukaran ataupun peralihan jalan dan sebagainya.

Ini turut juga dibantu oleh pihak penguatkuasaan dari pihak Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Pengangkutan Darat. Jabatan Pengangkutan Darat salah satu tanggungjawabnya melihati kereta-kereta komersial dan trak-trak (*heavy vehicle*) dan ini bukanlah waktu *peak hours* untuk mereka boleh berjalan itu secara *short term*.

Secara *long term* nya, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ satu jawatankuasa yang digelar Jawatankuasa *Public Transport System* (*PTS*) yang baru ditubuhkan pada tahun

lepas, yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan berbagai-bagai agensi dan kementerian secara *whole of nation* untuk melihati dan melaksanakan antara lainnya *Land Transport Master Plan*, sokongan-sokongan di bawah *Land Transport Master Plan*. Salah satu daripadanya *to keep traffic moving.* Inilah satu-satunya diteliti secara *long term*, mungkin ia akan melihat kepada infrastruktur *changes* dan sebagainya dan ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sedang diteliti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Sejauh mana pihak jabatan sudah mempunyai dan menggunakan *Artificial Intelligent* yang dengan penggunaan *AI* ini boleh membantu mempermudah urusan-urusan jabatan seperti proses lesen cukai jalan dan lesen memandu dan lain-lain yang sentiasa berurusan dengan orang ramai? Apakah juga penggunaan *artificial intelligent* ini digunakan di jabatan lain dalam kementerian. Penggunaan teknologi ke arah *Brunei Smart Nation* khususnya di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat kerana mencadangkan satu soalan tadi mengenai penggunaan *AI* untuk khususnya Jabatan Pengangkutan Darat dan juga jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*).

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , *AI* ataupun dari rangka projek *AI data analytics* itu, ia adalah satu-satunya dalam radar ataupun rancangan kementerian bagi mendukung *Digital Economy Master Plan* dan arah lainnya habis sudah beberapa applikasi dibuat *AI* di kementerian-kementerian lain.

Pada masa ini, Jabatan Pengangkutan Darat, dalam waktu mukadimah yang kaola sebutkan tadi ada beberapa peruntukan untuk sistem pengangkutan. Ada perancangan untuk menaik taraf sistem Jabatan Pengangkutan Darat 2.0 dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan mengambil kira penggunaan *data analytics* dan *AI* kerjasama dengan pihak *GLC* yang berkenaan. Ini sudah dalam perancangan dan perundingan.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ inilah satu-satunya *way forward* sebab pada masa ini *the lifespan of spd*, ini sudah lama, tetapi أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ masih jua dapat diguna pakai, tetapi yang secara *long term*nya akan di*upgrade* kepada Sistem Pengangkutan Darat (*SPD 2.0)*

dalam jangka masa disasarkan pada tahun ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ.

Bagi jabatan-jabatan lain jua dalam pemikiran di Jabatan Penerbangan Awam dan Kaji Cuaca antara lainya yang memang menggunakan kaedah *data analytics* ini. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ *with data analytics* itu mungkin akan diguna pakai *AI* itu. Perkara ini dipakai jua untuk maklumat melalui radar yang digunakan di jalan raya, tetapi *it's not a full AI*, tetapi ada *feature data analytics* dalam penggunaan teknologi. Isu-isu jalan raya dengan sistem ini akan dapat mengenal pasti *spots, reasons* mengapa sebab-sebab *spots* dan sebagainya.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan ucapan tahniah atas pembentangan Anggaran Peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta jabatan-jabatan di bawahnya oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan didoakan semoga Yang Berhormat cepat sembuh dan sihat seperti biasa. آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ.

Kaola menyentuh Tajuk Anggaran Perbelanjaan Kemajuan di dalam Kod Akaun 1107/007 - Anggaran Perbelanjaan $1,500,000.00 bagi anggaran 2022/2023, Pembangunan Menara di Kawasan Luar Bandar. Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi atas keprihatinan memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar untuk sama-sama menikmati teknologi khususnya dalam komunikasi.

Kaola ingin membawa dua soalan:

1. Kaola memohon penjelasan mengenai pemasangan menara baharu yang terbengkalai di bangunan Stesen *Imagine* di Mukim Labi, Daerah Belait yang berdekatan dengan Balai Polis Labi yang dirancang disambung tahun lepas masih belum dilaksanakan dan juga ingin mengetahui rancangan pembinaan menara *DST* di Kawasan Teraja? dan

2. Tahun lepas ada kajian atau percubaan memasang perkhidmatan *Internet* di Sekolah Rendah Mukim Sukang dan Melilas dan sekarang ia telah diberhentikan. Kaola ingin mengetahui mengenai perkembangan hasil percubaan dan pemasangan *Internet* tersebut. Mohon pencerahan mengenainya.

Sekian disampaikan dan terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian, وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas doa itu.

Mula-mula sekali jawapan kaola mengenai Stesen *Imagine* diguna pakai di Mukim Labi. Pada masa ini, perkara ini ada jua kaola menerangkan semasa mukadimah dan ada jua sedikit sebanyak disentuh semasa dan diterangkan saja balik, memang ada usaha dari pihak *UNN* dan ini turut dipantau bersama. Pada masa ini ada usaha untuk menambah baik liputan telefon bimbit di Mukim Labi seperti yang disuarakan dari segi memasang dan diguna pakai *single audio access network* yang telah disebut beberapa kali sebelum ini. Hanya ia akan diadakan secara berfasa dan kaola pun dimaklumkan bahawa *completion*nya إِنْ شَاءَ ٱللهُ akan siap pada penghujung tahun 2024 nanti dan ianya tertakluk jua dalam keadaan semasa masa ini.

Tower itu kaola pun difahamkan mungkin secara *business strategy* kepada *UNN* tidak diguna pakai sebab ada rancangan ataupun *business plan* tersendiri seperti yang koala sebutkan tadi. *Installing is running* secara berfasa, إِنْ شَاءَ ٱللهُ. Itulah yang kaola dapat jawab.

Mengenai sekolah-sekolah ini, perkhidmatan *Internet* sekolah-sekolah dengan kerjasama antara *AITI* dan Kementerian Pendidikan setakat ini. Tetapi *connectivity* ke semua sekolah ada sedikit *limited*, walaupun kebanyakan sekolah, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dihubungkan melalui Perkhidmatan *One Government Network* (*OGN*). Kecuali beberapa buah tempat yang dimasukkan.

Jadinya, dua tempat yang kaola sendiri telah pernah jua melawat, iaitu Sekolah Kampung Melilas dan Sekolah Kampung Sukang dan kedua-dua ini dicubakan perkhidmatan *Valve,* tidak dapat melalui perkhidmatan talian telefon. Tapi dicuba perkhidmatan *satellite* dan apabila diuji ada berpotensi jua *satellite services* untuk kegunaan teknologi.

Ini pernah jua kaola suarakan, di*platform* yang lain tetapi إِنْ شَاءَ ٱللهُ perkara ini akan diusahakan lagi. *Trial* itu menampakkan ada kemajuan tetapi macam mana untuk melaksanakan pihak-pihak berkenaan akan mengusahakannya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola sukacita untuk membahaskan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi di bawah Tajuk SN01A - Anggaran Belanjawan $22,715,430.00, Jabatan Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola amat menyambut baik dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Kaola sukacita untuk membahaskan mengenai kewujudan bangunan Menara Rumah Api yang terletak di Kampung Sungai Kayu Ara, Kampung Lumut 2, Mukim Liang, Daerah Belait. Bangunan ini telah dibina kira-kira 16 tahun yang lalui iaitu pada tahun 2006. Kedudukan menara ini amat strategik di pinggir pantai, menghadap laut mempunyai alam sekitar indah dan terpelihara, terdapat *landscape* menambah keindahannya dan akan amat menarik lagi jika pandangan hadapan menara menghadap laut 'disiangi' dan diindahkan disekitarnya.

Kawalan keselamatan dan penjagaan kebersihan bangunan menara ini amat baik, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, pekerja-pekerja jabatan yang berkenaan ada membuat lawatan jua ke bangunan Menara Rumah Api tersebut. Yang Berhormat Pengerusi, sedikit pertanyaan dan cadangan daripada kaola:

1. Kaola mohon pencerahan mengenai Bangunan Menara Rumah Api ini, adakah pekerja berkawal dalam masa-masa yang tertentu? Adakah menara ini masih beroperasi dan berfungsi dengan aktif bagi tujuan pengawalan keselamatan pesisir pantai dan pesisir laut?; dan
2. Kaola sukacita juga ingin mencadangkan memandangkan kedudukan Menara Rumah Api ini amat menarik dan unik serta strategik ditambah dengan alam sekitarnya, dalam fikiran kaola, Menara Rumah Api ini, boleh dimanfaatkan sebagai salah satu destinasi lawatan sambil belajar kepada pelajar-pelajar rendah, menengah dan jua pelajar-pelajar peringkat atas dan jua mungkin sebagai destinasi menarik untuk lawatan kumpulan tertentu bagi tujuan lawatan sambil menambah pengetahuan dan mengenai peranan menara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat kerana mengutarakan satu soalan dan jua satu cadangan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , kaola mengucapkan terima kasih jua kepada Yang Berhormat atas doa dan ingatan baik Yang Berhormat. Memang, *light house*, minta maaf kaola selalu fikir rumah api *light house*. *Light house* ini, seperti jua dengan jeti-jeti di negara ini, sebelum ini di bawah kawalan Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut. Tetapi sekarang telah pun diambil alih oleh *Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* yang dalam mukadimah ada disebutkan jua tadi

mengenai penubuhan *Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* sebagai luar daripada bajet kitani.

Bagi menjawab soalan itu, kaola pun difahamkan ia diguna pakai bagi orang-orangnya memang selaras jua di bawah kawalan *Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* dan ini beberapa penelitian telah dibuat mengenai *light house* untuk difikirkan semula dengan lebih cara terbaik untuk *manage* ataupun mengurus tadbirnya. Ini sedang dalam penelitian dan termasuk jua saranan Yang Berhormat tadi, berkaitan saranan itu, mungkin "bisai" diseragamkan jua semasa penelitian ini satu cadangan yang baik untuk menjadikan *light house* ini menjadi tarikan lagi kepada orang ramai dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diambil baik dan kaola akan bawakan untuk penelitian bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya *MPABD*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam sejahtera. Terus saja kepada soalan di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , banyak perkembangan telah pun berjaya dicapai dalam sektor pengangkutan dalam Negara Brunei Darussalam, seperti penambahbaikan pengangkutan awam, perhentian bas di Daerah Temburong yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam taklimatnya sebentar tadi.

Soalan kaola apakah inisiatif pihak kementerian termasuk Jabatan Pengangkutan Darat bagi meningkatkan lagi Sistem Pengangkutan Awam khasnya di Daerah Temburong ke arah satu sistem yang berkesan dan efisien termasuklah juga cadangan di peringkat *BIMP-EAGA* yang melibatkan negeri Sarawak, Negara Brunei Darussalam dan negeri Sabah dan peluang-peluang pekerjaan dari sektor pengangkutan berkenaan?

Seterusnya adakah usaha atau inisiatif pihak berkenaan bagi mewujudkan pengeluaran lesen memandu bagi pemandu kereta automatik khasnya kepada pemohon dan pelajar yang hanya mengambil lesen memandu automatik sahaja?

Akhir sekali kaola ingin mengetahui inisiatif ataupun usaha pihak berkenaan bagi mewujudkan sebuah syarikat pemeriksaan kenderaan di Daerah Temburong bagi mereka yang berminat. Sekian sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Minta maaf koala tidak tertangkap soalan ketiga Yang Berhormat tadi. *Driving* automatik lesen, mohon penjelasan.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Iaitu bagi mewujudkan pusat kenderaan pemeriksaan kenderaan di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, sekali lagi dan terima kasih Yang Berhormat.

Ada tiga perkara tadi, perkara pertama, semua hubung kait dengan Jabatan Pengangkutan Darat mengenai sistem pengangkutan ke Daerah Temburong. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ seperti yang kaola sebutkan tadi ada satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa *PTS* (*Public Transport System*) yang baru ditubuhkan pada tahun lepas. Ini salah satu penelitian secara umumnya semua *route* bagi pengangkutan, bukan sahaja pengangkutan awam bas tetapi pengangkutan awam pilihan lain antara contohnya kitani melihat jua e-*Hailing service* macam *DART*, mungkin ada beberapa lagi syarikat seumpama *DART* akan lahir إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ .

Ini memberi pilihan kepada orang ramai untuk pengangkutan awam dan *route* ke Daerah Temburong tidak terkecuali. Melalui jawatankuasa akan meneliti dan masa ini ada jua bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak dari luar untuk memajukan sistem pengangkutan awam khususnya bagi Daerah Temburong. Perkara ini pun sedang diteliti dan diusahakan dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ Yang Berhormat, abiskaola akan melihati perkara itu.

Perkara kedua adalah cadangan untuk mengadakan *driving* lesen kepada pemandu kereta automatik. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, sebenarnya cadangan ini seragam dengan pemikiran kaola pada tahun lepas. Ada jua sudah difikirkan dengan keadaan masa ini dengan amalan-amalan terbaik yang diambil praktik ataupun diambil sebagai contoh banyak sudah negara luar yang mengeluarkan lesen khusus pemandu kenderaan automatik sahaja. Ini perlu dilihat dan *we need to research* jua bagaimana luar negeri itu ia punya implikasi dan mungkin إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ dapat jua dipertimbangkan setelah membuat kaji dan *research* secara terperinci mengikut amalan-amalan yang terbaik.

Ini cadangan yang baik kerana mengikut peralihan zaman, *mostly* kereta automatik. Mesti kitani ingat, ada jua kereta masih *manual*, mungkin ada jua masih keperluan untuk menggunakan kereta *manual* jika diperlukan. Jadinya, ini satu pemikiran baik jua dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ abiskaola akan mengambil kira dalam penelitian dasar mengenainya.

Perkara ketiga, memang benar pada masa ini, bukan sahaja Daerah Temburong, Daerah Tutong pun belum ada *Vehicle Inspection Station (VIS)* pada masa ini. Beberapa usaha telah pun dibukakan tetapi nampaknya belum ada orang yang berminat untuk membuka di Daerah Temburong khususnya tetapi perkara ini seperti jua perkara kedua tadi, selaras dan seragam dengan dasar kementerian untuk menyediakan *Vehicle Inspection Station*

di seluruh Negara Brunei Darussalam dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diusahakan jua keperluan-keperluan di Daerah Temburong. Memang benar masa ini orang di Daerah Temburong turun ke bandar untuk membuat *inspection* dan ini selaras dengan apa yang diusahakan masa ini.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ satu rangka kerja kawal saluran *VIS* sedang diusahakan dan *tender* telah pun dibuka dan kaedah ini menggunakan satu *regulatory framework*nya yang betul bukan sahaja secara pentadbiran yang dibuat selama ini. Ini akan diseragamkan dengan satu *regulatory framework* yang kaola sebutkan. Kedua, dengan dasar sepatutnya boleh diadakan *VIS* ini dengan sasaran utama untuk seluruh Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Lebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih yang setinggi-tingginya serta tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kaola ingin ikut dalam perbahasan dan memberikan saranan.:

1. Mengenai pemandu kereta yang tidak berdisiplin dan mementingkan diri sendiri. Mereka memandu dengan laju yang boleh membahayakan pemandu lain terutama di kawasan jalan kampung. Masih juga ada pemilik kereta yang menggunakan ekzos mengeluarkan bunyi letupan yang terlalu bising di sana sini yang menganggu ketenteraman awam dan yang menjadi trend pada masa ini masih ada pemandu yang sering menggunakan telefon bimbit ketika memandu.

   Juga tidak terkecuali bagi para penunggang motosikal. Ada segelintir penunggang motosikal yang tidak memikirkan tentang bahaya, memotong kenderaan sesuka hati seperti membuat perlumbaan, dikuatkan lagi dengan bunyi ekzos yang mungkin tidak mengikut piawaian sehingga menyakitkan telinga orang ramai, menunggang dengan laju melebihi had limit tidak mengenai tempat dan tidak beradab. Perkara ini tidak boleh dibiarkan, lama-kelamaan akan menjadi tabiat bagi mereka. Lebih-lebih lagi ditakuti generasi baharu mengikut tabiatnya itu. Justeru, pihak berkenaan hendaklah melakukan sesuatu ke atas mereka tanpa ragu-ragu.

   Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola menyentuh sedikit nostalgia, pada zaman era penghujungan 80-an dan awal tahun 90-an. Apabila nampak beberapa pegawai Jabatan Pengangkutan Darat beruniform biru

menunggang motosikal yang juga berwarna biru sedang membuat rondaan, menahan pemandu dan manakala kenderaan secara mendadak, para pengguna jalan raya akan merasa cemas, takut dan gelisah kerana pihak tersebut mengetahui bahawa ada kesalahan yang dilakukan oleh pengguna jalan raya tersebut. Pada era itu juga, para pegawai Jabatan Pengangkutan Darat yang menggunakan motosikal berwarna biru sentiasa membuat rondaan, tugasan mereka secara mengejut di beberapa batang jalan raya dan telah mendapati beberapa kesalahan serta berjaya menahan para pengguna jalan raya yang melanggar peraturan dan undang-undang.

Berbanding pada zaman sekarang, sudah jarang sekali dilihat. Alangkah moleknya jika pihak berkenaan dapat melakukan hal yang sama, agar para pengguna jalan raya akan lebih fokus dan berdisiplin ketika berada di jalan raya.; dan

2. Pemeriksaan kenderaan yang menggunakan khidmat syarikat swasta yang dilantik perlu dibuat dengan teliti agar kenderaan tersebut selamat digunakan selaras dengan kehendak Jabatan Pengangkutan Darat.

Maka dengan itu, kaola sekali lagi ingin menyarankan agar pihak berkenaan mengambil langkah-langkah yang berpatutan dan bersesuaian. Mungkin pihak yang berkenaan juga akan dapat membukakan kepada orang ramai, membuat video pendek atau foto dengan kata-kata nasihat menyalurkan ke platform media sosial untuk pemberigaan tentang kesedaran para pemandu. Buatlah satu perancangan yang lebih baik dan berkesan. Maka bertindaklah dari sekarang demi keselamatan para pengguna jalan raya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan menjunjung kasih Yang Berhormat atas saranan-saranan yang baik tadi itu. Apa yang kaola boleh rumuskan dan mendengar daripada saranan Yang Berhormat tadi itu ada 3 perkara sebenarnya.

Di bawah Majlis Keselamatan Kebangsaan Jalan Raya (MKKJR) ada digelar abiskaola *5E* iaitu *Enforcement, Education, Engineering, Environment* dan *Emergency Response*. Dari segi *education* mungkin boleh dikuatkan melalui sekolah-sekolah memandu dan أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sekolah-sekolah memandu ini terdapat satu jawatankuasa yang mengendalikan bagi meneliti bagaimana kurikulum sekolah memandu tersebut untuk diperbaiki dari semasa ke semasa.

Kedua, dari segi pemberigaan ertinya usaha-usaha telah dibuat melalui MKKJR sebab di bawah MKKJR terdapat juga Jawatankuasa Media yang Setiausaha

Tetap, Jabatan Perdana Menteri sebagai ahli. Dalam hal ini, beberapa usaha juga berterusan dibuat melalui media massa, malahan dari pihak *NGO*. Kaola ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak *NGO* berkenaan dan juga pihak swasta. Melalui kerjasama *whole of nation* ini bukannya keselamatan jalan raya kita sahaja yang memilikinya tetapi milik kita bersama. *This is the ideal, we want everybody to own the ownership* kepada semua orang mengenai keselamatan di jalan raya.

Jadinya, melalui *education programme* ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dipertingkatkan seperti saranan Yang Berhormat tadi. Sekarang apa yang dahulunya tidak ada ialah zaman teknologi berbanding dengan zaman nostalgia yang disebut tadi itu.

Sekarang yang pentingnya ada teknologi yang boleh membantu pihak *enforcement*. *Enforcement* ini bukan sahaja pihak JPD tetapi juga pihak Pasukan Polis Diraja Brunei. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ baru-baru ini seperti yang pernah diberigakan, ada melalui Sistem *Transport.bn* satu sistem yang boleh membantu memudah cara bukan sahaja orang ramai tetapi pihak penguatkuasaan untuk mengenal pasti sama ada *vehicle* ataupun kenderaan berkenaan telah mansuh cukai jalan atau lesen memandunya. Ini salah satu pemudah cara teknologi pada masa ini dan memang masih dijalankan *enforcement* bergerak.

Seperti yang kaola sarankan, diharap orang ramai mempunyai korporat sosial *responsibility*nya masing-masing. Hargailah diri kita sendiri dan bukan sahaja menunggu pihak kerajaan menangkap atau mengambil tindakan undang-undang tetapi ia datang dari rasa tanggungjawab kita sendiri dalam menghayati keselamatan di jalan raya tersebut.

Ketiga, *Engineering*. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , ini memang benar bahawa pada masa ini terdapat usaha untuk mengemas kini dengan mengadakan satu rangka kerja kawal selia mengenai *VIS* dan ini ada hubung kait dengan soalan Yang Berhormat tadi dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dalam jangka masa yang terdekat ini akan diusahakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada *MTIC* atas semua usaha dan pencapaian dalam peningkatan dan keperluan kepada negara dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Kaola bertanya di bawah Tajuk SN01A-Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan 2 perkara.:

1. Baru tadi juga ada Yang Berhormat telah menjawab soalan dan cadangan daripada rakan melalui

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput. Kaola hanya akan menambah sahaja, selain infrastruktur *cables* dan fizikal *fiber,* dicadangkan juga untuk kementerian meluaskan dasar ini sebagai *whole infrastructure approach* seperti melalui *Land Transmission Satellites* dan *Lower Level Orbits* sebagai contoh untuk menambahkan lagi *bandwidth connectivities* negara.; dan

2. Kaola pernah membawa dalam Majlis Mesyuarat Negara beberapa tahun yang lalu tentang kedudukan negara sebagai *Multi Module Gateway* ke *BIMP-EAGA*. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas kedudukan negara dalam perkara ini.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai 2 perkara iaitu:

1. Saranan mengadakan satu kabel sistem *as a whole of nation* ataupun *whole nation wide* itu. Pada dasarnya di bawah *National Broadband Policy*, yang masa ini masih diguna pakai tetapi ia dinaik taraf juga sedikit *because this is in line with our Digital Economy Masterplan 2025*.

Kitani punya hasrat *and of course to give a whole coverage of broadband* sedaya upaya kitani. Setakat ini seperti dalam mukadimah kaola Yang Berhormat Pengerusi ada kaola sentuh juga berapa sudah peningkatan penggunaan *Mobile Broadband* di negara kitani أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , infrastruktur itu ada sudah. Hanya sebilangan tempat, terutama pedalaman perlu diusahakan lagi.

Secara umumnya ini pun pernah disuarakan oleh rakan iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, *even our speed of broadband speed for mobile speed* adalah tertinggi pada masa ini kalau dibanding dengan negara-negara Asia. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , bukan sahaja itu tetapi dari segi harga pun mengikut *study by IPU* tahun lepas jika kaola tidak silap, dari segi harga *per broadband* dan *computer use* pun kita paling rendah dari segi *mobile* bagi *mobile broadband.*

Banyak lagi perlu dibuat, kita hendaklah tidak berhenti seadanya jika kitani dapat lagi mengusahakan *affordability* dan *accessibility* yang disebutkan itu tadi. *Probability* harga makin turun dalam setahun setengah ini. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , harga *broadband* menurun sekurang-kurangnya sebanyak 60% sudah kalau kitani tidak sedar, sebanyak 60%-90% harga kitani, *now, accessibilty* yang masih lagi menjadi usaha kitani pada masa ini إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ.

Saranan itu diambil baik Yang Berhormat. Mungkin juga di bawah *ASEAN Digital Council* kitani dan Yang Berhormat juga salah seorang ahlinya. Mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.; dan

2. *Multi-Model Transport System BIMP-EAGA* ini, maksudnya *multi-model transport system of BIMP-EAGA*, Perkara ini di bawah perundingan bukan secara khusus di bawah *BIMP-EAGA* tetapi secara umum di bawah *ASEAN Transport Minister* dan *Forum Meeting* atau di bawahnya *ASEAN Transport Working Group*.

   Perkara yang disebutkan tadi itu ada juga berhubungan dengan penubuhan satu *Public Transport System* kebangsaan yang akan *meneliti route* utama, bukan sahaja *route* di dalam negeri, *route* menyambung keluar seperti yang disebutkan Yang Berhormat itu. Perkara ini belum ada ketetapan lagi dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mungkin akan dibawa dahulu secara rundingan dalaman. Ia *involving* beberapa pihak dan agensi berkenaan.

Terima kasih atas soalan tersebut Yang Berhormat. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang suka untuk menambah keterangan yang pernah dibuat sebelumnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi supaya kaola dapat jawab beberapa soalan yang telah diutarakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebelum ini.:

1. Adalah *Payment Gateway*, untuk menerima pembayaran dari luar negara yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dan juga Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

   Untuk menjawab soalan tersebut, pada masa ini terdapat projek yang sedang dilaksanakan oleh *Darussalam Assets* dan sebanyak 3 buah bank tempatan untuk membentuk syarikat usaha sama bagi menyediakan *payment gateway* atau *digital payment hub*, bagi memudahkan pembayaran transaksi melalui *digital* di negara ini.

   Visi projek ini untuk menyediakan infrastruktur pembayaran segera ataupun *instant payment infrastructure* yang akan membolehkan faedah komersial dan sosiekonomi untuk Negara Brunei Darussalam. Projek ini ditaja di bawah naungan *Digital Economic Council* dan sebahagian daripada

Digital Payment Route Map 2019/2022 pihak *Brunei Darussalam Central Bank.*

Kaola ingin mengongsikan beberapa faedah utama di bawah *Digital Payment Hub* ini. Ia akan membolehkan *fund transfer* dari akaun ke akaun yang selamat, segera dan kos efektif dan menggunakan teknologi yang biasanya digunakan oleh peniaga atau kedai untuk menerima pelbagai jenis pembayaran seperti kad kredit, kad debit. Ia juga teknologi ini membolehkan pembayaran secara *QR code.*

Memandangkan sebanyak 80% Penduduk Brunei mempunyai akaun bank dan 125% *mobile penetration*. Ini adalah potensi tinggi untuk berurus niaga melalui *smartphone* dan membolehkan *cashless transaction* sebagai norma baharu.

Ia juga dapat menghubungkan pelanggan dan peniagaan yang tidak mempunyai akaun bank. Pembayaran yang lebih pantas dan pengurusan *cashflow* yang lebih mudah. Projek ini membolehkan transaksi *in spontaneous, secure dan auditable*, kos yang rendah untuk negara melalui kaedah seperti kod *QR*.

Ini akan mengurangkan urus niaga secara tunai kepada kerajaan yang berjumlah 90% pada keseluruhannya. Juga dengan infrastruktur negara ini kos diperlukan untuk mengendalikan wang tunai akan berkurangan yang berharga beberapa juta ringgit setahun.

Digital Payment Hub ini juga boleh merangsang *innovation financial services* dan *FinTech* melalui produk dan *value added services* yang akan mempunyai keupayaan untuk mengintegrasikan dengan *merchant acquires* atau *wallet* dan *payment services provider* seperti *pocket* dan lain-lain.

Ia juga mampu menyediakan *platform connectivity* kepada *international payment rail* seperti *Paypal* bagi transaksi pembayaran antarabangsa masuk ke dalam negara tertakluk kepada pengesahan dan pemantauan kepada protokol dan peraturan tempatan dan antarabangsa seperti *Anti-Money Laundering.; dan*

2. Soalan mengenai menambah baik sistem pembelajaran talian *Internet* pelajar, soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

   Untuk menjawab soalan ini, sukacita kaola kongsikan bahawa penambahbaikan akses dan pengembangan rangkaian di kawasan-kawasan pedalaman adalah satu projek *Syarikat Unified National Network (UNN)* sedang menjalankannya. Projek ini diberikan kepada 6 Fasa yang akan meliputi beberapa lokasi di seluruh negara.:

i. Fasa Pertama yang meliputi Kuala Abang, Menengah Lamunin dan Bukit Barun, Daerah Tutong telah dimulakan pada tahun lepas. Bermula dengan pemasangan kabel fiber sepanjang 12.35 kilometer dan akan siap dilaksanakan pada suku pertama tahun ini.;

ii. Fasa Kedua yang dirancang pada tahun ini akan melaksanakan pemasangan sepanjang 54.4 kilometer kabel fiber bagi menampung beberapa kawasan di semua dearah temasuk Kampung Batang Mitus, Sungai Pantai Labi, Bangkau dan Batang Duri dan akan siap dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

iii. Manakala fasa seterusnya Fasa Ketiga akan siap dilaksanakan pada suku keempat tahun 2022 ini. Fasa Keempat dan kelima akan siap dilaksanakan masing-masing pada suku kedua dan keempat tahun 2023. Seterusnya fasa keenam akan siap dilaksanakan pada suku kedua tahun 2024.

Diharapkan dengan penambahbaikan ini lebih ramai penduduk umum termasuk pelajar-pelajar yang menjalani *virtual school* akan dapat mengakses rangkaian komunikasi yang lebih lancar. Di samping itu juga, peruntukan telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi membiayai *Project National Education Network for School* bagi 153 buah sekolah. Projek tersebut bertujuan menyediakan perkhidmatan *Internet* yang berkelajuan tinggi dan *reliable* untuk sekolah-sekolah kerajaan bagi meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Walau bagaimanapun, penyediaan akses kepada sekolah-sekolah di kawasan pedalaman akan mengambil masa lebih panjang dan belum dapat dihubungi pada masa yang terdekat ini. Untuk mengatasi masalah ini buat sementara seperti Sukang dan Melilas pada masa ini disambungkan melalui sambungan Teknologi *Vsite Satelite* yang disediakan oleh NIAT Sendirian Berhad sebuah syarikat di bawah Darussalam Aset.

Sekian sahaja yang kaola dapat kongsikan untuk menjawab soalan-soalan yang telah diutarakan sebelum ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira kita telah pun berbincang dengan panjang lebar mengenai Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan juga kita telah pun mendengar jawapan keterangan lanjut mengenai beberapa soalan yang belum dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka cukuplah sekian kita berbincang mengenai belanjawan kementerian ini. Saya suka untuk mengundi sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih nampaknya semua bersetuju dan tajuk ini kita luluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk **-** SA01A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SQ01A hingga Tajuk SQ02A - Kementerian Tenaga.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sedang berpindah dan seterusnya untuk membincangkan Jadual Kementerian Tenaga. Sebelum tajuk kementerian ini kita buka untuk dibahaskan sepertimana lazimnya, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga untuk menyampaikan mukadimahnya tentang penyediaan Rang Anggaran Belanjawan bagi kementeriannya, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu sukacita peramba / kaola / saya bagi pihak Kementerian Tenaga dan jabatan serta Badan-Badan Berkanun di bawahnya menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan titah yang dikurniakan pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 24 Februari 2022.

Seterusnya peramba/kaola/saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 dengan tema Belanjawan Negara Bagi Tahun Kewangan 2022/2023 iaitu: "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien".

Yang Berhomat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tahun 2021 menyaksikan mulanya pemulihan pasaran minyak mentah dan gas dunia setelah mengalami kemerosotan pada tahun sebelumnya yang dipengaruhi oleh kelembapan ekonomi dunia dan sekatan perjalanan

disebabkan oleh penularan wabak *COVID-19*. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, harga pasaran minyak mentah dunia sudah beransur pulih ke paras yang lebih tinggi pada tahun ini. Kenaikan ini diharap akan memperbaiki keadaan fiskal kerajaan dan juga ekonomi negara.

Walaupun Negara Brunei Darussalam telah dilanda gelombang wabak *COVID-19* kali yang kedua أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Tenaga masih dapat mencatatkan beberapa pencapaian yang signifikan bagi tahun 2021. Pada Tahun 2021, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah meraikan Ulang Tahun Ke-100 sejak penubuhannya. Jabatan ini telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana kemajuan Negara Brunei Darussalam dan menyediakan bekalan tenaga elektrik yang berterusan ke rumah-rumah dari kawasan bandar hingga ke mukim-mukim dan kampung-kampung di pedalaman demi menjaga kesejahteraan dan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mencapai kadar elektrifikasi atau *electrification rate* pada tahap lebih 99%. Satu tonggak penting yang turut dicapai baru-baru ini penyambungan grid kebangsaan ke Daerah Temburong melalui Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Penyambungan ini meningkatkan lagi perkhidmatan dan kebolehpercayaan bekalan tenaga elektrik bagi rakyat dan penduduk di daerah tersebut.

Selain itu, Daerah Temburong juga menjadi tumpuan kementerian ini bagi pemasangan lampu jalan yang berkuasa *solar* dan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan sebagai *showcase* penggunaan sumber tenaga alternatif. Dalam melangkah ke era yang lebih moden ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan terus melaksanakan projek digitalisasi perkhidmatan dengan penggunaan teknologi *SCADA* yang diharap akan dapat mengurangkan gangguan bekalan tenaga elektrik kepada orang ramai dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga iaitu *Energy Management System* bagi membantu meningkatkan kecekapan operasi dan seterusnya mengurangkan kos penghasilan tenaga elektrik.

Ketersediaan *hydrocarbon* khususnya gas asli penting bagi memastikan rakyat dan penduduk akan terus menikmati bekalan tenaga elektrik yang terjamin, di samping memastikan kedayatahanan industri hiliran negara. Ke arah ini, Kementerian Tenaga dan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam telah dan akan terus bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat pengendali minyak dan gas utama, untuk memastikan segala aktiviti huluan khususnya penerokaan, penggerudian dan pengeluaran kekal diteruskan. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan izin أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua pada tahun 2021, sebanyak 42 juta *barrels of oil equivalent* minyak dan gas yang baharu telah berjaya ditemui, selain daripada menerokai kawasan-kawasan yang baru, beberapa projek pemuliharaan *rejuvenation* ke atas

pelantar-pelantar dan infrastruktur yang sedia ada telah pun dilaksanakan.

Pada tahun 2021 Kementerian Tenaga terus mengutamakan pembangunan projek-projek hiliran bagi mempelbagaikan lagi sumbangan eksport dari sektor tenaga. Pada tahun lepas sektor hiliran telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 14.35 juta ton dengan anggaran nilai eksport sebanyak $10.7 bilion. Loji *Brunei Fertilizer Industries* jua siap dibina pada tahun 2021 dan seterusnya berjaya menghasilkan buat kali pertamanya produk *urea* dan disusuli pengeksportan pertamanya pada awal Februari 2022.
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari sudut yang lain projek-projek tenaga yang peramba/kaola/saya kongsikan telah memberi manfaat dari segi peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan. Secara keseluruhannya sektor tenaga telah menyediakan sebanyak 19,050 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan pada tahun 2021. Di samping itu kandungan nilai tempatan iaitu *in country value* di sektor minyak dan gas mencatatkan pencapaian sebanyak 60% jumlah daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan yang bersamaan dengan $1.79 bilion.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Memandangkan sektor tenaga Negara Brunei Darussalam pada kebanyakannya berasaskan sumber *hydrocarbon*, Kementerian Tenaga telah mula memberi keutamaan kepada peralihan tenaga rendah *carbon* dan kecekapan tenaga. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada tahun 2021 satu perintah iaitu *Energy Effiiciency (Standards and Labelling) Order,* 2021 telah pun diperkenankan dan إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ akan berkuat kuasa pada bulan Jun ini. Perintah tersebut antara lain membolehkan orang ramai membuat pilihan yang baik dalam pembelian perkakas elektrik rumah yang cekap tenaga. Pada tahun 2021 jua, Kementerian Tenaga telah mengeluarkan satu *Request For Proposal* bagi pemajuan sebuah tapak Projek Tenaga Suria yang berkapasiti 30 *Megawatt* di Kampung Belimbing, Subok. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ *RFP* tesebut telah pun menarik minat pelabur-pelabur asing dan tempatan.

Peralihan tenaga kepada sumber-sumber yang lebih bersih memastikan negara berpaut atas komitmennya dalam menangani isu perubahan iklim, Kementerian Tenaga melalui Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan *(BNCCP)* akan terus menerajui inisiatif dalam pengurangan lepasan karbon dari sektor tenaga. Dalam hal ini Kementerian Tenaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelepasan Perindustrian ataupun *Industrial Emission Committee*, pada bulan Julai 2021, yang ahli-ahlinya termasuk syarikat-syarikat pengendali minyak dan gas, wakil institusi – institusi pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam dan agensi-agensi pengawalseliaan kerajaan yang berkaitan.

Tahun 2021 itu juga merupakan tahun yang signifikan dalam kerjasama serantau bagi Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi *ASEAN*. Kerjasama sektor tenaga serantau Kementerian Tenaga telah berjaya mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga *ASEAN*. *ASEAN Ministers On Energy Meeting* yang Ke-39 pada bulan September yang lalu, dengan deklarasi bersama *Bandar Seri Begawan Joint Declaration The 39th ASEAN Minsters On Enegry Meeting On Energy Security And Energy Transition* telah dihasilkan dan telah diadaptasi. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kepentingan-kepentingan serantau yang telah diberikan fokus dalam *Joint Declaration* selaras dengan hala tuju Kementerian Tenaga untuk memastikan masa hadapan tenaga yang mampan dan membantu meningkatkan usaha negara mempercepatkan peralihan tenaga menggunakan sumber tenaga diperbaharui dan rendah karbon.

Peramba / kaola / saya seterusnya menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas cadangan peruntukan sebanyak $240,781,230.00 yang termasuk Peruntukan Berulang-Ulang sebanyak $162,613,340.00 dan Peruntukan Perbelanjaan Kemajuan $43,968,000.00 yang disediakan untuk Kementerian Tenaga termasuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Cadangan peruntukan ini telah disediakan dengan keutamaan bagi membantu memelihara kesejahteraan awam dan mendukung kemajuan sosioekonomi negara yang lebih resilien. Ini akan dicapai melalui pembaharuan dan penaiktarafan sistem bekalan elektrik negara, penyediaan prasarana untuk menarik lagi penyertaan Pelaburan Langsung Asing *(FDI).*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Tenaga bagi Tahun Kewangan 2022/2023, adalah untuk membolehkan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Tenaga 2020-2025, khususnya inisiatif-inisiatif dan program-program yang dirancang bagi tahun kewangan berkenaan. Kementerian Tenaga akan terus mendukung usaha untuk memastikan ekonomi negara akan bertambah resilien melalui pertumbuhan sektor tenaga hiliran. Ini diharap akan menempatkan negara sebgai sebuah *hub* industri hiliran terkemuka bagi pasaran-pasaran di rantau-rantau Asia Pasifik pada masa akan datang. Pada tahun ini pula pengeluaran produk hiliran akan dipertingkatkan kepada 14.6 juta ton.

Sasaran pengeluaran huluan minyak dan gas negara pada tahun 2022 pula adalah sekitar 300,000 *barrels of oil equivalent* sehari. Di samping itu, beberapa telaga eksplorasi dirancang untuk penggerudian pada tahun ini dan beberapa blok juga akan ditawarkan bagi menarik minat pengendali yang baharu untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam.

Seperti yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, antara fokus utama perbelanjaan pada tahun 2022/2023 adalah mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang dan juga meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*. Ke arah mendukung usaha murni pihak berkenaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini Kementerian Tenaga akan memberikan keutamaan dalam memperluaskan lagi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Bagi tahun 2022, sasaran pekerjaan tenaga tempatan di dalam sektor tenaga adalah seramai 22,900 anak-anak tempatan iaitu peningkatan sebanyak 3,300 orang berbanding sasaran tahun 2021.

Dari segi perbelanjaan di dalam negara, iaitu *local content spending* pula, Kementerian Tenaga dan *Darussalam Enterprise* bekerjasama rapat dalam membangunkan sebuah Pusat Inkubasi Sektor Tenaga iaitu *Energy Incubation Centre* yang bertempat di Taman Perindustrian Sungai Liang *(SPARK),* Daerah Belait.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ insiatif tersebut berhasrat untuk menjadi landasan bagi memupuk *mindset* pertumbuhan bagi perusahaan-Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana dalam sektor tenaga. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sasaran bagi perbelanjaan dalam negara bagi tahun 2022 dianggarkan sebanyak $1.9 bilion.

Kementerian Tenaga juga akan terus memanfaatkan peluang-peluang pembangunan nilai tempatan bukan sahaja di sektor minyak dan gas, malahan juga di sektor kuasa elektrik merangka arahan *local business development* yang khusus untuk sektor ini. Ia dijangka akan turut menyumbang lebih banyak nilai dalam negeri bagi dari segi perbelanjaan dan pengambilan pekerja anak tempatan.

Bagi meningkatkan kapasiti syarikat-syarikat tempatan, Kementerian Tenaga adalah peneraju program-program i-Usahawan di sektor tenaga dan telah berjaya membukakan peluang kepada seramai 317 anak tempatan dan mempunyai jumlah keseluruhan nilai kontrak sebanyak $30 juta. Usahawan-usahawan belia yang mengikuti program ini telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan berkebolehan serta mempunyai semangat daya saing yang kuat dan sebahagiannya telah berjaya memperolehi kontrak-kontrak di luar program i-Usahawan.

Komitmen negara untuk memelihara iklim dan alam sekitar turut diambil kira. Selain Projek Tenaga Suria di Kampung Belimbing, Subok yang dikongsikan tadi, Kementerian Tenaga juga akan mempertimbangkan penggunaan teknologi *panel solar* terapung ataupun *Floating Solar*. Beberapa kawasan yang bersesuaian di sekitar perairan negara dan juga takungan air telah dikenal pasti bagi menempatkan teknologi solar tersebut.

Untuk menggalakkan penggunaan tenaga *solar* oleh orang ramai dan sektor swasta, fokus Kementerian Tenaga bagi tahun 2022 adalah untuk memperluaskan lagi program *Net Metering* dan memperkenalkan *Renewable Portfolio Standards.* إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ inisiatif-inisiatif tersebut akan meningkatkan penglibatan individu dan syarikat-syarikat dalam mencapai kelestarian alam sekitar dan iklim supaya ia akan dapat terus dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Cadangan Peruntukan Berulang-Ulang bagi Jabatan Kementerian Tenaga yang berjumlah $1,234,170.00 akan memastikan organisasi yang cemerlang melalui pembangunan tenaga kerja, ekosistem yang berkembang maju dan penyebaran digitalisasi. Sehubungan itu, kementerian juga akan terus memupuk dan mempromosikan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan kapasiti dalam menangani impak dari wabak *COVID-19* yang menjejaskan operasi dan pengeluaran minyak dan gas negara pada tahun 2020/2021, satu garis panduan yang dikenali sebagai *Notice to Industry on COVID-19 Measures for The Energy Sector* telah dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga. Ia bertujuan membolehkan operasi-operasi di sektor minyak dan gas dan sektor kuasa elektrik berjalan seperti asal sebelumnya penularan wabak *COVID-19.* Pada masa yang sama, Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam akan meneruskan usaha dalam membentuk rangka kerja pengawalseliaan yang selaras dengan perkembangan sektor kuasa elektrik negara dan akan memperkenalkan pelesenan peralatan dan tenaga kerja bagi memperkukuhkan aspek-aspek keselamatan orang ramai, pengguna dan sektor tenaga elektrik secara amnya. Tambahan lagi, jangkauan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (*SHENA*), telah mencapai pelbagai sektor, bukan sahaja dalam sektor minyak dan gas, perindustrian atau komersial, tetapi juga dalam sektor pendidikan dan sektor kerajaan.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ, *SHENA* akan terus berusaha untuk memastikan bahawa insiden, *Major Incident Hazards* dan kehilangan nyawa di tempat kerja akan dapat dikurangkan sehingga sifar melalui peningkatan kesedaran dan juga kerjasama pihak industri.

Bersyukur kita kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya Negara Brunei Darussalam masih dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan kekal menikmati hasil daripada rezeki khazanah yang dianugerahkan selama ini. Kementerian Tenaga akan terus menjalankan tanggungjawab untuk memastikan khazanah ini akan digunakan secara mampan serta berhemah dan akan sentiasa memikirkan kaedah untuk meningkatkan kedayatahanan sumber utama ini. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan kerjasama semua lapisan masyarakat melalui pendekatan senegara atau *whole of nation approach* Kementerian Tenaga

akan mendorong sektor tenaga ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga atas kenyataan yang diberikan yang begitu komprehensif dan cukup jelas dalam penyediaan belanjawan kementerian yang berkenaan.

Sebelum saya membukakan Jadual ini untuk kita membincangkan ataupun kita bahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa banyak perkara yang telah pun ditimbulkan dalam permuzakarahan semasa perjumpaan antara menteri yang berkenaan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan banyak juga maklumat yang baharu yang telah pun disediakan, diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Maka saya kira tidaklah perlu perkara-perkara yang telah dibincangkan itu, ditimbulkan lagi dalam majlis ini. Ada baiknya kalau sekiranya kitani menumpukan perhatian kitani terhadap perkara-perkara yang perlu kita selesaikan dan pertanyaan itu biarlah tepat dan memenuhi sasaran-sasaran sebagaimana yang diingini.

Saya mulakan perbincangan ini dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Saya cuma ingin bertanyakan mengenai satu perkara iaitu apakah perkembangan bagi negara melaksanakan penetapan harga karbon ataupun *carbon pricing* atau mungkin *dipanggil carbon fund* yang diumumkan pada tahun 2020 dan pada masa itu diumumkan untuk dimulakan pada tahun 2021 bagi syarikat-syarikat dan penghasil-penghasil jejak *carbon* yang melebihi had serta mana-mana sektor kerajaan mahupun swasta yang berkaitan seperti kemudahan industri, utiliti tenaga dan sebagainya? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalannya. Berkenaan *carbon pricing.* Strategi 6 di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim merupakan salah satu strategi yang sangat berkait rapat dengan strategi 1 *Industrial Missions.* Ia salah satu strategi yang diusahakan di bawah naungan Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam atau *Brunei Climate Change Secretariat.* Kementerian Tenaga sedia maklum bahawa mekanisme *carbon pricing* atau harga *carbon* merupakan salah satu pendekatan yang dilaksanakan secara meluas di beberapa ekonomi di seluruh dunia termasuk negara-negara jiran seperti Singapura. *Carbon pricing* boleh menggalakkan pengurangan pelepasan

karbon dari pihak perindustrian termasuk pengendali-pengendali tenaga melalui beberapa kaedah termasuk *carbon taxation* atau cukai ke atas lepasan karbon.

Pada masa ini, pihak *Brunei Climate Change Secretariat* di Kementerian Pembangunan dalam proses penelitian mekanisme yang paling sesuai bagi Negara Brunei Darussalam. Kementerian Tenaga aktif dalam bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Pembangunan bagi memastikan bahawa sektor tenaga terlibat dalam proses ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم
اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَاٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola membawa di bawah Tajuk SQ01A - Jabatan Kementerian Tenaga.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ negara telah menerima Pelaburan Langsung Asing dengan kongsi sama *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* projek Pulau Muara Besar. Apakah *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* ada membuat pengeluaran asfalt jika ada apakah pihak kementerian merancang untuk mendapatkan bekalan asfalt untuk kegunaan domestik bagi penambahan jumlah bekalan negara dalam pembangunan jalan raya dan lain-lain.; dan

2. Seterusnya kaola membawa di bawah Tajuk SQ01A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Apakah kiranya jabatan memberikan bintang menunjukkan standard kontraktor yang memberikan perkhidmatan pendawaian elektrik ke rumah-rumah penduduk Negara Brunei Darussalam. Contohnya bintang 4, bintang 5 dan sebagainya. Ini kerana "syarikat ali baba" kurang diyakini kemahiran dan kualiti perkhidmatannya tetapi dengan harga relatif murah. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih. Mengenai soalan *bitumen. Bitumen* pada biasanya dihasilkan dari sesi produk iaitu residu hasil daripada pemprosesan minyak mentah. Buat masa ini sisa produk yang dihasilkan dari loji Pulau Muara Besar (Fasa Pertama) diproses seterusnya sebagai *feed stock* untuk menghasilkan produk-produk petroleum yang lebih bernilai di pasaran memandangkan kualiti minyak mentah yang diproses dikategorikan sebagai *light crude oil* komposisi residu yang dihasilkan pada masa ini tidak menepati klasifikasi untuk menghasilkan kualiti.

Soalan kedua. Kaola / saya akan menjawab dengan teliti bila ada peluang

untuk melihat perkara berkenaan dengan bintang eletrik. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ, kaola akan membawa di bawah Tajuk SQ01A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Beberapa laporan dari organisasi antarabangsa telah mengesyorkan bahawa bagi pemulihan sosioekonomi yang lebih berdaya tahan atau resilien pasca wabak *COVID-19* penggunaan tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* adalah digalakkan dari segi penjaminan pembekalan tenaga. Ini mengambil kira harga minyak dan gas dunia kurang stabil dan tidak menentu. Kaola mengambil baik akan rancangan Kementerian Tenaga untuk memperkembangkan lagi penjanaan tenaga *solar* dengan pembinaan tapak solar berkapasiti tinggi di Kampung Belimbing, Subok ke arah memastikan sumber tenaga yang berdaya tahan tersedia bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Seperti yang diketahui ramai penularan wabak *COVID-19* telah menjejaskan beberapa projek yang strategik di Negara Brunei Darussalam. Pertanyaan kaola, adakah ia juga telah memberi kesan ke atas perkembangan tenaga solar di Negara Brunei Darussalam dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Tenaga dalam mengatasinya?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalannya. Secara umumnya penularan wabak *COVID-19* telah mempengaruhi rantaian pembekalan global dan serantau yang melibatkan isu logistik dan juga kemasukan pekerja-pekerja pakar ke negara ini. Ia telah sedikit sebanyak menjejaskan usaha Kementerian Tenaga untuk mengembangkan dan pembangunan projek-projek solar berskala kecil dan besar dalam negara mengikut jadual asal yang telah direncanakan. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kesan daripada wabak *COVID-19* tersebut kepada beberapa projek *solar* dalam negara, pihak kementerian telah pun mengambil beberapa inisiatif untuk membolehkan para penender luar negara melantik wakil daripada ejen-ejen tempatan untuk membantu pelaksanaan projek-projek yang berkenaan.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan perkembangan terkini wabak *COVID-19* Negara Brunei Darussalam sudah berada dalam fasa awal endemik rancangan-rancangan tenaga solar yang telah saya kongsikan dalam mukadimah dan muzakarah akan diteruskan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga yang telah memberikan taklimat dan mukadimah yang terbaik pada pagi yang mulia ini.

1. Kaola ingin menyentuh SQ01A - Jabatan Kementerian Tenaga dengan peruntukkannya iaitu sebanyak $9,848,090.00 أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam memastikan bahawa sosioekonomi Negara Brunei Darussalam adalah resilien usaha mempelbagaikan ekonomi sangat penting. Antara sektor yang dibangunkan ke arah matlamat ini ialah sektor tenaga hiliran dan juga sektor perikanan. Kedua-duanya mestilah dikembang majukan tanpa menjejaskan operasi satu sama lain.

   Loji Penapis Minyak dan Petrokimia yang terletak di Pulau Muara Besar berhampiran dengan Pulau Pelumpong yang terdapat banyak aktiviti penternakan ikan di kawasan berkenaan. Dalam pada itu, apakah usaha-usaha Kementerian Tenaga bagi memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap alam persekitaran di pulau tersebut?.;

2. Kaola ingin membawa iaitu sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, tahun 2022 antara lain telah mengongsikan bahawa sektor hiliran tenaga seperti pengeluaran dari loji penapis minyak dan petrokimia dan *Brunei Fertilizer Industry (BFI)* telah memberikan impak yang positif kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, loji penapisan minyak berkenaan mungkin terdedah kepada risiko tinggi dengan penularan wabak mudah merebak. Ini mengambil kira kawasan Pulau Muara Besar adalah kecil, namun mempunyai pekerja yang ramai (berdensiti tinggi).

   Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perkara ini apakah langkah-langkah Kementerian Tenaga bagi membendung impak pandemik ini ke atas operasi harian loji dan produktivitinya? Sehubungan dengan itu juga, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan rakyat dan penduduk yang tinggal di Mukim Serasa dan kampung-kampung sekeliling Pulau Muara Besar tidak akan terdedah kepada bahaya penularan wabak *Covid-19* sekiranya terjadi?; dan

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, kita sekarang berhadapan dengan masalah masa, jadi saya harap

Yang Berhormat berikan kerjasama supaya cepat-cepatlah bertanya apa yang akan ditanyakan dan akan dapat dijawab secepatnya oleh menteri yang berkenaan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas saranan tersebut.

3. Izinkan kaola untuk meneruskan persoalan yang ketiga ini. Kemajuan negara semakin pesat, pemasangan kabel-kabel juga semakin banyak dikendalikan oleh pihak-pihak kontraktor di beberapa kawasan yang dikhaskan sama ada berdekatan dengan perumahan atau jauh dari orang ramai. Pemasangan kabel dalam penggunaan elektrik telekomunikasi dan sebagainya yang sentiasa dinaik taraf mengikut masa dan waktunya. Sehubungan dengan itu masihkah lagi berleluasa kecurian kawat elektrik yang sering terjadi di tempat-tempat yang sunyi dan jauh daripada pandangan orang ramai. Beberapa kejadian yang telah meragut nyawa pelakunya sehingga beberapa agensi kerajaan terpaksa turun membuat tugas-tugas harian.

   Perkara ini dibangkitkan demi kesejahteraan para penduduk dan keselamatan harta benda kerajaan yang terdapat dalam kawasan dinyatakan agar kejadian kecurian dengan perkara yang tidak diingini tidak berulang lagi.

   Merujuk perkara tersebut, apakah perancangan dan tindakan pencegahan yang sudah dirancang dan belum dilaksanakan oleh pihak Kementerian Tenaga? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan Yang pertama tadi berkenaan dengan memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap persekitaran di Pulau Muara Besar. Sebuah kumpulan kerja *Joint HSE monitoring Program* telah ditubuhkan pada bulan Mac 2020 yang dipengerusikan oleh *Authority Petroleum Negara Brunei Darussalam* bagi memantau secara kolektif isu-isu keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang berkaitan dengan operasi Loji Penapis Minyak dan Petrokimia Pulau Muara Besar melalui beberapa program dan pelan pemantauan bersama yang disediakan.

Ahli-Ahli *JMP* ini termasuk Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Autoriti Kebangsaan Keselamatan Kesihatan dan Alam Sekitar, (*SHENA*), Autoriti Elektrik, Jabatan Perikanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Autoriti Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Urus Setia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Brunei dan *Darussalam Enterprise*.

Mesyuarat *JMP* juga adalah satu platfom agensi-agensi tersebut dapat berkongsi sumber tenaga dan kepakaran serta bekerjasama untuk menangani pelbagai cabaran yang timbul. Pada masa ini, *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* adalah dalam proses melaksanakan kerja-kerja *dragging* dan *reclamation* bagi memastikan bahawa aktiviti ini tidak mencemari perairan berhampiran Pulau Muara Besar terutama di kawasan tapak Industri Ternakan Ikan yang berkemungkinan menjejaskan operasi penternak ikan.

Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. telah mengadakan *environmental impact assessment* beserta *environmental monitoring* and *management plan* bagi infrastrktur pesisir pantai kepada pihak JASTRe. Pemantauan bedasarkan *EIA* dan *EMMP* ini disemak oleh *dragging* dan *reclamation working group and aquaculture task force* secara berterusan selagi kerja-kerja *dragging* dan *reclamation* masih dalam pelaksanaan.

Kementerian Tenaga dan Autoriti Petroleum akan sentiasa bekerjasama rapat untuk memastikan tidak ada impak yang negatif terhadap alam sekitar dalam apa sahaja projek minyak dan gas. Selain itu, loji ini direka bentuk mengikut standard industri antarabangsa dan had pelapasannya ditetapkan di bawah paras had *World Bank (IFC) International Finance Cooperation.* Loji ini juga akan memantau pelepasan melalui sistem *Air Quality Monitoring* yang dipasang di Pulau Muara Besar dan kawasan Muara. Pelepasan ini akan diawasi oleh pihak JASTRe. *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* juga mempunyai *Tier 2 Oil Spill Response Plan.* Pelan pengawalan tumpahan minyak yang menepati keperluan *National Oil Spill Contigency Plan* dan beberapa latihan kecemasan telah dijalankan bagi memastikan kecekapan dan ketersediaan pihak *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* termasuk latihan bertahap *Tier 3* yang telah melibatkan *National Disaster Management Committee* dan agensi-agensi yang berkepentingan.

Table Top Exercise Tier 3 telah dijalankan pada 12-13 Januari 2021 dan soalan yang ke 2 tadi boleh kiranya Yang Berhormat kemukakan sekali lagi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan rakyat dan penduduk yang tinggal di Mukim Serasa dan kampung-kampung di sekelilingnya. Pulau Muara Besar tidak akan terdedah kepada bahaya penularan wabak *COVID-19* sekiranya ia terjadi. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima Kasih Yang Berhormat. Pihak Kementerian Tenaga telah pun mengambil langkah proaktif bagi menguruskan Pasukan Pengurusan Krisis: C*risis Management Team* sejak bulan Januari 2020, yang terdiri daripada agensi-agensi yang berkepentingan dan yang bertanggungjawab antara lain memastikan sebarang impak daripada

pandemik *COVID-19* dapat dipantau dan tidak memberi impak yang besar kepada operasi pengendali-pengendali termasuk *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* di Pulau Muara Besar. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ setakat ini operasi loji tidak terjejas dan dengan situasi pandemik.

Di samping itu juga, kerjasama operator dimestikan untuk mempunyai *Standard Operating Procedure* mengenai langkah-langkah pencegahan berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dalam memastikan apa saja situasi dalam keadaan terkawal dan tidak akan menular kepada orang ramai.

Baru-baru ini Kementerian Tenaga juga telah menubuhkan pasukan tindakan bagi menangani wabak *COVID-19* yang ahli-ahli dalam pasukan ini terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Tenaga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, *Authority Petroleum Brunei* dan *Safety Health Environment* yang berperanan untuk memastikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kritikal tidak terjejas. *Taskforce* ini juga telah menyediakan satu garis panduan bertajuk *Notice to Industry on COVID-19* dalam sama-sama menangani mengurangkan kesan impak terhadap aktiviti operasi minyak dan gas di sektor tenaga.

Fokus-fokus utama *NTI* tersebut untuk memberikan garis panduan bagi pekerja penting di tempat-tempat kerja yang dikategorikan kritikal dalam memastikan keseimbangan dan kestabilan operasi. Pasukan tindakan ini akan sentiasa memantau situasi *COVID-19* dalam sektor tenaga bagi memastikan kesan atau impak kepada pengeluaran di industri huluan dan hiliran pada tahap minimum termasuk operasi di loji penapisan minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga. Saya sekarang ingin mencadangkan supaya Tajuk Kementerian Tenaga kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih semuanya bersetuju dan kita meluluskan Tajuk Kementerian Tenaga.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SQ01A hingga Tajuk SQ02A - Kementerian Tenaga dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa sekarang berpindah kepada Tajuk Kemajuan. Sebagaimana yang telah kita maklumi bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, telah pun menyampaikan mukadimahnya mengenai Belanjawan Kemajuan yang disediakan ini dan saya harap soalan-soalan akan tertumpu

kepada perkara-perkara yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan yang berkenaan. Saya sekarang membukakan perbahasan mengenai tajuk jadual ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Perbelanjaan Kemajuan ini, saya merujuk mengenai Sektor 1119 - Sumber Tenaga Manusia Kod Akaun – 004, Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK). Dengan peruntukan yang diberikan sejumlah $1,132,600.00 bagi 2022/2023 dan sejumlah $273 000.00 bagi 2023/2024. Pernah dikongsikan untuk PPK ini dijalankan oleh *IBTE* untuk *International accreditation* serta hala tuju yang lain di Dewan ini pada tahun 2019. Apakah masih keperluan PPK ini *standalone* peruntukannya atau lebih baik ia di bawah program *IBTE* atau *Lifelong Learning* sahaja sebagai *operation?* Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat atas soalan diajukan tadi. PPK ini satu program yang telah dilancarkan beberapa tahun sebelum ini. Peruntukan disediakan untuk penuntut-penuntut mengikuti kursus-kursus dalam PPK ini belum selesai, peruntukan mesti disediakan sampai habis nanti إِنْ شَاءَ ٱللهُ . Ada *training* yang baharu termasuk dalam *HRD fund*. Mestilah diasingkan daripada *HRD fund*. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya ada 2 soalan dan jua 2 cadangan.:

1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, saya ingin mengetahui berapakah projek-projek dari RKN-11 yang tidak dapat disiapkan dan akan dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-12 nanti.

   Seperti yang diketahui sebelum ini ada 13 projek yang telah ditunda dari RKN-10 dan ia dilaksanakan di bawah RKN-11. Saya sering mendengar juga mukadimah menteri-menteri mengenai penerapan PPP akan tetapi saya ingin memohon pencerahan tentang proses pelaksanaan projek-projek ini yang ia masih saja memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan iaitu ingin mengetahui status 7 projek yang dalam RKN-11 yang dilaksanakan melalui pembiayaan *alternative financing.* Apakah ia sedang dilaksanakan ataupun masih

dalam pelbagai peringkat.? Jika dapat keperluan ini dapat dalam pelbagai peringkat. Jika dapat keperluan ini dapat disemak ataupun dinilai semula polisi ataupun *plot ratio* mahupun tempoh *list* yang ditawarkan, maka pihak kementerian adalah disarankan untuk melakukannya secepat mungkin.

2. Seterusnya mengenai cadangan Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada mengongsikan semasa sesi muzakarah bersama Kementerian Pendidikan mengenai *shut facilities*. Bagi bangunan sekolah-sekolah di Mengkubau iaitu pergabungan antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama*, 3 in 1*, yang merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah dan juga sekolah agama yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Ia dapat menjimatkan kos perbelanjaan pembangunan, kos *maintenance* bangunan dan juga menjimatkan penggunaan tanah. Saya mengambil baik akan cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

3. Saya juga ingin mencadangkan supaya sekolah-sekolah boleh meneroka pilihan lain ataupun *alternative financing*. Seperti menerapkan atau mengintegrasikan *facilities* yang difikirkan perlu seperti dewan serba guna, *facilities* sukan terbuka, *daycare facilities* ataupun *nursery* bagi membukakan peluang untuk bekerjasama dengan pihak swasta melalui program *PPP*. Saya menyambut baik kaedah *alternative financing* yang telah diterapkan dalam beberapa projek RKN. Salah satu usaha *PPP* yang berjaya dilaksanakan di kawasan perumahan ialah bangunan komersial *Rimba Point*. Akan tetapi juga terdapat lagi cadangan tanah-tanah komersial di Kawasan RPN yang belum dikembangluaskan. Saya percaya lebih banyak usaha kerjasama *PPP* akan dapat dilaksanakan dan melahirkan hasil yang sangat menguntungkan kepada kerajaan dan di samping itu dapat membantu kerajaan mencapai *milestone* dan objektif kemajuan negara terutama sekali tanah-tanah komersial yang terletak di kawasan *prime areas*.; dan

4. Satu cadangan bagi projek gabungan juga adalah antara Kementerian Pembangunan juga Kementerian Tenaga. Seperti Projek Perumahan Negara, *incorporate* dan menyediakan *solar panel* atas bumbung perumahan dan bangunan-bangunan baharu secara berfasa. Contohnya, kita boleh memanfaatkan tenaga *solar* yang dapat menjana 10 Megawatt ke 20 Megawatt, tenaga yang dapat dihasilkan oleh 1,000 ke 2,000 unit perumahan. Ini boleh membantu sasaran negara dari segi tenaga hijau iaitu untuk meningkatkan sasaran kapasiti keseluruhan kepada 200 Megawatt daripada tenaga *solar* menjelang tahun 2025. Memfokuskan

komitmen negara untuk mencapai *net zero emission* atau *carbon neutrality* seperti yang telah dimaklumkan semasa *cop 26*, semasa persidangan *ASEAN 2021*. Di samping itu, penggunaan gas secara domestik boleh dikurangkan dan ditambah kepada nilai eksport gas negara.

Sidang Dewan yang saya hormati, dengan adanya Peta Jalan RKN-12 ini nanti, projek-projek di bawah RKN-12 akan dapat dipantau secara teratur dan mencapai sasaran yang diharapkan. إِنْ شَاءَ ٱللهُ dengan penglibatan dan kerjasama rapat antara semua kementerian dalam usaha untuk memastikan Wawasan Brunei 2035 akan tercapai.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat mengenai beberapa soalan, إِنْ شَاءَ ٱللهُ kaola akan menjawab soalan pertama dan kedua. Mengenai cadangan itu tertakluk kepada rakan-rakan sejawatan kaola sama ada akan dijawab atau tidak.

Mengenai pencapaian RKN-11. Setakat 31 Januari 2022, sebanyak 29 projek telah pun siap dilaksanakan. Pada masa yang sama, sebanyak 79 lagi projek dalam peringkat tahap pelaksanaan pada masa ini. Kalau dilihat prestasi fizikal dan kewangannya masih rendah dibandingkan dengan jumlah RKN-11 keseluruhannya. Tapi langkah berhati-hati di setiap kementerian, jabatan dalam memastikan kaedah dan projek-projeknya yang akan dilaksanakan, mesti sentiasa diteliti supaya membuahkan hasil dan mencapai objektif saranan Wawasan Brunei 2035. Kalau mana-mana projek di bawah RKN-11 yang belum siap atau belum dapat dilaksanakan semasa RKN-11, akan diteliti semula mengikut keutamannya dan akan ditunda kepada RKN-12.

Mengenai soalan *alternative financing*, sebenarnya ada 7 buah projek sebelum ini dimasukkan dalam RKN-11. Memandangkan dengan urusan kerajaan pada masa ini, beberapa projek telah pun boleh dilaksanakan oleh badan-badan berkanun, tidak lagi masuk dalam RKN. Jadi, 7 projek ini kebanyakannya untuk membuat jalan raya di *industrial sites* yang pada masa ini diambil alih oleh *Darussalam Enterprise,* tidak lagi masuk bajet peruntukan dalam RKN. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi bagi soalan-soalan tadi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin menambah?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم, mengenai usaha-usaha projek *PPP* yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa

Haji Abdul Rahman tadi. Dari aspek perancangan kawasan perumahan yang telah dipilih iaitu di kawasan-kawasan Skim Perumahan Negara memang ada mempunyai pelan induk dengan perancangan yang spesifik dan tertentu ke atas penggunan plot ataupun tapak-tapak tanah seperti kawasan komersial, sekolah, masjid, kawasan riadah dan sebagainya.

Sepertimana juga plot-plot tanah yang telah pun diperuntukkan bagi pembinaan rumah dalam kawasan-kawasan perumahan tersebut, adalah di bawah kawal selia Jabatan Kemajuan Perumahan. Plot atau tapak-tapak tanah yang lain telah pun diperuntukkan dan diagihkan kepada pihak-pihak tertentu untuk mengendalikan untuk apa-apa kemajuan ke atasnya dan selaras dengan perancangan masing-masing. Seperti misalannya penyediaan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, masjid di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain lagi.

Ada beberapa kawasan komersial dengan keluasan yang tertentu dalam kawasan Skim Perumahan Negara dikategorikan sebagai plot ataupun tapak-tapak tanah di bawah Rancangan *Government Land Lease (GLL)* yang telah pun dikenal pasti dan untuk dimajukan. Pendekatan melalui kaedah *Private Public Partnership (PPP)* secara *Expression of Interest (EOI)* sebagai pembiayaan alternatif untuk memajukan kawasan-kawasan komersial tersebut. Ini dalam perancangan seperti apa yang telah pun kaola kongsikan dalam mukadimah kaola semalam.

Mengenai *incorporate solar panel*, ingin kaola menambah sedikit barangkali. Mengikut saranan Yang Berhormat untuk menerapkan pemasangan *solar panel* ke bangunan-bangunan perumahan serta bangunan-bangunan baharu bagi projek-projek pembangunan di bawah RKN-12. Ini disambut baik dan satu cadangan yang bagus dan pada masa ini Kementerian Pembangunan menyokong projek-projek *Building Integrated Photovoltaics (BIPV)* seperti di Pekan Bangar, Daerah Temburong dan juga projek *solar PV* yang lain seperti *floating solar PV* dalam kawasan *reservoir.*

Dengan adanya mekanisme *Net Metering* yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga, aplikasi *BIPB* ini akan lebih menarik kepada sektor swasta dan perkara ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dibincangkan lagi dengan Kementerian Tenaga. Untuk makluman juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, keperluan bagi tenaga yang boleh diperbaharui *(renewable energy)* merupakan satu kategori di bawah kategori yang terdapat dalam *Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS)* yang akan menyokong Strategi *5 Power Management dan* Strategi *8 Climate Resilience and Adaptation.* Kriteria tenaga yang boleh diperolehi ini akan menggalakkan penggunaan sumber tenaga *solar* dan juga teknologi karbon rendah dalam bangunan.

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin mengulas berhubung dengan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada muzakarah yang diadakan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu, mengenai bangunan sekolah untuk guna sama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kementerian Hal Ehwal Ugama sebenarnya menyokong cadangan seperti ini, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam langkah-langkah ke hadapan Kementerian Hal Ehwal Ugama, untuk pembangunan ini akan sentiasa menyelaraskan keperluan itu dengan pihak Kementerian Pendidikan. Ini sangat penting dan ada beberapa sekolah sudah dirundingkan dan ada yang bersetuju untuk guna sama dan ada yang tidak. Tetapi yang penting diingati ialah guna sama itu memang guna sama untuk kemudahan-kemudahan yang umum seperti dewan dan sebagainya. Bagi bilik-bilik darjah terutama sekali khusus bagi Bahagian Ugama untuk kegunaan agama, ada ruang-ruang untuk latihan-latihan praktikal amali keagamaan sepertimana di bangunan sekolah-sekolah agama. Setelah itu ialah keperluan untuk bilik guru-guru yang sudah tentu akan berasingan. Guna sama itu setakat mana kitani boleh menggunakan bersama khusus masing-masing dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mestilah diambil kira.

Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini sangat penting kerana Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat memberi perhatian kepada penyelarasan waktu persekolahan antara sekolah yang ada aliran umum dan sekolah agama. Jadi bermakna, penyelarasan waktu itu sedang giat difikirkan di peringkat kementerian bagi mengelakkan kejadian fenomena biasa bagi ibu bapa terpaksa berulang-alik keluar meninggalkan tugasnya terutama sekali dalam perkhidmatan awam ialah untuk menghantar mengambil anak-anaknya dari sekolah agama dan sebagainya. Jadi, ada langkah-langkah untuk guna sama bangunan sekolah, maka akan diambil kira penyelarasan waktu ini.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya kira cukup sekian kita berunding mengenai Tajuk Kemajuan ini dan sekarang, saya suka untuk mengundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju supaya Tajuk Kemajuan ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih dan semuanya bersetuju. Tajuk Kemajuan ini kita luluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SP01A – Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2022/2023 dan hendaklah mula berjalan berkuat kuasa pada 1 April 2022. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa, tidaklah perlu dibahaskan lagi. Oleh yang demikian, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Tajuk Gelaran Pendek dan Tarikh Permulaan Berkuat Kuasa Akta ini diluluskan? Jika demikian, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa dijadikan sebagai sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita pun telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Jadual Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semuanya kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbincangan dan perbahasan Rang Undang-Undang ini sehingga ia selesai. Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya kira cukup sekian kita bersidang pada pagi ini, maka saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 3 Mac 2022 pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 30 Rejab 1443 /3 Mac 2022

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
(Hadir secara *virtual*)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara. **(Hadir secara *virtual*)**

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada ini hari yang ketujuh, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersyukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama lagi hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang ketujuh dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Persidangan disambung lagi untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan sebelah pagi semalam, kesemua Ahli Yang Berhormat telah selesai meneliti dan mempersetujui bahawa semua tajuk kementerian untuk dimasukkan sebagai sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023.

Oleh yang demikian, menurut Peraturan Bilangan 31, Majlis Mesyuarat Negara, (dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023) dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk dapat dibaca bagi kali ketiga, sebelum Rang tersebut dapat diluluskan dan untuk dijadikan Suatu Akta.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang Yang Bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, menurut Peraturan Majlis Mesyuarat Negara Bilangan 31, kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan.

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi yang telah menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Yang Bergelar: "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**; untuk dapat dibaca bagi kali ketiga. Saya persilakan Ahli Yang

Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dengan sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan ini telah selesai dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan ini telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya sekarang ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju akan cadangan ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 dan akan mula berkuat kuasa pada 1 haribulan April 2022. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Perkara VII daripada Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VII. Ketetapan Bilangan 1, iaitu Ketetapan di bawah Fasal 83(7) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959, akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkgan di atas meja. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak 19 buah Perintah yang telah disenaraikan, dan Perintah-Perintah tersebut telah

dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2021 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini, tahun 2022. Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh sebab Perintah-Perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang kaola sebutkan terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2022.

Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah Ketetapan yang berbunyi: "Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2022 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan". Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْم Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan sebuah: "Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959" dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakannya ataupun kesemua Undang-Undang yang disenaraikan dalam Kertas Nombor 1 Tahun 2022 telah pun diluluskan secara *Emergency*

Orders dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat perkara ini tidaklah perlu dibahaskan lagi. Maka ada baiknya Ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang Bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan Ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ketetapan yang kedua di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa: "Majlis ini dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah $350 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan Rang Anggaran Belanjawan Kemajuan 2022/2023 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2022".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Butir-butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2022. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang jawatankuasa dan telah pun diluluskan tiada pindaan. Maka kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangkan.

Dari itu, kaola sukacita mencadangkan supaya Majlis ini menetapkan iaitu: "Majlis ini dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah $350 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud

tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2022/2023 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2022." Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136). Saya suka kiranya seorang Ahli Yang Berhormat ada menyokong cadangan yang dikemukakan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat rakan-rakan serta sahabat-sahabat sekalian. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan sebuah: "Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) Negara Brunei Darussalam" dan kenyataan cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sebagaimana dinyatakan sebentar tadi bahawa kesemua Peruntukan Kumpulanwang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta. Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah perlu kita bahaskan lagi. Ada baiknya Ketetapan ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Ketetapan ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju maka Ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang beralih kepada Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Penangguhan pertama yang saya sekarang memberikan kesempatan ini kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat ucapannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersykur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 7 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah dapat meluluskan beberapa akta penting khususnya Akta Perbekalan 2022/2023.

Sebelum meneruskan ucapan, dalam kesempatan ini saya bagi pihak kesemua Ahli Yang Berhormat dengan penuh hormat sukacita mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kita dengan sungguh lancar dan teratur lagi efisien dalam menunaikan tanggungjawab Majlis Mesyuarat Negara ini. Saya dengan penuh hormat sukacita mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana meneliti, menimbangkan dan menyokong cadangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan satu Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 berjumlah $5.7 bilion.

Kita sama-sama bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang masih merudum dan negara masih mengalami defisit di samping berhadapan impak pandemik *COVID-19*, negara kita dengan izin أَللهِ dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif dan melaksanakan beberapa pembaharuan yang signifikan demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala pengamatan yang teliti, pandangan, nasihat dan pemikiran bernas dan membina yang memfokus kepada saranan-saranan penambah-baikan mahupun pembaharuan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat ini. Sungguhpun kita bersidang dalam tempoh masa yang pendek berbanding tahun-tahun sebelumnya akan tetapi ia sama sekali tidak mengurangkan kualiti penelitian dan perbahasan kita.

Kita sama-sama menjunjung tinggi hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai 'moto' persidangan supaya digunakan peluang

ini untuk mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki. Ke arah ini, pada hemat saya, sesi muzakarah Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan kementerian-kementerian pada tahun ini telah menghasilkan impak yang positif. Ia membolehkan kementerian untuk memberikan maklumat terkini akan peranan program dan apa jua usaha yang akan, sedang dan telah dirancang dan yang telah dilaksanakan oleh kementerian masing-masing. Dengan demikian bagi membolehkan kita di Dewan ini untuk menumpukan perhatian bagi membincangkan perkara-perkara dan isu-isu penting dan dasar-dasar yang sedang telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ menerusi perbahasan di Dewan yang mulia ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan dan mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan yang amat signifikan berkisar kepada 4 Fokus Belanjawan 2022/2023, iaitu: Memelihara Kesejahteraan Awam, Menjamin Sekuriti Makanan, Mendukung dan Membantu Sektor Swasta agar Berdaya Tahan dan Berkembang dan Meningkatan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah *Work and Future Ready.*

Sepanjang tempoh penelitian dengan pembahasan kita, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan dan membahaskan perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan orang ramai berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan seperti air, elektrik, pengangkutan, teknologi infokomunikasi, perumahan dan lain-lain. Mengambil perhatian berat mengenai rancangan, memperkasa Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana, meningkatkan prestasi 1K1P, mengambil serius segala pendidikan dan peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat telah lantang menyuarakan pandangan dan cadangan bagi mempertingkatkan usaha dalam sekuriti makanan, memperkasa belia, memberikan peluang kepada belia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, penglibatan belia dalam pembangunan negara, menyertai berbagai-bagai sektor perniagaan dan perusahaan bukan sahaja sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Maklum balas dan maklumat ini di ketengahkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah amat berharga dan menggambarkan keprihatinan dan pemedulian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan negara dan masyarakat serta peranan dan tanggungjawab kementerian-kementerian. Pandangan-pandangan dan saran-saran yang dihadapkan setentunya akan diteliti oleh kerajaan dan kementerian-kementerian sebelum dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, wabak *COVID-19* telah mengubah landskap dunia. Negara kita Brunei Darussalam tidak terkecuali. Berbagai-bagai pengalaman dilalui dan

pengetahuan diperolehi sejak wabak *COVID-19*. Tidak dinafikan ia telah memberikan impak yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan yang nyata. Hampir 2 tahun kita hidup dalam norma baharu. Wabak *COVID-19* juga mengharuskan kerajaan dalam membuat perubahan dari segi inisiatif, dasar dan perundangan. Perubahan-perubahan yang dilaksanakan adalah bagi mengharungi cabaran-cabaran daripada pandemik *COVID-19* dan seterusnya agar ia selari dengan keperluan pasca wabak *COVID-19.*

Sehubungan itu, kita menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini. Berkaitan dengan Skim Tabung Amanah Pekerja, kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023. Baginda juga menekankan mengenai *food security*, berikutan dengan penularan wabak *COVID-19*. Ia sedikit sebanyak telah menjejaskan kemasukan barang-barang makanan dan sekali gus menjadikan harga barangan meningkat dan kadar inflasi tinggi. Dari itu, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam meningkatkan pengeluaran dari sektor-sektor pertanian, perikanan dan ternakan. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kerajaan akan terus memastikan bahawa bekalan makanan di negara ini sentiasa terjamin termasuk hasrat untuk mencapai sara diri dan mengurangkan kebergantungan pada import semata-mata.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ kita telah melihat peningkatan dalam pembudayaan dalam informasi, komunikasi dan teknologi dalam aspek pendidikan, pengurusan, keselamatan dan perusahaan. Ini selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang dasar utamanya bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai *Smart Nation* serta mendorong dan meningkatkan pertumbuhan sosial ekonomi negara dengan transformasi digital.

Sehingga ke hari ini, kita dapat menyaksikan pertumbuhan positif sektor-sektor seperti pertanian, perniagaan, pengangkutan, kewangan, perhubungan dan perkhidmatan kesihatan. Sektor ini telah mempelbagaikan tatacara pemberian perkhidmatan dengan lebih inovatif dan kreatif. Mereka bijak menukar cabaran-cabaran wabak *COVID-19* menjadikan peluang ini sebenarnya tuntutan abad ini.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang masih dalam proses pemulihan dari wabak *COVID-19*, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan komitmen yang tinggi, kerajaan akan terus berusaha dan komited untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara. Kerajaan akan terus menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini dan menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menjadikan Negara

Brunei Darussalam destinasi menarik *FDI*. Kita bergembira menyaksikan bahawa rancangan-rancangan kemajuan dan penyertaan pelabur-pelabur asing *FDI* telah menunjukkan hasilnya. Tidak dapat dinafikan bahawa sejauh ini kehadiran syarikat-syarikat luar negeri ini telah dapat membantu dalam pembangunan negara dengan meningkatkan aktiviti ekonomi, menyediakan perkhidmatan dan infrastuktur kepada negara dan rakyat serta memberikan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kehidupan bernegara, kita telah menempuh berbagai-bagai cabaran dari pelbagai jenis wabak dan terkesan dengan krisis kewangan seperti *ASEAN Financial Crisis 1997, Global Financial Crisis 2001* dan *Global Financial Crisis 2006*. Sungguhpun wabak dan krisis kewangan tersebut memberi impak kepada orang ramai, namun kesannya tidak begitu serius dan hebat seperti apa yang dialami dari wabak *COVID-19*.

Wabak *COVID-19* juga telah menimbulkan kesedaran rakyat dan penduduk, menjadi sebagai masyarakat yang bersedia berkhidmat dan menyumbang. Kita amat bersyukur khususnya dengan penglibatan masa belia secara aktif dalam berbagai-bagai bidang kegiatan, kemasyarakatan, keagamaan, pendidikan, keusahawan dan kesukarelawan serta penglibatan mereka dalam *NGO's.* Kita perlu sentiasa memberikan galakan dan sokongan agar belia kita akan sentiasa bersemangat dan menjadi tauladan terbaik bagi generasi yang akan datang.

Sekali lagi kita bersyukur, dengan kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua, kita di negara ini telah dapat mengharungi kehidupan, menghadapi ancaman dan cabaran *COVID-19* selama 2 tahun dalam keadaan aman dan sejahtera.

Kita sangat menghargai usaha Kementerian Kesihatan yang diterajui oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama kepimpinannya dan seluruh warga barisan hadapan sukarelawan, kerjasamana dan sokongan semua kementerian, pihak swasta dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang bersatu padu, menyokong dan bekerjasama melaksanakan segala usaha kerajaan dan secara berterusan dan konsisten mengamalkan vaksin ketuhanan.

Sesungguhnya, kesepakatan dan perpaduan kita menghadapi wabak *COVID-19* ini jelas mencermin kedayatahanan dan resilien rakyat dan penduduk negara ini yang sewajarnya kita terus pelihara dan pertahankan sebagai benteng pertahanan kewujudan sebuah negara bangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai jentera kerajaan kita hendaklah bersatu padu demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Sebarang penambahbaikan memerlukan sokongan dan dukungan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan selaras dengan pendekatan *whole of nation*.

إِنْ شَاءَ ٱللهُ kita akan sama-sama dapat meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan melaksanakan kemajuan negara. Rancangan-rancangan telah dikongsikan di Dewan yang mulia ini, menunjukkan kita mempunyai impian dan inspirasi untuk merealisasikan objektif Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, ia hendaklah sentiasa realistik dan *achieveable* dengan berpandukan kepada *delivery approach* dan melaksanakan *Key Performance Indicator (KPI)* bagi memastikan setiap rancangan dan sasaran dilaksanakan dalam masa pendek, sederhana dan panjang dapat dilaksanakan dengan jayanya, dengan mengambil kira keutamaan dan *cost effectiveness*.

Marilah kita sama-sama melangkah ke hadapan dan menjadi Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang cemerlang dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat yang berkualiti tinggi. Kita juga hendaklah sentiasa bijak menangani dengan sumber yang sedia ada di samping meraih peluang-peluang lain dihadapkan kita baik dalam arena global, serantau mahupun dalam negeri sendiri.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini kaola sukacita mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis dan seluruh kakitangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah sama-sama menjayakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan lancar dan teratur. Penghargaan dan terima kasih juga kepada Radio Televisyen Brunei, akhbar Pelita Brunei dan ke semua pihak media massa dengan membuat laporan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara 2022 dengan komprehensif dan efisien.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan bertawakal kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ maka saya mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022/2023 ini ditangguhkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana memberi peluang bagi kaola berucap agak lama sedikit. Inilah pertama kali kaola memberi ucapan di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat kali ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola hanya akan memetik ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat-ayat 155, 156 dan 157. Firman, Allah *(Ayat yang dibaca dalam Al-Quran)*

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ

ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ

أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَٰتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُهْتَدُونَ

Tafsirnya, "Dan sesungguhnya kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan, dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar iaitu orang-orang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Ujian-ujian أَللّٰهِ itu sedikit ketakutan, sedikit kelaparan, sedikit kekurangan harta benda termasuk duit, sedikit kekurangan nyawa (kematian, sedikit kekurangan buah-buahan yakni makanan).

Wabak *COVID-19* yang melanda manusia di seluruh dunia menepati maksud-maksud ayat-ayat Al-Quran tersebut. Siapa yang bersabar menghadapi ujian-ujian tersebut, Tuhan akan memuliakan keampunan dan rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang dapat hidayat dari sisi أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Wabak *COVID-19* sudah, sedang dan masih akan menimpa manusia di seluruh dunia. Hanya Tuhan yang mengetahui hikmat-hikmat ujian itu didatangkan kepada seluruh umat manusia di seluruh dunia, memang begitu kehendak Tuhan Yang Maha Esa. Tidak kiralah sama ada manusia itu derhaka kepadanya atau tidak pada zaman سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم dan para sahabat Baginda pun ada ujian. Salah satu ujian pada zaman para sahabat ialah Penyakit Taun di Amuas (di Jordan) di zaman Sayyidina Umar Al-Khattab menjadi Khalifah, Penyakit Taun tersebut telah mengorbankan puluhan ribu manusia dan termasuklah seorang sahabat besar bernama Abu Ubayda ibnu al-Jarrah. Kaola pernah ziarah makamnya. Orang-orang yang berhijrah dari Makkah ke Madinah Munawwarah ditimpa demam sehingga رسول الله berdoa memohon disembuhkan mereka dari demam tersebut. Jadi, Tuhan yang turunkan penyakit dan Tuhan juga sembuhkan penyakit. Selain itu, juga dituntut banyak doa, membaca Al-Quran, berzikir membuat bermacam-macam ibadat kepada أَللّٰهِ selain bersedekah wajib dan sunat. Inilah saranan-saranan Islam dalam

menghadapi wabak-wabak penyakit dan juga mendapatkan ubat-ubatan dan rawatan-rawatan tertentu. Kaola berpendapat bahawa ungkapan-ungkapan, kata-kata yang menyatakan kita memerangi wabak *COVID-19* adalah kurang sesuai kerana wabak itu datang dari sisi أَللهِ, diadakan penyakit sebagai menguji kita. Apabila kita berkata begitu seolah-olah memerangi Tuhan yang mewujudkan wabak itu. Siapakah kita yang hendak memerangi Tuhan? Hendak menjadikan seekor lalat pun kita tidak berdaya.

Eloklah saja kita berkata kita hendak menghindarkan wabak *COVID-19,* biarlah kita tawaduk kepada Tuhan. Mudahan-mudahan Tuhan kasihan kepada kita. Kaola ingin menyembahkan ucapan kaola dengan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas lantikan ke atas kaola sebagi Ahli Majlis Mesyuarat Negara selama 2 penggal. Kaola berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia, kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam turun-menurun, sihat wal'afiat serta dengan ahli keluarga baginda آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ
لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita ingin merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempengerusikan Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Kali Kelapan Belas Bagi Tahun 2022 ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ mesyuarat tahun ini telah berjalan dengan penuh tersusun dan teratur, dalam suasana yang harmoni penuh terbuka dan semangat muhibah, di samping perbincangan yang sangat produktif serta memfokus kepada perkara-perkara yang strategik demi kepentingan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas segala nasihat, pandangan dan juga sokongan yang diberikan kepada kaola selama tempoh kita sama-sama bermesyuarat dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara kali ini. Pandangan-pandangan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak dinafikan sangat penting dan membina untuk abiskaola pertimbangkan dan fikirkan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sebarang kelemahan yang ada akan pihak abiskaola perbaiki demi kemajuan negara jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ seperti kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika membentangkan cadangan Belanjawan 2022/2023 pada hari Sabtu yang lepas, keluaran dari sektor pertanian dan perikanan adalah penyumbang utama bagi pertumbuhan KDNK Tahun 2021, terutama dalam sektor bukan minyak dan gas.

Untuk makluman, pada tahun 2021 keluaran sektor pertanian telah meningkat sebanyak 24.6% iaitu daripada $471 juta pada tahun 2020 kepada $587 juta pada tahun 2021. Manakala keluaran sektor perikanan meningkat sebanyak 37.4% iaitu, daripada $139 juta pada tahun 2020 kepada $191 juta pada tahun 2021. Berikutan dengan itu tahap sara diri bekalan makanan dalam negara juga meningkat dan kita hampir mencapai sebanyak 100% sara diri bagi bekalan ayam pedaging dan telur ayam, Sebanyak 85% sara diri dari segi bekalan daging lembu dan kerbau dan bagi bekalan ikan, sebanyak 66% bagi bekalan sayur-sayuran tropika dan sebanyak 8.7% sara diri bagi bekalan beras tempatan.

Kaola mengucapkan syabas kepada pengusaha-pengusaha kita yang terdiri daripada peladang, petani, penternak dan nelayan atas kegigihan mereka dalam meningkatkan hasil dari ladang mereka sehingga menyumbang kepada usaha meningkatkan pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi dan bagi meningkatkan jaminan sekuriti makanan negara.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama pengusaha-pengusaha akan terus berusaha meningkatkan lagi keluaran dalam negara, bukan saja untuk mencapai taraf sara diri penuh malah bagi memenuhi permintaan sektor pemprosesan makanan dan permintaan eksport. Di samping itu, usaha-usaha bagi menggalakkan penglibatan Pelaburan Langsung Asing dan *GLC* dalam sama-sama menyumbang ke arah meningkatkan keluaran dari sektor pertanian dan perikanan, juga akan diteruskan selain terus menggalakkan pengusaha serta peladang yang berkenaan untuk mengguna pakai

teknologi dan teknik moden, menyasarkan pasaran eksport selain memenuhi permintaan tempatan dan mengamalkan urus tadbir yang baik.

Kita berharap penuh peladang-peladang kita akan terus bersungguh-sungguh dan gigih mengusahakan tanah-tanah yang telah ditawarkan kepada mereka. Ini selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam Majlis Perasmian Majlis Ilmu sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda Yang Ke-72 Tahun pada 27 November 2018 yang lalu seperti yang berikut:

"…jelasnya kerajaan beta telah dan akan terus menyediakan peluang-peluang dalam bidang pertanian ini dengan seluas-luasnya. Beta teruja kerana kita telah dapat melahirkan peladang-peladang dan petani-petani yang sebahagiannya telah menjayakan bidang ini sebagai mata pencarian utama mereka. Terutama dalam aktiviti bertanam sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan dan aktiviti ternakan dan perikanan. Beta percaya kejayaan ini adalah hasil daripada kesungguhan, kegigihan dan sifat 'berkarih' mereka. Beta mahu sifat sedemikian ini biarlah terus hidup dalam kalangan para peladang dan petani. Beta amat menaruh harapan supaya para peladang dan petani tidak bosan-bosan mengusahakan perladangan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab, dedikasi dan berdisiplin demi *survivability* bangsa dan negara".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, kaola berharap kita semua sama-sama memberi dorongan kepada peladang-peladang kita yang sedia ada dan menggalakkan belia dan anak-anak buah kita terutama yang masih mencari pekerjaan untuk bergiat dalam aktiviti pertanian bagi merealisasikan hasrat kita sambil membantu mengukuhkan strategi sekuriti makanan dan membantu mengurangkan pergantungan pada import makanan. Kita juga merayu agar orang ramai yang sudah diberikan tanah-tanah pertanian agar mengusahakan tanah mereka seperti yang dipohonkan dengan bersungguh-sungguh dan tidak menjadikan tanah-tanah berkenaan terbiar dan tidak menyewakan tanah berkenaan kepada pihak lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam keadaan dunia yang dilanda wabak *COVID-19* sejak awal tahun 2020, difahami memang ada beberapa keperluan pihak peladang yang terkesan dan yang paling meruncing adalah masalah mendapatkan buruh asing atau terdapat buruh-buruh asing yang sedia ada berkeinginan pula untuk pulang setelah sekian lama berada di negara ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ melalui *whole of nation, whole of government approach*, kita akan cuba sedaya upaya membantu pihak pengusaha mendapatkan buruh-buruh

yang dikehendaki demi memastikan keluaran hasil perusahaan tidak terganggu seperti bekalan padi dan beras, sayur-sayuran, daging ayam dan lembu, bekalan ikan dan udang dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam sektor pelancongan melalui strategi seperti pengembangan dan pengukuhan produk-produk pelancongan di seluruh negara serta melalui aktiviti-aktiviti latihan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan layanan yang dijalankan semenjak dua tahun yang lalu, diharap penyedia-penyedia perkhidmatan dan produk pelancongan dalam negara telah bersedia untuk menerima kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara apabila keadaan wabak *COVID-19* telah reda dan pada bila-bila masa, sempadan mula dibuka untuk pelancong-pelancong berkenaan datang ke negara ini.

Faktor utama yang diambil kira dalam pembangunan produk-produk pelancongan adalah faktor keselamatan, kebersihan dan faktor kualiti layanan yang diberikan kepada pengunjung-pengunjung. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama pihak Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan pihak *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)* telah juga menerapkan nilai-nilai Islam dalam latihan melayan tetamu bagi pelayan-pelayan restoran, hotel, destinasi pelancongan dan juga agensi kerajaan termasuk kaunter-kaunter imigresen, muzium dan galeri. Ini bertujuan bagi memastikan pelanggan-pelanggan berpuas hati dengan layanan yang diberikan dan tidak jemu untuk berkunjung kembali ke destinasi-destinasi pelancongan kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai Ucapan Penangguhan kaola dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2022 ini. Kaola sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan dengan iringan doa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam rahmat, sihat sejahtera dan bahagia.

Tahniah setinggi-tingginya diucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis atas kecemerlangan dalam mengurus dan mentadbir Majlis Mesyuarat Negara Kali Kelapan Belas ini. Kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf sekiranya ada "tersuruk langkah" mahupun kata-kata yang kurang manis dalam masa kita bersidang ini.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu dengan rendah hati dan dengan hati yang jernih mengucapkan syukur dan tahniah yang setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan memimpin dan mempengerusikan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal permesyuaratan hingga ke penghabisan.

Syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sepanjang sesi permesyuarahan dan perbahasan di Dewan yang mulia ini, ia berjalan dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana muhibah, keterbukaan, saling menghormati dan semangat permuzakarahan yang harmoni. Beberapa isu, pandangan, cadangan dan saranan telah pun disentuh dalam kita sama-sama 'menanai' tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ . Diharap akan dapat memberikan impak dan kesan yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pembentangan cadangan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 bertemakan: 'Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien" dengan penekanan kepada empat perkara utama.

Tema Belanjawan Negara pada tahun ini memberikan hasrat jitu pihak kerajaan untuk terus mengorak langkah dan memacu ke hadapan dalam sama-sama kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Tidak dinafikan ekonomi negara seperti juga ekonomi dunia dan serantau yang lainnya akan terus berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran pada tahun ini daripada risiko, dan kesan serta impak kesihatan awam dengan gelombang penyakit *COVID-19* kepada risiko geopolitik. Ia setentunya memberikan impak khususnya kepada ekonomi negara.

Dari itu, kita perlulah bersedia dan bijak untuk mencatur perancangan dan strategi dalam mengurangkan kesan daripada cabaran-cabaran yang berkenaan terutamanya dengan berfikiran lebih kreatif dan inovatif dan berbekalkan dengan semangat permuafakatan dan perpaduan dalam mengambil peranan dengan penuh komitmen bagi sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan, kemakmuran negara terus dijaga dan dipelihara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bercakap mengenai permuafakatan dan perpaduan, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dari gelombang wabak *COVID-19* ini kita dapat melihat kesungguhan rakyat dan penduduk di negara ini dalam mengambil peranan masing-masing. Ada dalam kalangan warga perkhidmatan awam serta pihak sektor swasta, persatuan bukan kerajaan dan golongan persendirian turun dan tampil mengambil peranan sebagai sukarelawan dalam membantu menangani wabak *COVID-19* ini baik sebagai petugas barisan hadapan mahupun mereka yang diberikan peranan. Inilah nilai-nilai bangsa orang Brunei kitani yang sebenarnya patut kita banggakan. Rakyat dan penduduk akan sentiasa tolong-menolong bekerjasama dan berganding bahu dengan semangat kesepakatan dan perpaduan demi kebaikan, kebajikan dan kesejahteraan negara. Semoga segala usaha murni mereka yang terlibat akan memperolehi limpahan berkat dan limpahan rahmat daripada الله سبحانه وتعالى . آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam negara mengharungi wabak *COVID-19* ini kita dapat saksikan dalam ledakan penggunaan teknologi digital dan dalam pada itu selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi *smart nation* dan dalam kita 'menanai' perkembangan dan cabaran transformasi digital. Janganlah kita lupa akan golongan yang mungkin sahaja boleh ketinggalan dalam perkembangan pesat teknologi ini seperti golongan warga emas dan golongan Orang Kurang Upaya. Hendaklah diharapkan pihak-pihak yang berkenaan akan dapat terus membantu golongan-golongan tersebut supaya mereka juga dapat terus menikmati faedah dari perkembangan teknologi sekarang.

Dalam pada itu juga, hendaklah kita sentiasa mengorak langkah dalam memajukan negara termasuklah ke arah fokus kita memperkukuhkan asas ekonomi agar ia menjadi lebih kukuh, luas, berdaya tahan dan berdaya maju. Janganlah kita leka akan pemantapan penguatkuasaan undang-undang, akta dan peraturan negara. Ia perlulah dipergiatkan dengan lebih tegas dan telus agar jenayah atau pelanggaran tidak berlaku dan rakyat dan kepentingan negara dapat terus dijaga. Adalah tidak kurang juga dalam aspek institusi keluarga yang perlu terus dikuatkan dan dipertahankan. Institusi kekeluargaan merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Ia memainkan peranan yang amat besar dalam melahirkan modal insan yang cemerlang. Tanpa institusi kekeluargaan yang kukuh, kemakmuran negara tidak akan terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk mengakhiri kaola ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada pihak Jabatan Majlis-

Majlis Mesyuarat di atas bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai penutup kaola ingin memohon maaf jika sekiranya terdapat tersilap kata, terkasar bahasa dan tingkah laku yang kurang manis sewaktu menyampaikan hujah, pandangan, saranan dan persoalan sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan iringan doa semoga kita semua akan sentiasa sihat walafiat dan dipertemukan pada masa-masa akan datang آمِيْنُ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اللَّهُمَّ بارِكْ لَنا في رَجَبَ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنا رَمَضَانَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan yang peramba/ kaola/saya hormati.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita merafakkan ucapan syukur setinggi - tingginya ke hadarat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya juga kita telah dapat bersama-sama bermesyuarat dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang dalam Dewan ini dalam suasana yang baharu secara hibrid bagi meneruskan pemikiran, perbahasan dan perbincangan isu-isu kemajuan pembangunan negara serta isu-isu semasa termasuk yang berkaitan dengan wabak *COVID-19* serta impaknya.

Dalam kesempatan yang istimewa ini, lebih dahulu kaola dengan penuh hormat sukacita merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah sekali lagi dapat memimpin dan memandu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan mulia ini dengan penuh kebijaksanaan, ketabahan, dedikasi dan dapat menjadikannya berjalan dengan lancar dalam suasana penuh muhibah dan bersemangat meskipun format permesyuaratan kita sedikit berubah pada tahun ini mengambil kira usaha untuk mengadaptasi sebaik mungkin kepada keadaan dan cabaran semasa.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kaola tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas penyelenggaraan perjalanan mesyuarat yang teratur dan kemas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sepertimana yang kita sama-sama dengarkan dan bahaskan sepanjang sesi permesyuaratan kali ini, penularan wabak *COVID-19* terus menjadi tumpuan kita yang mana kemunculan virus ini telah mendatangkan cabaran dari pelbagai haluan dan memberikan impak dalam pelbagai aspek. Ini bukan sahaja dari segi ekonomi, kesihatan dan masyarakat bahkan juga kepada keamanan dan pertahanan negara. Ianya mengandungi berbagai-bagai hikmah untuk kita terus hayati dan amati.

Ini antara lain menggariskan dan mengukuhkan kepentingan untuk terus mengekalkan kesediaan dan kesiapsiagaan yang tinggi terutamanya dalam konteks iklim negara dan dunia yang semakin penuh dengan ketidakpastian *(uncertainty)* begitu juga landskap keselamatannya. Meskipun pada permulaan penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sewaktu krisis wabak *COVID-19* ini lebih menyerlahkan kesediaannya kepada operasi-operasi bukan tradisional namun kesediaan untuk melaksanakan operasi-operasi tradisional dalam mempertahankan kedaulatan negara dan keutuhan wilayah pada masa yang sama tidak akan diketepikan dan akan tetap dikekalkan sebagai satu keutamaan. Pada amnya dalam zaman dan persekitaran kontemporari ini, pencerobohan wilayah dan kedaulatan masih berlaku di merata dunia sepertimana yang kita ambil ikhtibar daripada krisis pergolakan di benua Eropah sedang kita bersidang ini.

Dalam pada itu, sejajar dengan visi yang terbaharunya untuk menwujudkan: "Sebuah Angkatan Bersenjata Diraja yang Dihormati dan Rakan Kerja yang Mantap" ke arah memastikan kedaulatan raja, negara dan agama kekal terpelihara dan selamat. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus mengorak langkah untuk membangunkan sebuah angkatan tentera yang berkembang maju dan unggul dalam pertahanan yang merangkumi aspek kesediaan, kesiapsiagaan dan kekuatan kerohanian. Ini didukung berulang kali kaola nyatakan dan kongsikan dengan 3 tonggak utama pertahanan iaitu: Keupayaan, Cegah Rintang dan Respons, (*deterrence and response*) Diplomasi Pertahanan dan Pertahanan Holistik.

Selaras dengan titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada minggu lalu iaitu kepentingan untuk "meluruskan tadbir urus masing-masing mengikut keutamaan, keperluan, tidak membazir dan dilaksanakan dengan teratur".

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah pun mengambil inisiatif untuk mengemaskan rangka-rangka komprehensif perancangan pertahanan yang diadaptasikan sebaik-baiknya mengikut persekitaran strategik semasa yang cepat berubah-ubah dan akan

menjunjung tinggi titah baginda itu pada setiap masa.

Seperti yang kaola huraikan semasa ucapan mukadimah pada hari Ahad yang lalu "Kertas Putih Pertahanan 2021" yang dilancarkan bersempena sambutan Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun lalu dan juga perancangan keupayaan pertahanan *Force 2035* dan *Force Structure Review* yang sedang dijalankan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan berkat daulat dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta keprihatinan mendalam baginda akan membolehkan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan tampuk kepimpinan baharu serta barisan kepimpinan di peringkat perkhidmatan (*services)* untuk terus bergerak dan berkembang dengan lebih terarah dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran masa kini dan yang mendatang.

Adalah suatu hakikat, pembangunan dan kemajuan sesebuah negara dan tidak terkecuali negara kita Negara Brunei Darussalam yang dicintai memerlukan keamanan dan persekitaran yang stabil. Sebagai sebuah entiti pertahanan Kementerian Pertahanan akan terus memainkan peranannya dalam memastikan keselamatan negara tidak tergugat dan akan terus mengekalkan persekitaran yang selamat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan pihak kepentingan yang lain melalui pendekatan '*whole of nation* dan *whole of government'* bagi mendukung agenda Wawasan Brunei 2035.

Menyedari akan kepentingan kestabilan dan keamanan sebagai prasyarat utama untuk pembangunan negara dan pencapaian Wawasan Negara 2035, agenda pertahanan dan keselamatan negara hendaklah sentiasa diberikan keutamaan dan tidak boleh dikompromi. Oleh itu kepentingan pertahanan holistik hendaklah terus ditekankan iaitu semua pihak termasuk kitani yang dalam Dewan yang mulia ini mempunyai peranan untuk menjaga kestabilan dan melindungi keamanan negara.

Dalam kesempatan ini sekali lagi kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penyediaan Peruntukan Pertahanan yang kekal substantif dan ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan digunakan secara berhemah mengikut keperluan dan keutamaan ke arah mencapai *key result areas (IKWONDAMAI)* bagi kemajuan pertahanan dan pada menepati dan menghormati serta pemperjuangkan tema belanjawan 2022/2023 iaitu "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Berhormat.

Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan peramba/kaola/saya berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kitani Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa dalam pemeliharaan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ serta dikurniakan taufik dan hidayah-Nya, sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dan kebahagiaan.

Peranan institusi pertahanan dan keselamatan serta sokongan seluruh rakyat dan penduduk dalam memperkukuhkan pertahanan negara adalah amanat berat, إِنْ شَاءَ ٱللهُ dengan adanya semangat, sentiasa sepakat, doa dan tawakal serta usaha, dengan memperkasa pendekatan "bersepadu" dan "bersatu" berpegang teguh dengan pepatah "Bersatu kita teguh bercerai kita roboh" dengannya pertahanan negara إِنْ شَاءَ ٱللهُ akan terus kukuh dan ampuh". Kita yakini أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Yang Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa akan sentiasa memberkati dan merahmati negara kita dalam pertahanan, perkembangannya dan kemajuan untuk kebaikannya khususnya untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dan juga kebahagiaan, kerahmatan di dunia dan di akhirat. Kita berdoa di sisi-Nya Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir adalah بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ . آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan II. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ
وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ yang dengan izin dan kebesaran serta rahmat-Nya jua telah membolehkan kita berhimpun di Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Meyuarat Negara.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ berkat kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta sifat sabar dan juga bimbingan bijaksana Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Permesyuaratan Kelapan Belas ini telah berlangsung dengan lancar dan sempurna serta berhasil membuahkan keputusan-keputusan yang positif. Adalah diharapkan agar segala keputusan yang telah diambil dan diputuskan dalam permesyuaratan tersebut akan dilaksanakan menurut perancangan yang telah ditetapkan dan dengan penuh iltizam serta berhikmah

sepertimana maksud titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Meyuarat Negara. Sesungguhnya berkat kepimpinan bijaksana Yang Berhormat Yang Di-Pertua, permesyuaratan telah berjaya dilaksanakan dengan harmoni dan cemerlang.

Kaola tidak lupa juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang gandingan teraju oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan seluruh warga kerja jabatan ini. Akhirnya, kaola akhir ucapan kaola ini dengan merafakkan doa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya di bawah kepimpinan bijaksana dan kasih sayang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar kita semua sentiasa dalam pemeliharaan dan lindungan الله juga.

Akhirnya, kaola ingin mengajak semua yang hadir di Dewan ini untuk menadah tangan berdoa sambil menghayati selawat ke atas رسول الله صلى الله عليه وسلم.

أَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً،وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ أَلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ أَلْعُقَدُ،وَتَنفَرِجُ بِهِ أَلْكُرَبُ،وَتُقْضَى بِهِ أَلْحَوَائِجُ،وَتُنَالُ بِهِ أَلرَّغَائِبُ،وَحُسْنُ أَلْخَوَاتِيمِ، وَيُسْتَسْقَى أَلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ أَلْكَرِيمِ،وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَّكَ.

Selawat ini adalah Selawat Tarfijiyah yang bermaksud selawat yang boleh merungkai segala permasalahan dan kesulitan hidup bagi umat manusia.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الحَمْدُ لله رَبِّ العَالَمِيْنَ وَبِه نَسْتَعِيْن selawat dan salam kepada Rasul junjungan نبي محمد صل الله عليه وسلام seru tauladan sepanjang zaman. Syukur ke hadrat ilahi dengan limpah izin-Nya kitani dapat bersama lagi dalam Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas di Dewan yang mulia ini. Dengan hati yang tulus ikhlas kaola ingin merakamkan tahniah yang setinggi-tingginya dan penghargaan ke atas kebijaksanaan dan keprihatinan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib yang mempengerusikan mesyuarat ini dengan cemerlang dan bijaksana. Tidak lupa juga diucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi dan sosial semasa pandemik *Covid-19,* tahun ini bukan sahaja menjadi tahun pemulihan malahan juga akan memberi penekanan kepada dasar-dasar penyusunan semula atau *policy reform* kepada beberapa inisiatif dan dasar penggunaan perbelanjaan yang berhemah.

Dalam usaha untuk membangunkan aktiviti ekonomi di seluruh mukim dan kampung seperti projek Majlis Perundingan Mukim (MPK), Satu Kampung Satu Produk (1K1P) adalah sangat penting untuk mengetengahkan kebudayaan dan produk hasil kampung pedalaman agar dapat menarik pelancong domestik dan luar negeri. Inisiatif ini perlulah diteruskan dan dilipatgandakan kerana ia akan dapat membantu dalam mempertingkatkan sosioekonomi mukim dan kampung. Sama pentingnya juga untuk memastikan kewangan alam berdaya maju *viable* ini merupakan asas memastikan daya saing dalam memberikan perkhidmatan dalam era globalisasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Dalam hal memperkasakan masyarakat yang produktif dan sejahtera, tumpuan perlulah diberikan kepada rakyat tempatan. Peranan mereka bukan saja terhad kepada membentukan bangsa yang bahagia tetapi juga menyumbang kepada sosioekonomi. Dasar yang menentukan pembabitan rakyat tempatan di peringkat pengurusan dan membuat keputusan di sektor awam dan swasta, perlu juga ditingkatkan.

Bagi golongan belia pula ia menjadi harapan dan aset penting negara kita mahukan potensi mereka hendak dicapai melalui pengupayaan pendidikan dan latihan kemahiran, keusahawanan sukan dan kesukarelawan serta mempunyai ekosistem komprehensif bagi membolehkan belia meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan keusahawanan di samping menikmati kemudahan rekreasi dan perubahan.

Selanjutnya, inisiatif-inisiatif bagi rakyat tempatan, bukan sahaja harus tapi wajib dilaksanakan sebagai agenda negara. Kesejahteraan rakyat adalah segala-galanya. Apa ertinya kemajuan tanpa

kesejahteraan dan kebahagian mendatangi kehidupan. Oleh itu, di bawah Rancangan Kemajuan Negara 12 ini tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan amat penting untuk terus dipertingkatkan. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ keseluruhannya sistem perkhidmatan kesihatan negara ini antara terbaik di rantau ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Menyentuh bajet berjumlah $5.7 bilion yang selaras dengan konsep *whole of nation approach.* Ia menjadi harapan agar kementerian komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dicapai oleh rakyat.

Merujuk kepentingan dalam memastikan jaminan makanan kita memerlukan lebih ramai pelabur atau pekerja yang berkemahiran tinggi dalam bidang pertanian. Oleh sebab itu pentingnya untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berpendidikan dalam bentuk kemahiran vokasional dan dilatih dengan matlamat untuk melonjakkan jumlahnya kepada peratusan yang beriringan dengan graduan akademik dan profesional.

Sebab itulah dengan mengatasi dan mendepani keperluan ini, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional perlu diperkasakan, mudah-mudahan melalui program ini lepasan graduan teknikal berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan kadar pendapatan nilai tambah yang tinggi dalam sektor agrimakanan, pertanian, perikanan dan penternakan.

Perlu juga dilihat antara mekanisme menggalakkan kepada inisiatif ini seperti pemberian dalam bentuk *grant,* subsidi, pengecualian cukai ke atas pembelian jentera dan lain-lain agar ia akan dapat menarik minat sekali gus menjadi pencetus semangat kepada mereka itu nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selanjutnya melalui perancangan ini, pembangunan keusahawanan tempatan (*LDE)* perlu dijadikan sebagai agenda dalam pembangunan usahawan baharu yang dilihat dapat meluangkan peluang pekerjaan. Kemajuan juga bererti perkembangannya pembangunan dalam perniagaan. Untuk itu adalah penting menambah baik proses dalam mempertingkatkan langkah-langkah penyampaian perkhidmatan, memberikan kebenaran demi memastikan signifikasi sumbangan kepada KDNK negara.

Sekian saja dari kaola dan jika sekiranya terdapat "suruk langkah" yang kurang manis dan jika ada sebarang kesilapan serta kekurangan, kaola memohon ampun dan maaf jua. Yang baik semuanya dari أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ yang buruk datangnya dari kaola sendiri. Kaola jua menyokong supaya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan.

Dari Belait hingga ke Temburong,
Negara makmur aman dan damai,
Nama Negara Brunei Darussalam amat terulung,
Terus berkat bumi Brunei.

Bersatu hati melawan korona,
Frontliner berjasa untuk negara,
Marilah semua kita berdoa,
Wabak *COVID-19* berakhir segera.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima Kasih Yang Berhomat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, bersyukur kita ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 7 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2022 dengan penuh kewibawaan. Lebih dahulu, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga negara kita, seluruh rakyat dan penduduknya diberikan syafaat dan kesembuhan daripada wabak *COVID-19* yang sedang melanda negara kita pada ketika ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Ahli Yang Berhormat.

Sebelum koala meneruskan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini, dengan hati yang tulus ikhlas, kaola sukacita merakamkan tahniah dan penghargaan yang setinggi tinggi atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga, kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama serta sokongan kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Ahli Yang Berhormat.

Sepanjang 5 tahun saya berdiri dalam Dewan yang mulia ini dan menyaksikan perubahan yang ketara dalam ketelusan, kepimpinan dan kecekapan Yang Berhormat Menteri-Menteri. Mereka *deserve* diberi penghargaan, pengiktirafan dan penghormatan.

Saya mengucapkan terima kasih. Yang Berhormat Menteri-Menteri telah menimbulkan semangat dan harapan baharu serta mendorong penglibatan sektor swasta di peringkat kerja, inisiatif-inisiatif sosialisasi dengan pihak-pihak industri dan terutama sekali dalam mendengar suara-suara masyarakat awam.

Kaola berharap, ini akan terus diterapkan kerana kita sama-sama maklum dan sedar bahawa pendekatan *whole of nation* dan juga *whole of government*

approach amat penting bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan melibatkan kerjasama yang rapat antara satu kementerian dan yang lain. Dalam Ucapan Penangguhan ini, koala ingin mengutarakan beberapa perkara yang koala fikirkan penting untuk diambil perhatian dan peringatan. Seperti dibentangkan bagi Tahun Kewangan 2022/2023, Perbelanjaan Negara yang telah diluluskan sebanyak $ 5.7 bilion.

Oleh yang demikian, kita perlulah meneruskan usaha-usaha dalam memastikan perbelanjaan negara tidak akan sentiasa meningkat dan meneruskan usaha-usaha dalam pelaksanaan projek-projek melalui pembiayaan *alternative financing* dan juga inisiatif-inisiatif *PPP* yang lainnya. Kaola percaya jika lebih banyak usaha kerjasama *PPP* terus dipergiatkan, ia akan melahirkan hasil yang sangat menguntungkan kerajaan dan menjimatkan perbelanjaan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Ahli Yang Berhormat sekalian.

Memandangkan kita sudah pun berada dalam fasa endemik dari wabak *COVID 19*, inilah masanya kita bangkit semula demi generasi kita sekarang dan masa akan datang. Kita perlulah memberikan peluang, perhatian dan harapan yang tinggi kepada belia negara untuk mereka terus percaya diri dalam menyuarakan pandangan mereka dan meyakini diri mereka dalam bersama mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selaras dengan tema belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023 iaitu: "Memperkasakan Kesejahteraan Awam ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien". Tidak dapat dinafikan inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh sektor swasta, membolehkan peningkatan produktiviti, sebagai ejen pertumbuhan ekonomi, inovasi, menjana pekerjaan, mengukuhkan kemahiran dan menggalakkan kemajuan teknologi.

Adalah diharapkan agar pihak kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menggalakkan sebuah ekosistem yang menjana perkembangan sektor perniagaan bagi pihak swasta dan lebih lagi meningkatkan usaha-usaha ke arah Pelaburan Langsung Asing *(FDI).* Jika *policy* atau mekanisme tawaran kita menjadi penghalang bagi *FDI* yang berpotensi tinggi untuk melabur dengan negara kita, maka penting untuk kita menilai semula dan membuat perubahan yang perlu yang pastinya akan menguntungkan dan membantu pembangunan negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Setiap tahun, kaola tidak akan ketinggalan menyampaikan ucapan sempena Hari Wanita walaupun tahun ini koala ingin menyampaikan lebih awal sebelum menjelang hari yang dibenarkan. Izinkan kaola mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada para wanita yang berada dalam Dewan ini serta seluruh kaum wanita di Negara Brunei Darussalam. Tema pada tahun ini ialah: "*Break The Bias*". Inilah masa untuk meraikan pencapaian wanita yang

bertindak sebagai pemangkin ke arah perubahan positif, inklusif, dinamik dan inovatif yang dapat membantu merealisasikan agenda pembangunan negara. Perlulah semua wanita ingat bahawa mereka mempunyai kehebatan untuk mencapai apa yang diinginkan kerana apa yang penting, para wanita harus percaya mereka boleh memimpin diri mereka untuk melakukan suatu perubahan jika ada kesungguhan untuk menuju ke arah apa yang diinginkan. *Ladies this for you* "Selamat Hari Wanita Antarabangsa".

Dengan ini, kaola berharap pendekatan *whole of nation* dan *whole of government approach* yang sering kaola laungkan dalam Dewan yang mulia ini akan benar-benar dapat direalisasikan dan tidak akan membebankan mana-mana pihak untuk menanganinya termasuk dengan penglibatan dan kerjasama yang erat bagi semua kementerian bersama pihak swasta yang berkepentingan secara berterusan.

Kepentingan kita, bukan sahaja dalam mencapai sasaran negara tetapi Negara Brunei sebagai Darussalam sebahagian daripada *ASEAN* juga harus meraih peluang-peluang dalam arena global dan serantau memandangkan *ASEAN* diharapkan akan menjadi ekonomi keempat terbesar di dunia menjelang 2030.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin memetik tema *ASEAN Business Advisory Council Brunei* tahun lepas iaitu *Recover, Stronger, Together*, sama-sama demi rakyat, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola bersyukur kerana diberi peluang untuk bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan.

Kaola mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu juga dengan dedikasi Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan perjuangan semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Dalam peluang ini juga kaola mengucapkan tahniah ke atas komitmen Yang Berhormat Menteri-Menteri dalam penyampaian mengenai progres kementerian masing-masing dalam menuju ke hadapan dan perkongsian cabaran yang masih dihadapi.

Diharapkan kepentingan makluman dan *milestone* implementasi atas semua peruntukan dan cadangan sentiasa

dikongsi, melalui *quarterly multi-stakeholder outreach* sebagai peningkatan platform dua hala antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat.

Kaola juga berharap pendayaan peluang inklusif *(enabling inclusive opportunity)* dan memperkasakan masyarakat *(empowering community)* sentiasa diamalkan ke atas semua pelaksanaan dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai kesimpulan kaola membaca berapa ingatan dari Syair Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien:

Budi yang baik juga dikenang,
Bahasa yang halus berhati tenang,
Kelakuan yang tampan,
menandakan menang,
Itulah jalan supaya senang.

Perkara sukar menjadi mudah,
Kalau tidak membanyakkan telingkah,
Haruskan tiada mendatangkan susah,
Syaratnya bertawakal kepada الله.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima Kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak atas kepercayaan dalam melantik kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan juga atas segala sokongan dan bimbingan dari pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat bagi membolehkan kaola menjalankan tugas dan amanah.

Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kearifannya dalam memimpin sepanjang permesyuaratan ini diadakan. Kaola juga ingin mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana telah memberi respons yang positif bagi soalan dan cadangan yang telah kaola bangkitkan, dan juga memberi banyak bimbingan melalui pelbagai muzakarah dan lawatan rasmi dan tidak rasmi sepanjang lima tahun kebelakangan ini.

Kaola mengambil baik inisiatif dan usaha memeduli kepentingan masyarakat yang sebelum ini terlepas perhatian, termasuk golongan wanita, Orang Berkelainan Upaya dan warga emas. Ini adalah satu langkah penting dalam membina masyarakat yang mampan dan inklusif. Perkembangan ekonomi dan Revolusi Industri 4.0 juga perlu diambil kira impaknya kepada masyarakat dan persekitaran supaya tidak hilang nilai-nilai kemahiran sosial, budaya dan

identiti kebruneian dengan memperkenalkan inisiatif yang bersesuaian seperti kemahiran insaniah, program kesedaran dan sebagainya.

Sepanjang lantikan kaola, beberapa dasar, perintah dan *blueprints* telah diperkenalkan. Di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, sasaran yang ditetapkan adalah tinggi dan memerlukan kerjasama daripada orang ramai dalam memastikan sasaran tersebut dapat dicapai. Sebagai contoh, sasaran kapasiti keseluruhan kepada 200 *megawatt* dari tenaga solar menjelang tahun 2025 memerlukan perancangan yang teliti bagi memastikan usaha ini dapat membantu negara menjadi rendah karbon pada masa akan datang.

Kaola menyambut baik usaha kerajaan dalam menetapkan sasaran untuk menanam sebanyak 500,000 anak pokok dan ini akan dapat dicapai dengan adanya usaha yang padu dan berterusan daripada pihak-pihak tertentu.

Di bawah Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2035 pula, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memberi peluang kepada para belia dari pelbagai latar belakang untuk mengikuti program-program pembangunan belia termasuk memastikan saluran komunikasi yang efisien dan mengukuhkan komuniti belia tempatan.

Kaola juga mengambil baik inisiatif memperkembangkan *Digital Economy Masterplan 2025* melalui pembaikan perhubungan, infrastruktur *Internet* dan *payment gateway*. Ini diharap akan membolehkan para belia dalam meningkatkan aktiviti perekonomian dan menjana peluang pelbagai jenis pekerjaan pada masa akan datang.

Dalam pengurusan sampah di negara ini, diharap peningkatan infrastruktur kitar semula yang efisien di negara ini dapat direalisasikan, dalam melangkah ke hadapan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan bersih dan hijau.

Kaola juga berharap sistem pengangkutan awam juga akan dapat dipertingkatkan kerana ia sangat penting dalam memberi lebih banyak akses kepada semua lapisan masyarakat. Terutama bagi mereka yang mempunyai kesukaran untuk bergerak kerana tidak mempunyai pengangkutan yang tetap. Bak kata pepatah: "tanda sesebuah negara itu maju apabila orang kaya menggunakan pengangkutan awam".

Selain itu, kaola berharap kementerian yang terlibat akan dapat membuat kajian dan penelitian bagi kesesuaian untuk menukar ke sistem pekerjaan dan persekolahan lima hari berturut-turut bagi membantu untuk mengimbangkan keperluan kesihatan mental, termasuklah kajian terperinci mengenai kesesuaian *flexible hours* dan *remote working*.

Akhir sekali, kaola ingin merakamkan penghargaan tinggi atas kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kepada mereka yang telah bekerja keras dalam menentang wabak *COVID-19,* dan berdoa bagi mereka yang terjangkiti untuk cepat sembuh.

Saya menyeru orang ramai untuk terus memberi sokongan kepada yang memerlukan pada waktu yang sukar ini dengan mengamalkan tanggungjawab sosial dan individu, menyumbang kepada aktiviti-aktiviti kesukarelawanan sekali gus memberi sumbangan kepada negara.

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola, kaola sukacita menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.
Kaola juga ingin memohon maaf sekiranya terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Kaola tebih dahulu mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, yang telah memimpin dan mempengerusikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini, dari awal hingga akhir, dengan sabar, adil dan penuh kewibawaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai pengisian dalam Ucapan Penangguhan ini, izinkan kaola membawa 2 perkara sahaja:

1. Pengurusan Tenaga Manusia (*human capital*) yang lebih baik bagi semua sektor di negara ini, baik di sektor kerajaan, swasta, *GLCs* mahu pun segi ekonomi atau bekerja sendiri. Kitani bersyukur dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengenai penambahbaikan sistem persaraan Tabung Amanah Pekerja serta fokus yang diberikan oleh kerajaan baginda ke atas *Life Long Learning* bagi semua seperti yang disebut *Civil Service Leadership part time* serta program-program *upskilling* dan *reskilling*;

   Isu memangku, isu pengkajian semula tangga gaji penjawat-penjawat awam, isu kesihatan mental, stimulus-stimulus dan bantuan-bantuan kepada sektor-sektor yang terjejas kerana wabak

COVID-19, isu-isu cuti yang bersesuaian dan yang diperlukan serta isu hari serta waktu bekerja yang bertepatan dengan keperluan negara, pernah kitani bahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Turut dilihati ialah *progresif minimum wage* yang ditunggu-tunggu pelaksanaannya bagi mengupayakan sektor swasta kitani. Jentera perkhidmatan awam ini serta pekerja-pekerja sektor swasta haruslah kitani tadbir dengan baik, kerana *human capital* inilah sumber utama kitani, di samping sumber dari alam semula jadi yang dikurniakan oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ di bumi Darussalam ini;

2. Mengenai kenaikan harga barang dan struktur gaji. Menurut Penyata Dasar 2 pada tahun 2021 yang telah diberikan oleh *Brunei Darussalam Central Bank*, pandemik *COVID-19* ini terus menaikkan harga barang seperti harga daging, harga sayur-sayuran, minyak masak dan kenderaan bermotor. Dalam 9 bulan pertama tahun 2021 dengan indeks harga pengguna atau CPI meningkat 1.7% dalam 9 bulan pertama sahaja. Dijangka harga barangan akan terus tidak menentu dalam menghadapi wabak *COVID-19* ini.

Kitani juga perlu mempertimbangkan betapa susah payahnya orang bekerja, kerana jika orang bekerja lebih keras maka mereka harus dibayar lebih. Jika kitani mempunyai jentera perkhidmatan yang lebih bekerja keras dan menghasilkan lebih banyak *output*, membayar mereka lebih banyak wang tidak semestinya inflasi yang tidak baik.

Namun begitu, bukan sahaja kitani sewenang-wenangnya menaikkan gaji ataupun bayaran, baik di sektor swasta mahu pun sektor awam, kitani harus melihat kepada *value* ataupun nilai.

Soalan seperti, apakah nilai penjagaan kesihatan atau apakah nilai pendidikan sangat subjektif. Kitani mempunyai KPI seperti yang dirancang oleh tiap-tiap syarikat ataupun jabatan-jabatan, tetapi sekarang *we live in an unprecendented time* dengan wabak *COVID-19* membawa perubahan kepada produktiviti dan efisiensi.

Kalau dulu kitani *spending time* untuk memandu ke pejabat mencari tempat letak kereta dan sebelah petangnya diulangi perkara yang sama. Mungkin 2 jam sudah hilang untuk perkara itu. Sekarang 2 jam tersebut digunakan oleh para ibu bapa untuk mengajar anak-anak di rumah kerana *work from home* atau *flexible working hours* yang diberi.

Self-employment ataupun bekerja sendiri juga dijangka meningkat kerana perubahan teknologi. Ia harus dilihat sebagai penyumbang signifikan kepada ekonomi negara. Setiap perubahan ini tentu ada pro dan kontranya dan kitani sebagai perancang dan penggubal dasar haruslah melihatinya sehalus-halusnya.

Sebelum menutup, kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang mendengar, menerima cadangan dan juga seterusnya memberi penerangan. Apa yang kaola masih lagi hargai, juga turut memberi nasihat ke atas usul-usul dan pertanyaan-pertanyaan yang dibawa. Tidak lupa juga sokongan dari semua agensi yang hadir di Dewan Majlis ini mahupun orang awam yang mengikuti dari luar sana.

Terakhir sekali, kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Yang Mulia Timbalan Jurutulis, semua pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Walaupun wabak *Omicron* menduga kitani, tetapi kitani tetap bertahan di Dewan ini demi kerana untuk mencari-cari cara bagi membela rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , mari kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ , kerana-Nya jua kita masih bernafas, diberikan kesihatan dan diberikan ruang masa yang membolehkan kita sama-sama hadir dalam rangka kerja Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan keemasan ini, kaola lebih dahulu merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah berjaya mempengerusikan dan memimpin persidangan dengan bijaksana serta dalam suasana harmoni, muhibah dan saling menghormati. Begitu juga dengan Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang sentiasa memberikan kerjasama yang padu termasuk juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang begitu tabah mendengar pendapat-pendapat dan saranan-saranan serta soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan memberikan penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek

kementerian masing-masing sama ada yang telah berjalan mahu pun yang akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2022, yang bermula pada 24 Februari 2022, sebentar lagi akan berakhir. Sepanjang permesyuaratan dijalankan, perbincangan dan persoalan adalah menjurus dan mengambil kira akan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 24 Februari 2022 yang lalu hingga ke hari ini. Kita telah banyak menyentuh dan membahas terutama dalam bidang perekonomian, peluang-peluang pekerjaan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara yang kita kasihi ini dan tidak terkecuali masalah pengangguran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola juga ingin menggabungkan diri bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat bagi menyokong usaha-usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kemajuan dan pembangunan negara. Kaola juga menyambut baik akan rancangan kerajaan melalui Kementerian Tenaga untuk mengembangkan lagi menjana tenaga solar dengan pembinaan tapak Projek Tenaga Suria yang berkapasiti tinggi di Kampung Belimbing Subok, kerana ke arah memastikan sumber tenaga yang berdaya tahan akan tersedia bagi rakyat dan penduduk negara ini

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan penyediaan pembangunan kemudahan ini kaola ingin memohon dan menyuarakan supaya kemudahan perhubungan akan dapat disediakan kepada kampung-kampung yang terdapat di Pulau Berambang, Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara seperti Kampung Menunggol, Kampung Riung, Kampung Pudak dan juga Kampung Sungai Bunga dan Tanjung Kindana yang terpisah oleh Sungai Brunei, supaya akan dapat diberikan kemudahan perhubungan dengan membina jambatan ke pulau berkenaan bagi kemudahan perhubungan penduduk kampung berkenaan dalam menjalani kehidupan seharian seperti untuk pergi balik bekerja, bersekolah dan lain-lain urusan seperti urusan pembelian keperluan harian barang-barang asasi dan bahan-bahan pembinaan bangunan atau rumah yang sukar bagi urusan pengangkutannya.

Oleh itu, perhubungan jalan darat amatlah diperlukan oleh penduduk kampung berkenaan. Begitu juga mengenai keadaan jalan raya

di sepanjang jalan dari Kampung Sungai Lampai membawa kepada Sungai Belukut, keadaan jalan rayanya masih kecil dan tidak memuaskan dan perlu pembesaran dan dinaikkan taraf supaya selamat dan selesa dilalui.

Dalam hubungan ini, diharapkan semoga pihak kerajaan akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Ke arah ini juga termasuk dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dari segi meningkatkan pembangunan perhubungan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kita juga bersyukur akan perkembangan sara diri pertanian, agrimakanan seperti perikanan dan ternakan yang semakin berkembang maju dan aktif sehingga meningkatkan hasil pengeluaran. Tahniah diucapkan.

Sehubungan itu juga, adalah juga diharapkan supaya sara diri pertanian berkelompok perlulah mendapat perhatian yang khusus dengan diberikan kemudahan dan bantuan-bantuan seperti dipermudahkan untuk mereka diberikan kebenaran ke atas permohonan Tanah Tumpang Sementara *(TOL),* kemudahan subsidi baja dan seumpamanya. Termasuk juga diberikan latihan dan tunjuk ajar cara teknik pertanian moden serta jika perlu diberikan modal kewangan yang bersesuaian bagi memperkembang giatkan usaha mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai pemimpin di peringkat akar umbi kaola akan bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat juga akan sentiasa memberikan dorongan kepada penduduk mukim dan kampung supaya merebut dan meraih peluang keemasan terhadap kemasukan Pelaburan Langsung Asing ke negara ini.

Dalam hubungan ini, diharapkan supaya pihak kerajaan akan sentiasa memberigakan dan membukakan seluas-luasnya peluang-peluang dan ruang-ruang kepada pengusaha-pengusaha terutama sekali anak-anak tempatan dalam apa jua pelaburan-pelaburan dan pekerjaan terutama kepada golongan generasi muda sama ada yang mempunyai kelulusan di peringkat tertinggi, menengah atau rendah. Mereka ini aset negara yang akan mencorak dan meneruskan hala tuju serta agenda pembangunan negara. Ini penting diambil perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin menyampaikan harapan rakyat dan penduduk negara ini supaya pihak kerajaan perlulah memperkuatkan lagi sistem tadbir urus yang sedia ada supaya tidak ada ketirisan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, seperti mengikuti peraturan-peraturan dan dasar-dasar

yang sedia ada bagi mengelakkan pilih kasih ataupun rasuah.

Dalam pada itu, rakyat dan penduduk juga menyokong penuh akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya barisan hadapan pentadbiran kerajaan atau pegawai pengawal yang dilantik akan sentiasa melaksanakan sifat berhemah dan berdisiplin dalam mengendalikan kewangan negara dan tidak menggunakan kuasa berbelanja secara sewenang-wenangnya.

Syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ isu mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah pun selesai dibuat kajian yang terperinci oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama dan Tabung Amanah Pekerja. إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2023.

Ini sudah setentunya akan memberi harapan yang tinggi serta disambut baik oleh mereka yang berkelayakan. Isu TAP ini juga selalu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan dalam sesi-sesi muzakarah di antara kementerian dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat diadakan setiap tahun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum menutup Ucapan Penangguhan ini, sekali lagi kaola merafak sembah yang setinggi-tingginya menjunjung kasih atas kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi diri kaola menganggotai Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini sejak dari tahun 2017 hingga ke hari ini.

Akhirnya, marilah kita berdoa semoga أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan mengurniakan petunjuk dan hidayah-Nya membuka minda, menyatukan hati dan membimbing kita semua ke arah hala tuju jalan yang berkebajikan dan mengharungi cabaran ini dengan tabah, ikhlas dengan penuh keredaan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola memohon ampun dan maaf sekiranya ada tingkah laku dan "suruk langkah" serta kata-kata yang kurang elok mohon ampun dan kemaafan jua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, pada penghujung Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2022, إِنْ شَاءَ ٱللّٰهُ dengan kita sentiasa bersangka baik, bertawakal dan bersyukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Kita sama-sama berdoa semoga dengan limpah rahmat أَللّٰهِ jua kita akan sentiasa selama-lamanya sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja sepertimana titah Pemasyhuran Kemerdekaan Tahun 1984. Dalam kesempatan di Dewan yang mulia ini kaola suka membawa hujah dan usul seperti berikut, supaya kurnia titah Pemasyhuran Kemerdekaan Tahun 1984 dijadikan sebagai dasar rujukan dalam memelihara kepentingan rakyat Negara Brunei Darussalam turun-temurun, bagi mendukung usul ini kaola perkuatkan dengan petikan sepotong ayat dari surah An-Nisa ayat 59, yang berbunyi:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ
صَدَقَ اللهُ ٱلْعَظِيْمُ

"Wahai orang-orang yang beriman taatilah أَللّٰهِ dan taatilah رسول (نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan ulil amri (memegang kekuasaan di antara kamu)"

Marilah kita berhijrah dari fikiran negatif kepada fikiran positif, yakin akan kemampuan, kebolehan bangsa kita khususnya belia masa kini. Belia kita diberikan pendidikan terbaik maka dikirakan hasil pendidikan negara boleh diterima dan diberi kepercayaan dalam 'menanai' apa jua keterlibatan mereka dalam kancah pembangunan negara seperti pembangunan sosioekonomi bangsa. Persoalan kita perlu hijrah, sedikit persoalan mengapa orang kita tidak aktif berniaga, sebahagian jawapannya kerana kemudahan modal kewangan terlalu sulit. Mengapa sulit, inilah persoalannya, kita masih berfikiran negatif terlalu berkira, kurang yakin dengan kebolehan bangsa sendiri.

Di Dewan yang mulia ini, kaola mengambil kesempatan membuat Usul supaya Negara Brunei Darussalam melahirkan jutawan warga Negara Brunei Darussalam. Dipohonkan dikeluarkan statistik jutawan warga negara dan bilangan jutawan warga asing yang tercipta sejak 38 tahun yang lalu. Persoalan yang timbul, kedudukan bangsa kita dalam perniagaan masa kini runcit, *hardware,* dobi, jahit, kontraktor, *supply* barang runcit dan lain lain jual udang kering, pusu dan sebagainya adalah biasanya perniagaan orang kitani tetapi sekarang diusahakan oleh orang asing dengan membekalkan ke kedai-kedai runcit, padahal didapati berjawatan buruh. Mereka orang asing ini dikatakan berjaya kerana mempunyai persatuan iaitu saling membantu sesama ahli bangsa mereka, kenyataannya orang asing lebih ke hadapan dalam perniagaan di negara kita, sebenarnya tidak mungkin perkara ini berlaku, mereka mampu mengalahkan kita dalam negara kita sendiri sedangkan kita mempunyai kementerian-kementerian yang berwibawa, kita harus sama sama berfikiran positif bersifat patriotik

berinisiatif dan kreatif. إِنْ شَاءَ ٱللهُ bangsa kita akan dapat menguasai sosioekonomi bangsa.

أَلْحَمْدُ لِلهِ Usul sewaktu menjunjung titah beberapa hari yang lalu sudah terjawab sepertimana jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang berbunyi: "Pada masa ini terdapat projek yang sedang dilaksanakan oleh *Darussalam Assets* dan 3 buah bank tempatan untuk membentuk syarikat usaha sama bagi menyediakan *payment gateway* atau *digital payment hub,* bagi memudahkan pembayaran transaksi bagi pembayaran digital di negara ini". Dengan tersedianya perkara di atas إِنْ شَاءَ ٱللهُ pengurusan kita akan lebih mudah.

Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola suka menyatakan dengan ikhlas dan bersangka baik, bahawa hasil permesyuaratan di Dewan yang mulia ini dilaksanakan dengan bijaksana dan berhemah. Mohon ampun dan maaf tersalah kata, perilaku yang kurang elok, adab yang kurang di Dewan yang mulia ini dan juga dalam pergaulan seharian. إِنْ شَاءَ ٱللهُ kita akan berjumpa lagi dalam apa jua suasana dan didoakan akan dihimpunkan di syurga أَللهِ yang tertinggi. Kaola mengakhiri hujah ini dengan petikan ayat suci Al-Quran yang berbunyi:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَاللهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِيْنَ صَدَقَ اللهُ ٱلعَظِيْمُ

Semoga kita termasuk dalam kalangan orang-orang yang berbuat kebajikan yang dicintai أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya serta limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersidang dalam permesyuaratan selama 7 hari dengan penuh tertib, hormat menghormati dalam suasana norma baharu dengan aman dan damai kerana negara kita masih sahaja masuk gelombang pandemik wabak *COVID-19*.

Ibarat berkayuh, 'bergubang' ini, kita sudah merapat ke tambing, tiada terasa masa begitu cepat berlalu. Seiring dengan waktu kita mencapai usia 5 tahun sebagai satu anggota yang bersidang di bahu sebuah amanah yang perlu kita tunaikan dan letakkan di atas.

Setelah 5 tahun bersidang banyak isu dan buah fikiran yang dilontarkan untuk dibahaskan dan difikirkan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Kaola sebagai wakil pemimpin akar umbi, seringkali dengan persoalan mesyuarat meminta dileraikan dan diberikan solusi setiap permasalahan. Hasil perbahasan di Dewan yang mulia ini, sering ditunggu-tunggu apakah idea fikiran itu dibahas dan dicanai dengan hati yang putih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita sebagai pemimpin di Dewan yang mulia ini, Ibarat 'segubang' ada pencaruk, ada pengemudi, ada berkayuh, bertiti, 'bebakai', 'memiut' ke kiri dan ke kanan mencari 'aluh sarang' di tengah duduk mengimbangi andai perahu, 'singit' ke kiri masa sarang mengimbangi ke kanan. Begitulah hingga 'gubang' merapat ke 'tambing', bertolak, 'berambit', mencapai impian dan destinasi. Itulah kita di dalam Dewan yang mulia ini.

Batu cincin berwarna warni,
Wakil Serasa tidak habis berdiri,
Setiap hari kita di sini,
Amanah rakyat kita penuhi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara berlangsung, pelbagai langkah diambil bagi memastikan persidangan ini berjalan lancar. Walaupun kita menghadapi situasi *COVID-19*, namun kita sama-sama bangkit menyuarakan, memikirkan, mencari penyelesaian demi rakyat, bangsa dan negara.

Kaola ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas lantikan kaola selama 5 tahun berkhidmat sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sepanjang lantikan tersebut, banyak pengalaman yang kaola hadapi sambil menimba ilmu. Keluhan rakyat setentunya diambil kira dan disuarakan. Siang dan malam sentiasa memikirkan kehendak rakyat dan penduduk mengadukan cadangan dan soalan. Tugas dan tanggungjawab yang diberikan selama 5 tahun cukup bermakna. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ telah dapat mencapai hajat rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaola juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan yang telah memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan Persidangan Majlis ini sentiasa dalam keadaan bertawakal dan selamat dari penularan wabak *COVID-19.*

Kaola tidak lupa juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai warga kerja Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, warga kerja RTB, wakil

media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat Negara sepanjang tempoh kali ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dalam kesempatan ini kaola merakamkan ucapan penghargaan, tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana dapat mengemudi persidangan ini dengan baik dan mencapai tujuannya. Kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, tahniah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat dapat menunaikan amanah yang tersandang di bahu Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Kepada rakan-rakan Yang Berhormat, kita adalah satu anggota yang membawa amanah rakyat tertunai sudah 5 tahun menggerak-gempur minda fikiran rakyat. Begitu juga tahniah ini ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Sebelum kaola mengundurkan diri di Dewan yang mulia ini, izinkan kaola menyampaikan empat buah pantun untuk santapan dan hiburan dalam sidang Majlis ini:

Ikan bilis di atas para,
Masak asam kuah pelikat,
Ahli Majis Mesyuarat Negara,
penggerak minda fikiran rakyat.
Lima tahun di bawah kubah,
Suka duka tiada terasa,
Di Dewan Majlis bermuzakarah,
menunaikan amanah negara bangsa.

Ambil pelita mengganti suluh,
Taruh minyak sumbu direndam,
Kaola menyusun jari sepuluh,
Terkasar bahasa kaola jangan didendam.

Tanjung Pelumpong di laut Muara,
Dari Muara mudik ke pekan,
Selesai sudah Mesyuarat Negara,
Salah dan silap harap maafkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan bagi kaola menyampaikan Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2022. Yang Berhormat Menteri-Menteri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan kakitangan

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melalui peluang keemasan ini 'bisaitah' barangkali kaola mengambil kesempatan ini, sukacita lebih dahulu menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merafakkan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan melantik kaola selaku Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara sejak bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada Tahun 2017 hingga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Tahun 2022 ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dengan izin الله jua persidangan ini telah berjalan dengan lancar dan sempurna di bawah pimpinan yang bijaksana dan cekap Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini dengan amat berjaya dengan kerapian kesempurnaan serta kerjasama yang mantap daripada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis. Kaola dengan tulus ikhlas sukacita menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan yang setinggi- tingginya. Kaola juga tidak lupa menyampaikan ucapan tahniah atas jasa bakti warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bertugas dalam suasana yang tenang dan harmoni dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Walaupun kita pada masa ini berkongsi dalam suasana alam bersama *COVID-19*. Semoga kita semua dalam perlindungan الله jua آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam menyampaikan Ucapan Penangguhan ini, bahawa kalimat yang lebih bermakna pada kaola ialah kalimat syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ. dengan izin الله jua maka selesailah Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara ini setelah mesyuarat bersidang selama 7 hari.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Sehubungan dengan itu, kaola dengan hormat dan sukacita menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana persidangan ini bersetuju bagi pengeluaran Belanjawan Tahun Kewangan 2022/2023.

Kaola beserta penduduk-penduduk dalam Zon 1 Daerah Belait, merakamkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya kepada kementerian-kementerian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan, 'mengalinga' menyediakan kemudahan dan

merancang demi kepentingan rakyat dan negara dengan memandang jauh ke hadapan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035. Diucapkan selamat menjalankan tanggungjawab demi kesejahteraan awam dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum mengundurkan diri, kaola dengan tulus ikhlas memohon kemaafan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan seluruh warga dalam Dewan ini.

Kaola sukacita mengongsikan dua buah pantun.

Ke Pekan Muara membeli Tenggiri,
Udang galah bersama lukan,
Mesyuarat Negara kita akhiri,
Tersilap tersalah mohon maafkan.

Burung Tempua terbang ke hilir,
Hinggap sebentar di pohon jati,
Bersua kita pada saat akhir,
Terasa sayu di dalam hati.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan hormat kaola ucapkan terima kasih atas keizinan untuk berucap dalam Ucapan Penangguhan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022 bahawa mesyuarat ini merupakan wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara untuk membincangkan Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita telah bersidang dengan semangat, saling menghormati dan saling bersefahaman dan kita telah menyelesaikan kerja-kerja menurut jadual-jadual dan agendanya.

Tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin sidang dengan penuh bijaksana dan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis bersama-sama dengan seluruh pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-

Majlis Mesyuarat atas bantuan dan pengurusan yang sangat berharga, tulus dan lancar.

Di Dewan yang mulia ini, kaola menaruh harapan agar Jabatan Kemajuan Perumahan mengkaji dengan lebih meluas mengenai usaha untuk mewujudkan lagi kawasan perumahan di kawasan Daerah Belait ini adalah bagi keperluan permohonan Skim Perumahan Negara yang kian meningkat di Daerah Belait dan bagi mengimbangi keperluan di daerah-daerah, mudah-mudahan ia termasuk dalam RKN Ke-12 nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, baginda juga bertitah mengenai kemasukan Pelaburan Langsung Asing ke negara ini membuka peluang pekerjaan kepada syarikat-syarikat tempatan dengan menambahkan hasil pendapatan. Kerajaan perlu mengorak langkah dalam menyediakan berbagai-bagai kemudahan yang diperlukan terutama dalam aspek pembangunan asas demi menggamit pelabur cenderung untuk menanam modal di negara kita. Bukan itu sahaja, kerajaan juga perlu membuka peluang pelaburan bersama syarikat tempatan agar wujud daya saing yang sihat. Usaha ini bertujuan agar negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam dapat menikmati kemakmuran dari Pelaburan Langsung Asing. Pendek kata pelaburan asing merupakan pemangkin pembangunan negara.

Dalam ruang yang terhad ini sekali lagi kaola menyampaikan ucapan syabas kepada kesemua kementerian dalam usaha meningkatkan perancangan kementerian masing-masing. Terutama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana telah merealisasikan rancangan memperkasakan bidang pertanian dengan meningkatkan pengeluaran dari sektor pertanian dan perikanan. Semoga kesemua usaha ini akan terus maju selaras dengan misi dan visi Jabatan Pertanian dalam mempelbagaikan sumber-sumber pertanian dan menjadikan hasil pertanian hasil negara, sara diri dan hasrat negara sebagai *food security* tercapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Akhirnya, kaola memohon ampun dan kemaafan juga kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara dan pegawai serta kakitangan yang bertugas sepanjang mesyuarat ini dijalankan. Yang baik itu datangnya daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan kurang elok itu datangnya daripada kelemahan koala juga.

Untuk akhirnya, kaola meninggalkan Dewan yang mulia ini dengan 2 rangkap pantun yang berbunyi:

Hari ini mengail udang,
Hari esok menanam serai,
Tujuh hari telah kita bersidang,
Hari ini kita bersurai.

Merdu bertingkah alunan suara,
Kadang tak sedar tersilap kata,
Andai terlanjur patah bicara,
Serendah hati keampunan dan
kemaafan jua dipinta.

Dengan ini kaola menyokong sepenuhnya persidangan ini ditangguhkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

لا إله إلا الله أنت أستغفرك لذنبي وأسألك رحمتك. اللهم عذني علما ولا تخذي قلبي بعد إذ هديتني وهب لي من لدنك رحمة إنك وأنت الوهاب، الحمد لله الذي أحياني بعدما أماتني وإليه النشور، وأفوض أمري إلى الله إن الله بصير بالعباد، وحسبنا الله ونعم النصير ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ
عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola dan rakan dan wakil dari Daerah Tutong mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan, terima kasih dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan ketegasan dalam berjaya mengendalikan persidangan ini berjalan dengan lancar tepat pada masa yang tetapkan walaupun menghadapi masa yang terhad dalam suasana masih mematuhi kawalan keselamatan *Standard Operating Procedure* (SOP) wabak *COVID-19.*

Kaola dan rakan juga tidak lupa merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana memberi jawapan dan penjelasan kepada soalan-soalan mahupun saranan kepada koala. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, serta pegawai-pegawai dan kakitangan, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan dan kerjasama yang diberikan ke atas kaola sepanjang Persidangan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Abiskaola mengambil kesempatan untuk mengemukakan persoalan dengan harga pakej menunaikan fardu haji yang sudah meningkat sehingga melebihi $20,000. Bagi bakal jemaah haji yang mendapat Kurnia Tambang Haji sebanyak $3,500 dari kerajaan perlu menambah jumlah yang banyak. Pada suatu ketika dahulu terdapat satu tambang bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat selama 15 tahun ke atas yang mempunyai kelayakan dasar tertentu untuk memohon tambang yang disebut tambang ke United Kingdom. Sehubungan dengan itu adalah bersesuaian untuk difikirkan semula dialih kepada Tambang Menunaikan Fardu Haji.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Penyakit kanser adalah salah satu penyakit kronik yang menyebabkan kematian di negara ini jika tidak dapat dikesan dari awal. Oleh itu langkah-langkah pencegahan awal adalah pendekatan yang sangat *cost effective* dalam strategi jangka panjang dalam mengawal penyakit kanser. Disarankan supaya usaha-usaha awal dilaksanakan seperti pendidikan, pengetahuan dan pemeriksaan mengesan kanser hendaklah diperhebatkan tidak putus-putus dari semasa ke semasa. Melalui kempen kesedaran besar-besaran dengan mengadakan pemeriksaan di klinik-klinik di seluruh negara dan pemberigaan awal di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pusat Warga Emas di daerah-daerah adalah untuk penempatan warga emas membuat aktiviti harian, tempat berkumpul dan bertukar-tukar fikiran dengan kawan-kawan adalah lebih bermanfaat daripada bersendirian di rumah. Apabila seseorang sudah meningkat tua tidak bermakna ia kehilangan daya hidup dan keinginan untuk bersenang-senang, yang penting orang tua itu dapat terus menikmati setiap hari untuk meningkatkan kesihatan dan mencegah penyakit.

Walau bagaimanapun, jelas bahawa orang tua tidak boleh melakukan aktiviti fizikal yang sama seperti orang muda, aktiviti mereka disesuaikan dengan pembangunan. Sehubungan itu, disarankan supaya ada pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlatih mengenai aktiviti warga emas ditempatkan di setiap pusat warga emas di negara ini yang mempunyai kemahiran sosial, mengaktifkan minda, kebolehan menghibur dan menyeronokkan, meningkat jati diri dan keupayaan fizikal serta minda dengan pelbagai permainan rohani dan jasmani. Kerana fizikal dan minda yang aktif melambatkan penuaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melaksanakan penggunaan infrastruktur kemajuan di Daerah Tutong adalah sangat penting sepertimana juga di daerah-daerah lain. Ke arah ini, kaola dan rakan dari Daerah Tutong bercadang supaya ditubuhkan Autoriti Kemajuan di Daerah Tutong bagi membincangkan rangka kerja mencantikkan beberapa kawasan yang berpotensi umpamanya meluaskan dan memanjangkan jeti lama di depan kedai Pekan Tutong dengan wajah baharu yang boleh menempatkan gerai makan dan pondok rehat untuk menikmati keindahan sungai terutama pada waktu malam.

Memajukan Kawasan berseberangan dengan Sungai Tutong, menempatkan bangunan Bomba Daerah Tutong kepada yang lebih strategik kerana ada perancangan dulunya untuk memindahkannya, mengganti landskap yang cantik, di samping berhampirannya menaik taraf bangunan pasar lama, melebarkan jalan kecil menuju bangunan Tamu Pekan Tutong, membersihkan kawasan 'pasir putih' Telisai untuk menampakkan keindahan yang putih aslinya pasar tersebut. Menaik taraf titian

dan kawasan Tasek Merimbun kemajuan lain dan persekitaran yang boleh dibincangkan oleh Autoriti Kemajuan Daerah Tutong apabila ditubuhkan nanti.

Yang Berhormat Di-Pertua. Didapati ramai bekas pelajar peringkat menengah tidak dapat melanjutkan pelajaran atau pengajian diploma kerana tidak mencapai keputusan peperiksaan *'O' Level* atau *'A' Level* adalah di antara yang menyumbang kepada penambahan jumlah pengangguran kerana sukar untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan tidak mempunyai kemahiran bersesuaian dengan syarikat dan perusahaan.

Sehubungan itu, dicadangkan untuk mengkaji syarat ke jurusan kemasukan yang bersesuaian pelajar di negara ini untuk jurusan kemahiran profesional teknikal, kejuruteraan dalam peringkat *NVC, NTC* dan *OND*. Disarankan juga semasa dalam pengajian pula hendaklah diberi pembelajaran keusahawanan, selain disediakan asrama atau pengangkutan bagi yang tinggal jauh. Dengan adanya kemahiran ini nanti membolehkan mereka diterima bekerja atau membina perusahaan sendiri dengan modal bantuan kewangan dalam jumlah bersesuaian dengan saiz perusahaan. Kita mahu syarikat ini seterusnya dimiliki sendiri anak tempatan tanpa bergantung pada orang luar yang memilih jalan mudah dan berpuas hati hanya jadi pelabur atau membiarkan orang luar menggunakan nama mereka, walaupun sebenarnya merugikan diri mereka sendiri ke arah nama baik bangsa kita.

Bagi yang ingin bekerja pula dan yang telah menamatkan kursus kemahiran disarankan diberi peluang pekerjaan di Daerah Tutong dengan memperbanyakkan industri dan perusahaan di daerah ini. Bagi mengelakkan berjalan jauh ke daerah lain yang masanya tidak berbaloi dengan kadar gaji sebanyak $500 sebulan, kerana perbelanjaan harian, kenderaan dan makan minumnya saja sudah hampir mencapai sebanyak $500 belum lagi keperluan rumah tangga yang lain.

Kini kenaikan harga barang makanan dan perkhidmatan asas memberi tekanan kos sara hidup malah menjadi masalah utama kepada penduduk yang kurang berkemampuan. Isu ini bukan perkara baharu malah sebelum wabak *COVID-19,* apatah lagi sekarang kesan dan impak *COVID-19* dirasai penduduk di negara ini. Namun sudah ada bantuan Skim Kebajikan Negara (SKN), tetapi prosesnya mengambil masa yang lama adalah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka yang kurang berkemampuan ini, kerana tidak mempunyai pekerjaan, ada pekerjaan pun hanya sebagai pelayan, bekerja sendiri atau bekerja di syarikat kecil di kadai dan *supermarket* yang bergaji kecil dan tidak mempunyai keistimewaan elaun sara hidup seperti kakitangan kerajaan.

Akhirnya lebih dahulu, abiskaola mengambil kesempatan untuk

menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan perkenan baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan 2022/2023 yang baru juga selesai diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Semoga peruntukan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Kaola dan rakan wakil Daerah Tutong, menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara.

Akhir kalam, abis kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai serta kakitangan andainya terdapat kesalahan atau kesilapan bahasa, 'suruk langkah' yang kurang elok sepanjang permesyuaratan.

Didoakan semoga apa juga hasil daripada permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan rahmat dari الله سبحانه وتعالى jua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita memanjat syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan Izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 7 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2022.

Sebelum kaola meneruskan Ucapan Penangguhan, di kesempatan ini kaola dengan penuh hormat mengucapkan tahniah atas ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dalam Ucapan Penangguhan sebentar tadi.

Seterusnya setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kepimpinan kebijksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis dan Timbalan Jurutulis yang telah memimpin, sepanjangnya Persidangan Mesyuarat ini berlangsung

dengan penuh hemah, teratur, lancar serta tertib sehingga mencapai maksud dan tujuan sesuai dengan moto yang digariskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

"…iaitu mengemaskan mana-mana yang belum kemas dan menambah baik mana-mana yang masih perlu diperbaiki…". Berasaskan moto tersebut, kita semua telah meneliti dan menimbang beberapa Rang Undang-Undang khususnya Akta Perbekalan 2022/2023 dengan teliti dan bertanggungjawab.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita juga telah sama-sama mendengar inisiatif-inisiatif yang telah dibentangkan oleh kementerian-kementerian dalam mengembangkan keseluruhan sektor-sektor pembangunan, pendidikan, pengangkutan, tenaga kemudahan awam, kebajikan perkhidmatan awam, kesejahteraan rakyat dan penduduk, perekonomian dan perusahaan dan lain-lain lagi bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terjaga dan terjamin.

Dalam Dewan yang mulia ini juga kita selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun menyampaikan isu, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh orang ramai telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dengan baik, jelas serta memuaskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Daerah Temburong merupakan daerah 'Permata Hijau' negara, terus menikmati perkembangan dan kemajuan dalam berbagai-bagai bidang. Ini adalah berkat kepimpinan dan kewibawaan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, lebih-lebih lagi sejak pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien terus menerima arus pembangunan dan perkembangan yang sangat ketara dan pesat. Beberapa projek pembangunan kemajuan dilaksanakan di daerah ini yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkepentingan serta melalui Autoriti Kemajuan Daerah Temburong dan Jabatan Daerah Temburong.

Dapat kitani lihat dari beberapa projek yang dirancang melalui Pelan Pembangunan Daerah Temburong yang disediakan sekali gus menjana aktiviti perekonomian meningkatkan keselamatan dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk melalui pendekatan *whole of nation* telah pun dapat direalisasikan. Beberapa contoh perkembangan ini umpamanya membangunkan tapak Labu *Square* bagi aktiviti perdagangan dan riadah, Pusat peranginan mewah di Kampung Perdayan dan membina restoran

di kawasan riadah Bukit Patoi, menaikkan kemudahan taman-taman Negara Ulu Temburong dan Batang Duri.

Manakala di kawasan Pekan Bangar, projek menaik taraf bangunan utama Bumiputera, Bangunan Perniagaan Rakyat Jati, *waterfront*, Tamu Aneka Selera, menaik taraf jalan raya, pembekalan air bersih dan tidak ketinggalan juga dalam sektor tenaga eletrik, penyambungan kabel ke daerah ini dan menjadikan daerah ini sebagai suri tauladan (*role model*) bagi pembakaran tenaga elektrik menggunakan tenaga suria (*solar*). Begitu jua dalam sektor pengangkutan awam yang mesra alam sekali gus mengukuhkan lagi Daerah Temburong sebagai suri tauladan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola menyentuh perkembangan syiar Islam, dakwah dan pendidikan di daerah ini, seperti yang dimaklumi pembinaan sebuah Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan pembinaan semula bangunan Sekolah Menengah Sultan Hassan dalam pelaksanaan termasuklah juga pembinaan Pusat Kegiatan Agama Islam, Sekolah Ugama Senukoh, pembinaan masjid baharu turut diambil perhatian berat.

Dalam memelihara kesihatan dan kesejahteraan rakyat Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam kini telah mempunyai klinik flu tersendiri sejak pandemik wabak *COVID-19,* perkhidmatan khas paramedik dan perkhidmatan ambulans 24 jam sehari, di samping perkhidmatan pakar perubatan yang didatangkan dari Bandar Seri Begawan.

Kesejahteraan dan kebajikan rakyat sangat diambil berat bukan sahaja oleh pihak berwajib, malah melalui institusi penghulu mukim dan kampung, iaitu Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Jabatan Daerah, pertubuhan awam dan kebajikan dapat kita saksikan di daerah ini.

Daerah Temburong terkenal dengan "Satu Kampung dan Satu Produk" yang menghasilkan beberapa produk yang berasaskan makanan, kraftangan, pelancongan dan lain-lain, yang diusahakan oleh Jawatankuasa MPMK yang terdiri daripada biro wanita, belia serta ibu tunggal dan warga emas yang dalam masa yang sama dapat membantu dan memberikan pendapatan sampingan dan meningkatkan perekonomian serta menampung sara hidup mereka.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada semua pihak terutama kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, syarikat-syarikat swasta termasuklah pemimpin-pemimpin masyarakat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang memberi inisiatif dan usaha yang berterusan serta sumbangan yang diberikan selama ini kepada Daerah Temburong dalam sama-sama mendukung dan menyokong apa jua

inisiatif dan usaha pihak berkepentingan bagi kemajuan dan pembangunan Daerah Temburong إِنْ شَاءَ ٱللهُ .

kaola pun berharap kepada rakyat dan penduduk di daerah ini khasnya akan menyambut baik dan mengambil kesempatan serta peluang dari projek-projek yang dilaksanakan ikut serta bersama-sama dalam arus pembangunan dan permodenan Daerah 'Permata Hijau'.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan ini marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ supaya raja kita dan keluarga baginda, pembesar-pembesar negara, pemimpin-pemimpin masyarakat dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ selamat dari wabak penyakit khasnya wabak *COVID-19* serta selamat di dunia lebih-lebih lagi selamat di akhirat. آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ.

Sebelum mengakhiri kaola ingin meninggalkan beberpa buah pantun:

Tuan puteri pergi berkelah,
Pulang semula sebelah pagi,
Kita bertemu akhirnya berpisah,
Diizinkan الله bersua lagi.

Orang Mentiri mengail tenggiri,
Tenggiri dijual dalam pekan,
Kami yang pergi mohon diri,
Silap dan salah mohon maafkan.

Orang menebang pokok Salam,
Daunnya gugur habis ditutuh,
Akhir kalam penutup salam,
Dipanjatkan doa
وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita berbalik kepada Ahli-Ahli yang akan membuat kenyataan ataupun membuat penangguhan secara *virtual*. Kita persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kerana dengan izin-Nya jua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun bersidang dengan jayanya.

Kaola turut bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan rahmat-Nya jua persepakatan telah pun dapat dicapai dalam semua perkara khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 bagi semua kementerian-kementerian. Semoga dengan berkat serta rahmatأَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua akan dapat membolehkan Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan rancangan pembangunan negara dengan teratur dan berjaya untuk meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial serta menjamin kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam sidang yang mulia ini, kaola ingin merakamkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya atas peluang yang telah diberikan untuk abiskaola sama-sama mengikuti mesyuarat yang penuh bermakna ini. Meskipun kaola tidak dapat hadir secara fizikal, namun kaola masih tetap mengikutinya dengan secara dalam talian dan masih diberikan peluang untuk turut sama bercambah fikiran dalam menyampaikan pandangan dan cadangan walau ada halangan dan gangguan.

Inilah kecanggihan, kemudahan yang ada pada hari ini. Era teknologi digital yang telah membawa pelbagai perubahan. Tidak hairanlah aplikasi-aplikasi media sosial semakin melonjak popular dalam kalangan anak-anak muda kitani sehingga golongan dewasa dan veteran jauh ketinggalan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola percaya perkembangan teknologi digital akan terus bergerak maju apatah lagi pada saat global mengalami fenomena pandemik *COVID-19.* Penularan wabak *COVID-19* ini sebenarnya membolehkan kita untuk menilai semula dasar yang telah dilaksanakan. Ke arah ini, kaola berharap negara akan menyahut cabaran untuk melakar masa hadapan melalui agenda digitalisasi yang holistik dan mampan. Kita tidak boleh tertinggal dengan perubahan semasa terutama pascapandemik yang menuntut agar kerajaan mempercepatkan proses transformasi digital bagi membina ekonomi yang berdaya tahan selain transformasi digital sistem perkhidmatan awam, sosial, perniagaan dan keusahawanan.

Kaola percaya transformasi sistem kewangan Islam ke arah ini akan membolehkan pengendalian instrumen-instrumen konsep Syariah Islam dengan lebih efektif dan cekap yang akhirnya mampu menggerak dan mengukuhkan ekonomi negara. Seperti ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, bahawa negara masih mengalami defisit.

Bertepatanlah dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar semua projek yang disenaraikan untuk dikendalikan dengan berhemah dan berdisiplin dengan berprinsipkan *'Doing More with Less'.*

Kaola menyeru agar setiap jabatan mengambil peluang ini untuk turut mengoptimumkan sumber manusia, menambah baik proses kerja pengurusan kewangan yang cekap tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan iaitu:

"cekap berbelanja, jimat hasilnya, bijak mengurus, cemerlang hasilnya".

Sebelumnya Ucapan Penangguhan penutup kaola ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan pihak yang terlibat.

Sekian sahaja dahulu dari kaola dalam Ucapan Penangguhan ini. Kaola ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan sepanjang mengikuti persidangan Majlis ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Semoga kod *BruHealth* Pengiran akan cepat berubah menjadi hijau. Kita persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan kaola untuk memberikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh dan menyambut baik peruntukan Belanjawan yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Melalui peluang diberikan ini kaola ingin dahulu merafakkan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan lantikan kepada kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sepanjang kaola dilantik sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, sudah dapat dilihat banyak kemajuan dari sudut pembangunan di negara ini. Kaola sangat-sangat berbesar hati kerana telah diberikan kepercayaan menyampaikan buah fikiran dalam sama-sama membantu membangun Negara Brunei Darussalam dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai usaha meningkatkan penghasilan produk-produk tempatan yang sedia ada di negara ini, kaola menyeru orang-orang yang terlibat supaya akan dapat meningkatkan hasil produk-produk kampung mereka masing-masing dan berusaha meningkatkan kualiti produk yang dijual kepada para pembeli. Ini termasuklah meningkatkan sokongan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam usaha mengembangkan 'Satu Kampung Satu Produk'. Pada masa ini, sudah banyak pameran dan promosi produk-produk yang dihasilkan dari kampung masing-masing sesuai perkembangan

semasa bagi menjana pendapatan serta membuka peluang pekerjaan kepada warga tempatan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum kaola mengundur diri kaola tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kaola bercakap dan memberi pandangan untuk berbincang mengenai Peruntukan Belanjawan Tahun 2022/2023. Semoga semua perbincangan dapat diteliti secara mendalam dan diambil tindakan susulannya sewajarnya. Juga tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga atas agensi-agensi kerajaan dan swasta yang telah menyokong dan membantu menaik taraf pembangunan negara dari segi semua aspek untuk memastikan kesejahteraan rakyat di negara ini amnya.

Dengan ini juga kaola mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan dan pemedulian Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sokongan dan kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat setentunya telah meningkatkan kualiti perkhidmatan pihak kerajaan ke arah untuk memastikan Negara Brunei Darussalam terus berkembang pesat.

Sebelum kaola mengundur diri izinkan kaola menyampaikan serangkai pantun:

Madah diungkap santun bicara,
Pantun dilantun mengusik hati,
Salah dan silap tutur bicara,
Mohon ampun seikhlas hati.

Daun selasih permainan budak,
Bunga melur berbau wangi,
Bertaut kasih bercerai tidak,
Panjang umur berjumpa lagi.

Sekian, terima kasih Yang Behormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua, negara kita ini masih sahaja dapat menikmati keamanan dan kemakmuran serta seterusnya membangun dengan berkat dan daulat kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan penuh tulus ikhlas mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan Yang

Berhormat Yang Di-Pertua memimpin permuzakarahan sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di Peringkat Jawatankuasa dapat dijalankan dengan lancar dan memuaskan dalam suasana harmoni.

Terima kasih juga dan tahniah kaola ucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat yang cekap mengatur perjalanan permesyuaratan kita pada tahun ini baik secara fiizikal mahupun secara maya *(virtual).* Ini membuktikan kita dapat mengadaptasi penggunaan teknologi bagi memastikan persidangan pada tahun ini dapat sahaja diadakan dan dilaksanakan dengan jayanya, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ.

Ucapan penghargaan juga kaola tujukan kepada rakan-rakan sejawatan Yang Berhormat Menteri-Menteri serta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dengan tulus ikhlas mengetengahkan isu-isu yang menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini dan cadangan atau saranan terutama bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Segala saranan dan cadangan tersebut akan diteliti dengan mendalam dan holistik mengikut keutamaan, selaras dengan usaha-usaha Jabatan Perdana Menteri untuk mencapai pembangunan yang mampan, berdaya tahan dan untuk kepentingan bagi masa depan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengutarakan beberapa perkara yang kaola fikirkan penting untuk sentiasa diambil ingatan dan perhatian, selesai sahaja kita bersidang di Dewan yang mulia ini.

Pertama, seperti Ucapan Pengangguhan kaola pada permesyuaratan tahun lalu bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai identiti yang unik iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Dalam hal ini, apa jua perancangan negara mestilah berpaksikan kepada MIB. Identiti ini jugalah menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi satu-satunya negara yang entitinya mantap.

Sepertimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-32 tahun, tahun 2016. Titah baginda berbunyi:

"…dalam merancang dan bertindak juga memerlukan 'dasar' yang jelas, bukan sesuka hati sahaja. Dasar kita di negara ini ialah MIB. Maka semua rancangan dan tindakan mestilah berlandaskan MIB…".

Dalam hal ini, segala perancangan dasar dan peraturan termasuk dalam pengemaskinian dan pelaksanaan serta penentuan hala tuju akan sentiasa berpandukan dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) untuk diamalkan dan

dilaksanakan dalam sistem pentadbiran kerajaan bagi kesejahteraan negara dan rakyat.

Kedua, mengenai isu yang berkaitan integriti bagi pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam. Perkara ini sememangnya diambil serius oleh pihak kerajaan dan sejak dari dahulu lagi kitani telah mempunyai Peraturan-Peraturan Am 1961, Surat-Surat Keliling yang mengawal selia warga perkhidmatan awam, etika kerja dan sebagainya.

Dalam hal ini saranan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai ikrar atau lebih kuat lagi sumpah pegawai dan kakitangan kerajaan adalah disambut baik. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam akan merancang tatacara pelaksanaan yang difikirkan bersesuaian sebagai tambahan kepada peraturan-peraturan yang sedia ada.

Ketiga, mengenai '*talent retention*' dalam perkhidmatan awam seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Sepertimana rakan kaola, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyatakan bahawa setiap kementerian telah disediakan peruntukan yang besar bagi peningkatan kemahiran kapasiti bagi warga perkhidmatan awam.

Jabatan Perdana Menteri telah dan sedang giat melaksanakan Program Memperkasa Kepimpinan iaitu *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)* sebagai salah satu subinisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam yang mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 di samping memastikan perancangan penggantian *(succession planning)* dalam perkhidmatan awam dilaksanakan. *CSLP* bertujuan mengenal pasti, membangun kompetensi dan mengekalkan pegawai-pegawai yang berkeupayaan, berkualiti dan berkebolehan meningkatkan prestasi organisasi untuk menjadi pemimpin-pemimpin masa hadapan. Program ini adalah usaha berterusan untuk menyediakan dan mempersiapkan para pegawai kerajaan untuk menjawat jawatan-jawatan yang lebih tinggi lagi bagi menjayakan Program Penggantian Dalam Perkhidmatan Awam.

Jabatan Perdana Menteri melalui Insititut Perkhidmatan Awam (IPA) akan terus menerus menyediakan program-program yang bersesuaian selaras dengan analisis keperluan latihan atau *training needs analysis*. Mengenai saranan untuk diteliti tangga gaji dalam perkhidmatan awam, perkara ini perlu dilihat secara holistik dan difikirkan secara mendalam kerana ia akan memberikan impak kepada kewangan negara dan jua sektor swasta sendiri, malah impak yang menyeluruh kepada masyarakat secara umum.

Pada masa ini kitani semua menggalakkan orang-orang kitani khusus bagi para pencari kerja untuk bekerja

dengan sektor swasta dan tidak hanya bergantung untuk mencari pekerjaaan dengan pihak kerajaan yang semakin terhad. Apa yang penting ialah program atau projek yang strategik untuk dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti warga perkhidmatan awam yang efisien dan efektif dan dapat menyumbangkan hasil kepada kerajaan.

Terakhir yang keempat, keamanan, keharmonian dan kestabilan negara. Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan dan mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan. Ini termasuklah dalam meningkatkan kerja-kerja pembanterasan jenayah dan pengukuhan keupayaan agensi-agensi berkepentingan dalam mengendalikan krisis-krisis nasional dan merentas sempadan. Peranan menjaga keamanan dan keharmonian ini bukan hanya terletak di bahu agensi-agensi keselamatan, tetapi juga tanggungjawab kita semua.

Kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin-pemimin akar umbi, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, serta masyarakat dalam memberikan maklumat bagi membanteras jenayah sangat-sangat dikehendaki dan dihargai kerana maklumat-maklumat tersebut telah banyak membantu pihak berkuasa sehingga beberapa kes jenayah telah dapat dibanteras dan ditumpaskan.

Manakala saranan beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai Jabatan Radio Televisyen Brunei, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ia akan diteliti mengikut kesesuaian bagi memastikan rancangan-rancangan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei menepati cita rasa orang ramai dan relevan. Apa yang penting kaola ingin menekankan bahawa segala rancangan TV dan radio yang hendak disiarkan perlulah berlandaskan mengikut tatasusila kebruneian dan kesesuaiannya sebelum ia disiarkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengalu-alukan lebih banyak pandangan bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi sama-sama membantu pihak kerajaan untuk menjana ekonomi, pendapatan negara meningkatkan kualiti perkhidmatan lain.

Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola ini, ingin kaola sampaikan beberapa buah pantun untuk renungan dan serapan jiwa kitani. Sebenarnya pantun-pantun ini sebahagian besarnya sepatutnya kaola sampaikan semasa membuka perbahasan mengenai Peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya tetapi disebabkan kaola telah dikenakan

Perintah kuarantin *(QO)* sehingga tidak dapat menyampaikan ucapan mukadimah tersebut. Walau bagaimanapun kaola mengambil kesempatan ingin mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada rakan kaola yang mulia dan dikasihi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang telah pun berbesar hati menggantikan kaola dalam menyampaikan ucapan mukadimah dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Pantun kaola adalah seperti yang berikut:

Limau kapas limau purut,
Menanak nasi jangan hangus,
Berjimat-jimat nafsu jangan diturut,
Biar cangkik jangan sampai putus.

Permata intan sutera berkain,
Tilam pualam di atas kaca,*It's not about how much we spend,*
Rather about how much we save for our future.

Oleh itu,

Walaupun harga minyak tinggi melangit,
Berjimat cermat mestilah diamalkan,
Janganlah jadi apabila mendengar
guruh di langit,
Air di tempayan habis tumpahkan.

Pengantin perempuan mandi berlangir,
Pengantin lelaki berseri muka,
Pukulan hadrah gegak gempita,
Persidangan kitani sekejap
lagi akan berakhir,
Jangantah kitani merasa duka,
إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ rahmat لله sentiasa bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sudahi Ucapan Penangguhan kaola ini dengan doa:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَأَدْخِلْنَا الجَنَّةَ مَعَ ٱلأَبْرَارِ ,يَا عَزِيْزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَا لَمِيْنَ

Kaola menutup ucapan persidangan ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah pun disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kali Kelapan Belas telah selesai dengan selamat dan sempurna.

Meskipun kita masih berhadapan dengan situasi wabak *Covid-19*. Persidangan kali ini juga telah dapat memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan untuk mengikuti perbahasan dan perbincangan di Dewan yang mulia ini secara *virtual.*

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan yang ikhlas atas kerjasama yang telah diberikan kerana kita telah dapat melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diadakan selama 7 hari dalam suasana

yang penuh harmoni, muhibah dan saling menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan khusus kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan dan pengiringnya, semua pegawai dan kakitangan termasuk mereka yang ditugaskan dari beberapa buah kementerian dan jabatan termasuk Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan dan Kementerian Kesihatan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang diberikan dalam menyediakan pelbagai keperluan logistik sepanjang permesyuaratan yang kita adakan ini.

Saya juga ingin menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis 23 Rejab 1443 bersamaan 24 Februari 2022 dan seterusnya baginda telah berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Dalam pemerhatian saya persidangan kali ini telah dapat sedikit sebanyak menjunjung apa yang tersirat dalam kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi berkenaan, iaitu sebagai wadah strategik untuk membahaskan perkara-perkara yang berkebajikan untuk rakyat dan negara. Saya kira bertepatan dan seterusnya cadangan dan buah fikiran yang disampaikan di Dewan ini diberikan penelitian lanjut mengenai kesesuaiannya sebagai menambah baik proses, usaha dan insiatif yang telah dan akan dilaksanakan di kementerian-kementerian berkenaan.

Akhirnya, kita turut mendoakan agar mereka yang terkesan oleh wabak *COVID-19* dikurniakan kesembuhan sepenuhnya oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, semoga negara kita, Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini akan sentiasa selamat daripada segala kemudaratan disebabkan oleh wabak *COVID-19* ini serta mendapat rahmat dan perlindungan daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ .

Dengan ucapan yang ringkas ini saya kira kita telah pun mengambil masa yang panjang pada pagi ini dan saya mengucapkan banyak-banyak memohon maaf kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana berbuat sedemikian.

Maka mengikut Peruntukan 35 (1) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya. Walau bagaimanapun, secara positifnya

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kita akan bertemu dan berjumpa lagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)